

LAMPIRAN I

SENARAI PENUH TEKS BERITA POLITIK DALAM KORPUS DATA

- (TU 001) Penyatuan Melayu azam 2001 -- PM: Jangan anggap tumpuan UMNO ini mahu menentang pihak lain.
- (TU 002) UMNO mengorak langkah -- Cadang format pertemuan tiga presiden dan berbentuk sidang kemuncak.
- (TU 003) Hamid Othman letak jawatan menteri.
- (TU 004) TPM: Tindakan Suqui satu kemenangan kepada rakyat.
- (TU 005) Rasmi Pas setuju -- Terima undangan UMNO ke arah usaha penyatuan Melayu
- (TU 006) Pak Lah: Batalkan debat -- ‘Ia akan menimbulkan masalah dan menggagalkan pertemuan tiga presiden’.
- (TU 007) Keadilan tolak pelawaan -- Perbicangan penyatuan orang Melayu hanya antara UMNO dengan Pas.
- (TU 008) Pas tetap bersemuka - Fadzil.
- (TU 009) PM sahkan rombak kabinet -- Pengumuman akan dibuat dalam masa terdekat.
- (TU 010) Dr. M: UMNO akan teruskan perbincangan dengan Pas.
- (TU 011) Bukan sandiwara – Fadzil -- Pelawaan UMNO kepada Pas bincang perpaduan Melayu perkara serius.
- (TU 012) MT bincangkan hari ini -- Isu penutupan pusat Asasi Sains Universiti Malaya.

- (TU 013) MT serahkan kepada Dr. M -- Keputusan tentukan kedudukan Pusat Asasi Sains Universiti Malaya.
- (TU 014) Ucapan Goh tidak wajar -- Tiga pemimpin UMNO suarakan rasa tersinggung terhadap PM Singapura.
- (TU 015) Kemelut istana - kerajaan negeri kian mengelirukan.
- (TU 016) SUK minta semua akur penjelasan istana Kelantan.
- (TU 017) Megawati Presiden menanti Indonesia?
- (TU 018) Nik Aziz kena tunjuk sebab -- Istana Kelantan keluar surat beri tempoh 14 hari untuk dijawab.
- (TU 019) Pas Pusat sokong pindaan -- Usaha Kelantan kurangkan campur tangan Sultan dalam pentadbiran negeri.
- (TU 020) Penyokong Gus Dur serang tiga pejabat parti politik.
- (TU 021) Rombakan pemimpin MCA dalam kerajaan?
- (TU 022) UMNO-PAS optimis rundingan penyatuan Melayu jadi kenyataan.
- (TU 023) Perlembagaan dipinda -- Nik Aziz : Kerajaan Kelantan terima tuntutan Pas Pusat.
- (TU 024) Menghasut: Marina Yusof didenda RM5,000.
- (TU 025) UMNO, Pas bertemu 19 Feb. -- PM : Bincang apa saja tajuk berkaitan dengan penyatuan Melayu.
- (TU 026) Hisahammuddin akui hampir semua pemimpin pelajar tentang kerajaan.
- (TU 027) Pertemuan kesempatan sampaikan hasrat rakyat -Fadzil.
- (TU 028) Pertemuan UMNO - Pas menjadi tanda tanya.

- (TU 029) PM: Pertemuan UMNO - Pas penting.
- (TU 030) Pas tangguh pertemuan -- Kami mahu isu Harakah, royalti minyak dipenuhi terlebih dahulu - Fadzil.
- (TU 031) PM: Generasi muda perlu pupuk semangat patriotisme.
- (TU 032) UMNO mahu terus berunding -- Walaupun Pas letakkan beberapa syarat sebelum pertemuan.
- (TU 033) UMNO mungkin bangkit isu mengkafir.
- (TU 034) PM: UMNO sedia bincang apa saja dengan Pas.
- (TU 035) Pertemuan makin sukar - Fadzil.
- (TU 036) Dr. Ling: Kami ada masalah -- Pengakuan terbuka Presiden MCA mengenai kemelut dengan timbalannya.
- (TU 037) UMNO larang kempen guna media massa.
- (TU 038) Gilir KM mungkin dimansuh -- Tiga perempat pemimpin Barisan Nasional Sabah bersetuju.
- (TU 039) Indonesia bertindak agresif kawal keganasan di Kalimantan .
- (TU 040) Pembangkang rancang demonstrasi setiap minggu.
- (TU 041) Pas Terengganu batalkan program Korban Perdana.
- (TU 042) Pemuda UMNO tersinggung dengan kenyataan Najib.
- (TU 043) 'Kami mahu guling kerajaan' -- Ketua Pemuda Keadilan mengaku rancang demonstrasi jalan setiap hari.
- (TU 044) Keadilan takut demokrasi -- Mereka rancang demonstrasi kerana percaya dapat sokongan asing -PM.

- (TU 045) Demonstrasi jalanan: Polis akan bertindak tegas.
- (TU 046) Polis tahan Ezam -- untuk siasatan setelah mengaku merancang demonstrasi jalanan
- (TU 047) PM: Peluang pertemuan UMNO-Pas hanya 50-50.
- (TU 048) Polis dapatkan perintah reman Ezam hari ini.
- (TU 049) Hak asasi: Pemuda mahu AS lihat diri sendiri.
- (TU 050) UMNO letak 4 agenda -- PM: Penting dibincang dengan Pas demi kepentingan Melayu.
- (TU 051) Pas tambah prasyarat -- Anggap empat agenda PM semalam sebagai tanda ‘bukan perkara baru’.
- (TU 052) Jangan guna nama saya raih sokongan - Dr M.
- (TU 053) Pemuda desak hentikan pujuk Pas berunding.
- (TU 054) Ceramah umum dilarang -- Polis tahan dua lelaki disyaki penyebar khabar angin.
- (TU 055) Ezam dituduh menyebut perkataan menghasut.
- (TU 056) Fitnah: Polis buat laporan -- Ekoran pembangkang pertikai angka kematian pergaduhan.
- (TU 057) Khabar angin sengaja disebar -- Pembangkang harap berlaku rusuhan agar kerajaan dapat digulingkan - PM.
- (TU 058) Tiada jaminan ahli Pas masuk syurga - Nik Aziz.
- (TU 059) Chong Ketua Menteri baru Sabah.
- (TU 060) Pas tentang usaha gugur perkataan ‘Islam’.

- (TU 061) Boleh guna perkataan Islam -- Majlis Raja-Raja tidak halang penggunaan oleh pertubuhan atau parti politik.
- (TU 062) Pas tidak pernah dakwa undi mereka masuk syurga.
- (TU 063) Pas perlu tolak Amanat Hadi -- Buat secara rasmi sebagai tanda ikhlas tidak pernah kafirkhan ahli UMNO - Najib.
- (TU 064) Pengerusi Majlis Fatwa dituduh cuba gugur perkataan Islam.
- (TU 065) PM mahu rakyat teruskan kerjasama perkukuh perpaduan.
- (TU 066) Pas pertahan Amanat Hadi -- Fadzil: Buktikan kandungan ucapannya bercanggah ajaran Islam.
- (TU 067) Hadi boleh didakwa jika amanat punca perpecahan.
- (TU 068) UMNO Terengganu ada bukti Amanat Hadi menyeleweng.
- (TU 069) Enggan tarik Amanat Hadi bukti Pas menyeleweng.
- (TU 070) PM: Pas cuba perdaya Cina -- Sehingga Nik Aziz sanggup temui tauke-tauke di Bukit Pelandok.
- (TU 071) Pegawai kedutaan Amerika hadiri pertemuan sulit Keadilan.
- (TU 072) Sah fauzi letak jawatan -- Serah surat berkuat kuasa semalam kepada Setiausaha Politik MB Pahang.
- (TU 073) Tian Chua akui taklimat kepada diplomat asing.
- (TU 074) Dua diplomat AS hadir taklimat bukan Malott.
- (TU 075) UMNO tubuh jawatankuasa khas siasat tuduhan Fauzi.
- (TU 076) Khalil tidak perlu bercuti kerana laporan polis.

- (TU 077) Hadi sedia bermuzakarah mengenai amanatnya.
- (TU 078) Polis serah laporan Fauzi kepada BPR.
- (TU 079) Campur tangan asing -- Diplomat tidak wajar hadiri taklimat tertutup Keadilan - Syed Hamid.
- (TU 080) Punca Dr. M tentang Pas - 'Peminpin parti itu mahu gagalkan kemajuan umat Islam'.
- (TU 081) Erra Fazira mungkin dilantik Exco Puteri UMNO.
- (TU 082) Lima ditahan bawah ISA -- Disyaki berkomplot rancang demonstrasi jalanan secara besar-besaran.
- (TU 083) Pakatan sulit reformasi -- Polis dedah rancangan cetus demonstrasi militan besar-besaran.
- (TU 084) PM: Penahanan ISA wajar -- Polis ada bukti bahan letupan mahu diguna dalam demonstrasi Sabtu ini.
- (TU 085) Polis bertanggungjawab soal keselamatan, bukan Suhakam.
- (TU 086) 'Jangan sertai Black 14' -- Polis beri amaran bertindak tegas terhadap peserta perhimpunan.
- (TU 087) Rekod hak asasi baik -- Laporan pertama Suhakam yang akan dibawa ke Dewan Rakyat 19 April.
- (TU 088) Pas antiperpaduan Melayu -- TPM: Masih berdolak-dalik mengenai pertemuan penyatuan bangsa.
- (TU 089) Megat, Aziz Shamsuddin, Mahadzir Khir tewas.
- (TU 090) PM: Saksi dilindungi -- Undang-undang dikaji dalam usaha galakkan orang ramai beri keterangan.

- (TU 091) 16 termasuk ketua bahagian UMNO kena tunjuk sebab.
- (TU 092) Konsulat kita di Pontianak diarah tutup serta-merta.
- (TU 093) Kerajaan tidak semestinya terima pandangan Suhakam.
- (TU 094) PM: Daim cuti dua bulan -- Jawatan tidak perlu dipangku, Nazri Aziz wakili Kementerian Kewangan.
- (TU 095) Badrulamin ditahan bawah ISA.
- (TU 096) PM: Terlalu kaya dilarang -- Bertanding merebut jawatan-jawatan penting dalam UMNO.
- (TU 097) Kaya: Manifestasi kekecewaan PM.
- (TU 098) Lokman aktivis reformasi ke-9 ditahan bawah ISA.
- (TU 099) ISA: Mahkamah tolak permohonan bebaskan lima aktivis reformasi.
- (TU 100) Badaruddin aktivis ke-10 ditahan bawah ISA.
- (TB 101) Pertahankan formula perpaduan: PM.
- (TB 102) Bersatu bukan untuk bermusuh.
- (TB 103) Tiga pemimpin bersemuka - Format perpaduan Melayu.
- (TB 104) Abim sokong pertemuan tiga pemimpin.
- (TB 105) Hentikan debat: Pak Lah.
- (TB 106) Megawati bukan cari sokongan.
- (TB 107) Keputusan pilihan raya Thailand ditangguh.
- (TB 108) Tanah Israel pecah dua - Clinton syor sebahagian kawasan milik Palestin.

- (TB 109) Keadilan tolak pertemuan perpaduan Melayu.
- (TB 110) Perdana Menteri akan rombak kabinet.
- (TB 111) Musyawarah cara terbaik capai perpaduan Melayu.
- (TB 112) Umno, Pas setuju bincang format mesyuarat.
- (TB 113) Perbezaan pendapat tidak jejas perbincangan.
- (TB 114) Tiada Kementerian baru - Rombakan Kabinet sebelum Tahun Baru Cina.
- (TB 115) Samsudin KSN baru.
- (TB 116) Shahrizat Menteri Wanita - Abdul Hamid dilantik Menteri di Jabatan Perdana Menteri.
- (TB 117) Asia Timur perlu formula sendiri : PM.
- (TB 118) Peralihan pucuk pimpinan muda.
- (TB 119) Tiada kaum dapat semua.
- (TB 120) Samy Vellu pelawa Pandithan masuk MIC.
- (TB 121) Pas tetap muzakarah.
- (TB 122) Gus Dur sedia 100 peguam.
- (TB 123) Pak Lah kesal kritik parti pada perhimpunan.
- (TB 124) Istana minta penjelasan - Kerajaan Kelantan diberi 14 hari nyatakan pendirian.
- (TB 125) Nik Aziz anggap isu ‘kemuncup’.
- (TB 126) PM baru Israel sukarkan proses damai.

- (TB 127) Umno, Pas setuju perkara asas rundingan.
- (TB 128) Hasutan: Marina didapati bersalah.
- (TB 129) Perbincangan terbuka Umno, PAS 19 Februari.
- (TB 130) Nik Aziz hargai keikhlasan PM.
- (TB 131) Pertahan konsep BN: Pak Lah.
- (TB 132) Gilir KM: Mahathir jumpa pemimpin.
- (TB 133) Soal kalah menang tidak timbul.
- (TB 134) Umno sedia bincang apa saja.
- (TB 135) Mahathir enggan ulas pertemuan Pas-Umno.
- (TB 136) Pas tangguh pertemuan - Tiga syarat baru dimajukan kepada Umno.
- (TB 137) Pelbagai pihak kecewa Pas tangguh pertemuan.
- (TB 138) Umno terima surat penangguhan Pas.
- (TB 139) Umno kaji syarat Pas.
- (TB 140) Bincang apa saja jika Pas tiada syarat.
- (TB 141) MT belum pilih ketua Puteri Umno.
- (TB 142) Dr. M mahu BN Sarawak kerjasama.
- (TB 143) BPR boleh ambil tindakan terhadap politik wang.
- (TB 144) Mesyuarat teknikal ketiga Umno, Pas minggu depan.
- (TB 145) Keadilan tidak peduli keselamatan negara: PM.

- (TB 146) Demonstrasi jalanan gugat kestabilan negara.
- (TB 147) Tiada permohonan suaka politik Estrada.
- (TB 148) Pertemuan Umno-Pas demi kepentingan Melayu.
- (TB 149) Nik Aziz anggap matlamat pertemuan bawa kebaikan.
- (TB 150) Tiada motif politik: PM - Hanya perbincangan mengenai isu kepentingan Melayu.
- (TB 151) Demonstrasi: PM mahu rakyat nyatakan pendirian.
- (TB 152) Mohamad Ezam dituduh menghasut.
- (TB 153) Selangor haramkan perhimpunan.
- (TB 154) Pembangkang, laman web disiasat - Pertikai angka rasmi korban pergaduhan.
- (TB 155) Pas perlu nyatakan pendirian.
- (TB 156) Chong Kah Kiat KM baru Sabah.
- (TB 157) Pas sengaja berhelah elak pertemuan.
- (TB 158) Gus Dur letak jawatan.
- (TB 159) Jangan keliru rakyat - Majlis Raja-Raja tetapkan syarat guna perkataan Islam.
- (TB 160) Anggota jawatankuasa teknikal Umno-Pas ditambah.
- (TB 161) Hadi Awang enggan tarik balik amanat.
- (TB 162) Salleh, Ghapur, Kurup serta Kabinet Sabah.
- (TB 163) Fauzi akan letak jawatan Adun Beserah.

- (TB 164) Jangan timbul masalah - Nasihat Dr M kepada ahli Umno tidak dapat pencalonan.
- (TB 165) Umno siasat dakwaan Fauzi - Semua pihak diminta bekerjasama dengan memberi bukti jelas.
- (TB 166) Azalina Ketua Penaja Puteri Umno.
- (TB 167) Empat anggotai badan khas siasatan.
- (TB 168) Pas sedia perjelas Amanat Haji Hadi.
- (TB 169) 91 menang Ketua Umno bahagian tanpa tanding.
- (TB 170) Pendekatan baru jayakan pertemuan Umno-Pas.
- (TB 171) Naib ketua Umno Kuantan disoal.
- (TB 172) Nasib Melayu akan jadi seperti di Singapura.
- (TB 173) Wang ihsan: PM sudah jangka tohmahan Pas.
- (TB 174) Bush sambut baik harapan PM.
- (TB 175) Hak ramai lebih penting - Tindakan tahan tujuh aktivis reformasi mengikut ISA.
- (TB 176) Rancang bawa rakyat Indonesia gugat negara - Pak Lah dedah komplot kumpulan reformasi.
- (TB 177) Penahanan mengikut ISA elak keganasan.
- (TB 178) Abdul Aziz, Megat Junid tewas.
- (TB 179) Pas anggap wang ihsan pendidikan royalti.
- (TB 180) MT setuju lapor BPR - Selain tindakan disiplin Parti kerana politik wang.
- (TB 181) Amanat Haji Hadi: Pas dakwa tidak tahu keputusan Majlis Fatwa.
- (TB 182) Pemimpin kaya tidak boleh tanding: Dr M - Pemilihan peringkat bahagian, cawangan Umno.

- (TB 183) Kelantan, Terengganu diarah warta fatwa.
- (TB 184) Panel khas kumpul bukti - Panggil saksi kemuka maklumat 'Amanat Hadi Awang'.
- (TB 185) Rahim Tamby Chik, Abu Zahar tewas di Melaka.
- (TB 186) Melaka cadang denda, penjara, jika ajar 'Amanat Hadi'.
- (TB 187) Penahanan ISA sah - Mahkamah tolak permohonan lima aktivis reformasi.
- (TB 188) Enam bersalah - Guna politik wang dalam pemilihan Umno.
- (TB 189) Penyokong larikan peti undi, bunuh polis.
- (TB 190) Kit Siang boleh dikenakan tindakan undang-undang; Rais.
- (TB 191) Bukan pilih kasih - Kaum ketinggalan arus pembangunan perlu bantuan: PM.
- (TB 192) Hanya Cina ahli Akar diterima serta Umno.
- (TB 193) Terlalu awal untuk tentukan kedudukan dalam Kabinet: Daim .
- (TB 194) 6,000 Cina, Sinho boleh serta Umno.
- (TB 195) Zainol tidak akan letak jawatan Exco.
- (TB 196) Zainol letak jawatan Exco.
- (TB 197) Kerusi Parlimen, negeri mungkin bertambah.
- (TB 198) Kata dua Gus Dur - Megawati mesti terima cadangan adakan kompromi politik.
- (TB 199) Chua persoal ambil alih Nanyang.
- (TB 200) Ratusan penyokong Gus Dur ditahan.

TU 003

06/01/2001

Hamid Othman letak jawatan menteri

Oleh SAIFULIZAM MOHAMAD

PUTRAJAYA 5 Jan. - Datuk Paduka Dr. Abdul Hamid Othman hari ini mengumumkan peletakan jawatannya sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Pada sidang akhbar di pejabatnya di sini, beliau memberitahu surat peletakan jawatan telah diserahkan kepada Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sebelum Perdana Menteri berlepas untuk lawatan kerja ke Myanmar, Rabu lepas.

Bagaimanapun, Abdul Hamid berkata, beliau mengekalkan jawatannya dalam UMNO iaitu sebagai ahli Majlis Tertinggi (MT), Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kedah dan Ketua UMNO Bahagian Sik.

"Setakat ini Perdana Menteri belum lagi memberi maklum balas mengenai surat peletakan jawatan saya itu. Mungkin beliau akan memberi reaksi selepas balik dari Myanmar.

"Apa yang penting, tujuan saya meletakkan jawatan adalah untuk menumpukan sepenuhnya dalam usaha memulihkan pemikiran dan menyatukan kembali masyarakat Islam di negara ini, dan bukannya masalah kesihatan," katanya.

Semalam, Abdul Hamid membayangkan kepada anggota jawatankuasa UMNO Bahagian Sik yang diketuainya bahawa beliau antara menteri yang akan terlibat dalam rombakan kabinet tidak lama lagi.

Utusan baru-baru ini menyiarkan laporan memetik sumber bahawa kemungkinan rombakan kabinet akan berlaku dalam tempoh terdekat ini.

Apabila ditanya lebih lanjut tentang sebab beliau meletakkan jawatan, Abdul Hamid berkata, beliau memerlukan lebih banyak masa bertujuan untuk bergerak aktif di peringkat akar umbi bagi menangani kekeliruan dan penyelewengan agama di kalangan umat Islam.

"Yang paling malang sekali umat Islam di negara ini telah disogok oleh pihak tertentu mengenai pemisahan antara fardu ain dan fardu kifayah hingga menyebabkan berlaku pemecahan pemikiran umat Islam hingga menimbulkan tohmah-tohmah di luar garisan syarak."

"Saya berpendapat usaha untuk membetulkan semula trend ini perlu ditangani secara khusus dan bersungguh-sungguh kerana ia amat berbahaya."

"Jadi, saya terpaksa mengorbankan jawatan ini agar saya dapat berkecimpung sepenuhnya dalam usaha ini tidak kira secara rasmi ataupun tidak," katanya.

Beliau berkata, dalam menguruskan hal ehwal Islam terdapat dua tugas penting iaitu tugas pembangunan pentadbiran, pengurusan dan penyebaran Islam.

Kedua ialah memastikan kekuatan dan kesejahteraan umat Islam sentiasa terjamin dan tidak dirosakkan oleh mana-mana pihak, tambahnya.

Beliau berkata, sebagai menteri adalah sukar baginya untuk melibatkan diri sepenuhnya dalam tugas yang kedua itu.

"Sebagai menteri, saya terpaksa menumpukan perhatian sepenuhnya terhadap pembangunan dan pentadbiran agama Islam serta kerja-kerja rasmi kerajaan."

Misalnya seminar di Johor, saya terpaksa mengambil masa satu setengah hari untuk acara selama dua jam begitu juga dengan mesyuarat," katanya.

Justeru, beliau telah memohon agar Perdana Menteri melantik seorang yang lain bagi menjalankan kerja-kerja rasmi kerajaan dan Hal Ehwal Islam.

Mengenai status tugas yang akan dibuatnya nanti, beliau berkata: "Segala gerak kerja, konsep bagi tugas yang kedua itu telah ada cuma ia belum dipanjangkan kepada pihak berkenaan."

Abdul Hamid telah berkhidmat selama 16 tahun di Jabatan Perdana Menteri - enam tahun sebagai Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Islam dan 10 tahun sebagai timbalan menteri dan menteri.

Anak kelahiran Sik, Kedah ini merupakan bekas guru dan pensyarah dalam bidang keagamaan sebelum aktif dalam arena politik.

Dilahirkan pada 21 Julai 1937, Abdul Hamid bertanding pertama kali pada pilih raya umum 1990 selepas meletakkan jawatan sebagai Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Islam di Jabatan Perdana Menteri.

Pada pilihan raya itu, Abdul Hamid memenangi kerusi Parlimen kawasan Sik dengan mengalahkan calon Semangat 46, Datuk Zainol Abidin Johari dengan majoriti 8,329 undi.

Abdul Hamid, 63, yang mempunyai kelulusan Sarjana dalam bidang Syariah dari Universiti Al-Azhar pada 1962, dan Ph.D dalam bidang yang sama dari Universiti St. Andrew, Scotland pada 1976, kemudian dilantik Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 26 Oktober 1990.

Beliau juga pernah menjadi pensyarah Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia (1976-1977), Pengetua Maktab Perguruan Islam (1977-1981), Pengarah Pendidikan Islam Kementerian Pendidikan (1981 - 1984) dan Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri (JPM) dari 1984 hingga 1990.

Kerjaya politiknya dilihat semakin menyinar apabila berjaya mengekalkan kerusi Parlimen Sik pada pilihan raya umum 1995 dan kemudiannya dilantik sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Bagaimanapun pada pilihan raya umum 29 November 1999, beliau gagal mempertahankan kerusi Parlimen Sik apabila ditewaskan dengan majoriti tipis oleh calon Pas, Prof. Datuk Shahnon Ahmad.

Abdul Hamid memperoleh 13,026 undi manakala Shahnon mendapat 13,504 undi.

Beliau bagaimanapun dilantik sebagai senator pada 13 Disember tahun yang sama untuk membolehkannya menganggotai semula kabinet sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Abdul Hamid mendirikan rumah tangga dengan Datin Jamilah Mohd. Said dan dikurniakan seorang anak lelaki, Wafi Nazrin.

06/01/2001

TPM: Tindakan Suqiu satu kemenangan kepada rakyat

KUALA LUMPUR 5 Jan. - Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata tindakan Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Persatuan-Persatuan Cina (Suqiu) menarik balik tuntutan yang mempertikaikan hak dan keistimewaan orang Melayu merupakan satu kemenangan bagi rakyat Malaysia.

Ketika bercakap kepada para editor kanan di pejabatnya di sini hari ini, Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata pengguguran tuntutan itu bermakna ketegangan kaum yang dicetuskan sejak tuntutan itu dibuat telah berakhir.

"Sebenarnya dalam hal ini, tidak ada pihak yang menang atau kalah, yang menang adalah rakyat Malaysia yang mahu supaya hubungan berbaik-baik antara kaum di negara ini terus dikekalkan untuk menjamin keamanan dan kestabilan negara kita," katanya.

Abdullah berkata demikian sebagai reaksi kepada pengumuman bersama oleh Suqiu dan Pergerakan Pemuda UMNO hari ini bahawa ekoran beberapa perbincangan antara kedua-dua pihak, Suqiu bersetuju menarik balik tujuh daripada 83 tuntutannya yang mempertikaikan hak dan keistimewaan orang Melayu.

Tujuh tuntutan berkenaan dibantah keras oleh pertubuhan-pertubuhan Melayu, terutama Pergerakan Pemuda UMNO dan Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) yang menganggap hak dan keistimewaan orang Melayu tidak boleh dirunding kerana telah termaktub dalam perlembagaan negara.

Abdullah berkata cara isu berhubung tuntutan itu diselesaikan adalah selaras dengan "cara Malaysia menyelesaikan masalah" yang menyaksikan negara berjaya mengatasi pelbagai masalah walupun membabitkan perkara-perkara sensitif seperti perhubungan antara kaum.

"Kejayaan yang diperoleh menunjukkan bahawa jika pendekatan musyawarah digunakan dan semangat hormat menghormati dan kesungguhan untuk menjalinkan persefahaman itu dicapai, maka tidak ada perkara yang sensitif, tidak ada masalah yang tidak dapat diselesaikan," katanya.

Menurut Abdullah, Pergerakan Pemuda UMNO dan Suqiu telah mengadakan empat siri perbincangan yang memakan masa selama 26 jam setelah timbulnya perbalahan antara mereka khususnya berkaitan status, kedudukan dan hak istimewa orang Melayu.

"Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kedua-dua pihak. Saya berpuas hati, bukan senang nak mencapai segala-galanya, tidak ada pihak yang terlibat dalam perundingan atau perbincangan yang akan mendapat seratus peratus daripada apa yang menjadi tuntutan mereka.

"Dan saya harap setelah semuanya selesai, kedua-dua pihak menunjukkan keikhlasan dan berpegang kepada apa juga yang telah menjadi perjanjian antara mereka," katanya.

Abdullah berkata, yang penting ialah adanya penyelesaian yang dapat diterima oleh kedua-dua pihak.

"Itu yang penting. dan penyelesaian itu mestilah menepati dengan apa yang dihasrat oleh rakyat supaya perbalahan diberhentikan dan faktor-faktor penting yang ada hubung kait dengan kedudukan bumiputera dalam perlembagaan dan hak istimewa itu diambil kira," tambah beliau.

Mengenai tuntutan lain oleh Suqiu, yang mewakili 2,500 persatuan dan kumpulan kepentingan Cina, dalam petisyennya mengandungi 83 perkara, Abdullah berkata 'kebanyakannya daripada 76 perkara lain juga mencerminkan perhatian kerajaan seperti kemiskinan, rasuah, perumahan kos rendah, hak asasi manusia, alam sekitar, demokrasi, perpaduan nasional, keadilan sosial dan ekonomi serta profesionalisme polis dan isu-isu berkenaan ditangani oleh kerajaan.

Beliau menarik perhatian kepada penubuhan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suhakam) yang diketuai oleh bekas Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Musa Hitam sebagai contoh komitmen kerajaan untuk memperbaiki amalan hak asasi manusia di negara ini.

"Ini bukan sesuatu yang ganjil. Isu-isu ini ditangani secara berterusan oleh kerajaan. Sudah tentu, tidak ada dasar kerajaan yang diterima sepenuhnya oleh semua".

"Hakikat bahawa kita mengadakan pilihan raya bebas dan adil melalui peti undi tidak dipertikaikan oleh sesiapa. Yang dipertikaikan oleh parti-parti pembangkang ialah cuma perkara-perkara seperti penggunaan media kerajaan secara adil seperti televisyen," kata beliau.

Menjawab satu soalan, Timbalan Perdana Menteri berkata kumpulan-kumpulan lain yang mempunyai masalah yang sama perlu mengambil sikap untuk mengetepikan tuntutan-tuntutan yang boleh menimbulkan rasa tidak senang hati mana-mana kumpulan.

Mengenai rancangan GPMS untuk mengadakan perhimpunan di beberapa negeri bagi menyatakan pendiriannya membantah tuntutan Suqiu itu, Abdullah berkata pada waktu ini ia boleh dianggap sudah selesai kerana mereka mahu supaya Suqiu mengambil tindakan untuk menarik balik tuntutan yang tidak disenangi oleh GPMS.

"Saya ingat (penyelesaian yang dicapai) sudah memenuhi apa yang dikehendaki GPMS. Maka dengan itu tidak ada apa lagi sebab untuk GPMS bertindak dalam hal berkaitan dengan Suqiu itu," katanya.

GPMS dijadual mengadakan perhimpunan pertama seumpama itu di Kuala Terengganu esok dan beberapa tempat yang lain setelah ia memberi kata putus kepada Suqiu agar menarik balik tuntutan itu sebelum 14 Jan. -

Bernama

07/01/2001

Rasmi Pas setuju -- Terima undangan UMNO ke arah usaha penyatuan Melayu

Oleh JOHARDY IBRAHIM

KUALA LUMPUR 6 Jan. - Jawatankuasa Pas Pusat hari ini mencapai persetujuan bagi menyahut undangan UMNO untuk duduk berbincang mengenai usaha-usaha penyatuan Melayu.

Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor berkata, beliau akan menjawab surat Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bagi mengesahkan Pas bersetuju untuk berbincang.

Katanya, Setiausaha Agung Pas, Nasharuddin Mat Esa dilantik mengetuai jawatankuasa teknikal untuk berunding dengan UMNO dan Parti Keadilan Nasional bagi membincang masa, tempat dan cara perbincangan.

Bagaimanapun ujar beliau, Pas merasakan tempat paling sesuai untuk matlamat itu ialah di Parlimen.

"Pas bersetuju format pertemuan diadakan secara sidang kemuncak iaitu ketua parti dan delegasi perwakilan.

"Ini supaya kita akan dapat lebih peluang mendengar pandangan yang lebih banyak dan luas daripada perwakilan dari ketiga-tiga parti mengenai isu yang dicadangkan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mempergerusikan mesyuarat khas jawatankuasa itu di Markas Tarbiyah Pas, Gombak dekat sini.

Mesyuarat khas itu dihadiri oleh semua anggota jawatankuasa tertinggi itu dan beberapa wakil rakyat Pas kecuali Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat.

Pada sebelah petang, Pas turut mengadakan majlis rumah terbuka Aidilfitri yang memberi peluang para ahli beramah mesra dengan para pemimpin Pas.

Jawatankuasa tertinggi parti itu yang bermesyuarat hampir empat jam itu diadakan berikutkan undangan UMNO untuk berbincang dengan Pas dan Keadilan mengenai usaha penyatuan orang Melayu, pada Rabu lalu.

Timbalan Presiden UMNO, Datuk Abdullah Ahmad Badawi berkata, dua format pertemuan dicadangkan iaitu pertemuan di antara ketiga-tiga presiden parti.

Satu lagi format yang dicadangkan ialah pertemuan enam mata di antara Dr. Mahathir, Fadzil dan Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail itu akan membolehkan pemimpin tertinggi ketiga-tiga parti bersemuka dan berbincang secara terus.

Fadzil berkata, Pas tetap bertegas mahu skop perbincangan lebih meluas dan tidak tertumpu kepada soal penyatuan Melayu sahaja.

"Pas berpendapat masalah perpecahan di kalangan orang Melayu sebenarnya tidak berlaku.

"Apa yang berlaku ialah satu peralihan sokongan dan perubahan sikap yang ditunjukkan oleh orang Melayu yang majoritinya dulu penyokong UMNO dan sekarang berubah menyokong Parti Pas atau Keadilan," katanya.

Oleh itu ujarnya, skop mestilah lebih luas daripada berbincang hal satu kaum bagi mencari satu penyelesaian demi kepentingan nasional.

Fadzil menambah, tidak wajar mengamalkan budaya membincang hal satu-satu kaum kerana Malaysia adalah negara yang mempunyai berbilang kaum.

"Ia akan membuat kaum-kaum lain akan berbuat begitu dan tidak akan menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh negara," ujarnya.

Sementara itu Nasharuddin yang juga Ahli Parlimen Yan ketika ditemui berkata, bagi Pas, Melayu tidak berpecah dan 'jika hendak berbincang, kita bincang isu lain sekali'.

"Kalau UMNO tidak bersetuju untuk berbincang isu lain, kita tak pergilah..." katanya.

Parti Keadilan Nasional pula dijangka bermesyuarat mengenai undangan UMNO itu pada Isnin ini.

09/01/2001

Keadilan tolak pelawaan -- Perbincangan penyatuan orang Melayu hanya antara UMNO dengan Pas

Oleh ZULKIFLI JALIL dan NORAINI ABDUL RAZAK

KUALA LUMPUR 8 Jan. - Majlis Pimpinan Tertinggi (MPT) Parti Keadilan Nasional (Keadilan) hari ini menolak pelawaan UMNO untuk duduk semeja bagi membincangkan penyatuan orang Melayu.

Perkembangan yang dianggap mengejutkan itu diputuskan selepas mereka bermesyuarat selama tiga setengah jam di ibu pejabat parti berkenaan di sini.

Sebelum ini pucuk pimpinan Keadilan pada dasarnya menyatakan hasrat untuk menyertai perbincangan itu yang akan turut disertai oleh Pas.

Presiden Keadilan, Datin Seri Dr. Wan Azizah Ismail berkata, keputusan itu dibuat kerana Keadilan berkeyakinan isu yang disandarkan atas premis perpecahan orang Melayu berlaku kerana anjakan sokongan kaum pribumi itu dari UMNO kepada pakatan pembangkang.

Keadilan menolak pelawaan Perdana Menteri untuk berbincang isu yang disandarkan atas premis perpecahan orang Melayu kerana yakin bahawa apa yang berlaku ialah anjakan sokongan orang Melayu dari UMNO kepada barisan pembangkang, menurutnya dalam kenyataan yang difaksikan kepada Utusan petang ini.

Penolakan Keadilan itu secara tidak langsung menjelaskan usaha menyatukan semula orang Melayu selepas Pas mengumumkan kesediaannya kelmarin untuk menyertai perbincangan yang melibatkan parti pemerintah dan parti pembangkang Melayu negara ini.

Pejabat pihak sebelum ini mengharapkan pertemuan tiga presiden itu akan menjadi kenyataan demi penyatuan semula Melayu yang selama ini bertelingkah akibat perbezaan politik dan ideologi.

Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor yang mengumumkan persetujuan parti itu duduk semeja dengan UMNO kelmarin meletakkan syarat supaya skop perbincangan diperluaskan kepada isu-isu nasional tanpa terhad kepada isu penyatuan Melayu.

Menurut Dr. Wan Azizah, dalam mesyuarat itu MPT Keadilan telah membincangkan secara menyeluruh isi kandungan surat jemputan Perdana Menteri kepada beliau pada 2 Januari lalu.

Katanya, isu utama yang perlu ditangani sekarang ini ialah krisis keyakinan terhadap pucuk pimpinan negara, isu rasuah, keganasan polis, pengurusan ekonomi yang lemah dan sistem kehakiman yang dibolosi kuasa eksekutif.

"Keadilan bersetuju supaya isu-isu utama negara ini mendapat perhatian yang segera daripada semua pihak," katanya.

Dr. Wan Azizah menegaskan, sebagai parti berbilang kaum, Keadilan sentiasa mengambil sikap terbuka untuk menjamin keharmonian dan kesejahteraan rakyat Malaysia.

Berbanding Pas yang memanggil sidang akhbar untuk mengumumkan pendirian mereka, Keadilan hanya menghantar kenyataan parti itu menerusi faksimili kepada pihak media.

Malah, Setiausaha Agung Keadilan, Mohd. Annuar Tahir semasa mesyuarat tersebut berlangsung memaklumkan kepada pemberita yang menunggu di ibu pejabat parti itu petang ini bahawa kenyataan tersebut akan hanya difaksikan kepada pihak media esok.

Perbincangan penyatuan Melayu yang diumumkan oleh Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi baru-baru ini meliputi dua format iaitu pertemuan enam mata melibatkan ketiga-tiga Presiden UMNO, Pas dan Keadilan atau mengadakannya secara sidang kemuncak membabitkan anggota delegasi termasuk tiga presiden masing-masing.

Pas yang mengkaji format itu kelmarin menyetujui format kedua dengan Fadzil akan disertai oleh beberapa perwakilan Pas.

TU 008

09/01/2001

Pas tetap bersemuka - Fadzil

Oleh YUSRI SAHAT

KUALA LUMPUR 8 Jan. - Pas tetap dengan keputusannya untuk bersemuka dengan UMNO bagi membincangkan penyatuan Melayu walaupun sekutunya, Parti Keadilan Nasional (Keadilan) menolak pelawaan parti pemerintah itu.

Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor berkata, keputusan Keadilan tersebut tidak ada kaitan dengan Pas yang mempunyai pendirian berlainan dengan sekutunya itu.

Menurut beliau, Pas tidak akan mengikuti jalan yang dipilih oleh Keadilan yang mungkin mempunyai agenda lain di sebalik penolakan tersebut.

"Itu keputusan Keadilan dan kita menghormati pendirian yang dibuat oleh mereka," katanya kepada Utusan ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau mengulas keputusan Majlis Pimpinan Tertinggi (MPT) Keadilan yang sebulat suara menolak pelawaan Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk duduk semeja membincangkan penyatuan Melayu, hari ini.

Presiden Keadilan, Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail ketika membuat keputusan itu mendakwa, orang Melayu masih bersatu dengan alasan mereka hanya beralih sokongan daripada UMNO kepada parti lain.

Keputusan yang dibuat oleh parti pembangkang itu bercanggah dengan hasrat yang disuarakan oleh Wan Azizah sebelum ini yang bersedia untuk duduk semeja dengan UMNO bagi membincangkan perkara tersebut.

Kelman, Pas mengumumkan kesediaannya untuk menyertai perbincangan bersejarah itu dengan mencadangkan supaya skop perbincangan diperluaskan kepada persoalan-persoalan yang lebih menyeluruh tanpa terhad kepada isu penyatuan Melayu.

Mengulas lanjut mengenai keputusan Keadilan itu, Fadzil menjelaskan, Pas menerima pelawaan itu berdasarkan kepada pelawaan UMNO secara terus kepada partinya.

"Surat pelawaan itu bukan ditujukan kepada pakatan pembangkang tetapi kepada setiap parti dalam pakatan ini," jelasnya.

Sehubungan itu katanya, terpulang kepada Keadilan sama ada muhu menerima atau menolak pelawaan UMNO itu.

Beliau juga tidak menjangka keputusan pakatannya itu yang sebelum ini bersetuju pada dasarnya untuk duduk bersemuka dengan UMNO.

Beliau sekali lagi mengulangi cadangannya supaya skop perbincangan itu diperluaskan kepada isu yang lebih nasional yang juga melibatkan kaum-kaum lain.

"Itu bukan syarat tetapi hanya permintaan dan cadangan sahaja," jelasnya sambil menambah perkara itu masih boleh dibincangkan dengan UMNO.

10/01/2001

Dr. M: UMNO akan teruskan perbincangan dengan Pas

Oleh ISMAIL DAUD

SUBANG 9 Jan. - Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, UMNO akan meneruskan perbincangan penyatuan orang Melayu dengan Pas walaupun rundingan inisiatif UMNO itu ditolak oleh Parti Keadilan Nasional (Keadilan).

Presiden UMNO itu menegaskan, parti itu tidak mempunyai niat lain dalam perbincangan tersebut selain mahu mencari kata sepakat bagi mengelakkan orang Melayu berpecah-belah.

"Parti Keadilan tidak setuju, kita (UMNO) jumpa dengan Pas sahaja, tidak ada masalah."

"Kita bukannya ada niat lain...cari kata sepakat, bukan apa tidak mahu Melayu pecah-belah," kata Perdana Menteri sekembalinya dari lawatan kerja ke Myanmar di pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di sini, hari ini.

Beliau mengulas keputusan Keadilan semalam menolak pelawaan UMNO untuk duduk semeja bagi membincangkan penyatuan orang Melayu dalam pertemuan yang dicadangkan antara UMNO-Pas-Keadilan.

Perkembangan itu dianggap mengejutkan kerana pada dasarnya pucuk pimpinan Keadilan sebelum ini bersetuju menyertai perbincangan yang turut disertai oleh Pas.

Presiden Keadilan, Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail semalam berkata, keputusan itu dibuat kerana Keadilan berkeyakinan isu yang disandarkan atas isu perpecahan orang Melayu berlaku kerana anjakan sokongan kaum pribumi itu daripada UMNO kepada pakatan pembangkang.

Dalam pada itu Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor berkata, Pas tetap dengan keputusannya untuk bersemuka dengan UMNO walaupun Keadilan menolak pelawaan parti pemerintah itu.

Mengulas cadangan debat antara Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Hishammuddin Tun Hussein dan Ketua Dewan Pemuda Pas, Mahfuz Omar, Dr. Mahathir berkata, debat itu tidak perlu diadakan kerana tindakan yang penting sekarang ialah soal perbincangan antara tiga parti itu mengenai perpaduan Melayu.

"Lebih baik jumpa dahulu (UMNO-Pas-Keadilan), tak payah (debat). Nanti, macam-macam, susahkan kita mencari perpaduan," katanya.

Hasil mesyuarat Exco Pergerakan Pemuda UMNO semalam membuat keputusan untuk membatalkan rancangan berdebat dengan Pemuda Pas demi penyatuan Melayu.

Menurut Hishammuddin, sayap kanan UMNO itu berpendapat salah satu tindakan terbaik ke arah penyatuan Melayu ialah membatalkan debat yang dirancang melibatkan beliau dan Mahfuz.

22/01/2001

MT bincangkan hari ini -- Isu penutupan Pusat Asasi Sains Universiti Malaya

Oleh JOHARDY IBRAHIM

KUALA LUMPUR 21 Jan. - Isu penutupan Pusat Asasi Sains Universiti Malaya (UM) akan dibawa ke mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO di Melaka, esok, ketika meningkatnya desakan daripada pelbagai pihak agar pusat tersebut dikekalkan.

Naib Presiden UMNO, Tan Sri Muhammad Muhd. Taib berkata, beliau akan membentangkan isu itu untuk perhatian MT kerana pusat tersebut telah banyak berjasa melahirkan ramai cerdik pandai Melayu dalam bidang sains sejak mula beroperasi tahun 1977.

"Mengapa kini sewenang-wenangnya pula hendak menutup pusat itu.

"Kementerian Pendidikan diharapkan dapat mengkaji semula hasratnya itu dan wajar menunggu apa kata Perdana Menteri dalam hal ini," katanya kepada Utusan di sini, hari ini.

Muhammad mengulas kenyataan Naib Canselor UM, Profesor Datuk Dr. Anuar Zaini Md. Zain bahawa beliau tetap berpendirian pusat itu perlu ditutup walaupun Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meminta dibatalkan cadangan itu.

Dr. Anuar memberi alasan bahawa pusat tersebut terpaksa ditutup atas arahan Kementerian Pendidikan. Jika arahan penutupan itu menjadi kenyataan, ia dijangka berkuat kuasa pada April ini.

Muhammad berkata, selaku bekas pelajar UM, beliau dapat lihat sendiri kewujudan Pusat Asasi Sains itu memberi banyak faedah kepada pelajar Melayu.

"Pusat itu berupaya mendedahkan kepada pelajar Melayu deria persekitaran universiti yang mampu menghadapi pelbagai pancaroba semasa belajar," ujar beliau.

Sebelum ini beberapa pihak termasuk Timbalan Perdana Menteri, pensyarah UM, bekas pelajar dan cendekiawan Melayu meminta UM mengekalkan pusat itu yang penubuhannya pada tahun 1977 mendapat restu daripada Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Pada perkembangan yang sama, Dr. Mahathir ketika ditanya berhubung isu tersebut sekembalinya dari lawatan rasmi ke Jepun hari ini berkata, beliau akan meminta timbalannya memberi maklumat penuh berhubung isu tersebut.

Menurut Perdana Menteri, maklumat tersebut perlu diketahui sebelum apa-apa keputusan dibuat.

"Lepas itu kita tengoklah apa yang perlu dibuat," tegasnya.

Ketika ditanya kemungkinan pusat itu dikekalkan selepas timbulnya banyak desakan daripada pelbagai pihak, Perdana Menteri berkata:

"Saya nak tanya maklumat, buat apa anda tanya kemungkinan. Semua mungkin lah. Mungkin kekal, mungkin tidak."

Mengenai desakan Menteri Besar Selangor, Datuk Dr. Mohd. Khir Toyo yang kebetulan duduk di sebelahnya pada sidang media itu, Dr. Mahathir sambil tersenyum berkata:

"Dia pun lulusan universiti itu juga. Tengoklah," ujar beliau.

Mengenai lawatan rasminya ke Jepun, Dr. Mahathir menjelaskan Malaysia mahu menimbang cadangan wilayah Ohayama supaya Penerbangan Malaysia (MAS) terbang ke wilayah itu.

"Ohayama terletak dekat Osaka, bukannya Yokohama yang berdekatan Tokyo seperti yang dilaporkan oleh akhbar hari ini," katanya.

24/01/2001

Ucapan Goh tidak wajar -- Tiga pemimpin UMNO suarakan rasa tersinggung terhadap PM Singapura

Oleh: MOHD. RAMESH, MAZNAH MOHD. ARSHAD dan BAZLI ABDUL RAHMAN

KUALA LUMPUR 23 Jan. - Tiga pemimpin kanan UMNO menyifatkan kenyataan Perdana Menteri Singapura kononnya kedudukan orang Melayu di republik itu lebih baik daripada Melayu di Malaysia sebagai tidak wajar, tidak adil serta seolah-olah menggambarkan kegagalan dasar kerajaan negara ini.

Dalam reaksi berasingan, Naib Presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin Yassin, Ketua Pergerakan Pemuda, Datuk Hishammuddin Tun Hussein dan ahli Majlis Tertinggi, Datuk Abdul Ghani Othman berpendapat kemajuan orang Melayu perlu diukur dari banyak faktor, bukannya bersandarkan perangkaan tertentu sahaja.

Muhyiddin berkata, kenyataan Goh Chok Tong kelmarin cukup serius kerana perbandingan terbabit seolah-olah bertujuan menggambarkan kegagalan dasar kerajaan Malaysia dalam memajukan orang Melayu.

"Ini satu tanggapan yang cukup serius kerana di sini kerajaan Melayu, kuasa juga Melayu, tenaga yang nak membantu juga orang Melayu, kepakaran pun orang Melayu, tetapi orang Melayu tarafnya lebih rendah dari di sana," katanya di sini hari ini.

Beliau mengulas laporan Utusan hari ini yang memetik Goh sekadar menonjolkan beberapa statistik bagi mempertahankan kenyataannya bahawa orang Melayu di negara pulau itu berada di tahap lebih baik daripada orang Melayu di Malaysia.

Goh menyatakan demikian semasa berucap di hadapan 6,000 pemimpin Melayu Singapura yang menghadiri majlis meraikan ulang tahun ke-10 Goh sebagai Perdana Menteri.

Muhyiddin seterusnya berkata, 'fakta' yang dikemukakan oleh Goh tidak jelas sumber dan asasnya.

"Jadi, kita jangan cepat melatah kerana kita perlu tahu apa asas yang dia gunakan, mungkin dia guna maklumat yang dikumpulkan oleh pegawainya sendiri mengikut kriterianya sendiri.

"Kita juga perlu mentafsirkan apa yang dia maksudkan dengan 'maju', 'lebih progresif', 'lebih berjaya' kerana bagi kita kemajuan orang Melayu harus diukur dari lebih banyak faktor bukan terhad pada angka-angka sahaja," tegasnya.

Bagi kerajaan negara ini, Muhyiddin menjelaskan kejayaan orang Melayu amat meluas skopnya termasuk persekitaran, hak, budaya, ekonomi dan politik.

"Kalau nak kata ada kemajuan dari segi perangkaan semasa 10 tahun dahulu dengan sekarang mestilah ada. Tetapi dia tidak jelaskan kedudukan kaum lain yang mungkin telah bergerak lebih jauh lagi," jelasnya.

Hishammuddin pula berkata, tindakan Goh itu secara sengaja atau sebaliknya telah mempertikaikan pencapaian kaum bumiputera di Malaysia.

"Perbandingan yang dibuat berdasarkan 400,000 penduduk Melayu Singapura di kawasan bandar dengan 13.5 juta bumiputera di Malaysia, di bandar dan pedalaman, adalah tidak wajar dan tidak seimbang sama sekali," katanya dalam kenyataan di sini.

Beliau yang juga Menteri Belia dan Sukan menegaskan dasar-dasar kerajaan Malaysia sejak merdeka lagi telah terbukti berjaya meningkatkan tahap pencapaian rakyat bumiputera.

Katanya, jika Pemuda UMNO ingin mempersoalkan pencapaian Melayu di Singapura, kerajaan republik itu perlu memperjelaskan beberapa perkara berhubung keikhlasan memperjuangkan nasib Melayu di negara itu termasuk:

- * Tahap pemilikan ekuiti di kalangan bumiputera di Malaysia berbanding orang Melayu di Singapura;

- * Peratusan jawatan tertinggi/utama yang dipegang oleh bumiputera dalam sektor kerajaan Malaysia berbanding Melayu di Singapura.

- * Peratusan jawatan tertinggi/utama yang dipegang oleh bumiputera dalam entiti strategik seperti ketenteraan dan polis di Malaysia berbanding Melayu di Singapura;

- * Peratusan usahawan bumiputera yang dilahirkan di Malaysia berbanding Melayu di Singapura.

Hishammuddin turut berharap kerajaan Singapura akan bersikap lebih peka dan bertanggungjawab dalam menjaga hubungan dua hala Malaysia-Singapura.

Di JOHOR BAHRU, Abdul Ghani menegaskan orang Melayu di negara ini menikmati kualiti hidup lebih baik daripada orang Melayu di Singapura.

"Ini kerana pencapaian yang dicapai oleh orang Melayu di negara ini adalah menyeluruh, baik dalam bidang ilmu pengetahuan, kemudahan hidup, kekayaan harta-benda serta kekayaan budayanya," katanya sambil menyifatkan Goh telah membuat perbandingan secara tidak adil.

Justeru, soal kedudukan dan kemajuan serta kualiti hidup yang dicapai oleh orang Melayu Singapura tidak boleh dibandingkan dengan apa yang dicapai oleh orang Melayu di negara ini, kata Abdul Ghani yang juga Menteri Besar Johor kepada pemberita selepas meraikan 296 bakal haji rombongan kerajaan Johor.

TU 015

01/02/2001

Kemelut istana - kerajaan negeri kian mengelirukan

Oleh: NORLIZA ABD. RAHMAN

KOTA BHARU 31 Jan. - Kemelut antara istana dan kerajaan negeri berhubung isu permohonan tanah semakin mengelirukan hari ini apabila kedua-dua pihak mengeluarkan kenyataan bercanggah antara satu sama lain.

Perkembangan terbaru ini ekoran kenyataan istana yang sekali lagi menafikan ada menerima atau membuat sebarang permohonan tanah seperti yang dimaklumkan melalui surat jawapan bertulis yang dihantar oleh Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, semalam.

Bagaimanapun Pejabat Menteri Besar menafikan dakwaan itu dan tetap mempertahankan kenyataan yang dibuat Nik Abdul Aziz dua hari lalu bahawa permohonan Tanah Kesultanan memang wujud selepas ia dibawa oleh pegawai tinggi kerajaan negeri.

Ini terbukti apabila sebuah jawatankuasa khas ditubuhkan dengan dipengerusikan oleh Timbalan Menteri Besar, Abdul Halim Abdul Rahman dan dianggotai bersama oleh beberapa Exco dan pegawai kanan kerajaan negeri.

Setiausaha Sulit Sultan, Serpudin Mohamad dalam satu sidang akhbar khas hari ini berkata, pihak istana sedang menimbang mengambil tindakan terhadap pihak-pihak tertentu yang sebelum ini mendakwa penarikan balik darjah dan bintang kebesaran terhadap dua Exco kanan ada kaitan dengan permohonan tanah.

Menurutnya, jawapan Nik Abdul Aziz itu membuktikan kenyataan pihak-pihak tertentu sebelum ini sebagai tidak benar, fitnah dan mengelirukan orang ramai.

Beliau yang bertindak di bawah Fasal XV(I) Perlembagaan Tubuh Kerajaan Negeri Kelantan, telah menulis surat meminta jawapan bertulis daripada Nik Abdul Aziz pada 29 Januari berhubung beberapa soalan.

Soalannya ialah ``adakah pernah pada bila-bila masa sebelum 7 Januari 2001 sultan di atas batang tubuh baginda memohon kepada Datuk Menteri selaku Menteri Besar atau kepada mana-mana Exco kerajaan negeri yang lain mendapat tanah di bawah The Sultanate Land.

Jawapannya: Tuanku Sultan di atas batang tubuh baginda sehingga dan sebelum 7 Januari 2001 belum pernah memohon dan mendapat tanah di bawah The Sultanate Land sama ada daripada Menteri Besar atau Exco.

“Kini jelaslah kenyataan pihak-pihak tertentu yang mengaitkan penarikan balik darjah kebesaran terhadap dua Exco dengan permohonan tanah oleh pihak istana adalah tidak benar, fitnah dan mengelirukan orang ramai.

Pihak kami sedang menimbang tindakan seterusnya,’’ katanya.

Sekumpulan wartawan yang hadir pada sidang akhbar itu bagaimanapun tidak dibenarkan bertanya sebarang soalan sebaliknya hanya diberikan kenyataan akhbar.

Sementara itu Setiausaha Politik Menteri Besar, Annual Bakri Haron dalam sidang akhbar balasnya berkata, jawapan yang diberikan oleh pihak istana itu hanya sebahagian sahaja daripada jawapan sebenar yang diberikan oleh Nik Abdul Aziz.

"Pejabat Menteri Besar memang ada menerima permohonan tanah melalui satu memorandum yang dibawa kepadanya oleh sekumpulan pegawai kerajaan negeri tetapi perkara itu tidak pula disebut oleh pihak istana seperti yang dinyatakan oleh Nik Abdul Aziz," katanya.

Beliau berkata, permohonan tanah itu telah dikemukakan kepada Nik Abdul Aziz sebelum pilihan raya umum 1999 tetapi tidak pula menyatakan dengan tepat siapakah pegawai tinggi yang dimaksudkan.

"Timbalan Menteri Besar, Abdul Halim Abdul Rahman yang dilantik sebagai pengurus jawatankuasa tersebut telah beberapa kali bermesyuarat dan ini disahkan sendiri oleh Takiyuddin Hassan (Exco).

"Nik Abdul Aziz menganggap ia bertaraf permohonan kerana lengkap dengan kertas kerja (memorandum). Kalau tidak ada kertas kerja buat apa beliau arah tubuhkan jawatankuasa untuk buat kajian," jelas beliau.

Menurutnya, konsep tanah yang dibincangkan itu merangkumi beberapa perkara seperti bentuk projek yang dicadangkan, berapa hektar yang dipohon, berapa penting projek itu dan kemudiannya dibahaskan.

"Jawatankuasa yang bermesyuarat itu perlu meneliti dan menilai terlebih dahulu setakat mana konkritnya cadangan ini.

"Apa yang jelas sekarang, memang tak ada permohonan dibuat atas batang tubuh sultan tetapi ia ada dibawa oleh pegawai tinggi kerajaan negeri," katanya.

Isu permohonan tanah itu timbul apabila pihak sultan menarik balik darjah kebesaran yang telah dianugerahkan kepada dua Exco kerajaan negeri, Takiyuddin dan Muhammad Daud.

Ekoran itu Dewan Pemuda Pas memberi kata dua kepada pihak istana supaya menjelaskan punca penarikan balik darjah tersebut jika alasannya bukan kerana isu permohonan tanah.

Dewan itu mengancam untuk mencadangkan pindaan perlombagaan yang melibatkan hak istimewa raja-raja serta penganjuran ceramah atau road show untuk menerangkan kepada rakyat mengenai perkara itu.

02/02/2001

SUK minta semua akur penjelasan istana Kelantan

Oleh: YULPISMAN ASLI

KOTA BHARU 1 Feb. - Setiausaha Kerajaan Kelantan, Datuk Wan Hashim Wan Daud hari ini membuat rayuan terbuka meminta agar semua pihak akur dengan penjelasan pihak istana berhubung isu penarikan balik darjah kebesaran dua Exco kanan kerajaan negeri.

Menurut beliau, semua pihak telah berpeluang memberi pandangan masing-masing berhubung isu itu sejak ia dibangkitkan seminggu lalu dan kini tiba pula masanya untuk mencari jalan penyelesaian muktamad.

Katanya, beliau dengan persetujuan Menteri Besar akan mempelawa semua pihak untuk berbincang sekali gus mencari jalan penyelesaian ke atas persoalan itu dengan semangat ukhuwah dan persaudaraan Islam.

Wan Hashim turut mengulangi komitmennya mengambil tanggungjawab penuh bersama-sama Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat selaku ketua kerajaan bagi menangani permasalahan itu dengan sebaik mungkin.

"Saya beranggapan semua pihak patut berpuas hati di atas penjelasan dan luahan perasaan masing-masing. Saya sendiri juga telah memaparkan fakta-fakta sebenar yang menjadi latar belakang terhadap wujudnya isu ini secara terbuka.

"InsyahAllah dengan persetujuan Menteri Besar saya akan mempelawa semua pihak untuk berbincang dan sekali gus menyelesaikannya dengan semangat ukhuwah dan persaudaraan Islam.

"Dengan izin Allah, jika selesai saya menyeru kepada semua pihak agar kembali kepada agenda utama untuk memajukan negeri dan memakmurkan rakyat Kelantan Darulnaim seluruhnya," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Isu permohonan tanah dikatakan timbul apabila pihak istana menarik balik darjah kebesaran yang diberikan kepada Takiyuddin Hassan, Pengerusi Jawatankuasa Pentadbiran Awam, kerajaan Tempatan dan Pembangunan Wilayah serta Muhammad Daud iaitu Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam dan Dakwah.

Ekoran itu, Dewan Pemuda Pas memberi kata dua kepada pihak istana supaya menjelaskan punca penarikan balik darjah tersebut jika alasannya bukan kerana isu permohonan tanah.

Pergerakan itu bercadang untuk membawa usul pindaan perlumbagaan yang melibatkan hak istimewa raja-raja serta penganjuran ceramah atau road show untuk menerangkan kepada rakyat mengenai perkara itu.

Semalam, kemelut antara istana dan kerajaan negeri berhubung isu permohonan tanah semakin mengelirukan apabila kedua-dua pihak mengeluarkan kenyataan bercanggah antara satu sama lain.

Perkembangan terbaru itu ekoran kenyataan istana yang sekali lagi menafikan ada menerima atau membuat sebarang permohonan tanah seperti yang dimaklumkan melalui surat jawapan bertulis yang dihantar oleh Nik Abdul Aziz.

Bagaimanapun, Pejabat Menteri Besar menafikan dakwaan itu dan tetap mempertahankan kenyataan yang dibuat Nik Aziz sebelum ini bahawa permohonan Tanah Kesultanan memang wujud selepas ia dibawa oleh pegawai tinggi kerajaan negeri.

Ini terbukti apabila sebuah jawatankuasa khas ditubuhkan dengan dipengerusikan oleh Timbalan Menteri Besar, Abdul Halim Abdul Rahman dan dianggotai beberapa Exco dan pegawai kanan kerajaan negeri.

Krisis istana dan kerajaan negeri bermula apabila darjah kebesaran kedua-dua Exco itu ditarik balik oleh pihak istana dipercayai kerana tindakan mereka membantah permohonan tanah pihak istana itu.¹

Sementara itu, Setiausaha Politik Menteri Besar, Anual Bakri Harun ketika dihubungi, mengesahkan mengenai surat tunjuk sebab itu.

"Kita sedang mengkaji isi kandungan surat itu dan meneliti kaedah untuk menjawab," kata Anual.

TU 019

08/02/2001

Pas Pusat sokong pindaan -- Usaha Kelantan kurangkan campur tangan Sultan dalam pentadbiran negeri

Oleh: YUSRI SAHAT

KUALA LUMPUR 7 Feb. - Pas Pusat menyokong sebarang usaha kerajaan Kelantan untuk meminda perlembagaan yang melibatkan fungsi raja supaya kuasanya dapat dikurangkan dalam pentadbiran negeri.

Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor berkata, usaha tersebut selaras dengan hasil muktamar tahunan Pas di Terengganu tahun lalu yang mahukan kerajaan negeri itu 'melakukan sesuatu' untuk mengurangkan campur tangan Sultan dalam urusan pentadbiran.

Menurut beliau, langkah itu wajar dilakukan bagi melonggarkan 'ikatan' yang dialami oleh kerajaan negeri akibat campur tangan pihak istana.

"Kita sentiasa memberi sokongan penuh kepada kerajaan Kelantan supaya urusan pentadbiran dapat dijalankan dengan lebih berkesan," katanya kepada Utusan ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau mengulas desakan Dewan Pemuda Pas Pusat kelmarin yang meminta kerajaan Kelantan meminda segera perlembagaan pihak istana enggan menjelaskan sebab penarikan balik darjah kebesaran dua Exco kanannya baru-baru ini.

Ketua, Mahfuz Omar berkata, langkah itu bertujuan mengurangkan campur tangan istana dalam hal ehwal pentadbiran negeri.

Desakan itu mendapat reaksi positif daripada seorang Exco kanan, Takiyuddin Hassan yang turut meminta kerajaan negeri melaksanakan pindaan perlembagaan negeri itu.

Takiyuddin berkata, langkah Kelantan yang belum meminda perlembagaan selaras dengan Jadual 8 dan Perkara 15 atau 39 Perlembagaan Persekutuan menyebabkan ia terikat dengan perlembagaan yang memerlukan 'perkenan diraja' sebelum sesuatu undang-undang dilaksanakan.

Mengulas lanjut mengenai perkara itu, Fadzil tidak menafikan campur tangan istana secara berlebihan dalam Suruhanjaya Pentadbiran Negeri (SPN) dan Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK).

Katanya, kedua-dua institusi tersebut sepatutnya berada dalam bidang kuasa kerajaan negeri.

Bagaimanapun tegasnya, Pas Pusat tidak akan mencampuri hal dalaman kerajaan Kelantan berhubung soal pindaan perlembagaan itu.

Menurutnya, terpulang kepada Menteri Besar, Datuk Nik Aziz Nik Mat dan anggota Dewan Undangan Negerinya untuk melaksanakan pindaan tersebut.

"Kita hanya mampu menasihat selaras dengan hasil muktamar yang diadakan tahun lalu," jelasnya.

Beliau juga tidak bercadang untuk bertemu dengan Nik Aziz bagi membincangkan soal tersebut.

Ditanya mengenai surat tunjuk sebab yang dikeluarkan oleh Istana Kelantan kepada Nik Aziz, Fadzil memberitahu, beliau menganggap isu tersebut adalah masalah dalaman Kelantan.

Semalam pihak istana mengeluarkan surat tunjuk sebab kepada Nik Aziz untuk memberi jawapan dalam tempoh 14 hari berhubung satu kenyataan yang mengaitkan isu penarikan darjah kebesaran dua Excoya dalam soal permohonan tanah.

Isi surat itu antara lain meminta penjelasan berhubung kenyataan akhbar Menteri Besar pada 30 Januari lalu.

Katanya, parti berkenaan sama sekali tidak dapat menerima perbuatan ganas tersebut yang dianggap amat bertentangan dengan semangat demokrasi.

"Bagaimanapun kita menasihatkan penyokong Parti Golkar bertenang dan tidak bertindak balas terhadap perbuatan penyokong-penyokong Gus Dur itu kerana mereka juga adalah saudara kita," katanya.

TU 021

09/02/2001

Rombakan pemimpin MCA dalam kerajaan?

Oleh AKMAR HISHAM MOKHLES

PETALING JAYA 8 Feb. - MCA dipercayai membuat beberapa perubahan 'drastik' melibatkan pemimpin-pemimpinnya yang memegang portfolio dalam barisan kabinet kerajaan.

Spekulasi menyebut Naib Presiden MCA yang juga Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng melepaskan jawatannya dalam kerajaan.

Tempat beliau diambil alih oleh seorang lagi Naib Presiden MCA, Datuk Chan Kong Choy yang kini merupakan Timbalan Menteri Kewangan.

Tempat Chan akan digantikan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Chor Chee Heung.

Perubahan tersebut juga dikatakan turut menyaksikan seorang muka baru MCA diserapkan ke dalam barisan kabinet.

Ini berikutan, Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat, Datuk Lim Si Cheng disebut-sebut bakal mengisi kekosongan jawatan Timbalan Menteri di Kementerian Dalam Negeri yang ditinggalkan oleh Chor.

Lim merupakan Ahli Parlimen Senai, Johor.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr. Ling Liang Sik ketika diajukan soalan mengenai perubahan tersebut dalam satu majlis di sini hari ini enggan mengia atau menidakkan perkara tersebut.

Bercakap kepada pemberita selepas mempergerusikan mesyuarat Jawatankuasa Perhubungan MCA Selangor beliau berkata, urusan pelantikan anggota parti itu ke dalam barisan kabinet adalah hak penuh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

"Biarlah kita serahkan semua perkara ini kepada Perdana Menteri," katanya.

Beliau memberitahu, parti tersebut tidak boleh mengumumkan segala tindakan yang ingin dilakukannya kepada para wartawan.

Menurutnya, Dr. Mahathir bebas membuat pilihan berhubung pelantikan kerana telah diberi mandat.

Perdana Menteri, ujar beliau, mempunyai kuasa penuh dalam soal tersebut.

Sementara itu, Chan Kong Choy yang turut serta pada sidang media itu ketika ditemui enggan memberi sebarang ulasan mengenai desas-desus kenaikan pangkatnya sebagai menteri penuh.

Beliau sebaliknya hanya tersenyum dan ketawa ketika para wartawan mengerumuninya.

10/02/2001

Perlembagaan dipinda -- Nik Aziz: Kerajaan Kelantan terima tuntutan Pas Pusat

Oleh YULPISMAN ASLI dan MOHD. KHAIRI CHE TEH

BACHOK 9 Feb. - Kerajaan Kelantan bersiap sedia untuk meminda perlembagaan negeri ini bagi mengurangkan fungsi raja dalam pentadbiran, kata Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat.

Katanya, kerajaan negeri menerima tuntutan Pas Pusat terhadap Kelantan yang mahukan perlembagaan negeri dipinda sebagaimana resolusi muktamar Pas di Kuala Terengganu, tahun lalu.

Menurut Nik Abdul Aziz, sebagai Pesuruhjaya Pas negeri, beliau bertanggungjawab melaksanakan tuntutan tersebut.

Katanya, disebabkan perkara itu (pindaan perlembagaan) mulai 'mekar', maka beliau sudah boleh membuat persiapan ke arah itu.

Nik Abdul Aziz berkata, sebelum ini beliau sengaja berdiam diri mengenai perkara itu atas pertimbangan sendiri berdasarkan beberapa faktor.

"Saya fikir kalau saya terus buat (bertindak) sejak di peringkat permulaan dulu, bermakna saya seolah-olah memetik buah yang masih putik, sekarang ia sudah ranum."

"Bila anak-anak Kelantan yang menjadi perantau terdiri dari pelbagai golongan cerdik pandai balik berhari raya menekan kerajaan supaya mesti pinda perlembagaan kita harus ambil kira. Ini bukan sebarang orang, profesor, doktor, ahli korporat dan sebagainya." kata beliau.

Nik Abdul Aziz berkata demikian ketika ditemui selepas merasmikan masjid Kampung Sri Sentosa, mukim Jejulok di sini hari ini.

Ditanya mengenai kenyataan pakar undang-undang perlembagaan, Dr. Abd. Aziz Bari bahawa perlembagaan Kelantan boleh dipinda tanpa perkenan sultan, Nik Aziz berkata, beliau sebenarnya sudah tahu lama mengenai perkara itu.

"Cuma dia tolong beritahu itu, Alhamdulillah bagi mempercepatkan ranumnya buah yang ditunggu itu," katanya.

Mengenai pendekatannya secara 'halus' menangani perkara tersebut, beliau mengakui ia memang sengaja dilakukan ibarat menarik rambut dalam tepung, supaya rambut tidak putus dan tepung tidak berserak.

Katanya, beliau mahu rakyat tidak rugi apabila pindaan itu dibuat dan beliau sebenarnya menyokong pindaan perlembagaan sewaktu Perdana Menteri kemukakannya di Parlimen pada tahun 1993 lagi kerana ia merupakan perkara baik.

"Timbul masalah kebal, mana ada manusia ini kebal (imuniti), yang kebal ini kita seorang sahaja yang kata kebal sedangkan ianya tidak wujud pun."

"Jadi, saya tak suka tengok raja saya, raja Melayu mana sekalipun hidup dengan dongeng, saya nak tengok raja Melayu Kelantan atau negeri lain hidup dengan kenyataan," ujar beliau.

Menyentuh surat tunjuk sebab dari istana yang mahukan beliau menjawab surat itu dalam tempoh 14 hari, Nik Aziz berkata:

"Itu tidak istana, Setiausaha Sulit, pegawai sahaja."

Sementara itu, Speaker, Dewan Undangan Negeri Kelantan, Wan Ab. Rahim Wan Abdullah ketika dihubungi berkata, Dewan bersedia untuk membahaskan pindaan perlembagaan jika menerima usul daripada kerajaan negeri.

"Dewan tidak ada masalah asalkan cadangan itu datang daripada kerajaan negeri," katanya.

Dewan Undangan Negeri Kelantan akan mula bersidang bagi sesi pertama tahun 2001 pada 26 Februari ini.

Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor sebelum ini menyatakan sokongan beliau ke atas sebarang usaha Kerajaan Kelantan untuk meminda perlembagaan melibatkan fungsi raja supaya kuasanya dapat dikurangkan dalam pentadbiran negeri.

Katanya, usaha tersebut selaras dengan resolusi muktamar tahunan Pas Terengganu tahun lalu yang mahukan kerajaan negeri itu 'melakukan sesuatu' untuk mengurangkan campur tangan sultan dalam urusan pentadbiran.

Sokongan Fadzil itu ekoran desakan Dewan Pemuda Pas Pusat supaya Kerajaan Kelantan meminda segera perlembagaan melibatkan hak istimewa raja-raja Melayu jika pihak istana negeri itu terus enggan menjelaskan sebab penarikan balik darjah kebesaran dua Exco kanan kerajaan, Takiyuddin Hassan dan Muhammad Daud baru-baru ini.

Ketuanya, Mahfuz Omar menegaskan, sudah tiba masanya 'cengkaman' pihak istana 'dikendurkan' supaya pentadbiran kerajaan negeri dapat diuruskan dengan lebih sempurna.

Dalam pada itu, Pengerusi Jawatankuasa Pentadbiran Awam, Kerajaan Tempatan dan Pembangunan Wilayah, Takiyuddin Hassan ketika ditemui Utusan, menjelaskan, pindaan itu berkisar kepada Perkara 15 dan 39 perlembagaan negeri berkenaan definisi 'nasihat' dan 'perkenan diraja.'

Di bawah perlembagaan itu katanya, kerajaan negeri perlu terlebih dahulu mendapatkan perkenan diraja sebelum melaksanakan sesuatu undang-undang, sedangkan sultan pula tidak semestinya menerima pakai nasihat Menteri Besar.

Pindaan itu kelak akan menyaksikan Sultan Kelantan mempunyai fungsi yang sama dengan hampir kesemua raja di negeri lain dan Yang di-Pertuan Agong di bawah Jadual Kelapan Perlembagaan Persekutuan yang menghendaki raja bertindak atas nasihat majlis ketika menjalankan tugas.

TU 024

10/02/2001

Menghasut: Marina Yusof didenda RM5,000

Oleh MOHD SHAHAR AKASHAH

BUTTERWORTH 9 Feb. - Bekas Naib Presiden Parti Keadilan Nasional (Keadilan) Marina Yusof, yang menghadapi tuduhan menghasut dalam ceramahnya pada tahun 1999 hari ini didapati bersalah oleh Mahkamah Sesyen.

Hakim Siti Mariah Ahmad kemudiannya memutuskan Marina didenda sebanyak RM5,000 atau dipenjara lima bulan.

Marina, 58, didakwa menyebut kata-kata menghasut di Chang Hua Kor Moral Uplifting Society Hall di Jalan Tanah Liat, Bukit Mertajam antara pukul 9.41 malam dan 10.08 malam pada 29 September, 1999.

Dia dituduh menyebut kata-kata menghasut iaitu: "Saya nak ingat orang Melayu, orang Cina, orang India, punca 13 Mei, puncanya ialah UMNO, UMNO yang mula membunuh orang Cina kerana UMNO di Selangor sudah kalah. Pembunuhan orang Cina dimulakan oleh UMNO, masa itu dirancang pemimpin-pemimpin UMNO dan Selangor diketuai Datuk Harun. Jadi orang Cina jangan ingat dia sokong Barisan itu bagus kerana dulu orang UMNO dalam Barisan yang membunuh orang Cina."

Dia didakwa melakukan kesalahan itu menurut Seksyen 4(1)(b) Akta Hasutan 1948 (Akta 15) dan boleh dihukum menurut Seksyen 4(1) akta yang sama dan jika sabit kesalahan, boleh didenda maksimum RM5,000 atau tiga tahun penjara atau kedua-duanya sekali.

Hakim Siti Mariah dalam penghakimannya berkata, pihak pembela gagal menimbulkan keraguan munasabah ke atas kes tersebut.

Beliau berkata, tertuduh yang merupakan seorang ahli politik yang terkenal, berpengalaman serta pintar berpidato, mengucapkan kata-kata seperti dalam pertuduhan, dalam suasana kempen politik di hadapan khalayak yang majoritinya kaum Cina - adalah mempunyai kecenderungan menghasut.

"Mahkamah berpendapat, ucapan yang sedemikian mempunyai kecenderungan bagi menyumbang atau menimbulkan perasaan jahat dan permusuhan antara Melayu dan Cina. Ia bukan satu kritikan politik bagi menjawab ucapan pemimpin negara seperti yang didakwa tetapi adalah ucapan yang jelas menghasut," katanya.

Beliau menambah, kenyataan akhbar oleh tertuduh tidak boleh menjadi pembelaan kerana kenyataan tersebut tidak relevan kepada fakta persoalan kes itu.

Marina yang ditemani beberapa pemimpin Keadilan negeri dan pusat, kemudiannya membayar denda tersebut sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur petang ini.

Pendakwaan dijalankan oleh Noorbahri Baharuddin dan Ahmad Fairuz Zainol Abidin manakala Marina diwakili Raja Aziz Addruse, Christopher Leong dan Gopal Sree Nevasa.

TU 025

11/02/2001

UMNO, Pas bertemu 19 Feb.-- PM: Bincang apa saja tajuk berkaitan dengan penyatuan Melayu

Oleh MOHD KAMIL YUSUF

KUALA LUMPUR 10 Feb. - UMNO dan Pas bersetuju mengadakan pertemuan peringkat tertinggi pada 19 Februari ini bagi membincangkan 'apa saja perkara dan tajuk' yang berkaitan dengan soal penyatuan Melayu.

Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, pertemuan yang bersejarah itu akan disertai oleh presiden kedua-dua parti selain enam wakil yang berkonsepkan bersemuka dan terbuka.

Bagaimanapun beliau berkata, masa, tempat dan format pertemuan akan ditentukan kemudian oleh kedua-dua parti.

Perkembangan positif itu diumumkan oleh Dr. Mahathir selepas mempergerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO selama tiga setengah jam di ibu pejabat parti itu, hari ini.

Pertemuan ini adalah susulan selepas perbincangan pertama jawatankuasa teknikal UMNO-Pas, Khamis lalu yang diketuai oleh Setiausaha Agung kedua-dua parti, Tan Sri Khalil Yaakob dan Nasharudin Mat Isa.

Dalam sidang akhbar selepas mesyuarat itu, Dr. Mahathir berkata:

"MT menerima tarikh (pertemuan peringkat tertinggi) yang dikemukakan oleh Pas pada 19 Februari."

Ditanya sama ada UMNO turut menerima syarat Pas supaya skop perbincangan diperluaskan kepada perpaduan nasional, Presiden UMNO itu berkata:

"Kita sedia berbincang apa juga yang hendak dibincangkan dan tajuk-tajuk yang ada kaitan dengan perpaduan Melayu."

Mengenai wakil UMNO ke pertemuan tersebut beliau berkata, ia akan ditentukan oleh Biro Politik parti itu.

Pertemuan penyatuan Melayu dibangkitkan oleh Dr. Mahathir pada 24 Disember tahun lalu dengan mempelawa Pas dan Parti Keadilan Nasional (Keadilan) duduk semeja bersama parti pemerintah itu bagi mencari jalan memantapkan lagi perpaduan Melayu.

Ia sebagai mengulas cadangan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof. Datuk Dr. Ahmad Fawzi Mohd. Basri supaya UMNO berbincang dengan Pas dan Keadilan mengenai usaha mengukuhkan Melayu.

Bagaimanapun pelawaan UMNO itu ditolak oleh Keadilan selepas mengadakan mesyuarat Majlis Pimpinan Tertinggi (MPT) khusus membincangkan perkara itu dengan alasan Keadilan bukan parti Melayu.

Menjawab soalan sama ada pertemuan itu bermakna UMNO telah menerima syarat tertentu yang ditetapkan oleh Pas, Dr. Mahathir berkata, tidak ada syarat.

Ditanya sama ada Pas ada meletakkan syarat supaya "isu royalti minyak Terengganu" turut dibincangkan dalam pertemuan tersebut, beliau berkata:

"Pertemuan adalah perbincangan terbuka".

Dr. Mahathir juga tidak menolak kemungkinan beliau sendiri akan mengetuai perwakilan UMNO pada pertemuan itu.

"Kita nampak Pas akan diketuai oleh Presiden Pas, jadi kita nak adakan sama juga dengan Pas lah," katanya.

Beliau turut ditanya sama ada UMNO akan menerima penyertaan Parti Keadilan memandangkan skop perbincangan tidak lagi terhad kepada penyatuan Melayu.

Dr. Mahathir berkata, penolakan Keadilan sebelum ini disebabkan parti itu sendiri mengakui ia bukan parti Melayu.

"Segala yang ada kaitan dengan perbincangan penyatuan Melayu, Keadilan tidak ada kena mengena.

"(Jika Keadilan hendak sertai semula) Ia kena isytiharkan sekarang ini bahawa kami sudah tukar fikiran kami, ini (Keadilan) parti Melayu... kita boleh timbanglah," katanya.

Menjawab satu soalan beliau berkata, Keadilan merupakan parti berbilang kaum dan "Naib Presidennya pun adalah Tian Chua".

Dalam pada itu ketika ditanya komennya mengenai cadangan Pas mahu meminda perlembagaan negeri Kelantan bagi mengurangkan fungsi raja dalam pentadbiran, Dr. Mahathir berkata:

"Ini masalah Kelantan, kita (UMNO) tidak mahu campur tangan".

17/02/2001

Pertemuan UMNO - Pas menjadi tanda tanya

Oleh ISMAIL DAUD

KUALA LUMPUR 16 Feb. - Mesyuarat kedua Jawatankuasa Teknikal UMNO-Pas yang dijadualkan pagi ini tetapi ditangguhkan ke sebelah petang, menimbulkan tanda tanya sama ada pertemuan penyatuan Melayu Isnin ini akan berlangsung seperti dirancang.

Tidak seperti selepas mesyuarat pertama pada 8 Februari lalu, Setiausaha Agung Pas, Nasharudin Mat Isa yang mengetuai delegasi partinya, enggan mengulas tentang hasil mesyuarat kali ini.

Beliau sebaliknya meminta pihak media hadir pada sidang akhbar Pas yang akan diadakan di Markas Tarbiah Pas Pusat di Taman Melewar, Ahad ini.

"Saya tidak mahu kata apa-apa. Kita akan adakan sidang akhbar di Taman Melewar pada pukul 3 petang Ahad," katanya ketika dihubungi.

Tarikh pertemuan UMNO dan Pas pada Isnin ini dicadangkan pada mesyuarat pertama jawatankuasa teknikal kedua-dua parti pada 8 Februari.

Mesyuarat kedua itu menjadi tumpuan media berikutan timbul beberapa perkembangan baru terutama beberapa syarat yang dikemukakan oleh Pas.

Ketika ditanya kenapa Pas meletakkan banyak syarat sehingga dilihat boleh menjelaskan semangat pertemuan itu, Nasharudin berkata, Pas berhak meletakkan syarat kerana Pas adalah pihak yang diundang.

"Orang yang masuk meminang kenalah ikut syarat orang yang dipinang. Kalau rasa syarat itu berat, tidak mengapa... (Pas) boleh cari orang lain," katanya.

Dalam sidang akhbarnya semalam, Nasharudin meletakkan syarat bahawa parti itu hanya bersedia berunding dengan UMNO jika isu yang ia bawa akan dibincangkan.

Isu-isu tersebut ialah sistem kehakiman yang menjurus kepada kes Datuk Seri Anwar Ibrahim, isu demokrasi terutama hubungan antara kerajaan Pusat dan negeri, isu ekonomi berkaitan dengan penyalahgunaan dana awam dan isu penggunaan nama Islam pada organisasi.

Selain itu, Pas akan membangkitkan isu royalti minyak kepada kerajaan Terengganu dan soal penerbitan akhbar Harakah.

Sementara itu, seorang ahli Jawatankuasa Teknikal UMNO, Datuk Dusuki Ahmad ketika dihubungi juga enggan mengulas tentang mesyuarat hari ini.

Katanya, hanya Setiausaha Agung UMNO, Tan Sri Khalil Yaakob, yang boleh memberi kenyataan kepada media berkenaan hasil mesyuarat hari ini.

Mesyuarat di Carsoca Seri Negara berlangsung selama kira-kira dua jam bermula pukul 3.30 petang.

Delegasi kedua-dua parti diketuai oleh setiausaha agung masing-masing iaitu Khalil bagi UMNO dan Nasharudin bagi Pas.

Perwakilan UMNO turut disertai Dusuki yang juga Setiausaha Politik kepada Perdana Menteri; Setiausaha Kerja UMNO, Senator Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor dan Pengurus Pentadbiran Ibu Pejabat UMNO, Abu Khamis.

Pas pula dianggotai oleh Setiausaha Politik kepada Ketua Pembangkang, Dr. Mohd. Hatta Ramli serta dua Ahli Jawatankuasa Kerja Pusat, Datuk Hishamuddin Yahya dan Dr. Wahab Ismail.

Bagaimanapun, tidak ada sebarang kenyataan dikeluarkan oleh kedua-dua belah pihak selepas pertemuan itu.

Selain tidak mahukan liputan media, adalah difahamkan kedua-dua pihak perlu melaporkan kepada biro politik parti masing-masing terlebih dahulu.

Pada sebelah pagi, wakil media yang menunggu di Carcosa Seri Negara hampa apabila tidak seorang pun ahli jawatankuasa itu muncul.

Wakil media diberitahu bahawa tidak ada sebarang tempahan untuk mesyuarat dibuat di situ pada hari ini.

Tindakan tersebut mungkin hanyalah helah untuk mengelakkan media daripada membuat liputan mengenai mesyuarat tersebut yang diadakan pada sebelah petang.

18/02/21

PM: Pertemuan UMNO-Pas penting

Oleh ISMAIL DAUD dan MARHAINI KAMARUDDIN

KUALA LUMPUR 17 Feb. - Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegaskan, partinya tetap menyifatkan pertemuan antara pemimpin tertinggi UMNO dan Pas bagi membincangkan soal perpaduan Melayu sebagai sangat penting.

Justeru, Dr. Mahathir yang juga Perdana Menteri tidak mahu wujud sebarang masalah yang boleh menggagalkan rancangan pertemuan tersebut.

Kenyataan Dr. Mahathir itu dibuat ketika pelbagai pihak mencari kepastian sama ada pertemuan yang dirancang Isnin ini, akan berjalan mengikut jadual.

Ia semakin menimbulkan tanda tanya apabila Jawatankuasa Teknikal Pas akan bermesyuarat lagi petang esok dan disusuli dengan sidang akbar bagi mengumumkan keputusan parti itu.

Selain itu, Pas meletakkan beberapa syarat yang dilihat sedikit sebanyak merumitkan keadaan di saat-saat akhir menjelang pertemuan tersebut, walaupun sebelum ini pertemuan itu seakan hampir pasti menjadi kenyataan.

Ketika ditanya sama ada UMNO bersetuju dengan pelbagai syarat yang dikemukakan oleh Pas, beliau berkata, itu tidak timbul.

"Yang penting kita bertemu. Selepas itu, bolehlah kita bercakap (tentang syarat yang dikemukakan oleh Pas itu)," katanya.

Dr. Mahathir menambah, sebarang ulasan oleh beliau mungkin akan menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan pihak-pihak tertentu.

"Saya tidak boleh komen apa-apa. Takut ada yang tidak puas hati walaupun saya cuma bagi maklumat... tidak mahu ini akan menjelaskan pertemuan," katanya selepas merasmikan Perhimpunan Literasi ICT Untuk K-Ekonomi, di Stadium Putra Bukit Jalil di sini.

Mengenai kenyataan Setiausaha Agung Pas, Nasharuddin Mat Isa yang mengumpamakan Pas sebagai dipinang oleh UMNO untuk pertemuan tersebut dan oleh itu berhak meletakkan syarat-syarat, beliau juga berkata: "Itu pun saya tidak hendak komen."

Ditanya kemungkinan syarat-syarat 'pinangan' yang dikemukakan oleh Pas akan menggagalkan 'perkahwinan' atau pertemuan itu, Dr. Mahathir berkata:

"Itu tidak tahulah... tetapi pinang, pinang jugalah."

Semalam, mesyuarat kedua Jawatankuasa Teknikal UMNO-Pas bagi membincangkan persiapan pertemuan bersejarah itu semalam, berlalu dengan kedua-dua pihak enggan mengulas hasilnya.

Setiausaha Agung Pas, Nasharuddin Mat Isa yang mengetuai delegasi partinya bagaimanapun menyatakan pihaknya akan bermesyuarat lagi bagi meneliti hasil mesyuarat kedua Jawatankuasa Teknikal UMNO-Pas itu.

Nasharuddin yang turut ditanya kenapa Pas meletakkan banyak syarat sehingga dilihat boleh menjelaskan semangat pertemuan itu berkata, Pas berhak meletakkan syarat kerana Pas adalah pihak yang diundang.

TU 031

' 19/02/2001

PM: Generasi muda perlu pupuk semangat patriotisme

Oleh AMIR SARIFUDIN

SHAH ALAM 18 Feb. - Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan generasi muda yang bakal mengambil alih kepimpinan generasi lama supaya terus memupuk semangat patriotisme bagi menghadapi ancaman budaya luar.

Perdana Menteri berkata, sebagai pewaris negara ini, generasi muda juga harus mempersiapkan diri dengan ilmu pengetahuan yang tinggi serta semangat patriotisme yang kukuh.

"Tanpa semangat patriotisme, kemungkinan negara ini satu hari nanti tidak akan wujud lagi dan hanya menjadi satu daerah yang kecil dalam dunia," katanya ketika berucap merasmikan Perhimpunan Patriotisme Alaf Baru anjuran Majlis Belia Malaysia (MBM) di Stadium Malawati di sini hari ini.

Apabila ini berlaku kata Dr. Mahathir, sukar bagi rakyat mempunyai semangat patriotisme terhadap negara kerana negara tidak wujud lagi.

Menurutnya, cabaran yang datang pada alaf baru ini amat merunsingkan kerana terdapat unsur-unsur tekanan daripada yang kuat terhadap yang lemah.

Sehubungan itu katanya, generasi muda perlu mempunyai semangat cinta kasih yang kekal dan kental kepada negara selain bersemangat setia pada negara.

Menurut Perdana Menteri, semangat patriotisme juga meliputi rasa berbangga menjadi rakyat Malaysia di samping mempunyai semangat kekitaan.

Beliau berkata, semangat patriotisme amat penting untuk membangunkan negara supaya menjadi sebuah negara yang dihormati di dunia.

Dr. Mahathir berkata, konsep dunia tanpa sempadan yang diperkenalkan pada alaf baru ini boleh menghakis identiti bangsa dan negara ini.

"Bila ini berlaku, kita rasa kita bukan jadi rakyat Malaysia lagi.

"Malah hari ini, ada usaha supaya kita lupakan bangsa dan budaya dan sudah ada rakyat Malaysia yang menerima mereka adalah warganegara dunia.

Ini sebagai bukti semangat kasih dan cinta pada negara sudah terhakis," katanya.

Hadir sama di upacara gilang-gemilang itu ialah Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali, Menteri Besar Selangor, Datuk Dr. Mohamad Khir Toyo, Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Tun Hussein dan Presiden MBM, Saifuddin Abdullah.

Perhimpunan yang dihadiri kira-kira 15,000 orang itu juga mencatatkan Malaysia Book of Records dengan pembabitan 2,020 peserta koir yang menyanyikan lagu Negaraku, Keranamu Malaysia dan Belia Malaysia.

Pada majlis yang disertai 77 badan bukan kerajaan (NGO) itu juga, seorang kanak-kanak Mohd. Taufik Sazali, 8, turut mendeklamasikan puisi patriotik.

Dr. Mahathir berkata, jika semangat patriotisme tidak dipupuk di kalangan generasi muda, negara tidak akan dapat dipertahankan dari serangan budaya luar.

Perdana Menteri mengingatkan generasi muda bahawa mereka harus sedar mengenai kesan negatif globalisasi dan tidak terus menerimanya secara bulat-bulat.

Dr. Mahathir berkata, pejuang kemerdekaan dulu berusaha untuk membebaskan negara bagi mencapai kemerdekaan daripada penjajah.

Menurutnya, kepercayaan para pejuang kemerdekaan ialah apabila bebas, mereka dapat bangunkan dan pupuk semangat patriotisme di kalangan generasi muda.

Beliau berkata, konsep globalisasi juga mengancam budaya ketimuran yang diamalkan oleh rakyat negara ini dan mempunyai nilai-nilai hidup yang murni.

"Tetapi kita diserang dan terdedah dengan budaya asing yang mempunyai nilai buruk," katanya.

Perdana Menteri berkata, tidak ada cara yang lebih berkesan untuk menangani daripada segala ancaman yang datang termasuk melalui teknologi maklumat (IT) melainkan dengan memupuk semangat patriotisme.

Beliau berkata, melalui semangat patriotisme dan membangunkan budaya, rakyat dapat memperkuat dan memperkuuhkan benteng moral yang mulia.

"Ini untuk menangkis segala hasutan dan pengaruh dengan kita menerima yang baik sahaja daripada luar."

"Semuanya ini ditentukan oleh diri kita sendiri. Kita (generasi muda) masih muda dan pupuklah budaya yang mulia. Kita perlu percaya kebolehan kita," katanya.

Pada sidang akhbar kemudiannya, Dr. Mahathir berkata, kehadiran golongan muda pada perhimpunan berkenaan membuktikan generasi muda mengambil berat mengenai masa depan mereka.

Beliau berkata, ia juga menunjukkan generasi muda prihatin dengan perjuangan masa depan mereka kepada bangsa dan negara ini.

Bagaimanapun katanya, yang dikhuatirkan sekarang ialah ada unsur-unsur asing yang sudah keterlaluan seperti muzik dan nyanyian yang menggalakkan keganasan.

"Yang jadi masalah apabila ada ibu bapa yang tidak dapat kawal anak-anak terutamanya berkenaan budaya asing," katanya.

21/02/2001

UMNO mungkin bangkit isu mengkafir

Oleh ZULKIFLI JALIL

KUALA LUMPUR 20 Feb. - UMNO dipercayai akan membangkitkan isu mengkafirkan ahlinya yang pernah dilakukan oleh Pas sebagai 'pertukaran' kepada komitmenya untuk meneliti tiga syarat yang dituntut oleh parti pembangkang itu bagi pertemuan penyatuan Melayu.

Soal sama ada parti pemerintah itu mahu Pas secara rasmi menggugurkan hukum rekaannya itu masih dikaji oleh Jawatankuasa Bertindak Biro Politik UMNO.

Sejak Timbalan Presiden Pas, Abdul Hadi Awang, membawa hukum ciptaan "Mati syahid lawan UMNO dan BN" di Bangbol Peradung, Kuala Terengganu pada 1981 dan kemudian melalui "Amanat Hadi", Pas tidak pernah mengambil sebarang daya usaha menariknya semula.

Sumber-sumber memberitahu Utusan, mesyuarat biro tersebut di Seri Perdana, Putrajaya semalam ada membincangkan secara umum beberapa harapan UMNO yang wajar diteliti oleh Pas selepas parti itu mengumumkan tuntutan-tuntutannya, kelmarin.

"Beberapa harapan UMNO termasuk berkaitan isu kafir mengkafir ada dibincang tetapi belum diputuskan oleh Biro Politik parti.

"Kemungkinan Setiausaha Agung UMNO, Tan Sri Khalil Yaakob akan membangkitkannya semasa rundingan dengan rakan sejawatannya dari Pas, Nasharudin Mat Isa nanti," kata sumber itu kepada Utusan hari ini.

Seorang lagi sumber dalaman UMNO berkata, Jawatankuasa Bertindak Biro Politik akan meneliti secara mendalam "syarat-syarat UMNO itu" bagi menjadikan pertemuan kepimpinan tertinggi kedua-dua parti dalam situasi yang adil.

"Apa pun, sebaik-baiknya kesemua syarat yang dikehendaki oleh Pas dibawa ke dalam rundingan. Pas perlu menyahut seruan UMNO untuk bertemu dahulu," katanya.

Ahad lalu Pas membuat keputusan menangguhkan pertemuannya dengan UMNO, yang dijadualkan pada 19 Februari bagi membincangkan soal penyatuan Melayu sehingga permintaan dan syarat-syaratnya dipenuhi oleh kerajaan.

Parti itu dalam tuntutannya mahu penerbitan Harakah dikembalikan dua kali seminggu dan bayaran royalti minyak kepada kerajaan Terengganu dipulangkan.

Pas juga mahu cadangan UMNO untuk menggugurkan perkataan "Islam" pada parti itu (Parti Islam SeMalaysia) ditolak.

Semalam Pengurus Majlis Fatwa Kebangsaan, Datuk Dr. Ismail Ibrahim, turut menimbulkan isu kafir-mengkafir dengan menyifatkan kewujudan budaya itu sebagai punca utama perpecahan masyarakat Islam ketika ini.

Beliau meminta pertemuan antara UMNO-Pas akan datang menyentuh isu tersebut.

Tegas Dr. Ismail: "Budaya kafir-mengkafir menyebabkan ada sesetengah masyarakat Islam yang sanggup pulau memulau sesama mereka hingga menyebabkan berlaku perpecahan."

"Saya percaya, tanpa budaya ini isu perpaduan Islam dapat diselesaikan."

Salinan Amanat Hadi mula diedarkan semasa pilihan raya kecil Selising pada September 1983.

Amanat itu berbunyi: "Saudara-saudara sekalian, percayalah kita menentang UMNO bukan kerana nama dia UMNO, kita menentang BN bukan kerana nama BN, kita menentang dia kerana dia mengekalkan perlombagaan penjajah, mengekalkan peraturan kafir, mengekalkan peraturan jahiliah, oleh kerana itulah kita menentang mereka, oleh kerana itulah kita berjuang melawan mereka.

"Percayalah saudara-saudara, perjuangan kita adalah jihad, ucapan kita adalah jihad, derma kita adalah jihad dan kerana kita berjuang dengan puak-puak ini, kalau kita mati kerana berlawan ini, mati kita adalah mati syahid, mati kita adalah mati Islam.

"Kita tidak payah masuk Yahudi, kita tidak payah masuk Kristian, kita tidak payah masuk Hindu, kita tidak payah masuk Buddha, tetapi kita menjadi kafir dengan mengatakan politik suku, agama suku."

Bagaimanapun, Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan yang bermesyuarat di Pekan, Pahang pada 19 Februari 1986 memutuskan bahawa Amanat Hadi bercanggah dengan Islam."

23/02/2001

PM: UMNO sedia bincang apa saja dengan Pas

Oleh ZULKIFLI JALIL dan MARHAINI KAMARUDDIN

KUALA LUMPUR 22 Feb. - UMNO bersedia menemui Pas bagi membincangkan penyatuan Melayu tanpa meletakkan sebarang syarat demi merealisasikan pertemuan tersebut.

Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, UMNO berpendirian pertemuan kedua-dua parti penting dan sebab itu, ia bersedia menerima syarat-syarat Pas untuk dibincangkan dalam rundingan.

Bagaimanapun, tegasnya, jika satu pihak sudah memutuskan sesuatu perkara dan memperoleh tuntutan-tuntutan mereka tanpa berunding terlebih dahulu, apa perlunya pertemuan.

"UMNO tak ada lagi nak mengehadkan perjumpaan itu kepada tajuk perpaduan Melayu atau perpaduan nasional tetapi apa sahaja boleh dibincang.

"Bagaimanapun, jika diselesaikan sebelum perbincangan, tak payah jumpalah. Yang kita nak bertemu kerana daripada pertemuan, kita yakin kita akan mendapat satu kebaikan daripadanya," katanya.

Bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO di sini, Dr. Mahathir menegaskan: "Sebenarnya, orang Melayu, macam orang Cina juga ingin melihat perselisihan yang terlalu mendalam ini dan terlalu jauh jaraknya antara parti politik ini dikurangkan supaya dengan itu keadaan politik negara lebih tenang".

Mesyuarat MT selama tiga jam hari ini membincangkan secara panjang lebar mengenai pertemuan yang dirancang antara UMNO-Pas bagi mencari jalan memantapkan lagi perpaduan Melayu.

Pertemuan kedua-dua parti yang dijadualkan Isnin lalu terpaksa ditangguhkan selepas Pas muhi permintaan dan syarat-syaratnya dipenuhi oleh kerajaan sebelum menyertai rundingan.

Parti itu, dalam tuntutannya muhi penerbitan Harakah dikembalikan dua kali seminggu dan bayaran royalti minyak kepada kerajaan Terengganu, dipulangkan.

Pas juga muhi cadangan UMNO untuk menggugurkan perkataan "Islam" pada parti itu ditolak.

Menurut Dr. Mahathir, semua berasa kecewa bila tarikh 19 Februari yang dijadualkan pertemuan itu ditangguh disebabkan pendirian Pas bahawa suasana yang sesuai perlu diwujudkan.

"Suasana sesuai yang dimaksudkan ialah Kerajaan Persekutuan memberi balik wang ihsan kepada Terengganu dan benarkan Harakah dikeluarkan lapan kali sebulan.

"Ia sebenarnya bukan bidang kuasa UMNO tetapi kerajaan. Walaupun UMNO boleh merujuk kepada kerajaan, ia adalah syarat yang memutuskan perkara-perkara sebelum perbincangan diadakan," katanya.

Menurut Dr. Mahathir, UMNO tidak menolak perbincangan perpaduan nasional kerana perpaduan Melayu adalah sebahagian perpaduan nasional.

Bagaimanapun, tegas beliau, UMNO tak berhajat menjayakan perpaduan Melayu untuk menentang bukan Melayu.

"Tidak ada niat sama sekali. Kita percaya, walaupun, kita bertemu (dengan Pas), kita tetap tidak akan membelakangkan perpaduan dalam BN," katanya.

Pada masa sama, UMNO juga sedar bahawa sistem demokrasi perlu ada pembangkang.

"Kita tak mahu hapuskan pembangkang, kerana pembangkang berguna untuk mengkritik kerajaan jika kita ada buat kesalahan.

"Sebab itu, perjumpaan ini (UMNO-Pas) bukan bertujuan untuk mencantumkan Pas dan UMNO kerana kita masih fikir Pas sebagai pembangkang memenuhi kehendak demokrasi.

Kesanggupan UMNO dalam pertemuan itu nanti, kata beliau, adalah jelas dan bersedia walaupun isu Datuk Seri Anwar Ibrahim dibangkitkan.

Sebab itu, kata beliau, Setiausaha Agung UMNO, Tan Sri Khalil Yaakob akan terus berunding dengan jawatankuasa teknikal Pas, diketuai oleh Nasharudin Mat Isa.

Menurut Dr. Mahathir lagi, pertemuan itu bukan untuk menguji kekuatan sesiapa malah jika berdasarkan keputusan pilihan raya umum 1999, kerusi yang dimenangi calon UMNO masih mengatasi Pas, iaitu 72 berbanding 27.

"Kita masih ramai penyokong, ini bukan soal tak..kuat atau sebaliknya tetapi kita berpendapat ada baiknya kita bertemu dan berbincang kerana mungkin sesuatu yang baik diperoleh akan datang," katanya.

Ditanya mengenai dakwaan Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor dalam satu ceramah di Kedah semalam yang mengibaratkan UMNO sebagai pesakit yang menemui bomoh (Pas), Dr. Mahathir berkata:

"Saya biasanya tak pergi ke bomoh, saya selalu cari doktor jika nak belah dada pun cari doktor. Jika dia nak cari bomoh tak apalah.

"Dan saya cuma respons kepada kenyataan yang dibuat oleh seorang profesor dari Universiti Utara Malaysia (UUM) supaya diadakan pertemuan antara UMNO-Pas-Keadilan. Saya jawab apa kesediaan saya tapi malangnya Keadilan cakap dia bukan parti Melayu".

Mengenai dakwaan Ketua Pemuda Pas, Mahfuz Omar yang menyamakan UMNO sebagai perompak yang sepatutnya mengembalikan dulu 'hak' Pas sebelum berunding, Dr. Mahathir enggan mengulas lanjut.

"Nak panggil saya Firaun, Mahazalim, perompak pun boleh, yang tahu adalah Tuhan. Terserah kepada Tuhan. Kalau dia (Mahfuz) tahu lebih dari saya, saya tak boleh buat apa."

Ditanya sama ada, UMNO akan membangkitkan isu mengkafirkan ahli parti itu yang pernah dibangkitkan Pas sebelum ini, beliau berkata:

"Kita boleh bincang isu kafir."

25/02/2001

Pertemuan makin sukar - Fadzil

KUALA LUMPUR 24 Feb. - Selepas lima hari pertemuan penyatuan Melayu antara UMNO dan Pas yang dijadualkan pada 19 Februari lalu tertangguh, Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor berkata, beliau tidak nampak pertemuan kedua-dua parti itu akan menjadi kenyataan.

"Terpulang kepada UMNO. Kalau dia terus berdegil enggan menunaikan tiga syarat yang kita (Pas) kehendaki, maka sukarlah (pertemuan itu hendak direalisasikan)," katanya mengulas perkembangan pertemuan yang menimbulkan persoalan besar mengenai pelaksanaannya.

Menurut Fadzil, kini terserah kepada UMNO untuk membuat pertimbangan merealisasikan syarat-syarat yang ditetapkan parti itu terlebih dahulu.

Beliau yang akan berlepas ke Mekah esok bagi menunaikan fardu haji enggan mengulas harapan UMNO supaya syarat-syarat Pas itu dibincangkan dahulu dalam rundingan.

"Kita serahkan kepada Jawatankuasa Teknikal Pas untuk berunding lagi dengan UMNO. Jika UMNO masih berdegil dengan syarat kita, sukarlah untuk bertemu," katanya ketika dihubungi Mingguan hari ini.

Majlis Tertinggi (MT) UMNO Khamis lalu menyatakan kesediaannya untuk bertemu Pas bagi membincangkan penyatuan Melayu tanpa meletakkan sebarang syarat demi merealisasikan pertemuan tersebut.

Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, UMNO berpendirian pertemuan kedua-dua parti penting dan sebab itu ia bersedia menerima syarat-syarat Pas untuk dibincangkan dalam rundingan.

Pas ketika mengumumkan penangguhan tarikh 19 Februari itu menegaskan, pihaknya akan hanya bertemu UMNO selepas permintaan dan syarat-syaratnya dipenuhi terlebih dahulu oleh kerajaan.

Parti itu dalam permintaannya mahu penerbitan Harakah dikembalikan dua kali seminggu dan bayaran royalti minyak kepada kerajaan Pas Terengganu dipulangkan.

Pas juga mahu cadangan UMNO untuk menggugurkan perkataan "Islam" pada parti itu (Parti Islam Se-Malaysia) ditolak.

TU 038

01/03/2001

Gilir KM mungkin dimansuh -- Tiga perempat pemimpin Barisan Nasional Sabah bersetuju

Oleh ZULKIFLI JALIL dan RUHAINI ABD. KADIR

KUALA LUMPUR 28 Feb. - Sistem penggiliran Ketua Menteri Sabah setiap dua tahun sekali membabitkan para pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) negeri termasuk UMNO dijangka dimansuhkan.

Beberapa pemimpin kanan BN Sabah memberitahu Utusan, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan mengumumkan tidak lama lagi keputusan yang disifatkan penganalisis politik lebih cenderung "ke arah tidak meneruskannya."

Tempoh akhir penggiliran Ketua Menteri Sabah dari bumiputera Islam, yang kini dijawat oleh Datuk Osu Sukam ialah pada pertengahan Mac ini. Jawatan itu mengikut gilirannya akan diambil alih oleh bumiputera bukan Islam.

Seorang pemimpin kanan sebuah parti komponen negeri berkata, hampir tiga perempat para pemimpin BN yang dipanggil untuk berunding dengan Dr. Mahathir mengenai formula sistem penggiliran itu di Putrajaya baru-baru ini, bersetuju supaya ia dihapuskan.

"Badan Perhubungan UMNO Sabah juga menyatakan pendirian yang sama kepada Dr. Mahathir tetapi menyerahkan mandat sepenuhnya kepada beliau untuk membuat keputusan," katanya ketika dihubungi Utusan di Kota Kinabalu hari ini.

Sementara itu, sumber dari Akar, sebuah parti komponen BN Sabah percaya sistem penggiliran Ketua Menteri yang diperkenalkan sejak 1994 itu akan dimansuhkan.

"Tempoh dua tahun bagi setiap pemimpin komponen BN memegang jawatan bukan sahaja tidak mencukupi malah melahirkan pemimpin yang lemah," katanya.

Isu penggiliran Ketua Menteri Sabah menjadi tumpuan dan topik hangat di kalangan rakyat negeri itu berikutan tempoh Osu akan berakhir.

Dr. Mahathir pada 17 Februari lalu berkata, sistem penggiliran jawatan seperti yang dilaksanakan bagi Ketua Menteri Sabah hanya melahirkan siri pemimpin yang lemah dan tidak meyakinkan.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan yang ditubuhkan oleh pemimpin berkenaan akan menjadi tidak efektif.

Tegas Dr. Mahathir: "Dengan sistem ini, kita akan dapat siri Ketua Menteri yang lemah dan tidak meyakinkan.

"Seperti di Amerika Syarikat, oleh kerana pemimpin dipilih setiap dua penggal, apa dia buat pun orang tidak peduli sebab hendak tunggu ditukar yang lain."

Dalam pada itu, seorang pemimpin kanan UMNO Sabah pula memberitahu, soal penghapusan sistem penggiliran tersebut bukan satu masalah kepada pemimpin BN Sabah.

Sebaliknya yang menjadi penghalang kini ialah berkisar dari 'aspek personaliti' pemegang jawatan.

Beliau bagaimanapun enggan mengulas lanjut apa dan siapa yang dimaksudkan berkaitan 'personaliti' tersebut.

"Mungkin pada hari ini, 'gelora' itu tidak begitu ketara tetapi jangan lupa bahawa kita bakal menghadapi pilihan raya negeri sedikit masa lagi.

"Dapatkah kita bayangkan bagaimana BN akan menghadapi pilihan raya dalam keadaan pemimpin-pemimpin komponennya bercakaran sesama mereka," katanya.

Penggiliran Ketua Menteri Sabah bermula apabila dipraktik secara spontan menerusi idea Dr. Mahathir pada 1994.

Menerusi penggiliran jawatan itu, ia memberi peluang kepada pemimpin tiga kaum utama di Sabah untuk menduduki kerusi Ketua Menteri meliputi bumiputera Islam, bumiputera bukan Islam dan Cina.

Sejarah menyaksikan penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah bermula dengan Tun Sakaran Dandai (17 Mac hingga 26 Disember 1994) dari UMNO.

Kemudian diikuti Datuk Salleh Tun Said (27 Disember 1994 hingga 27 Mei 1996) dari UMNO, Datuk Yong Teck Lee (28 Mei 1996 hingga 27 Mei 1998) dari Parti Maju Sabah (SAPP), Tan Sri Bernard Dompok (28 Mei 1998 hingga Mac 1999) dari Pertubuhan Pasok Momogun Kadazandusun Murut Bersatu (UPKO) yang dahulunya dikenali sebagai Parti Demokratik Sabah (PDS).

Seterusnya Osu mengangkat sumpah sebagai Ketua Menteri Sabah pada 20 Mac 1999 dari UMNO.

Selepas pemimpin parti-parti komponen utama BN di Sabah seperti UMNO, SAPP dan UPKO, kini hanya Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRs), Parti Liberal Demokratik (LDP) Sabah dan Angkatan Keadilan Rakyat (Akar) yang belum berpeluang untuk menduduki kerusi Ketua Menteri itu.

Majoriti pemimpin BN Sabah sebelum ini mengakui pandangan Perdana Menteri bahawa sistem penggiliran itu akan melahirkan pemimpin yang lemah.

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Sabah yang juga bekas Ketua Menteri, Salleh Tun Said Keruak mengakui memang terdapat kelemahan dalam sistem penggiliran tersebut.

Sementara Presiden PBRs, Tan Sri Joseph Kurup berkata, partinya akan akur dengan apa sahaja keputusan Perdana Menteri berhubung kedudukan perkara itu.

TU 039

01/03/2001

Indonesia bertindak agresif kawal keganasan di Kalimantan

Daripada ZULKIFLEE BAKAR

JAKARTA 28 Feb. - Polis Republik Indonesia (Polri) mula melakukan tindakan agresif bagi menamatkan konflik antara Penduduk Dayak dan Madura di Kalimantan Tengah apabila mereka menembak penduduk tempatan yang membawa senjata bagi tujuan melakukan serangan.

Ketua Pusat Penerangan Polri, Mejaz Jeneral Didi Waidayadi berkata, lima orang Dayak ditembak semalam dan salah seorang daripadanya mati, selepas mereka cuba menyerang rumah-rumah penduduk Madura.

"Ini merupakan langkah tegas dan keras yang terpaksa kita lakukan demi menghentikan konflik berkenaan," katanya pada sidang media, di sini.

Beliau berkata, tindakan menembak terpaksa dilakukan memandangkan masih terdapat penduduk tempatan di wilayah berkenaan terutama di Sampit dan Palangkaraya yang nekad untuk melakukan kekacauan dan keganasan.

"Selain itu kita juga melakukan rampasan senjata berbahaya daripada puak-puak yang bertelingkah dan tindakan tegas akan diambil terhadap penduduk yang degil," katanya.

Sambil mengakui suasana di Kalimantan Tengah terutamanya di Sampit dan Palangkaraya masih tegang, Didi juga memberitahu sebanyak 118 orang pelarian Madura terbunuh dalam satu serangan oleh kaum Dayak ketika mereka dalam perjalanan menuju ke tempat perlindungan di Palangkaraya petang semalam.

Katanya, kejadian tersebut berlaku apabila kelompok pelarian berkenaan yang sedang diiringi oleh 20 anggota polis diserang secara tiba-tiba oleh 600 orang Dayak.

"Kelompok pelarian ini merupakan sebahagian daripada 500 pelarian Madura yang sedang dibawa ke tempat pelarian, bagaimanapun di pertengahan jalan 118 daripadanya terpaksa ditinggalkan kerana kekurangan kenderaan dan ketika itulah mereka diserang," katanya.

Ini merupakan kali pertama dalam tempoh 11 hari konflik antara kaum Dayak dan Madura menyaksikan pelarian Madura dibunuh secara kejam dalam usaha mereka mencari perlindungan.

Didi berkata, dalam serangan tersebut kaum Dayak telah menikam dan memancung kepala pelarian berkenaan sehingga menyebabkan 118 orang terbunuh.

"Kaum Dayak seolah-olah kehilangan akal dalam aksi amuk tersebut, mereka tidak menyedari apa yang mereka lakukan," katanya.

Beliau menjelaskan, 20 anggota polis yang mengawal pelarian berkenaan tidak dapat melakukan apa-apa kerana kekurangan tenaga.

Sementara itu, ketua pasukan doktor yang merawat lebih 40,000 pelarian yang terkandas di Kalimantan tengah hari ini merayu bantuan antarabangsa sambil memberi amaran penyebaran wabak penyakit akan tercetus, kecuali jika bantuan diterima secepat mungkin.

"Kami kekurangan semuanya termasuk makanan, air dan ubat-ubatan," kata Ketua Doktor Daerah, Qamaruddin Sukhami.

Pelarian membanjiri bandar Sampit sejak krisis etnik membabitkan kaum Dayak dan pendatang Madura bermula 18 Februari lalu.

Berpuluh-puluh ribu pelarian Madura terpaksa meninggalkan kediaman mereka, yang kebanyakannya dibakar oleh kaum Dayak.

Lebih 10,000 orang berebut-rebut untuk menaiki kapal bagi dipindahkan ke tempat yang lebih selamat di Jawa.

Lima pelarian, dua daripadanya kanak-kanak, mati di khemah sementara Sampit akibat cirit-birit. - Utusan

TU 040

02/03/2001

Pembangkang rancang demonstrasi setiap minggu

Oleh NOR SEDEK ISMAIL

KUALA LUMPUR 1 Mac - Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Hishammuddin Tun Hussein hari ini mendedahkan ada parti pembangkang yang merancang menganjurkan demonstrasi jalanan setiap minggu di ibu kota.

Menurutnya, demonstrasi itu sebenarnya telah bermula secara kecil-kecilan minggu lalu.

Sehubungan itu beliau mengingatkan orang ramai, terutama golongan belia agar tidak terlibat dalam aktiviti berkenaan kerana ia menyalahi undang-undang.

Hishammuddin yang juga Menteri Belia dan Sukan berkata, demonstrasi jalanan itu diadakan untuk kepentingan pihak tertentu dengan pertimbangan politik sempit.

"Saya mendesak pihak berkuasa mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang terlibat kerana mereka sanggup menggadaikan masa depan negara dan menjejaskan keharmonian yang wujud selama ini.

"Ini kerana tiada siapa boleh melebihi undang-undang termasuk sistem yang sedia ada," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Kebangsaan Mengenai Perubatan Trafik dan Sukan Bermotor di Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia di sini hari ini.

Hishammuddin berkata, sekiranya ada perkara yang hendak diluahkan berkaitan politik, mereka seharusnya menggunakan saluran politik.

Malah jelas beliau, jika ada perkara yang terbuku di hati, ia boleh diselesaikan menerusi perundingan yang telah diamalkan sejak dulu lagi.

Menurut beliau, jika golongan belia terpengaruh menyertai demonstrasi jalanan akoran perkembangan politik serantau, mereka juga harus belajar daripada pengalaman apa yang berlaku di negara-negara jiran.

"Bagi saya masa untuk kita berdemonstrasi di tepi jalan dan beretorik politik sudah berlalu.

"Sebaliknya kini adalah masa untuk mengisi perjuangan dengan matlamat yang lebih bermakna," katanya.

Jika dibiarkan perkembangan politik di negara ini mengikut perkembangan di negara jiran, tegas beliau, rakyat terutama generasi akan datang bakal menjadi mangsa kerana penganjurnya menggadaikan masa depan bangsa sendiri.

Sementara itu beliau berpendapat usaha menggunakan Internet untuk berkempen pada pemilihan peringkat cawangan dan bahagian UMNO tidak menjadi kesalahan jika ia untuk kebaikan dengan menyatakan apa boleh disumbangkan oleh seseorang calon.

Hishammuddin menambah, penyebaran maklumat melalui Internet tertakluk kepada keikhlasan calon dan akhirnya perwakilan boleh membuat penilaian sendiri mengenai calon berkenaan.

"UMNO juga telah menuahkan sebuah jawatankuasa khas untuk melihat pergerakan calon-calon.

"Sekiranya didapati melebihi batas hingga menj ejaskan parti, tindakan tegas akan diambil," katanya.

Namun jelas beliau, etika yang diwujudkan antara lain bertujuan untuk memastikan sekurang-kurangnya ahli-ahli UMNO mempunyai had dan batasan ketika berkempen.

Kelmarin Setiausaha Kerja UMNO, Senator Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor, mengumumkan bahawa ahli-ahli UMNO dilarang menggunakan media massa termasuk Internet untuk berkempen pada pemilihan peringkat cawangan dan bahagian yang akan berlangsung hingga bulan depan.

02/03/2001

Pas Terengganu batalkan program Korban Perdana

Oleh WAN ZULKIFLI WAN YAACOB

KUALA TERENGGANU 1 Mac - Kerajaan Pas Terengganu membatalkan program Korban Perdana yang dirancang secara besar-besaran sempena Hari Raya Aidiladha pada 6 Mac ini kerana sambutan dingin rakyat.

Penolong Setiausaha Kerajaan (Pelancongan, Kebudayaan, Belia dan Sukan), Marzuki Endut berkata, pembatalan program yang pertama kali mahu dianjurkan itu diputuskan semalam.

Sehubungan itu juga solat sunat Hari Raya di tempat terbuka yang dijadual diadakan di Taman Rekreasi Teluk Ibai di sini (kawasan tapak sembelihan yang dicadangkan) turut dibatalkan.

Mengikut perancangan, Menteri Besar, Abdul Hadi Awang, selepas mengimamkan sembahyang dan menyampaikan khutbah akan memulakan upacara korban itu.

Menurut beliau daripada 1,000 ekor lembu yang dijangka dapat disembelih, urus setia pengelola hanya menerima tempahan bagi 70 ekor.

Beliau memberitahu, pembatalan program yang cuba dijadikan perintis atas konsep beribadat sambil melancong itu diputuskan oleh jawatankuasa pelaksana yang dipengerusikan oleh Pengurus Jawatankuasa Belia, Sukan, Kebudayaan Negeri, Wan Hassan Mohd. Ramli.

Beliau berkata, kekurangan sambutan itu mungkin disebabkan promosi yang kurang meluas di samping masyarakat lebih selesa melaksanakan upacara korban bersama keluarga masing-masing di kawasan mereka.

Program itu mengenakan bayaran RM250 untuk satu bahagian dan beberapa acara sampingan dirancang termasuk cabutan bertuah dan pertandingan golok sembelihan tercantik.

Marzuki berkata, surat pemberitahuan pembatalan program tersebut akan dimaklumkan kepada orang ramai termasuk melalui masjid-masjid.

"Bagi mereka yang telah membuat tempahan dan melunaskan bayaran, wang mereka akan dikembalikan," ujar beliau.

Bagaimanapun katanya, sebahagian daripada orang ramai yang telah menyerahkan korban tersebut kepada jawatankuasa untuk menguruskannya, akan terus dilaksanakan.

Menurut beliau, untuk itu sebanyak 23 ekor lembu akan dikorbankan dan ia diserahkan kepada beberapa masjid.

Pembatalan program tersebut mengejutkan sebilangan orang ramai yang percaya sambutan pastinya amat menggalakkan apatah lagi hebatnya mengenainya dibuat secara meluas.

Sementara itu, Setiausaha Biro Agama Badan Perhubungan UMNO Terengganu, Datuk Safei Daud berkata, kerajaan negeri tidak sepatutnya mengambil alih urusan tradisi rakyat untuk menunjukkan keupayaan pemerintahannya.

Katanya, soal ini sepatutnya diserahkan kepada rakyat dan kerajaan memberi perhatian terhadap hal-hal utama yang menyentuh dasar negeri.

"Semua dasar lama masih dipakai dan kita tidak nampak dasar-dasar baru dalam apa bidang sekalipun termasuk pendidikan," ujar beliau.

03/03/2001

Pemuda UMNO tersinggung dengan kenyataan Najib

Oleh YUSRI SAHAT

KUALA LUMPUR 2 Mac - Barisan Exco Pergerakan Pemuda UMNO menyifatkan saranan Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak supaya pergerakan itu membuang imej elit, sebagai keterlaluan dan sukar diterima.

Beberapa anggota Exco pergerakan itu mendakwa, Exco pergerakan itu sekarang tidak pernah menganggap diri mereka sebagai kelompok elit sebagaimana yang pernah ditonjolkan pada era Najib sekitar tahun 1980-an.

Menurut mereka, Exco pergerakan itu sekarang dilihat sebagai lebih rapat dengan rakyat berbanding Exco zaman-zaman sebelumnya.

Exco Pergerakan Pemuda, Dr. Zambry Abdul Kadir kesal apabila saranan itu datangnya daripada seorang bekas Ketua Pergerakan Pemuda UMNO yang juga pernah dilabelkan sebagai elit.

Tegas beliau, Najib perlu mendapatkan laporan lengkap mengenai ketidakhadiran beberapa anggota Exco yang lain dalam program Pemuda Masuk Kampung yang diadakan di Dungun, Terengganu sejak 24 Februari lalu sebelum mengeluarkan kenyataan yang boleh menyinggung pihak lain.

"Anggota Exco yang tidak hadir itu disebabkan pertindihan program yang disusun oleh pergerakan itu di beberapa tempat di negara ini," katanya kepada Utusan ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau mengulas komen Najib yang meminta pergerakan itu mengikis imej elit dengan memperhebatkan pendekatan turun padun mendampingi rakyat luar bandar terutama golongan muda.

Najib berkata, anggota pergerakan itu perlu mencerminkan komitmen dan etika kerja yang kuat kerana UMNO mahu suasana mesra rakyat terus menjadi teras perjuangan.

Kenyataan Najib itu dibuat berikut sambutan dingin anggota Exco pergerakan itu terhadap program Pemuda Masuk Kampung yang diadakan di Dungun, Terengganu selama empat hari bermula 24 Februari lalu.

Mengulas lanjut mengenai perkara itu, Dr. Zambry menegaskan, hampir keseluruhan anggota Exco pergerakan itu berasal dari keluarga sederhana termasuk petani, nelayan dan anak peneroka.

Seorang lagi anggota Exco, Dr. Adham Baba kesal dengan tuduhan yang dilemparkan oleh Najib yang tanpa usul periksa itu.

Kegagalan beberapa anggota Exco menghadiri program masuk kampung itu, katanya, disebabkan beberapa faktor yang telah dikemukakan kepada Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Hishamuddin Tun Hussein.

"Ada Exco terpaksa mengendalikan kursus di Melaka, ke luar negeri bertemu pelajar dan bertemu dengan penduduk kampung di tempat lain," jelasnya.

Beliau turut bersetuju dengan pandangan Dr. Zambry yang mengatakan barisan Exco era Najib lebih menonjolkan imej elit berbanding sekarang.

Seorang lagi anggota Exco Pemuda, Zein Isma Ismail berkata, anggota pergerakan itu kini bekerja keras untuk memulihkan kembali imej UMNO terutama di kalangan generasi muda.

Katanya, anggota Exco tidak pernah sama sekali menampilkan imej elit atau korporat, malahan, sentiasa menganggap golongan luar bandar setaraf dengan mereka.

"Najib tidak sepertutnya sewenang-wenang menuduh kami sebagai golongan elit tanpa berusaha mendampingi masyarakat luar bandar," tegasnya.

Beliau menambah, pergerakan itu mempunyai jadual yang ketat termasuk beberapa program turun ke padang untuk mendekati masyarakat luar bandar dan golongan muda sepanjang tahun ini.

05/03/2001

Keadilan takut demokrasi -- Mereka rancang demonstrasi kerana percaya dapat sokongan asing - PM

Oleh MARHAINI KAMARUDDIN

PUTRAJAYA 4 Mac - Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kecenderungan pembangkang untuk mengadakan demonstrasi jalanan daripada meletakkan keputusan memilih kerajaan di tangan pengundi menyerahkan mereka sangat takut kepada demokrasi.

Kata Perdana Menteri, Parti Keadilan Nasional (Keadilan) yang mengaku percaya kepada demokrasi, memperjuangkan keadilan sosial dan juga undang-undang, sebaliknya bertindak melakukan sesuatu yang di luar perjuangan itu.

Menurut beliau, rancangan Keadilan mengadakan demonstrasi jalanan setiap hari dibuat kerana parti itu percaya mendapat sokongan asing.

Beliau kesal kerana parti itu terlalu mementingkan pujian daripada negara luar dan media asing dengan tindakan mereka itu tanpa ada langsung rasa sayang kepada negara atau semangat patriotisme.

Media asing, termasuk laman Internet yang dibantu oleh pihak luar selama ini memberikan sokongan padu kepada pembangkang negara ini dengan mensensasikan setiap demonstrasi jalanan yang diadakan.

Kata Dr. Mahathir, parti itu tidak peduli kesan tindakan mereka terhadap negara asalkan perjuangan untuk membebaskan Datuk Seri Anwar Ibrahim tercapai.

"Dia (Keadilan) tengok apa berlaku di negara jiran, dia macam seronok tengok huru-hara, pembunuhan orang Islam dan Kristian, Dayak dan Madura, dia merasa kecewa kerana tiada pembunuhan di Malaysia.

"Itulah orang yang (kononnya) percaya kepada demokrasi. Dia tidak percaya kepada pilihan rakyat, hanya hendak tumbangkan kerajaan dengan cara ganas.

"Orang ini (sebenarnya) tidak faham erti demokrasi," katanya pada sidang akhbar selepas melancarkan sambutan Hari Landskap Negara 2001 di Dataran Putrajaya di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas pengakuan Ketua Pemuda Keadilan, Ezam Mohd. Noor, bahawa parti itu sedang merancang mengadakan demonstrasi jalanan besar-besaran setiap hari.

Dalam kenyataannya kepada Mingguan semalam, Ezam menegaskan partinya akan menganjurkan demonstrasi sedemikian setiap hari, bukan setiap minggu sebagaimana didedahkan oleh Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Hishammuddin Tun Hussein.

Ditanya mengenai pendirian Ketua Pemuda Pas, Mahfuz Omar, menyokong rancangan Pemuda Keadilan untuk mengadakan demonstrasi jalanan, Perdana Menteri berkata, kerajaan akan memantau pergerakan mereka sebelum mengambil sebarang tindakan.

"Kerajaan tengoklah apa dia buat. Lama-lama makin naiklah tahap kekerasan, apabila tak berjaya lama-lama bunuh oranglah.

"Dia tengok negara lain bakar rumah, bakar kedai, kacau orang, baru nak dapat, jadi dia nak guna cara itulah," katanya.

Menurut beliau, sikap yang ditunjukkan oleh kedua-dua pemimpin pembangkang itu menunjukkan yang mereka tidak mempercayai sistem demokrasi.

Dr. Mahathir berkata, kerajaan mengamalkan demokrasi dan sebab itu memberi peluang kepada pembangkang untuk bertanding dalam pilihan raya.

"Kalau rakyat suka bagi sokongan kepada mereka, terpulanglah.

"Tetapi mereka patut tahu kalau mula dengan cara (kekerasan) itu, esok kalau berkuasa pun orang lain akan menggunakan cara yang sama. Sampai bila pun negara tak akan aman," katanya.

Perdana Menteri membidas parti pembangkang kerana sibuk bercakap berkenaan peraturan undang-undang, demokrasi dan keadilan sosial sedangkan mereka sendiri membelakangkan undang-undang.

"Keadilan sosial apa (jika) orang hendak bermiaga pun tak boleh kerana dia hendak berdemonstrasi, pecah cermin, pecah rumah orang," katanya sambil menggelarkan kumpulan itu sebagai penyangak besar.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, agak sukar untuk bertindak terhadap mereka kerana majoriti rakyat adalah pengundi senyap dan perasaan mereka tidak dapat dibaca.

"Kadang-kadang ramai juga rakyat yang menyokong cara-cara ganas itu, dia tengok apa yang berlaku di negara jiran dia rasa seronok tengok huru-hara," katanya.

Walaupun kerajaan cuba menjaga keamanan negara termasuk ekonomi dan sosialnya, Dr. Mahathir berkata, parti pembangkang terlibat tidak mementingkan semua itu. ..

"Satu sahaja perjuangannya, bebaskan Anwar," katanya.

Mengenai pendirian Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Aziz Nik Mat menentang mengadakan demonstrasi jalanan, Perdana Menteri berkata, ia menunjukkan ada di kalangan ahli Pas sendiri tidak suka dengan rancangan tersebut.

Bagaimanapun Dr. Mahathir kesal kerana tentangan itu hanya sekadar kenyataan sedangkan hakikatnya demonstrasi masih berlaku.

TU 045

05/03/2001

Demonstrasi jalanan: Polis akan bertindak tegas

Oleh NAZERI NONG SAMAH

KOTA KINABALU 4 Mac - Polis memberi amaran akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak yang mengadakan demonstrasi jalanan kerana perbuatan itu boleh mengancam keselamatan negara.

Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Jamil Johari berkata, pihaknya akan melakukan siasatan rapi berhubung hasrat Ketua Pemuda Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Ezam Mohd. Noor yang bercadang untuk mengadakan demonstrasi besar-besaran tersebut.

Menurutnya, polis juga sedang memantau laman web yang menyiarkan jadual terperinci rancangan Pemuda Keadilan itu untuk mengadakan demonstrasi jalanan tersebut.

"Kami memang memandang serius terhadap rancangan mana-mana pihak yang mahu mengadakan demonstrasi di tempat umum atau jalan raya sehingga mengganggu ketenteraman dan keselamatan awam," katanya di sini hari ini.

Beliau adalah dalam rangka lawatan kerja ke Sabah.

Jamil diminta mengulas kenyataan Ketua Pemuda Keadilan, Ezam Mohd. Noor yang mengaku sedang merancang untuk melancarkan demonstrasi jalanan secara besar-besaran.

Eзам berkata, partinya akan menganjurkan demonstrasi setiap hari, bukan setiap minggu sebagaimana yang didedahkan oleh Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Hishammuddin Tun Hussein kelmarin.

Jamil menambah, beliau telah membaca kenyataan Ezam yang disiarkan dalam Mingguan Malaysia itu dan laporan polis akan dibuat supaya latar belakang laporan itu dapat disiasat untuk tindakan selanjutnya.

Beliau juga menasihatkan orang ramai agar tidak terpengaruh dengan demonstrasi jalanan kerana polis akan bertindak tegas kepada mereka yang didapati terbabit.

06/03/2001

Polis tahan Ezam -- Untuk siasatan setelah mengaku merancang demonstrasi jalanan

Oleh TEON EG dan AZIAN ABD AZIZ

KUALA LUMPUR 5 Mac - Polis malam ini menahan Ketua Pemuda Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Ezam Mohd. Noor untuk siasatan di bawah Akta Hasutan setelah dia mengaku sedang merancang mengadakan demonstrasi jalanan besar-besaran setiap hari di seluruh negara.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Meor Che Hussien Mahyuddin ketika mengesahkannya berkata, Ezam ditahan oleh sepasukan anggota polis dari Bahagian Jenayah Berat (D9) kira-kira pukul 9 malam di Bukit Damansara dekat sini.

Katanya, beliau kemudian dibawa ke Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur.

Naib Presiden Keadilan, Tian Chua ketika dihubungi menyatakan penahanan Ezam kemungkinan besar kerana kenyataannya berhubung demonstrasi jalanan.

"Dia ditahan ketika sedang berjalan untuk memasuki rumah Presiden Keadilan, Datin Seri Dr. Wan Azizah Ismail," kata Tian Chua.

Menurut beliau, pemimpin Keadilan termasuk Dr. Wan Azizah telah dimaklumkan mengenai penahanan Ezam.

"Kita sedang mengikuti perkembangan ini," katanya.

Sementara itu, di Kota Kinabalu, Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Jamil Johari berkata, polis telah memulakan siasatan ke atas Ezam setelah menerima dua laporan berhubung kenyataan Ketua Pemuda Keadilan itu dalam akhbar Mingguan Malaysia.

Selain laporan yang dibuat oleh polis sendiri semalam, pagi ini Pergerakan Pemuda UMNO turut membuat laporan yang sama di Balai Polis Dang Wangi, Jalan Dang Wangi, Kuala Lumpur.

Mingguan semalam melaporkan Ezam mengaku sedang merancang untuk melancarkan demonstrasi jalanan secara besar-besaran.

Jelas beliau, polis memandang serius rancangan Ezam itu yang akan mengancam ketenteraman dan keselamatan negara sekiranya masyarakat umum terpengaruh dengan usaha tersebut.

"Polis tidak akan teragak-agak untuk bertindak tegas kepada sesiapa sahaja yang menganjur dan terlibat dengan demonstrasi sedemikian," tegasnya.

Jamil memberitahu demikian pada sidang akhbar selepas mempergerusikan mesyuarat pencegahan jenayah Kontinjen Polis Sabah dan Sarawak di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Sabah, Kepayan dekat sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas perkembangan terkini ekoran kenyataannya di sini semalam mengenai tindakan polis bagi membendung demonstrasi jalanan anjuran Pemuda Keadilan itu.

Menurutnya, polis turut memantau laman web yang menyiarkan jadual terperinci rancangan Pemuda Keadilan untuk mengadakan demonstrasi itu.

"Saya sudah baca laporan dalam Mingguan Malaysia semalam dan polis sudah bertindak supaya rancangan untuk mengadakan demonstrasi jalanan itu dapat dibendung bagi menjamin ketenteraman awam," tegasnya.

Semalam, Jamil juga berkata, laporan polis akan dibuat supaya latar belakang laporan itu dapat disiasat untuk tindakan selanjutnya.

Jamil seterusnya hari ini mengulangi ingatannya kepada orang ramai agar tidak terpengaruh dengan demonstrasi jalanan kerana polis akan bertindak tegas kepada mereka yang didapati terbabit.

Ditanya apakah wartawan yang membuat laporan mengenai pengakuan Ezam itu akan turut dipanggil untuk membantu siasatan polis, Jamil berkata: "Itu tidak boleh cakap."

Sementara itu di Kuala Lumpur, Ketua Polis Daerah Dang Wangi, Asisten Komisioner Mohd. Bakri Zinin berkata, pihaknya telah membuka kertas siasatan (IP) dan siasatan akan berkuat kuasa serta merta.

Siasatan itu, katanya dijalankan setelah pihaknya menerima dua laporan polis yang diterimanya semalam dan hari ini.

Laporan pertama dibuat oleh Ketua Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Dang Wangi, Deputi Supritendan Yusof Shafie di IPD Dang Wangi manakala pagi ini, Penolong Setiausaha Pergerakan Pemuda UMNO, Zulkifli Alwi berbuat demikian di Balai Polis Dang Wangi.

Dalam masa yang sama, Ketua Polis Kuala Lumpur Datuk Meor Che Hussien Mahyuddin berkata, pihaknya sedang mengkaji kenyataan Ezam di bawah Akta Hasutan.

Menurut beliau, Ezam akan dipanggil sekiranya polis mempunyai bukti kata-kata Ezam yang disiarkan oleh Mingguan itu mengandungi unsur-unsur hasutan.

Dalam pada itu, Zulkifli tiba di Balai Polis Dang Wangi pada pukul 11.40 pagi ini sebelum mengemukakan laporan polis.

Beliau diiringi oleh tiga anggota Exco pergerakan itu, iaitu Mohamad Norza Zakaria, Affendi Zahari dan Zein Isma Ismail manakala dua lagi ialah Ketua Pemuda Kepong, Haidar Sheikh Fadzir dan Ketua Pemuda Seputeh, Mustapha Kamal Mohd. Yusof.

Ketika ditemui pemberita, Zulkifli berkata, sayap kanan UMNO itu memandang berat isu tersebut kerana ia mengancam keselamatan negara dan ketenteraman awam.

Tegasnya, kenyataan Ezam mencerminkan rancangan tersusun dan serius dengan pemaparan jadual demonstrasi dalam laman web yang mengajak rakyat menyertai perhimpunan haram.

"Gerakan ini terang-terangan adalah cubaan jahat untuk menggulingkan kerajaan yang dipilih secara sah oleh rakyat dalam pilihan raya yang bebas.

"Ini tentunya terkeluar dari batas undang-undang dan akan menimbulkan keadaan huru-hara sekali gus mendatangkan masalah undang-undang dan ketenteraman awam," katanya.

Sehubungan itu, kata beliau, Pemuda UMNO meminta polis menyiasat hal ini dan mengambil tindakan sewajarnya demi memastikan keselamatan dalam negeri dan ketenteraman awam terkawal.

Rakyat terutama generasi muda pula diminta tidak terpengaruh atau terperangkap dengan rancangan Keadilan itu.

"Sebenarnya, ia tidak lebih merupakan cubaan nekad merampas kuasa dan pemerintahan negara untuk beberapa kerat pemimpin parti itu yang dahulunya menikmati kedudukan tinggi dalam kerajaan," katanya.

Tegas beliau, Pemuda UMNO seperti warganegara Malaysia lain juga berhak dan berkepentingan untuk memastikan Malaysia terus terpelihara daripada sebarang ancaman yang akan memusnahkan kejayaan rakyat dan negara ini.

Rancangan Ezam itu yang akan mengancam ketenteraman dan keselamatan negara sekiranya masyarakat umum terpengaruh dengan usaha tersebut.

"Polis tidak akan teragak-agak untuk bertindak tegas kepada sesiapa sahaja yang menganjur dan terlibat dengan demonstrasi sedemikian," tegasnya.

Jamil memberitahu demikian pada sidang akhbar selepas mempergerusikan mesyuarat pencegahan jenayah Kontinjen Polis Sabah dan Sarawak di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Sabah, Kepayan ,dekat sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas perkembangan terkini ekoran kenyataannya di sini semalam mengenai tindakan polis bagi membendung demonstrasi jalanan anjuran Pemuda Keadilan itu.

Menurutnya, polis turut memantau laman web yang menyiarkan jadual terperinci rancangan Pemuda Keadilan untuk mengadakan demonstrasi itu.

"Saya sudah baca laporan dalam Mingguan Malaysia semalam dan polis sudah bertindak supaya rancangan untuk mengadakan demonstrasi jalanan itu dapat dibentera.

06/03/2001

PM: Peluang pertemuan UMNO-Pas hanya 50-50

Oleh SOPHA SULAIMAN

BUKIT KAYU HITAM 5 Mac - Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad percaya peluang pertemuan UMNO-Pas diadakan bagi membincangkan perpaduan Melayu adalah 50-50.

Kata Presiden UMNO itu, partinya bukan sahaja berusaha untuk merealisasikan pertemuan tersebut malah "berdoa agar ia menjadi".

"Selebihnya terserah kepada keadaan," katanya ketika ditanya oleh pemberita selepas beliau merasmikan Kota Perdana-ASEAN Industrial Metropolis 2010 di sini.

Dr. Mahathir mengulangi lagi bahawa perpecahan umat Melayu ini memang berlaku secara mendalam dan jaraknya yang terlalu jauh.

Walaupun Pas menangguhkan pertemuan itu dengan meletakkan tiga syarat untuk dipenuhi oleh UMNO, Perdana Menteri percaya peluang masih ada.

Katanya, UMNO akan masih tetap membangkitkan agenda perpaduan Melayu jika pertemuan itu diadakan.

"Kita (UMNO) tak nak minta ganti rugi, cuma nak bincang soal perpaduan sahaja," kata Dr. Mahathir sambil mengulangi bahawa perpaduan yang dimaksudkannya itu adalah perpaduan Melayu.

Beliau menegaskan lagi bahawa perpaduan nasional tidak akan wujud jika orang Melayu terus berpecah.

Dr. Mahathir menyatakan walaupun UMNO dan Pas memiliki pendapat yang berbeza di dalam politik, tidak menjadi kesalahan untuk berbincang mengenai perpaduan Melayu.

Dalam pada itu, Dr. Mahathir melahirkan rasa bimbang dengan perpecahan orang Melayu yang kini disifatkannya terlalu "luas, jauh dan mendalam" akibat fahaman politik yang berbeza.

Beliau mengingatkan seluruh orang Melayu, jika kepentingan Melayu tergugat kerana perpecahan tersebut, ia merupakan masalah yang perlu dihadapi bersama.

Sehubungan itu, beliau masih menaruh harapan yang tinggi untuk berbincang mengenai perpaduan Melayu dengan Pas supaya hak-hak kepentingan Melayu dapat diberi perlindungan bersama.

"Kalaupun sekadar berpindah ke parti lain (tidak menyokong UMNO), ia bukan masalah, tapi janganlah bermusuhan begitu ketat macam sekarang," katanya menjelaskan maksud sebenar tentang perpecahan Melayu.

Sebelum itu di Yan, Dr. Mahathir mengadakan pertemuan tertutup dengan pemimpin UMNO bahagian itu dan Pendang di Sekolah Menengah Agama Yan di Guar Chempedak.

Ditanya mengenai perjumpaan itu, Dr. Mahathir menyatakan beliau juga mengingatkan ahli parti tentang pentingnya perpaduan di dalam UMNO.

"Saya juga mengingatkan mereka supaya tidak merebut tempat, jawatan dan kuasa selain mengingatkan mereka supaya memahami perjuangan asal UMNO," katanya.

Dulu, kata beliau, orang Melayu yang lemah, tetapi setelah bersatu, ia menjadi bangsa yang kuat dan mampu menangkis usaha British untuk mendirikan Malayan Union.

TU 048

07/03/2001

Polis dapatkan perintah reman Ezam hari ini

Oleh TEON EG

KUALA LUMPUR 6 Mac - Polis akan mendapatkan perintah tahanan reman terhadap Ketua Pemuda Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Ezam Mohd. Noor di Mahkamah Majistret esok bagi meneruskan siasatan berhubung pengakuannya untuk mengadakan demonstrasi jalanan setiap hari di seluruh negara.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Meor Chek Hussein Mahyuddin berkata, Ezam yang ditangkap semalam, masih ditahan di lokap Ibu Pejabat Polis Dang Wangi.

"Dia akan dibawa ke mahkamah esok untuk direman sekiranya kita tidak dapat menyelesaikan siasatan terhadapnya hari ini," ujar beliau semasa dihubungi.

Mengulas lanjut penahanan Ezam, beliau berkata, Ketua Pemuda Keadilan itu kini disiasat di bawah tiga akta iaitu Akta Hasutan, Seksyen 27 (5) Akta Polis 1967 dan Seksyen 116 Kanun Keseksaan.

Menurutnya, Ezam hanya boleh dituduh di mahkamah selepas polis mempunyai bukti kukuh mengenai kesalahan yang dilakukan.

Semalam, sepasukan polis dari Bahagian Jenayah Berat (D9) telah menahan Ezam di hadapan rumah Presiden Keadilan, Datin Seri Dr. Wan Azizah Ismail di Bukit Damansara di sini.

Dia ditahan selepas polis menerima dua laporan yang dibuat oleh Ketua Siasatan Jenayah IPD Dang Wangi, Deputi Supritendan Yusof Shafie kelmarin dan Penolong Setiausaha Pergerakan Pemuda UMNO, Zulkifli Alwi, semalam.

Dua laporan yang dibuat itu meminta polis menjalankan siasatan terperinci terhadap Ezam yang mengaku sedang merancang untuk mengadakan demonstrasi jalanan setiap hari secara besar-besaran.

Dalam masa yang sama, Meor Chek Hussein memberitahu, pihaknya juga sedang mengkaji laporan yang ditulis oleh wartawan Mingguan mengenai pengakuan Ezam.

Tambah Meor Chek Hussein, pihaknya juga tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan terhadap mana-mana pihak yang menyokong rancangan Ezam yang mahu mengadakan demonstrasi secara besar-besaran.

Bagaimanapun, beliau berkata, kemungkinan beberapa orang lagi pemimpin Keadilan akan ditahan hanya bergantung kepada keterangan yang akan diberikan oleh Ezam.

"Buat masa ini saya tidak dapat ulas lanjut kerana kita kena tunggu apa yang Ezam akan cakap," ujar beliau.

Ketika ditanya kemungkinan Ezam akan ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), Meor Chek Hussein berkata: "Kita tidak menjangka dia akan ditahan di bawah ISA."

Sementara itu, Ketua Polis Dang Wangi, Asisten Komisioner Mohd. Bakri Zinin semasa dihubungi berkata, polis sedang menyoal siasat Ezam.

"Bagaimanapun buat masa ini tiada tangkapan lain yang kita buat," katanya.

Pada 4 Mac lalu, Mingguan Malaysia menyiarkan pengakuan Ezam yang sedang merancang untuk melancarkan demonstrasi jalanan secara besar-besaran di seluruh negara.

Malah Ezam menegaskan, partinya akan menganjurkan demonstrasi sedemikian setiap hari, bukan setiap minggu sebagaimana yang didedahkan oleh Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Hishammuddin Tun Hussein.

Menurut beliau, pihaknya sedang menunggu masa yang sesuai untuk melancarkan demonstrasi.

TU 050

09/03/2001

UMNO letak 4 agenda -- PM: Penting dibincang dengan Pas demi kepentingan Melayu

Oleh ZULKEFLI HAMZAH, ZULKIFLI JALIL dan ISMAIL DAUD

PUTRAJAYA 8 Mac - UMNO hari ini meletakkan empat agenda mengenai kepentingan orang Melayu yang termaktub dalam perlumbagaan untuk dibincangkan pada pertemuan UMNO-Pas.

Empat agenda itu ialah mengenai hak keistimewaan orang Melayu, bahasa Melayu, agama Islam sebagai agama rasmi dan status raja-raja Melayu.

Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, perbincangan mengenai perkara itu penting kerana parti-parti yang mewakili orang Melayu sudah tidak mempunyai pendirian yang sama dalam perkara-perkara berkenaan.

Katanya, walaupun hak-hak berkenaan telah dicabar oleh pihak-pihak tertentu, maklum balas daripada orang Melayu didapati berbeza mengikut parti.

"Dalam perkara seperti ini yang bukan isu politik tetapi menyentuh kepentingan orang Melayu, mereka sepatutnya mempunyai pendirian yang sama," tegasnya.

Dr. Mahathir menjelaskan, percubaan untuk mencabar kedudukan istimewa Melayu mungkin disebabkan pihak terbabit ternampak Melayu telah berpecah dan tidak sekata dalam pendirian mereka.

Tegasnya: "Yang mana, ancaman itu bukan datang daripada parti politik seperti Barisan Nasional (BN), orang Cina dan India tetapi datang dari kumpulan lain."

Beliau menyatakan demikian pada sidang akhbar di pejabatnya di sini hari ini khusus bagi menjelaskan perlunya pertemuan perpaduan UMNO-Pas itu direalisasikan.

Turut hadir ialah Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Setiausaha Agung, Tan Sri Khalil Yaakob.

Menjelaskan mengenai pihak yang mencabar hak-hak itu, Dr. Mahathir yang menyerahkan kepada wartawan untuk menilainya berkata, ada juga pihak mahu melihat agama lain sama kedudukannya dengan agama Islam.

Ini, tegasnya, tentu bercanggah dengan Perlumbagaan Persekutuan.

"Sepatutnya kalau hak istimewa Melayu dicabar mana-mana pihak, maka parti Melayu perlu mengetepikan kepentingan parti dan mempertahankan hak ini yang diperuntukkan perlumbagaan," katanya.

Dalam hubungan ini, tegas Dr. Mahathir, UMNO tidak meminta lebih sebaliknya berpendapat orang Melayu perlu mengetepikan perbezaan ideologi parti serta mempertahankan empat hak itu bersama.

Tegas Perdana Menteri, pertemuan penyatuan Melayu itu tidak mempunyai apa-apa motif seperti mahu mengajak Pas bergabung dengan Barisan Nasional (BN) atau membubarkan UMNO, dengan menujuhkan sebuah parti Melayu lain.

"Tujuan kita nak bincang cuma perkara ini sahaja yang mana ia tidak menjejaskan perjuangan Pas. Sebab saya yakin Pas juga nak mempertahankan hak istimewa Melayu, bahasa Melayu dan agama Islam.

"Jika Pas mempunyai pendirian yang sama sudah tentu ia akan menjalin perpaduan Melayu," katanya.

Tegas beliau: "Di arena politik, kita akan tentang Pas dan Keadilan tetapi kita harap Pas dan parti-parti Melayu lain bersama-sama dengan UMNO bagi mempertahankan hak yang diperuntukkan oleh perlumbagaan."

Mengulas lanjut, Dr. Mahathir berkata, UMNO tidak menjelaskan perkara-perkara yang bakal dibangkitkan oleh UMNO sebelum ini kerana dikhawatiri ia akan disalah tafsir dan digembar-gemburkan.

"Mungkin sebab itulah timbul kekeliruan di kalangan orang ramai dan mungkin juga Pas tidak tahu apa yang dihasratkan oleh UMNO," jelasnya.

Kata Dr. Mahathir, tindakan Pas pula yang 'pergi ke sana sini' untuk memberi penjelasan tidak membantu meredakan keadaan.

Kini, katanya, tiba masa untuk memberi penjelasan setelah melihatkan perkembangan semasa mengenai perkara itu.

Menjawab soalan, beliau menegaskan, cabaran terhadap kedudukan orang Melayu adalah sesuatu yang berbahaya bukan sahaja kepada orang Melayu tetapi juga negara.

Ditanya sama ada UMNO akan memenuhi tiga syarat yang dituntut oleh Pas, beliau berkata, UMNO berharap lebih baik diadakan perjumpaan dahulu.

"Kalau saya jumpa, saya boleh buat penjelasan. Ada perkara-perkara melibatkan undang-undang yang saya tidak boleh putuskan," katanya.

Beliau turut menjelaskan bahawa UMNO cuma berdiam diri terhadap permintaan Pas untuk mengadakan muzakarah dengannya sebelum ini kerana tidak nampak ada masalah Melayu tetapi sebaliknya hanya perbezaan pendapat antara parti-parti politik.

Ditanya kemungkinan pertemuan UMNO-Pas terjejas kerana kegagalan di peringkat jawatankuasa teknikal kedua-dua parti, beliau tidak menafikannya.

Mengenai mengapa beliau tidak terus bertemu dengan Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor, Dr. Mahathir berkata, beliau tidak boleh melangkaui jawatankuasa teknikal.

"Walau apa pun jika berpeluang bertemu, kita (berdua) bercakap," katanya.

Menjawab satu soalan, beliau berkata, sikap berlembut UMNO yang tetap mahukan pertemuan diadakan tidak bermakna parti itu lemah.

"Sokongan kepada UMNO kuat cuma ada hakisan sedikit," katanya.

Ditanya adakah UMNO menaruh harapan terlalu tinggi pertemuan itu dapat direalisasikan, beliau berkata:

"Kita masih berharap."

Katanya, beliau berharap Pas akan menimbangkan untuk merealisasikan pertemuan tersebut setelah mendapat penjelasannya itu.

Dr. Mahathir tidak menolak penyertaan Parti Keadilan Nasional (Keadilan) dalam pertemuan itu walaupun Keadilan sebelum ini mengumumkan ia bukan parti Melayu.

Idea pertemuan penyatuan Melayu dicetuskan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) Universiti Utara Malaysia (UUM), Profesor Datuk Dr. Mohd. Fawzi Ahmad Basri pada 24 Disember tahun lalu dan disambut positif oleh UMNO dan Pas.

Kedua-dua parti kemudian bersetuju ditubuhkan jawatankuasa teknikal bagi memperincikan format pertemuan.

Pertemuan jawatankuasa itu sebanyak dua kali memutuskan pertemuan peringkat tertinggi pada 19 Februari.

Bagaimanapun, Pas menangguhan pertemuan itu dan meletakkan syarat-syarat yang perlu dipenuhi oleh UMNO.

Parti itu, dalam permintaannya mahu penerbitan Harakah dikembalikan dua kali seminggu dan bayaran royalti minyak kepada kerajaan Terengganu dipulangkan.

Pas juga mahu cadangan UMNO untuk menggugurkan perkataan "Islam" pada parti itu (Parti Islam Se-Malaysia) ditolak.

TU 051

10/03/2001

Pas tambah prasyarat -- Anggap empat agenda PM semalam sebagai 'bukan perkara baru'

Oleh WAN ZULKIFLI WAN YAACOB

KUALA LUMPUR 9 Mac - Pas berkeras mahu tiga prasyaratnya dipenuhi terlebih dahulu jika UMNO mahu berunding dengannya mengenai kepentingan Melayu, selain menganggap empat agenda yang digariskan oleh Perdana Menteri semalam sebagai "bukan perkara baru".

Malah hari ini parti itu menambah satu lagi prasyarat iaitu perbincangan mestilah menyentuh soal kebebasan berkumpul secara aman.

Setiausaha Agung Pas, Nasharuddin Md. Isa berkata, parti itu pada dasarnya bersetuju dengan cadangan UMNO untuk membincangkan kedudukan agama Islam, bahasa Melayu, kedudukan raja-raja Melayu dan hak serta keistimewaan orang Melayu yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Bagaimanapun Pas mahu skop perbincangan di bawah topik perlembagaan itu diperluaskan meliputi perkara-perkara lain termasuk kebebasan orang ramai berkumpul secara aman mengikut Fasal 10 Perlembagaan Persekutuan.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas berceramah di Kampung Titi Teras, Yan malam tadi.

Bagaimanapun, ketika ditanya oleh Utusan di sini petang ini sama ada Pas bersetuju membincangkan empat agenda tersebut, beliau menegaskan tiga prasyarat yang dikemukakan parti itu mestilah dipenuhi terlebih dahulu.

Tiga prasyarat itu ialah mengenai pembayaran royalti minyak kepada kerajaan Terengganu, penerbitan organ Pas, Harakah dan penggunaan perkataan Islam dalam pertubuhan.

"Mandat yang diberi kepada saya sebagai Pengurus Jawatankuasa Teknikal Pas ialah untuk berpegang kepada prasyarat yang telah dikemukakan," katanya ketika dihubungi di Kedah.

Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semalam mengumumkan keputusan parti itu meletakkan empat agenda mengenai kepentingan orang Melayu yang termaktub dalam Perlembagaan untuk dibincangkan pada pertemuan UMNO-Pas.

Perdana Menteri berkata, perbincangan mengenai perkara itu penting kerana parti-parti yang mewakili orang Melayu sudah tidak mempunyai pendirian yang sama dalam perkara berkenaan.

Menurutnya, walaupun hak-hak berkenaan telah dicabar oleh pihak-pihak tertentu, maklum balas daripada orang Melayu didapati berbeza mengikut parti.

Nasharuddin ketika diminta mengulas kenyataan Dr. Mahathir itu melahirkan rasa pelik kerana pengumuman mengenai agenda pertemuan UMNO-Pas dibuat oleh Presiden UMNO sendiri.

Bagi Pas, katanya, ia menunjukkan Jawatankuasa Teknikal UMNO tidak ada kuasa langsung dalam hal ini meskipun agenda yang diletakkan oleh UMNO bukan sesuatu yang baru.

Bagaimanapun apabila ditanya sama ada Jawatankuasa Teknikal Pas bersetuju empat agenda yang didakwa itu lama dibincangkan pada pertemuan UMNO-Pas kelak, Nasharuddin berkata, Pas akan menunggu secara rasmi cadangan yang akan dikemukakan oleh UMNO itu untuk dibawa ke Jawatankuasa Pas Pusat bagi diputuskan.

Pas mahukan segala urusan ke arah pertemuan itu dibuat secara hitam-putih, kata beliau.

Ketika ditanya mengenai cadangan diadakan pertemuan tidak formal antara pemimpin UMNO dan Pas, Nasharuddin berkata ia boleh diadakan di pekarangan bangunan Parlimen pada 19 Mac.

(Sesi persidangan Dewan Rakyat yang akan datang dijadual bermula 19 Mac).

Nasharuddin mengulangi, parti itu tetap mahu tiga prasyarat yang diletakkannya dipenuhi terlebih dahulu sebelum pertemuan formal UMNO-Pas dapat direalisasikan.

"Keputusan UMNO untuk tidak menerima prasyarat tersebut setakat ini hanya dibuat kepada media sedangkan kita tidak menerima jawapan bertulis mengenainya," katanya.

Mengenai tindakan kerajaan Terengganu mengemukakan saman terhadap Petronas dan Kerajaan Pusat berhubung pembayaran royalti minyak, Nasharuddin tidak menganggap ia akan mencetuskan konflik dalam tuntutan prasyarat Pas kepada UMNO.

10/03/2001

Jangan guna nama saya raih sokongan - Dr. M

Oleh ZULKIFLI JALIL dan ISMAIL DAUD

KUALA LUMPUR 9 Mac - Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan semua calon yang akan bertanding dalam pemilihan bahagian bermula April ini supaya tidak menggunakan namanya dan isterinya bagi meraih sokongan.

Presiden UMNO itu berkata, beliau mendapat laporan bahawa ada calon berbuat demikian termasuk menggunakan nama pemimpin-pemimpin lain.

"Ada yang kata kononnya dia adalah calon Presiden dan ada juga yang berkata dia adalah calon yang direstui oleh Presiden melalui 'Mama' iaitu isteri saya (Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali)," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Dr. Mahathir menegaskan, tidak ada pemimpin tertinggi parti yang merestui mana-mana calon dalam pertandingan di peringkat bahagian.

"Kita tak hendak sesiapa pun berkata ada calon yang direstui oleh sesiapa sama ada saya, Datuk (Seri) Abdullah (Ahmad Badawi) atau lain-lain.

"Kalau mereka menjadi calon, sama ada mereka terpilih atau tidak, bergantung kepada diri mereka, bukan kerana direstui atau dicalonkan oleh Presiden atau mana-mana pihak," tegasnya.

Dr. Mahathir berkata, pucuk pimpinan parti telah mengenal pasti calon-calon yang didakwa menggunakan nama Presiden dan akan menjalankan siasatan untuk mengesahkan dakwaan itu.

"Itu laporan dari orang tertentu. Kita tidak tahu sama ada benar. Kita akan siasat kalau ada tuduhan," jelasnya.

Mengenai calon yang dikatakan direstui melalui isterinya, beliau berkata: "Kita tahu satu (seorang) sahaja tetapi barangkali ada yang lain. Kalau saya tahu, nanti saya beritahu."

Selain itu, Perdana Menteri juga mengingatkan bahawa seseorang pemimpin yang memegang jawatan dalam kerajaan tidak semestinya memegang jawatan di peringkat bahagian.

Katanya, walaupun tiada halangan untuk mereka bertanding tetapi tanggapan bahawa seseorang yang memegang jawatan dalam kerajaan mesti mempunyai jawatan dalam parti, bukan dasar parti.

"Kita tidak kata tidak boleh bertanding langsung tetapi (kalau bertanding) jangan kaitkan dengan jawatan dalam kerajaan. Tidak payah bertanding pun tak apa," katanya.

Mengenai aduan-aduan lain, Dr. Mahathir berkata, beliau ada menerima beberapa aduan termasuk calon yang mendakwa lawannya mengamalkan politik wang.

Bagaimanapun, katanya, pada masa yang sama, lawan calon terbabit juga mendakwa perkara yang sama.

"Tetapi saya tidak fikir duit digunakan dengan banyak, mungkin adalah untuk minum kopи," katanya.

Setakat ini, katanya, belum ada bukti yang menunjukkan mana-mana calon menggunakan wang untuk meraih undi, sekali gus menunjukkan pemilihan kali ini semakin bersih dan sihat.

15/03/2001

Fitnah: Polis buat laporan -- Ekoran pembangkang pertikai angka kematian percaduhan

Oleh TEON EG dan SUFFIAN ABU BAKAR

PETALING JAYA 14 Mac - Polis hari ini membuat laporan polis terhadap parti pembangkang yang mendakwa angka kematian dalam percaduhan antara dua kumpulan penduduk di Jalan Klang Lama, lebih besar daripada angka rasmi iaitu enam orang.

Ketua Polis Selangor, Datuk Nik Ismail Nik Yusoff berkata, laporan polis itu dibuat oleh seorang pegawainya di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Petaling Jaya di sini.

Beliau berkata, laporan itu dibuat ekoran sikap pihak pembangkang terus menyebab fitnah dengan mengeluarkan kenyataan bersama yang mendakwa polis tidak mendedahkan angka sebenar mangsa yang terbunuh.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S. Samy Vellu ketika mengulas perkara yang sama pula berkata: "Panggil mereka itu, pergi ambil mayat berapa orang yang meninggal dan tunjukkan, saya berani mencabar mereka yang menuduh itu."

"Sebenarnya saya tahu hanya enam orang sahaja maut, saya ada di PPUM (Pusat Perubatan Universiti Malaya) setiap hari, pagi sampai petang dan doktor di PPUM bersama saya."

Kedua-dua mereka merujuk kenyataan bersama pembangkang yang antara lain kandungannya mendakwa "berdasarkan sumber hospital dan keluarga yang boleh dipercayai, mereka mendapatkan bilangannya lebih besar daripada angka rasmi yang disebut oleh polis."

Risalah itu turut menyebut tidak ada gunanya disembunyikan bilangan mereka yang terbunuh dalam percaduhan itu.

Dalam pada itu, risalah yang mempersoalkan angka kematian yang dikeluarkan oleh polis telah tersebar luas di beberapa buah kampung di Jalan Klang Lama sejak insiden itu meletus Khamis lalu.

Nik Ismail yang dihubungi hari ini berkata, laporan polis itu dibuat pada kira-kira pukul 5.30 petang.

Beliau berkata: "Pembangkang dikatakan menyebab fitnah bahawa polis menyembunyikan fakta jumlah sebenar mangsa yang terbunuh dalam percaduhan di sekitar Jalan Klang Lama."

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Selangor, Datuk Mansor Ismail yang turut dihubungi berkata, polis mengklasifikasikan laporan tersebut di bawah Seksyen 4 Akta Hasutan 1948, dan akan menyiasat perkara itu dengan sewajarnya.

Samy Vellu yang mencabar mana-mana pihak yang mempertikaikan jumlah kematian itu supaya 'membawa mayat mangsa' untuk ditunjukkan sebagai bukti.

Beliau menegaskan, semua mangsa yang terkorban dalam insiden yang berlaku sejak Khamis lalu sehingga hari ini hanyalah enam orang dan tidak lebih daripada itu.

Samy Vellu berkata demikian dalam sidang akhbar selepas melawat rumah panjang KTM di Jalan Klang Lama.

Turut serta dalam lawatan itu ialah Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting serta Menteri Perpaduan dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Dr. Siti Zaharah Sulaiman.

Sambil menyangkal tuduhan liar pembangkang, Samy Vellu berkata, tindakan itu mungkin untuk mendapatkan keuntungan politik.

Bagaimanapun, beliau percaya, rakyat sudah tahu yang mereka sebenarnya membuat dakwaan palsu.

Tegasnya, sekiranya betul tuduhan yang dilemparkan oleh pembangkang bahawa terdapat lebih daripada enam orang maut, sudah pasti keluarga terbabit akan membuat laporan polis.

"Kalau ada seperti yang mereka dakwa iaitu 20 orang maut, 10 maut atau 15 orang maut. Siapa mereka itu? Tiap-tiap keluarga kalau kehilangan ahli keluarga akan membuat laporan polis," katanya.

Bagi meyakinkan lagi, Samy Vellu mendedahkan, MIC telah membelanjakan RM30,000 untuk tujuan mengebumikan mangsa yang terbunuh dalam insiden itu.

Bagaimanapun, katanya, bagi seorang mangsa yang bernama Chandra, MIC telah membelanjakan sebanyak RM10,000 untuk urusan penghantaran dan pengebumian mayatnya di India.

Sementara itu, sehingga hari ini, polis telah mengambil keterangan daripada 220 orang yang ditahan dan seramai 53 orang daripadanya sudah dibebaskan.

Daripada 167 orang yang masih ditahan itu, sebanyak 98 melibatkan orang Melayu, India (57) dan Indonesia (12).

Dalam perkembangan berkaitan, Samy Vellu berkata, mereka yang ditangkap pasti dibebaskan sekiranya siasatan polis mendapati mereka tidak terlibat dalam pergaduhan itu.

Sementara itu dalam sidang akhbar yang sama, Siti Zaharah mahu polis mengenakan tindakan setegas-tegasnya kepada dua penyebar khabar angin yang ditangkap.

16/03/2001

Khabar angin sengaja disebar -- Pembangkang harap berlaku rusuhan agar kerajaan dapat digulingkan - PM

Oleh ZULKIFLI HAMZAH

KUALA LIPIS 15 Mac - Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini berkata, khabar angin mengenai pergaduhan di Jalan Klang Lama sengaja disebarluaskan supaya berlaku rusuhan agar kerajaan akhirnya dapat digulingkan.

Perdana Menteri turut berpendapat khabar angin itu ada kaitan dengan parti pembangkang yang cuba menghasut dan menggunakan orang miskin untuk mencetuskan bantahan.

"Khabar angin yang disebar ini (mengenai pergaduhan di Jalan Klang Lama) adalah sesuatu yang dibuat oleh pihak-pihak tertentu... kita tak tahu latar belakang mereka.

"Mereka sengaja membesar-besarkan cerita kononnya beratus-ratus orang Melayu telah dibunuh supaya orang Melayu naik marah, dan saya tak tahu mungkin di kalangan orang India juga ada cerita yang sama," katanya.

Kata Dr. Mahathir lagi, mereka seterusnya berharap rusuhan itu akan berterusan yang berkemungkinan menyebabkan kerajaan dijatuhkan seperti yang berlaku di sebuah negara lain.

"Ini memang pun hasrat politik parti lawan. Sebab itu saya kata ada kaitan," katanya yang juga Presiden UMNO kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan ahli-ahli UMNO bahagian Lipis dan Raub, di sini hari ini.

Sebab itulah, tambah Dr. Mahathir, parti pembangkang sekarang begitu ghairah sekali untuk menunjukkan simpati kepada orang miskin.

"Dia (pembangkang) tumpu kepada orang miskin dan kawasan setinggan, menghasut orang miskin supaya membuat bantahan kononnya tengoklah kerajaan ini tidak mempedulikan nasib orang miskin.

Dia cuba tunjuk simpati kepada orang-orang ini, pergi ke hospital untuk melihat kononnya orang sakit. Bagi orang ini tidak ada sesuatu yang dibuat oleh mereka yang tidak ada kaitan dengan politik mereka," jelasnya.

Kata Dr. Mahathir lagi, parti pembangkang tidak ada keprihatinan terhadap nasib orang tetapi cuma untuk meraih keuntungan politik.

Beliau mengulas insiden pergaduhan di sekitar Jalan Klang Lama Khamis lalu.

Insiden terbaru yang dikatakan mempunyai kaitan dengan pergaduhan penduduk itu ialah serangan sekumpulan lelaki ke atas empat lelaki India di sebuah kuil di Puchong, dekat Petaling Jaya malam kelmarin.

Polis menyifatkan kejadian itu satu perbuatan yang dilakukan oleh pengkhianat yang sengaja mahu menggagalkan usaha mewujudkan kembali ketenteraman dan perpaduan di kalangan rakyat berbilang kaum.

Dr. Mahathir seterusnya berkata, atas sebab itu jugalah kerajaan meminta orang ramai jangan menyebarkan khabar angin kerana setiap khabar angin mempunyai tujuannya.

Khabar angin yang disebarluaskan bukan sekadar untuk bercerita tetapi mempunyai niat lain yang mungkin sengaja dicipta, katanya.

"(Sepatutnya) tidak boleh tahu lebih daripada apa yang polis tahu. Kita tahu berapa banyak orang yang mati, berapa banyak orang yang cedera, tetapi nak cerita kata lebih daripada enam orang ini, saya ingat ada niat tertentu," jelas beliau.

TU 058

17/03/2001

Tiada jaminan ahli Pas masuk syurga - Nik Aziz

Oleh MOHD KHAIRI CHE TEH

KOTA BHARU 16 Mac - Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata tidak ada jaminan bahawa anggota-anggota parti itu akan masuk syurga.

Menurut beliau, ada pihak mendakwa anggota Pas sudah dijamin masuk syurga walaupun tidak menunaikan solat.

Ketika menyampaikan kuliah Jumaat di sini, hari ini, beliau berkata:

"Jangan ingat orang UMNO saja (tidak dijamin masuk syurga), orang Pas pun jika tidak sembahyang mereka juga tidak dijamin masuk syurga."

Beliau yang juga Mursyidul Am Pas menyifatkan anggota-anggota Pas seperti itu sebagai hanya tahu berangan-angan.

Dalam kuliyahnya itu, Nik Aziz juga mengingatkan rakyat negeri ini agar tidak terikut dengan gejala percakapan mengarut sebagaimana dilakukan sesetengah pihak.

Katanya, sebarang percakapan yang mengarut bukan sahaja berdosa dan mendatangkan kesan buruk kepada personaliti seseorang individu malah hubungan sesama anggota masyarakat.

"Kalau kita hanya bercakap tentang sesuatu perkara tetapi tidak boleh buktikan dengan nas yang sahih, ia bercanggah dengan Allah dan tidak betul.

"Justeru itu kita tidak boleh sekadar mahu bercakap tentang sesuatu perkara mengikut perasaan jika tidak mempunyai asas yang kukuh kerana ia adalah perbuatan mengarut," katanya.

Beliau menambah, pihak yang mempunyai masalah terhadap pihak lain perlu berterus-terang dan mengambil kira nilai dosa pahala agar sebarang masalah dapat diselesaikan dengan baik.

"Ini penting bagi memastikan tindakan yang dilakukan itu boleh menyelamatkan mereka di dunia dan akhirat", tegasnya.

19/03/2001

Pas tentang usaha gugur perkataan 'Islam'

Oleh YUSRI SAHAT

KUALA LUMPUR 18 Mac - Parti Islam Se-Malaysia (Pas) akan menentang sebarang usaha daripada mana-mana pihak yang cuba menggugurkan perkataan "Islam" pada parti tersebut.

Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor berkata, tentangan itu akan dilakukan dengan pelbagai cara sama ada di dalam atau luar Parlimen jika pengguguran nama Islam pada parti politik menjadi dasar kerajaan.

"(Perkataan Islam) itu telah menjadi darah daging kita. Jika menjadi undang-undang, kita akan tentang," tegasnya.

Serentak itu, beliau berkata, Pas tidak akan berganjak atau tunduk terhadap tekanan yang cuba memadamkan perkataan "Islam" yang telah digunakan oleh parti itu sejak 50 tahun lalu.

"Jika perkara ini dibawa di dalam Parlimen, kita tentang dalam Parlimen, jika di luar, kita lawan di luar," tegasnya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mempergerusikan mesyuarat bulanan Jawatankuasa Kerja Pas Pusat di Markas Tarbiah Pas, Taman Melewar, Gombak dekat sini hari ini.

Fadzil mengulas kenyataan Pengurus Majlis Fatwa Kebangsaan, Datuk Dr. Ismail Ibrahim kelmarin bahawa fatwa penggunaan nama Islam dalam pertubuhan telah dikemukakan kepada Majlis Raja-Raja untuk tindakan lanjut.

Menurut Dr. Ismail, Majlis Raja-Raja akan bersidang bulan ini atau depan dan mungkin membuat keputusan mengenainya.

Awal tahun ini, Majlis Raja-Raja mengemukakan permintaan agar Majlis Fatwa Kebangsaan mengkaji isu penggunaan nama Islam oleh pertubuhan dan membuat cadangan serta pandangan dari sudut syariah.

Fadzil seterusnya berkata, Pas percaya keputusan Majlis Fatwa Kebangsaan mengemukakan fatwa penggunaan nama Islam pada pertubuhan didalangi oleh UMNO.

Menurut beliau, langkah itu dikatakan bertujuan "menyelesaikan" isu salah satu prasyarat Pas dalam pertemuan perbincangan dengan UMNO.

Beliau kesal dengan sikap "double standard" pemimpin UMNO yang didakwa menggunakan Majlis Raja-Raja dan Majlis Fatwa untuk menggugurkan perkataan Islam pada setiap pertubuhan.

"Satu ketika mereka tidak mahu dua institusi itu terlibat dalam politik tetapi pada masa yang lain menggunakan pula," katanya.

Pas selama ini, tegas beliau, sentiasa akur dengan keputusan Majlis Fatwa Kebangsaan dalam apa juga perkara tetapi penglibatan majlis itu dalam soal politik tidak dapat diterima.

Sehubungan itu, beliau meminta kedua-dua institusi terbabit menyatakan pendirian supaya kewibawaan mereka tidak dipertikaikan.

"Apabila mereka sudah mencampuri soal politik, bermakna mereka mesti serius dalam politik," jelasnya.

Fadzil menambah, ada banyak perkara lain yang berkaitan dengan Islam yang sepatutnya diberi keutamaan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan terutama dalam soal syariat.

Bagaimanapun, jelasnya, Pas akan mengambil sikap tunggu dan lihat memandangkan Majlis Raja-Raja belum mengeluarkan sebarang keputusan berhubung perkara itu.

26/03/2001

Pas perlu tolak Amanat Hadi -- Buat secara rasmi sebagai tanda ikhlas tidak pernah kafirkan ahli UMNO - Najib

Oleh YUSWANDI YUNUS

PEKAN 25 Mac - Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak meminta Pas menolak secara rasmi Amanat Haji Hadi yang menurutnya punca kepada kejadian mengkafirkan ahli UMNO oleh pengikut parti tersebut.

Beliau yang membuat seruan ini ekoran keputusan Majlis Raja-Raja yang melarang parti politik menyelengarkan akidah umat Islam berkata, penolakan secara rasmi itu adalah penting bagi menunjukkan keikhlasan parti itu. ..

"Pas perlu menunjukkan keikhlasan bahawa mereka tidak pernah mengkafirkan UMNO dengan mengeluarkan kenyataan rasmi menolak amanat tersebut," katanya ketika ditemui selepas merasmikan mesyuarat UMNO cawangan Pekan Lama di sini, hari ini.

Beliau berkata, amanat berkenaan secara tidak langsung telah membawa banyak masalah di dalam masyarakat Islam seperti isu kafir mengkafir, sembahyang dua imam, pemulauan majlis keraian tertentu dan perpecahan masyarakat Melayu sekarang.

"Masalah-masalah ini adalah kesan secara tidak langsung daripada Amanat Haji Hadi yang telah dikeluarkan pada sekitar tahun 1980-an dahulu," katanya.

Malah, menurut Najib, amanat dan 'fatwa' yang dibuat oleh pemimpin parti itu menyebabkan anggota-anggota akar umbi Pas masih percaya dengan dakwaan kononnya mereka akan ke syurga dengan mengundi parti itu.

Katanya, kepercayaan itu masih sebatи walaupun Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor menafikan parti itu pernah menjanjikan sedemikian.

Beliau berkata demikian ketika mengulas kenyataan, Fadzil bahawa parti itu tidak pernah menafikan tahap keislaman orang lain.

Menurut Fadzil, Pas tidak pernah menganjurkan sembahyang dua imam serta kafir mengkafir dan menganggap perkara itu berlaku di luar politik Pas.

Najib berkata, Pas perlu secara hitam putih menolak Amanat Haji Hadi dan memberikan penjelasan kepada ahli-ahlinya berhubung masalah-masalah berkaitan.

Amanah Haji Hadi ialah petikan ucapan Hadi yang didakwa dibuat ketika beliau berceramah di Kampung Banggol Peradong, Kuala Terengganu pada 7 April 1981.

Dalam amanatnya itu yang dicetak oleh Penerangan Pas Kelantan, Abdul Hadi dipetik sebagai menyebut;

"Saudara-saudara sekalian. Percayalah. Kita menentang UMNO bukan kerana nama dia UMNO. Kita menentang Barisan Nasional (BN), bukan kerana nama BN.

Kita menentang dia kerana dia menegakkan perlembagaan penjajahan, mengekalkan peraturan kafir, mengekalkan peraturan jahiliah, oleh kerana itulah kita menentang mereka, oleh kerana itulah kita berjuang melawan mereka.

"Percayalah saudara-saudara, perjuangan kita adalah jihad, ucapan kita adalah jihad, derma kita adalah jihad dan kerana itu kita berjuang dengan puak-puak ini, kalau kita mati kerana berlawan ini, mati kita adalah mati syahid, mati kita adalah mati Islam.

"Kita tidak payah masuk Yahudi, kita tidak payah masuk Kristian, kita tidak payah masuk Hindu, kita tidak payah masuk Buddha tetapi kita akan menjadi kafir dengan mengatakan politik suku (asing), agama suku".

Sementara itu mengenai keputusan Majlis Raja-Raja untuk membenarkan nama Islam digunakan di dalam pertubuhan dan parti politik, Najib berkata, keputusan itu mempunyai kesan yang mendalam terutama dari segi tanggungjawab yang harus dipikul oleh pihak-pihak berkaitan.

Katanya, keputusan berkenaan tidak hanya sekadar membenarkan penggunaan nama Islam tetapi yang lebih penting lagi ialah tanggungjawab untuk menjaga nama Islam itu sendiri tanpa digunakan sewenang-wenangnya.

"Setiap pertubuhan menggunakan nama Islam perlu menjaga keilmuan, akidah dan tanggungjawab sosial dan tidak menggunakannya untuk kepentingan lain," katanya.

Beliau berkata, keputusan berkenaan jelas tidak menumpu kepada mana-mana pihak dan bertujuan untuk membantu ke arah perpaduan umat Islam keseluruhannya.

Najib juga berharap, penguatkuasaan terhadap keputusan itu dapat dilakukan dengan baik dan dihormati oleh semua pihak.

"Sememangnya selama ini kita melihat soal penguatkuasaan ini agak lemah dan dengan sebab itulah timbul banyak masalah seperti penggunaan masjid untuk tujuan politik dan sebagainya," katanya.

26/03/2001

Pengerusi Majlis Fatwa dituduh cuba gugur perkataan Islam

Oleh ZULKIFLI JALIL

KUALA LUMPUR 25 Mac - Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan, Datuk Dr. Ismail Ibrahim hari ini kesal dengan dakwaan segelintir penyokong Pas menuduhnya menjadi dalang cuba menggugurkan perkataan Islam pada parti tersebut.

Menurut Dr. Ismail, beliau menerima e-mel daripada dua pengirim tidak bernama yang menggelarkan diri sebagai "penyokong kuat Pas" menuduhnya sebagai tali barut UMNO yang cuba mempengaruhi keputusan Majlis Raja-Raja.

Katanya, dalam tuduhan itu, mereka menuduh beliau sebagai "Pengerusi Majlis Fatwa yang cuba menggugurkan perkataan Islam pada Pas tetapi alhamdulillah Majlis Raja-Raja telah menolak."

"Mereka sangka Majlis Raja-Raja membenarkan (penggunaan perkataan Islam) sedangkan Majlis Fatwalah yang membuat perakuan itu.

"Itulah banyak sangat buat andaian, prejudis serta memandang serong pada Majlis Fatwa. Sepatutnya, kikislah anggapan sebegini," katanya ketika dihubungi di sini.

Beliau mengulas tuduhan sesetengah penyokong Pas bahawa Majlis Fatwa Kebangsaan yang diketuainya cuba mempengaruhi Majlis Raja-Raja supaya menggugurkan perkataan Islam pada parti politik khususnya pada Pas (Parti Islam Se-Malaysia).

Khamis lalu, Majlis Raja-Raja membuat keputusan bahawa ia tidak menghalang penggunaan perkataan Islam pada mana-mana pertubuhan dan parti politik.

Bagaimanapun, mana-mana orang atau pertubuhan yang menggunakan perkataan Islam untuk tujuan mengelirukan masyarakat adalah salah dan bercanggah dengan prinsip-prinsip syariat Islam serta boleh dikenakan tindakan undang-undang.

Mengulas sama ada undang-undang baru perlu diwujudkan bagi menangani penyelewengan agama, Dr. Ismail berkata, undang-undang sedia ada sudah mencakupi keputusan Majlis Raja-Raja.

"Undang-undang syariah dan undang-undang sivil di Mahkamah Syariah sudah boleh menangani masalah penyelewengan agama seperti ajaran sesat dan sebagainya," katanya.

27/03/2001

Pas pertahan Amanat Hadi -- Fadzil: Buktikan kandungan ucapannya bercanggah ajaran Islam

Oleh ZULKIFLI JALIL

KUALA LUMPUR 26 Mac - Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor berkata, parti itu tidak akan menarik balik Amanat Haji Hadi yang dikatakan menjadi punca kejadian mengkafirkan ahli UMNO oleh para penyokong Pas sejak 20 tahun lalu.

Malah, Fadzil mencabar UMNO supaya membuktikan aspek mana kandungan amanat yang diucapkan oleh Timbalan Presiden Pas, Abdul Hadi Awang itu yang dikatakan bercanggah di sisi Islam.

Beliau juga mendakwa tidak tahu menahu mengenai keputusan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan pada 1986 yang memutuskan amanat itu bercanggah dengan ajaran Islam.

"UMNO kena buktikan di mana salahnya. Mana ada salah, cuma salah di segi UMNO sahaja.

"Jika mereka (UMNO) dapat buktikan (Amanat Haji Hadi) salah, mereka boleh panggil Ustaz Hadi untuk berbincang dan keluarkan kenyataan," katanya ketika dihubungi oleh Utusan hari ini.

Beliau mengulas permintaan Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak semalam supaya Pas menolak secara rasmi Amanat Haji Hadi yang menurutnya punca kepada kejadian mengkafirkan ahli UMNO oleh pengikut parti tersebut.

Najib yang membuat seruan itu ekoran keputusan Majlis Raja-Raja yang melarang parti politik menyelewengkan akidah umat Islam berkata, penolakan secara rasmi itu adalah penting bagi menunjukkan keikhlasan parti itu.

Mengulas lanjut mengenai keputusan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan 15 tahun lalu mengenai amanat tersebut, Fadzil berkata, jawatankuasa itu perlu mengeluarkan kenyataan memaklumkan kedudukan sebenar isu itu.

"Saya tidak tahu ada ruling (peraturan) mengenainya (Amanat Haji Hadi), mereka kena beritahu," katanya.

Sehingga kini, Pas belum mengambil daya usaha untuk menarik balik Amanat Haji Hadi, iaitu hukum ciptaan yang dibawa oleh Abdul Hadi ketika berucap di Banggol Peradong, Kuala Terengganu pada 7 April 1981.

Malah, amanat itu dicetak khas oleh Bahagian Penerangan Pas Kelantan bagi menghadapi pilihan raya kecil Selising pada September 1983.

Meskipun Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan yang bermesyuarat di Pekan, Pahang pada 19 Februari 1986 memutuskan amanat itu bercanggah dengan Islam dan prinsip dakwah Islamiah, tiada langkah positif daripada pemimpin tinggi parti itu untuk memansuhkannya.

Jawatankuasa Fatwa ketika itu berpendapat amanat tersebut amat berbahaya pada keselamatan orang ramai.

Amanat Haji Hadi berbunyi: "Saudara-saudara sekalian, percayalah kita menentang UMNO bukan kerana nama dia UMNO, kita menentang BN bukan kerana nama BN, kita menentang dia kerana dia mengekalkan perlembagaan penjajah, mengekalkan peraturan kafir, mengekalkan peraturan jahiliah, oleh kerana itulah kita menentang mereka oleh kerana itulah kita berjuang melawan mereka.

"Percayalah saudara-saudara, perjuangan kita adalah jihad, ucapan kita adalah jihad, derma kita adalah jihad dan kerana kita berjuang dengan puak-puak ini, kalau kita mati kerana berlawan ini, mati kita adalah syahid, mati kita adalah mati Islam.

"Kita tidak payah masuk Yahudi, kita tidak payah masuk Kristian, kita tidak payah masuk Hindu, kita tidak payah masuk Buddha, tetapi kita menjadi kafir dengan mengatakan politik suku agama suku."

Dalam pada itu, mengulas kenyataan Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat hari ini bahawa parti itu akan terus mengkritik UMNO dan pemimpinnya dalam setiap ceramah anjuran Pas, Fadzil berkata, beliau menyokongnya.

"Memanglah, kerajaan mesti tengok juga penyelewengan yang dilakukan oleh UMNO. Jangan dok cakap Pas sahaja. Pejam mata sebelah, sebelah mata lagi tengok (penyelewengan) Pas," katanya.

27/03/2001

Hadi boleh didakwa jika amanat punca perpecahan

Oleh ROSNI HASSAN

KUALA LUMPUR 26 Mac - Timbalan Presiden Pas, Abdul Hadi Awang boleh didakwa di mahkamah sekiranya 'Amanat Haji Hadi' yang dikeluarkannya itu didapati bertentangan dengan agama dan telah memecahbelahkan umat Islam di negara ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Rais Yatim berkata, undang-undang negara ini membenarkan seseorang itu didakwa jika didapati bertanggungjawab menyebabkan perpecahan di kalangan rakyat.

Bagaimanapun, menurutnya, terserah kepada pihak pendakwa untuk menentukan sama ada Menteri Besar Terengganu itu perlu didakwa atau sebaliknya.

"Saya tidak mempunyai kuasa untuk meminta pihak pendakwa supaya mengemukakan pendakwaan. Bagaimanapun setelah meneliti (Amanat Haji Hadi), saya rasa apa yang dinyatakan oleh beliau itu adalah sesuatu yang berat," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas desakan UMNO supaya Pas menolak secara rasmi Amanat Haji Hadi yang dikatakan menjadi punca kepada kejadian mengkafirkan ahli UMNO oleh pengikut parti tersebut.

Semalam, Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak meminta Pas menolak secara rasmi Amanat Haji Hadi yang menurutnya menjadi punca kepada kejadian mengkafirkan ahli UMNO oleh pengikut parti tersebut.

"Pas perlu menunjukkan keikhlasan bahawa mereka tidak pernah mengkafirkan UMNO dengan mengeluarkan kenyataan rasmi menolak amanat tersebut," tegas Najib.

Mengulas lanjut, Rais berpendapat, Amanat Haji Hadi itu jika tidak ditarik balik oleh Pas, adalah sesuatu yang bahaya kepada perpaduan ummah.

"Bagaimanapun, ia (Amanat Haji Hadi) hanyalah kenyataan politik Pas yang sepatutnya tidak diambil peduli oleh umat Islam di negara ini," katanya.

Rais berkata, keputusan Majlis Raja-Raja bukanlah sesuatu yang baru kerana perundangan negara telah memperuntukkan tindakan dikenakan terhadap mereka yang menyelewengkan agama.

Jelasnya, undang-undang awam dan undang-undang jenayah di negara ini telah menetapkan mana-mana pihak yang menyalahgunakan agama tidak kira agama apa sekalipun boleh dihukum di bawah Seksyen 298A kanun keseksaan.

"Dari segi undang-undang, keputusan Majlis Raja-Raja itu tidak baru tetapi dari segi relevansi fatwa, ia baru diumumkan," katanya.

Beliau menambah, kabinet dua bulan lalu telah meluluskan penyelarasan prosedur jenayah dan undang-undang jenayah syariah.

Bagaimanapun, jelasnya, ia masih belum berkuat kuasa kerana belum diluluskan oleh Parlimen serta Dewan Undangan Negeri.

Katanya, beberapa peruntukan termasuk penyelewengan akidah telah dimasukkan dalam beberapa pindaan yang dibuat terhadap undang-undang syariah tersebut.

TU 068

28/03/2001

UMNO Terengganu ada bukti Amanat Hadi menyeleweng

Oleh MOHD. LAZIM ENDUT

KUALA TERENGGANU 27 Mac - Badan Perhubungan UMNO Negeri Terengganu mempunyai bukti yang kukuh menunjukkan Amanat Haji Hadi sebagai bercanggah dan menyeleweng.

Setiausaha Biro Hal Ehwal Islam dan Pembangunan Sosial UMNO, Datuk Shafie Daud berkata, dengan itu pihaknya sekali lagi mengulangi kesediaan untuk bermuzakarah dengan Pas.

Katanya, antara bukti yang sahih masih disimpan ialah ucapan Timbalan Presiden Pas, Abdul Hadi Awang di Bukit Kulim, Marang pada tahun 1980 lalu.

Beliau mendakwa, dalam ceramah itu Abdul Hadi telah menyelewengkan ayat 281 surah al-Baqarah yang diberi makna sebagai "Tuhan mahu kita bergaduh dengan alasan parti itu sebagai Islam dan lawannya bukan Islam".

Katanya, ekoran daripada ucapan itu jugalah wujudnya kekecohan dan perpecahan dalam masyarakat hingga penyokong Pas mengkafirkan orang UMNO, berlakunya perceraian, sembahyang dua imam dan pangkah Pas boleh masuk syurga.

"Saya tidak faham kenapa pemimpin Pas masih berdolak dalik memperkatakan mengenai Amanat Haji Hadi sedangkan ia terbukti bercanggah dan menyeleweng.

"Malah Biro Agama UMNO sudah berkali-kali menyatakan bersedia untuk bermuzakarah mengenai isu ini, tetapi hingga sekarang belum mendapat jawapan daripada Abdul Hadi," katanya di sini hari ini.

Utusan semalam menyiaran kenyataan Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor yang mengatakan parti itu tidak akan menarik balik Amanat Haji Hadi yang dikatakan menjadi punca kejadian mengkafirkan ahli UMNO oleh para penyokong Pas sejak 20 tahun lalu.

Malah Fadzil mencabar UMNO supaya membuktikan aspek mana kandungan amanat yang diucapkan oleh Timbalan Presiden Pas, Abdul Hadi Awang itu yang dikatakan bercanggah di sisi Islam.

TU 069

28/03/2001

Enggan tarik Amanat Hadi bukti Pas menyeleweng

Oleh NORAINI ABDUL RAZAK

KUALA LUMPUR 27 Mac - Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, keengganan Pas menarik balik Amanat Haji Hadi yang dikatakan menjadi punca kejadian mengkafirkan ahli UMNO menunjukkan parti itu telah menyeleweng daripada pegangan ajaran Islam.

Menurut Perdana Menteri, Pas sebenarnya memperalatkan Islam (dengan mengkafirkan orang UMNO) untuk mengeliru dan menggagalkan pegangan umat Islam daripada ajaran Islam yang sebenar.

"Kita akan beri peluang kepada mereka (ahli-ahli Pas) untuk betulkan diri mereka apabila melakukan kesalahan terutamanya kesalahan seperti menuduh UMNO kafir, buat kenyataan dan amanat yang tidak mahu ditarik balik pasal ini adalah pendapat seorang ulama.

"Kalau dia nak buat macam itu betapa mereka telah menyeleweng daripada pegangan ajaran Islam sebenarnya," katanya ketika menjawab soalan tambahan Datuk Mohamad Aziz (BN-Sri Gading) di Dewan Rakyat, hari ini.

Dr. Mahathir menjelaskan, kerajaan yang percaya kepada sistem demokrasi dan pemerintahan mengikut undang-undang akan mengambil tindakan kepada mana-mana pihak yang menyalahi undang-undang tetapi ia tidak akan dilakukan sewenang-wenangnya.

Menjawab soalan tambahan Nasharuddin Mat Isa (Pas-Yan), kata Perdana Menteri, kerajaan tidak pernah mengeluarkan kenyataan bahawa undang-undang Islam tidak boleh dilaksanakan di negara ini.

Menurut beliau, undang-undang Islam boleh dilaksanakan mengikut kemampuan sesuatu negara bagi mengelakkan timbulnya sebarang masalah.

"Terutamanya bagi negara yang majoriti penduduknya terdiri daripada bukan Islam, cubaan untuk melaksanakan undang-undang Islam akan menimbulkan masalah sedangkan Islam tidak menyuruh berbuat demikian," katanya.

Dr. Mahathir menambah, banyak undang-undang Islam telah dilaksanakan di Malaysia tetapi Pas secara sengaja membangkitkan soal hudud kerana ingin menimbulkan masalah kepada kerajaan dan menjadikannya bahan untuk meraih sokongan rakyat.

Perdana Menteri sehubungan itu mencabar kerajaan Pas di Kelantan dan Terengganu supaya melaksanakan undang-undang Islam di negeri-negeri itu jika benar-benar berupaya berbuat demikian.

Menjawab soalan Nasharuddin lagi, Dr. Mahathir turut menafikan pernah berkata bahawa UMNO mewakili semua orang Melayu di Malaysia.

Beliau berkata, bahkan semasa semua orang Melayu bersatu di bawah UMNO untuk menentang Malayan Union, masih ada orang Melayu yang tidak memberi sokongan.

Keadaan yang sama tambah beliau, berlaku sewaktu UMNO berjuang menuntut kemerdekaan kerana ada orang Melayu berpendapat Malaysia tidak layak merdeka kerana tidak mampu membuat jarum sekali pun.

"Orang Melayu macam itu ada dalam Pas," katanya.

Katanya, sebenarnya sokongan orang Melayu kepada UMNO tidak merosot tetapi kejayaan Pas mencatatkan kemenangan yang lebih sedikit pada pilihan raya umum 1999 hanya kerana parti itu menjaya gambar 'mata lebam' di merata tempat.

"Kalau ini cara satu parti yang ingin jadi pemerintah saya khuatir apa akan jadi kepada negara," katanya.

Perdana Menteri berkata, walaupun Kelantan dan Terengganu pernah berada di bawah pemerintahan Pas satu ketika dulu, akhirnya rakyat kembali kepada UMNO apabila mereka sedar Pas tidak berbuat apa-apa.

Pas hanya memecah-belahkan orang Melayu sehingga umat Islam tidak boleh berbuat apa-apa, katanya.

Dr. Mahathir yakin rakyat semakin sedar mengenai niat, cara serta pendekatan Pas yang langsung tidak menyumbang kepada kebahagiaan Islam atau umat Islam.

Sementara itu menjawab soalan tambahan Dr. Tan Seng Giaw (DAP-Kepong) Perdana Menteri berkata, Malaysia mengamalkan konsep pemerintahan yang paling liberal berbanding negara-negara lain di dunia termasuk Amerika Syarikat.

Jelas Dr. Mahathir, di Amerika, penduduk yang terdiri dari pelbagai kaum menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa kebangsaan dan setiap sekolah juga wajib menggunakaninya.

Beliau berkata, tidak ada bahasa lain yang disokong oleh kerajaan Amerika berbanding kerajaan negara ini yang membantu sekolah Cina dan Tamil termasuk kegiatan agama kedua-dua kaum seperti memberi bantuan untuk pembangunan gereja dan kuil.

"Kita lebih liberal dari kerajaan lain di dunia dan kita boleh berbangga dengan ini," katanya.

Menurut Perdana Menteri, tidak dinafikan satu cara yang paling baik untuk mendapatkan satu bangsa Malaysia yang tulen adalah menerusi asimilasi iaitu semua kaum yang bukan Melayu akan diserap jadi Melayu termasuk mengislamkan mereka.

Tetapi, jelas beliau, kerajaan tidak mahu kaum-kaum lain menukar nama, bangsa dan agama mereka semata-mata untuk menyatupadukan rakyat tetapi adalah mencukupi apabila tiba soal kepentingan negara, mereka bersatu padu sebagai bangsa Malaysia.

"Umpamanya semasa kita melawan penyangak mata wang, rakyat Malaysia bersatu padu dengan kerajaan dan tidak menimbulkan masalah, tidak ada rusuhan, tidak ada percubaan menggulingkan kerajaan tapi rakyat Malaysia sebagai bangsa Malaysia menyokong tindakan kerajaan, sebab itu kita berjaya," katanya.

Kata Perdana Menteri, tidak ada masalah jika setiap kaum inginkan perpaduan mereka sendiri tetapi ia hendaklah terhad kepada kepentingan kaum itu kerana walaupun mereka bersatu padu mengikut kaum tetapi dalam soal negara mereka akan bersatu sebagai bangsa Malaysia.

Beliau menarik perhatian pertemuan penyatuan Melayu antara Pas dan UMNO yang hanya terhad kepada beberapa perkara sedia ada dalam Perlembagaan yang perlu dipertahankan oleh orang Melayu.

"Kita tak minta lebih, lainlah kalau kita tuntut supaya orang Cina tak boleh jadi rakyat Malaysia, mereka mesti terima agama Islam dan masuk jawi (khitan).

"Kita tak suruh tuntut apa yang sudah menjadi hak kita dan tidak menyentuh hak orang lain sebabnya kita tahu walaupun agama Islam agama rasmi tapi agama-agama lain boleh dianuti."

"Bahasa Malaysia berdasarkan bahasa Melayu tapi bahasa lain boleh diguna dari peringkat sekolah hingga ke urusan mereka sendiri," katanya.

Ketika menjawab soalan tambahan Datuk Ruhanie Ahmad (BN-Parit Sulung), Dr. Mahathir berkata, beliau tidak tahu sama ada Pas ditekan oleh bukan Melayu atau oleh ahli Pas sendiri apabila mengenakan tiga syarat sebelum pertemuan penyatuan Melayu itu dapat diteruskan.

Beliau berkata, UMNO tidak mahu menolak syarat tersebut supaya tidak memberi peluang kepada sesiapa menuduh UMNO tidak ingin kepada perpaduan.

"Kita ingin perpaduan yang terhad seperti yang saya katakan tadi," katanya.

TU 070

29/03/2001

PM: Pas cuba perdaya Cina -- Sehingga Nik Aziz sanggup temui tauke-tauke di Bukit Pelandok

Oleh ZULKIFLI JALIL dan MARHAINI KAMARUDDIN

KUALA LUMPUR 28 Mac - Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan kaum Cina supaya tidak terperangkap dengan muslihat Pas yang kini semakin giat mengatur strategi cuba menjuarai isu-isu di kalangan mereka.

Malah, menurut Perdana Menteri, para penyokong Pas sendiri mengetahui muslihat pemimpin-pemimpin mereka tetapi merestui segala perbuatan itu sebagai strategi memancing undi bukan Melayu.

"Pas hari ini menganggap undi Melayu sudah dalam poket mereka, kalau dapat sokongan pengundi Cina mereka akan menang pilihan raya 2004.

"Saya harap orang Cina tidak akan tertipu dan orang Pas bukalah mata, jangan tutup mata," katanya.

Pendedahan itu dibuat oleh Perdana Menteri ketika berucap melancarkan majlis Pemimpin Bersama Rakyat 2001 di bawah Program Kumpulan Pendengar, Penonton dan Pembaca (K3P) di Kampung Sungai Mulia, Gombak di sini.

Program K3P, yang diperkenalkan pada 1987 adalah satu pendekatan baru Jabatan Penerangan dalam menyebarkan maklumat mengenai dasar-dasar kerajaan kepada rakyat.

Dr. Mahathir mendedahkan bagaimana taktik terbaru Pas cuba menjadi jaguh mempertahankan hak kaum Cina sehingga Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat sanggup menemui tauke-tauke ladang babi di Bukit Pelandok, Negeri Sembilan baru-baru ini.

Kunjungan pemimpin Pas itu, katanya, dilakukan semata-mata untuk menunjukkan Pas rapat dengan orang Cina sehingga Nik Abdul Aziz sendiri pergi menemui mereka.

Malah Dr. Mahathir mempersoalkan pemergian Menteri Besar Kelantan itu ke kawasan itu yang tidak pula menjanjikan apa-apa sedangkan parti komponen Barisan Nasional (BN) dari MCA, MIC serta UMNO memahami masalah yang dihadapi tauke ladang babi terbabit.

"Pas berbuat begitu hanya nak meraih undi Cina sahaja. Macam-macam lagi, misalnya Pas Kelantan beri 1,000 ekar (400 hektar) tanah kepada orang Cina untuk membina sekolah Cina.

"Di Terengganu pula, Menteri Besarnya (Abdul Hadi Awang) pelawa orang Cina buka kandang babi," katanya.

Dr. Mahathir percaya, penyokong Pas sendiri menyedari helah pemimpin mereka termasuk "Tok Guru" membohongi orang Cina tetapi merestuinya demi strategi parti.

"Bagi penyokong Pas, inilah caranya mengalahkan parti lawan...pergi ke kandang babi, kita balik samaklah (najisnya)," kata beliau.

Menurutnya, sejak berakhir pilihan raya umum yang lepas, Pas kian ghairah berkempen untuk menumbangkan kerajaan BN.

Berbanding negara-negara demokrasi yang lain, segala bentuk kempen dihentikan sebaik tamat pilihan raya bagi memberi peluang yang baru dibentuk melaksanakan program pembangunan.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, pembangkang di negara ini meningkatkan kempen ke seluruh negara sejurus selepas pilihan raya menerusi ratusan ceramah dan rapat umum untuk memburuk-burukkan kerajaan.

"Ini bukan cara demokrasi. Cara demokrasi, selepas pilihan raya hentilah (kempen), balik rumah jaga anak bini.

"Ini hari-hari berkempen, macam-macam fitnah. Kalau hari ini fitnah, esok bohong lagi, inilah Pas," katanya.

Dr. Mahathir kesal kerana khutbah pada hari Jumaat juga diisi dengan kutukan yang tidak sesuai diperdengarkan di masjid sehingga memecah-belahan umat Islam dan orang Melayu.

UMNO yang menjunjung ajaran Islam, kata Perdana Menteri, tidak mahu perpecahan berlaku di kalangan umat Islam dan orang Melayu.

Justeru, menurutnya, parti itu masih sanggup bersatu-padu dengan Pas biarpun dikutuk dan dilemparkan dengan bermacam-macam fitnah.

"Empat perkara sahaja yang (UMNO) minta dipertahankan kerana kita orang Islam dan bersaudara. Kita hendak melindungi empat perkara itu yang dipersetujui sebagai hak kita oleh kaum-kaum lain," katanya.

Dr. Mahathir kecewa kerana Pas menolak membincangkan empat perkara itu iaitu hak istimewa orang Melayu, kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, Islam agama rasmi dan status raja-raja Melayu.

Padahal, katanya, keempat-empat perkara itu turut melindungi hak kaum-kaum lain malah tidak bercanggah dengan perpaduan nasional yang menjadi syarat pertemuan penyatuan Melayu oleh Pas.

"Meskipun Islam agama rasmi dan bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan, bukan Melayu masih boleh terus menganuti agama masing-masing dan menggunakan bahasa ibunda mereka tanpa gangguan," katanya.

Sebaliknya, Perdana Menteri berkata, Pas cuba memancing undi di kalangan bukan Melayu kononnya mereka lebih mengutamakan perpaduan nasional daripada perpaduan Melayu.

TU 071

30/03/2001

Pegawai kedutaan Amerika hadiri pertemuan sulit Keadilan

Oleh MARHAINI KAMARUDDIN

PETALING JAYA 29 Mac - Beberapa pegawai kedutaan dari Amerika Syarikat, yang dikatakan "terlalu kecewa" kerana Datuk Seri Anwar Ibrahim disingkirkan dari kerajaan, menghadiri taklimat mengenai keadaan bekas Timbalan Perdana Menteri itu di sebuah hotel di sini hari ini.

Pertemuan yang dikawal ketat dan cuba dirahsiakan dari pengetahuan pihak media itu turut dihadiri oleh beberapa orang diplomat asing dari negara-negara lain termasuk Perancis, Indonesia, Kanada, Australia dan New Zealand.

Sumber Wisma Putra mengesahkan pembabitan beberapa diplomat berkenaan dalam pertemuan tersebut.

Utusan yang mendapat tahu mengenai pertemuan yang diatur atas nama Kempen Bebaskan Anwar (FAC) itu telah dihalang daripada memasuki dewan pertemuan tersebut.

Pengawasan ketat terhadap "pertemuan sulit" itu dapat dirasai apabila percubaan jurugambar media untuk merakamkan mereka yang menghadiri pertemuan itu juga dihalang atas alasan yang sama.

Taklimat hampir dua jam itu diadakan oleh Parti Keadilan Nasional (Keadilan) turut dihadiri oleh para pemimpin pertubuhan serta badan bukan kerajaan (NGO). Presiden Keadilan, Datin Seri Dr. Wan Azizah Ismail dipercayai memberi taklimat tersebut.

Ia dipercayai bertujuan mendapatkan sokongan pihak terbabit dalam memberi tekanan terhadap kerajaan supaya membenarkan Anwar menjalani rawatan penyakit tulang belakangnya di luar negara.

Naib Presiden Keadilan, Tian Chua yang ditemui pemberita, mendakwa berlaku salah-faham dalam pengumuman di laman web FAC yang memaparkan 'taklimat media' sedangkan ia merupakan majlis tertutup.

Media juga tidak dibenar mengambil risalah mengenai keadaan kesihatan Anwar yang diletakkan di kaunter pendaftaran peserta taklimat itu.

"Pertemuan ini adalah tertutup," kata Tiong Chua berulang kali.

Beliau kemudian terpaksa memanggil pihak keselamatan hotel dan mengiringi media keluar untuk memastikan tidak ada liputan dibuat terhadap pertemuan itu.

Tiong Chua yang dihubungi bagi mendapatkan maklumat mengenai kehadiran tetamu pada taklimat itu enggan membuat sebarang pengesahan.

TU 072

31/03/2001

Sah Fauzi letak jawatan -- Serah surat berkuat kuasa semalam kepada Setiausaha Politik MB Pahang

Oleh SAMSOR JUNET

KUANTAN 30 Mac - Ketua UMNO Bahagian Kuantan, Datuk Fauzi Abdul Rahman menyerahkan surat peletakan jawatan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pahang kawasan Beserah petang ini - mengesahkan hasratnya semalam untuk berbuat demikian.

Surat berkenaan diserahkan oleh setiausahaannya, Noor Ferizli Nordin kepada Setiausaha Politik Menteri Besar Pahang, Samsudin Nawawi pada kira-kira pukul 2.30 petang di kediaman Fauzi, di Bandar Indera Mahkota di sini.

Ketika ditemui di rumahnya selepas itu, Fauzi menegaskan, keputusan untuk meletakkan jawatan adalah muktamad.

Bagaimanapun, katanya: "Kecuali UMNO menyiasat dakwaan saya tentang politik wang dan sogongan itu sebagai betul dan setuju dengan saya, saya akan tarik balik."

"Saya mahu parti menyiasat dakwaan saya ini dan tidak mengecap saya sebagai orang yang kecewa," tegasnya.

Malam tadi, Fauzi membuat kejutan apabila mengumumkan hasratnya untuk meletakkan jawatan sebagai ADUN kawasan Beserah.

Keputusan itu dibuatnya selepas mengadakan pertemuan lebih sejam dengan Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob, di kediaman rasmi di Jalan Teluk Sisek, di sini.

Antara alasan yang diberikan oleh Fauzi ialah kerana merasakan dirinya tidak lagi diperlukan oleh UMNO bahagian itu berikutan trend pencalonan cawangan yang tidak memihak kepadanya.

Beliau menerima pencalonan daripada sembilan cawangan berbanding 29 yang diterima oleh Naib Ketua UMNO bahagian itu, Datuk Faisal Abdullah dan 20 pencalonan oleh Timbalan Ketua UMNO bahagian, Datuk Wan Adnan Wan Mamat. Pada pilihan raya umum lepas, Fauzi menewaskan calon Pas, Mohd. Yusof Ibrahim dengan majoriti 985 undi.

Mengulas surat peletakan jawatannya itu, Fauzi berkata, antara lain kandungannya mendedahkan penggunaan wang, pemberian hamper dan pengagihan daging lembu korban kepada ahli-ahli parti dalam kawasannya.

Beliau menegaskan, tindakannya itu bukan disebabkan kecewa tidak mendapat cukup pencalonan bagi mempertahankan jawatan ketua bahagian.

Tetapi, katanya, ia disebabkan kecewa kerana tidak mendapat sokongan daripada cawangan-cawangan UMNO dalam Dewan Undangan Negerinya di Beserah.

Beliau mendakwa, politik wang berlaku di kawasannya dan sebab itu tidak mendapat sokongan daripada cawangan-cawangannya yang diberikan pelbagai sogongan hadiah.

Mengulas saranan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad supaya ahli UMNO yang tidak mendapat cukup pencalonan supaya menerima hakikat itu, Fauzi berkata, beliau bersetuju dengan kenyataan Perdana Menteri.

"Saya setuju cakap PM itu, yang tak dapat cukup pencalonan tidak usah membuat masalah kepada parti.

"Saya tak buat masalah kepada parti. Saya berundur, ia bukannya masalah kepada parti, parti boleh memilih orang yang lebih baik" kata Fauzi.

Menjawab satu soalan, Fauzi berkata, tidak ada parti pembangkang yang mendekatinya supaya menyertai mereka.

Ditanya tentang kehadiran beberapa anggota Pas di rumahnya termasuk ADUN kawasan Jengka, Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man, Fauzi berkata, rumahnya itu dikunjungi ramai orang termasuk yang tidak menganggotai mana-mana parti politik untuk mendengar sendiri cerita daripadanya.

Beliau menegaskan: "Saya masih lagi ahli UMNO dan akan tetap setia dengan parti ini."

TU 073

31/03/2001

Tian Chua akui taklimat kepada diplomat asing

Oleh NIZAM YATIM

KUALA LUMPUR 30 Mac - Naib Presiden Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Tian Chua mengesahkan bahawa presiden parti itu, Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail telah menyampaikan taklimat kepada diplomat asing, semalam.

Beliau berkata, taklimat itu bertujuan memberi penerangan tentang keadaan kesihatan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Dalam penerangan tersebut, penjelasan telah dibuat merangkumi aspek perubatan dan undahig-undang berkaitan pilihan rawatan terbaik bagi Anwar," ujarnya dalam kenyataan di sini hari ini.

Beliau mengulas laporan Utusan hari ini yang menyebut bahawa majlis taklimat itu dihadiri oleh diplomat dari Kedutaan Amerika Syarikat, Perancis, Indonesia, Kanada, Australia dan New Zealand.

Taklimat selama hampir dua jam itu diadakan di sebuah hotel di Petaling Jaya, dekat sini.

Tian Chua menjelaskan, majlis itu bukan anjuran Keadilan atau Kempen Bebaskan Anwar (FAC) sebaliknya adalah inisiatif peribadi Dr. Wan Azizah.

"Pertemuan itu bukan sulit walaupun ia bersifat tertutup dan atas jemputan," ujarnya.

Tambahnya, jemputan itu telah dibuat kepada wakil dari pelbagai organisasi termasuk pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Beliau menegaskan bahawa pemimpin-pemimpin Barisan Alternatif yang lain tidak terlibat langsung dengan majlis taklimat itu.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar pada 26 Mac lalu menegaskan, Malaysia tidak akan tunduk terhadap sebarang tekanan kerajaan atau NGO dari negara asing yang mahukan Anwar menjalani pembedahan tulang belakang di luar negara.

03/04/2001

Hadi sedia bermuzakarah mengenai amanatnya

Oleh WAN ZULKIFLI WAN YAACOB

KUALA TERENGGANU 2 April - Timbalan Presiden Pas, Abdul Hadi Awang, sedia bermuzakarah dengan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dan Biro Hal Ehwal Islam UMNO mengenai Amanat Haji Hadi tanpa sebarang syarat.

Abdul Hadi menegaskan, terserah kepada mana-mana pihak menentukan bentuk muzakarah, sama ada ia harus dilakukan secara tertutup atau terbuka asalkan ia dapat dilangsungkan.

"Tiada sebarang syarat untuk itu," katanya kepada pemberita di sini hari ini ketika ditanya sama ada syarat tertentu akan turut dikenakan bagi membolehkan ia dilangsungkan.

Katanya, beliau sedia menghadirinya jika diadakan pada bila-bila masa yang difikirkan sesuai.

Beliau yang juga Menteri Besar Terengganu berkata, sekiranya perbincangan ingin diadakan, ia seharusnya berteraskan ilmiah dan secara akademik oleh mereka yang ahli.

"Kami sentiasa bersetuju diadakan perbincangan secara akademik oleh mereka yang ahli. Cadangan ini telah kami kemukakan sejak beberapa tahun yang lalu," ujar Abdul Hadi.

Beliau berpendapat muzakarah adalah sebaik-baik jalan penyelesaian mengakhiri isu yang berlarutan sejak 20 tahun lalu.

Abdul Hadi menyatakan demikian ketika diminta mengulas kenyataan Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, bahawa Pas sedia bermuzakarah dengan UMNO mengenai amanat itu.

Bagaimanapun menurut Nik Abdul Aziz, muzakarah itu perlu dibuat dengan Abdul Hadi kerana amanat itu membabitkan beliau (Abdul Hadi) sahaja dan bukannya orang lain.

Sebelum ini, Biro Hal Ehwal Islam dan Pembangunan Sosial UMNO Terengganu telah menyatakan kesediaan untuk bermuzakarah dengan Abdul Hadi berhubung amanat yang dikaitkan dengan penyelewengan akidah dan perpecahan dalam masyarakat.

Malah Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri, Datuk Idris Jusoh, juga dilaporkan berkata bahawa rakyat Terengganu sedia menjadi saksi untuk membuktikan kesan buruk yang timbul dalam kehidupan bermasyarakat ekoran amanat tersebut.

Idris juga mengesyaki Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan mengambil tindakan serius bagi menangani isu Amanat Haji Hadi yang dikatakan masih mempengaruhi sebahagian daripada rakyat.

Bagaimanapun, Abdul Hadi tidak memberikan sebarang reaksi terhadap muzakarah itu tetapi Naib Presiden Pas, Mustafa Ali berkata, ia tidak perlu diperbincangkan kerana tidak mempunyai sebarang asas.

Abdul Hadi berkata, terserah sama ada beliau sahaja yang akan dipanggil untuk menghadiri muzakarah itu atau bersama dengan anggota Dewan Ulama Pas.

Beliau berpendapat adalah lebih baik kesiranya muzakarah itu dilakukan secara terbuka dan boleh juga secara langsung melalui televisyen.

Abdul Hadi berkata, masyarakat boleh terima secara 'terpelajar' apa yang diperbincangkan dan percaya ia boleh selesaikan isu berkenaan.

Ditanya sama ada benar beliau sendiri sudah ragu-ragu dengan isu amanat yang dipetik daripada ucapannya kira-kira 20 tahun lalu itu, beliau berkata:

"Saya tidak cuak, sebenarnya saya bersyukur kerana telah dapat menyampaikan mesej yang masih tidak dilupakan orang."

TU 079

05/04/2001

Campur tangan asing -- Diplomat tidak wajar hadiri taklimat tertutup
Keadilan - Syed Hamid

KUALA LUMPUR 4 April - Tindakan beberapa kedutaan asing menghadiri taklimat tertutup Parti Keadilan Nasional (Keadilan) mengenai isu Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Khamis lalu telah mencampuri urusan politik dalaman negara ini, kata Menteri Luar, Datuk Syed Hamid Albar.

Beliau berkata, taklimat oleh Presiden Keadilan, Datin Seri Dr. Wan Azizah Ismail itu bukanlah mesyuarat tahunan parti pembangkang atau mesyuarat yang terbuka kepada semua orang.

Sebaliknya, tegas beliau, ia membincangkan perkara-perkara yang mempunyai konotasi politik dan perjuangan politik parti itu.

"Oleh itu kita tidak berpuas hati kerana perjumpaan tertutup itu membincangkan isu Anwar, isu politik,bukannya isu perubatan yang boleh ditangani dalam negara ini," katanya sambil merujuk kepada pertemuan Dr. Wan Azizah dengan beberapa diplomat asing di sebuah hotel di Petaling Jaya, 29 Mac lalu.

Sehubungan itu, beliau memberitahu, Wisma Putra akan memanggil semua kedutaan asing di negara ini secepat mungkin untuk menjelaskan keadaan sebenar politik di negara ini termasuk isu Anwar.

Beliau menambah pegangan kerajaan Malaysia ialah tidak menjadi kesalahan mana-mana kumpulan atau kedutaan asing mengumpulkan maklumat keadaan dalam sesebuah negara tetapi ia tidak sepatutnya melibatkan isu politik dalam negara itu yang bertentangan dengan etika diplomatik.

"Jika mereka terlibat dengan urusan dalaman khasnya politik, ia jelas berlawanan..." tegasnya kepada pemberita selepas menerima kunjungan rakan sejawatannya dari Mauritius, A.K.Gayan di Wisma Putra di sini, hari ini.

Menurutnya, antara kedutaan asing yang menghantar diplomat pada perjumpaan itu ialah Australia, Britain,Kanada, Perancis, Indonesia, Singapura, Sepanyol, Sweden, Holland, Amerika Syarikat, Jerman dan New Zealand.

Syed Hamid seterusnya berkata: "Jika langkah itu untuk mengenakan tekanan kepada kerajaan, kita tidak akan tunduk dengan mana-mana kumpulan atau individu asing yang cuba mempolitikkan isu kesihatan Anwar."

"Ada minat pada Keadilan untuk melibatkan negara-negara luar. Baru-baru ini anak Anwar pergi ke Jerman dan berjumpa dengan Hak Asasi Jerman," jelas Syed Hamid.

Ketika menjawab satu pertanyaan, Syed Hamid berkata pihaknya akan menghantar bantahan rasmi, jika perwakilan asing di negara ini terus menghadiri perjumpaan tertutup sedemikian rupa.

Kata Menteri Luar, pada satu pertemuan baru-baru ini beliau telahpun menyatakan pendirian Malaysia kepada rakan sejawatannya dari New Zealand.

"Pegangan New Zealand ialah mereka tidak campur tangan dalam hal ehwal politik Malaysia tetapi sekadar mengumpulkan maklumat sosioekonomi dan politik," jelasnya.

Sementara itu Syed Hamid menegaskan, kerajaan Malaysia tetap berpegang kepada pendiriannya bahawa isu Anwar adalah semata-mata isu perubatan dan tidak seharusnya dipolitikkan.

Isu perubatan Anwar itu pula boleh diselesaikan di peringkat dalam negara, tambahnya lagi.

Mengulas lanjut layanan yang diberikan kepada Anwar yang sedang menjalani hukuman penjara, Syed Hamid berkata, dan terbaik untuk seorang banduan.

Beliau turut merujuk kepada Resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengenai layanan kepada banduan pada tahun 1990, yang antara lain, menyatakan bahawa banduan mempunyai hak mendapatkan rawatan di dalam negara tanpa berlaku diskriminasi berdasarkan keadaan undang-undang.

"Kerajaan melalui Jabatan Penjara telah menjalankan tanggungjawab sejajar dengan prinsip dan resolusi PBB serta berperikemanusiaan," ujarnya.

TU 080

08/04/2001

Punca Dr. M tentang Pas - 'Pemimpin parti itu mahu gagalkan kemajuan umat Islam'

Oleh MEOR HARMAN MEOR SHAKRI dan YULPISMAN ASLI

GUA MUSANG 7 April - Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, penentangan keras beliau terhadap Pas berpunca daripada usaha pemimpin parti itu yang mahu menggagalkan kemajuan umat Islam negara ini melalui tindakan yang bertentangan dengan ajaran agama.

Perdana Menteri menegaskan, Pas bukanlah parti Islam seperti yang didakwa oleh pemimpinnya, sebaliknya parti itu bertanggungjawab mengkhianati orang Islam.

Katanya, Pas sehingga kini masih dapat menipu pengikut-pengikutnya 'Sehinggakan mereka menjadi taksub kepada parti itu malah tidak dapat diperbetulkan lagi.'

"Kita terang macam mana pun kepada pengikut Pas, dia masih kata itu juga. Pengikut Pas kata dia betul, dia Islam. Sebenarnya dia jauh daripada Islam bahkan mengkhianati perjuangan orang Islam," katanya yang juga Presiden UMNO pada sidang akhbar selepas merasmikan persidangan perwakilan UMNO bahagian Gua Musang di sini hari ini.

Turut hadir ialah Ketua UMNO bahagian Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah; Setiausaha Agung UMNO, Tan Sri Khalil Yaakob dan Ketua Penerangan UMNO yang juga Ketua Perhubungan UMNO Kelantan, Datuk Mustapa Mohamed.

Dr. Mahathir juga mengingatkan ahli-ahli UMNO agar tidak terpedaya dengan hujah-hujah para pemimpin Pas dalam ceramah anjuran parti tersebut.

Beliau juga berkata, Pas tidak mempedulikan mengenai perundingan perpaduan orang Melayu seperti yang dicadangkan oleh UMNO malah lebih gemar berceramah dan memaki para pemimpin UMNO.

"Bila saya kata macam ini mungkin orang kata ini akan menjelaskan perjumpaan perpaduan orang Melayu. Tapi sepanjang masa kita (UMNO) berusaha mengadakan perundingan perpaduan ini, Pas mengecam kita sepanjang masa.

"Ceramah Pas satu hari sebanyak 100 ceramah, maki kita...kata kita (UMNO) macam-macam malah panggil saya Firaun," ujarnya.

Dr. Mahathir menegaskan, perbincangan yang dicadangkan cuma berkenaan dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan kepentingan orang Melayu.

"Jadi dalam perkara itu kita boleh bersatu, cuma bersatu dalam mengadakan pendirian. Sebab itu saya kata kita (UMNO) masih boleh terus bermusuh dengan Pas dan Pas pun boleh terus bermusuh dengan kita," ujarnya.

Pertemuan itu yang mulanya dijadualkan pada 19 Februari lepas tidak menjadi kenyataan apabila Pas mahu UMNO memenuhi tiga syaratnya.

Tiga syarat tersebut ialah supaya penerbitan organ rasmi Pas, Harakah, dikembalikan dua kali seminggu dan bayaran royalti minyak kepada kerajaan Terengganu dipulangkan.

Syarat ketiga, supaya UMNO tidak menerusikan rancangan ke arah menggugurkan perkataan 'Islam' pada parti itu (Parti Islam Se-Malaysia) bagaimanapun tidak lagi timbul, berikutan keputusan Majlis Raja-Raja baru-baru ini membenarkan nama Islam digunakan pada pertubuhan atau persatuan.

Sementara itu ketika diminta mengulas ucapan Tengku Razaleigh yang mahu agar beliau meneruskan khidmatnya kepada parti dan negara, Dr. Mahathir berkata: "Saya ucap terima kasihlah, saya ini dah tua sepatutnya penceran tetapi kalau orang suruh saya buat kerja, saya kerjalah. Kadang-kadang kena KSMlah...Kerja Sampai Mati."

Sebelum itu dalam ucapannya, Perdana Menteri berkata, Kelantan ketinggalan di segi pembangunan kerana ia ditadbir oleh pemimpin yang tidak cekap.

Menurutnya, Pas yang telah diberi peluang memerintah Kelantan sejak lebih 10 tahun lalu jelas gagal menjadikan negeri yang majoriti penduduknya Melayu sebagai contoh di segi pembangunan.

"Apa kejayaan Pas dalam membangunkan Kelantan? Kita akui mereka (pemimpin-pemimpin Pas) boleh membaca doa dan sebagainya, tetapi dalam pentadbiran mereka tidak ada pengetahuan," jelasnya.

Keadaan ini katanya, menyebabkan ramai cerdik pandai dan rakyat Kelantan berhijrah ke negeri lain untuk mencari peluang-peluang pekerjaan.

Menurut Dr. Mahathir, ketidakcekapan pemimpin Pas terbukti apabila mereka menentang langkah kerajaan tidak mendapatkan bantuan Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) dalam memulihkan ekonomi negara.

Beliau berkata, Malaysia sebenarnya telah memilih langkah yang betul kerana tidak meminjam dengan IMF sebagaimana negara jiran seperti Indonesia.

"Kalau negara salah menolak IMF, maka sudah tentu yang berhijrah (untuk mendapatkan peluang pekerjaan) adalah orang Malaysia ke Indonesia, bukan Indonesia ke Malaysia," tegasnya.

Sehubungan itu jelas Dr. Mahathir, pelaksanaan demokrasi adalah baik kerana ia memberi peluang kepada rakyat untuk memilih kerajaan yang bakal memerintah, tetapi jika tersalah pilih mereka akan menerima padahnya.

Justeru kata beliau, rakyat Kelantan seharusnya memilih kerajaan dengan melihat rekod pencapaian mereka bukannya atas dasar sikap membenci.

Katanya, UMNO sebagai parti pemerintah mempunyai rekod terbaik yang berjaya membangunkan Malaysia sejak merdeka berbanding negara-negara seangkatan dengannya.

"Harap rakyat Kelantan terus membuat penilaian yang baik, tolak yang buruk. UMNO tidak akan salah guna kuasa untuk menindas orang yang lemah," ujarnya.

Untuk itu, Dr. Mahathir menyarankan agar setiap ahli UMNO terus berusaha mengembangkan parti itu kepada generasi muda yang dihasut oleh Pas.

"Tuan-tuan (ahli-ahli UMNO) mempunyai tanggungjawab berat bukan kepada parti, pemimpin tetapi kepada agama, bangsa dan negara," katanya.

TU 083

12/04/2001

Pakatan sulit reformasi -- Polis dedah rancangan cetus demonstrasi militan besar-besaran

Oleh KAMARUZAMAN MOHAMAD dan AZIAN ABD. AZIZ

KUALA LUMPUR 11 April - Polis hari ini mendedahkan satu kumpulan sulit yang dianggotai oleh lebih 20 orang aktivis reformasi telah diwujudkan bagi mencetuskan demonstrasi jalanan besar-besaran bercorak militan menjelang pilihan raya umum 2004.

Kumpulan tersebut didapati telah mengadakan 12 perjumpaan sulit sejak 6 Januari tahun ini hingga 4 April lalu bagi merealisasikan perancangan mereka itu.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai berkata, 'tindakan yang bercanggah dengan perlembagaan itu adalah sebahagian daripada keputusan yang dibuat oleh aktivis reformasi tersebut pada akhir tahun lalu.'

Selain tindakan tersebut, tegasnya, aktivis reformasi juga akan melibatkan diri dalam proses demokrasi yang normal dan sistem pilihan raya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar di Bukit Aman petang ini. Turut hadir Pengarah Cawangan Khas, Datuk Yusuf Rahaman.

Norian menjelaskan, sehubungan itu polis setakat ini telah menahan tujuh aktivis reformasi terbabit di bawah Seksyen 73 (1) Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) 1960, hari ini dan semalam.

Mereka ialah Ketua Pemuda Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Mohamad Ezam Mohd. Noor, 34; Naib Presiden Keadilan, Chua Tian Chang (atau Tian Chua), 37; Hishamuddin Rais, 50, Saari Sungib, 43; N. Gobala Krisnan, 41; Raja Petra Raja Kamarudin, 49, dan Abdul Ghani Haroon, 36.

Norian menegaskan aktivis reformasi itu juga mempunyai perancangan terpenting dalam masa terdekat ini iaitu menganjurkan demonstrasi jalanan yang dipanggil 'Black 14' secara besar-besaran di ibu negara pada hari Sabtu ini.

Bagaimanapun tegasnya bagi mengelirukan pihak keselamatan, perhimpunan tersebut dipanggil 'Perhimpunan Penyerahan Memorandum Rakyat Mengenai Hak Asasi Manusia' dengan rancangan mengumpulkan lebih kurang 50,000 yang akan berhimpun di sekitar ibu negara.

"Perhimpunan serta perarakan ini berpotensi menjadi rusuhan," tegas Norian.

Ketua Polis Negara memberitahu kegiatan reformasi yang bermula pada bulan September 1998 adalah merancang untuk menggulingkan kerajaan melalui demonstrasi jalanan secara besar-besaran dan bersiap sedia untuk bertindak secara militan melalui beberapa pendekatan;

* Melaksanakan langkah-langkah tertentu untuk mendapatkan bahan letupan termasuk bom dan pelancar roket, menggunakan 'molotov cocktail', 'ball bearing' serta berbagai senjata berbahaya untuk menyerang pihak keselamatan bagi menimbulkan huru-hara semasa demonstrasi jalanan di ibu negara pada bulan Oktober 1998.

Mendapatkan bantuan dan sokongan guru-guru silat serta mempengaruhi sebilangan bekas pegawai dan anggota keselamatan supaya menyertai gerakan mereka.

Norian berkata, bagi membendung trend militan gerakan reformasi tersebut, polis telah mengambil tindakan ke atas 28 orang aktivis reformasi di bawah Seksyen 73 (1) ISA 1960 antara 20 September 1998 hingga 24 Disember 1998.

"Tindakan-tindakan polis itu telah dapat meredakan keadaan buat sementara waktu," katanya.

Beliau menambah pada pertengahan tahun 1999, aktiviti gerakan reformasi muncul kembali dengan berselindung di sebalik platform sebuah parti politik.

Bagaimanapun, katanya, sebilangan daripada mereka telah menjalankan kegiatan-kegiatan yang boleh mewujudkan ketegangan kaum melalui isu-isu keagamaan dan perkauman.

Norian berkata, di antaranya ialah menyebarkan berita-berita palsu yang menggemparkan seperti dakwaan bahawa ramai orang Melayu telah dikristiankan semasa pilihan raya kecil Lunas yang lalu.

"Ciri-ciri militan semasa pilihan raya kecil itu juga dilakukan oleh aktivis reformasi melalui perbuatan ganas dengan mengancam, mengugut dan menakut-nakut para pengundi serta orang ramai," ujarnya.

Menyentuh mengenai penahanan ketujuh-tujuh aktivis reformasi itu Norian memberitahu ia dilakukan kerana terdapat maklumat-maklumat mengenai penglibatan mereka dalam kegiatan yang boleh memudaratkan keselamatan negara,"

"Pihak polis perlu menjalankan siasatan rapi di atas maklumat-maklumat tersebut," jelas beliau.

Norian berkata, pihak polis akan membuat beberapa lagi tangkapan untuk siasatan kes yang sama dan pihak polis juga sedang menyiasat mengenai kemungkinan penglibatan pihak luar negara dalam kumpulan ini dalam membantu merealisasikan rancangan mereka.

"Adalah jelas aktivis reformasi sanggup melaksanakan kegiatan-kegiatan di luar perlembagaan dan undang-undang demi mencapai matlamat mereka.

"Oleh itu tindakan di bawah Seksyen 73 (1) ISA diambil kerana pihak polis percaya ada alasan-alasan untuk menahan mereka di bawah Seksyen 8 ISA kerana telah bertindak dengan cara yang memudaratkan keselamatan negara," tegas beliau lagi.

TU 084

13/04/2001

PM: Penahanan ISA wajar -- Polis ada bukti bahan letupan mahu diguna dalam demonstrasi Sabtu ini

Oleh ISMAIL DAUD dan MOHD. RADZI MOHD. ZIN

KUALA LUMPUR 12 April - Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, penahanan tujuh orang anggota pembangkang di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) adalah untuk mencegah berlakunya demonstrasi yang akan membawa kepada keganasan dan kemusnahan.

Menurut Perdana Menteri, tangkapan itu berdasarkan bukti polis yang mereka merancang menggunakan bahan letupan dalam demonstrasi jalanan besar-besaran yang dipanggil perhimpunan Black 14 pada Sabtu ini.

"Ada bukti mereka merancang menggunakan bahan letupan, kita tidak mahu ia berlaku sebab itu kita ambil tindakan," ujarnya.

Dr. Mahathir berkata, penahanan mengikut ISA masih relevan dan berguna untuk mengelak kejadian yang tidak diingini berlaku.

Jelasnya, kalau sesuatu kerosakan telah berlaku atau melibatkan orang terbunuh dan sebagainya, tindakan yang diambil tidak berguna lagi.

"Polis memutuskan bahawa mereka tidak akan melayani demonstrasi ini kerana ia boleh menyebabkan keganasan dan kita tidak tahu apa jenis kerosakan yang akan berlaku," katanya kepada pemberita selepas melancarkan bahan tampalan gigi terkini Silverfil, di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas penangkapan tujuh aktivis reformasi di bawah Seksyen 73(1) ISA, semalam dan kelmarin.

Mereka ialah Ketua Pemuda Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Mohamad Ezam Mohd. Noor, 34; Naib Preside Keadilan, Chua Tian Chang (Tian Chua), 37; Hishamuddin Rais, 50; Saari Sungib, 43; N. Gobala Krisnan, 41; Raja Petra Raja Kamarudin, 49; dan Abdul Ghani Haroon, 36.

Polis membuat tangkapan itu setelah mereka dikatakan terlibat dalam kumpulan sulit yang dianggotai oleh lebih 20 orang aktivis reformasi yang diwujudkan bagi mencetus demonstrasi jalanan besar-besaran bercorak militan menjelang pilihan raya umum 2004.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam berkata, penahanan tujuh aktivis reformasi itu bukan atas kapasiti parti pembangkang sebaliknya individu yang didapati mengugat keselamatan negara.

Mengulas perkara yang sama, Dr. Mahathir berkata, secara kebetulan kesemua yang ditahan terdiri daripada anggota parti pembangkang.

"Kita menerima pembangkang yang sah, mereka yang menggunakan prosedur demokrasi biasa... kita tidak fikir demokrasi dan keganasan adalah prosedur demokrasi," katanya.

Mengenai reaksi antarabangsa termasuk media berhubung penahanan itu, Perdana Menteri berkata:

"Seperti biasa, media asing akan menghentam kita... mereka tidak pernah menyiarkan berita baik tentang kita walaupun kita melayan mereka dengan baik."

Dalam hubungan ini Dr. Mahathir menjelaskan, kerajaan tidak boleh mengutamakan hak asasi satu kumpulan kecil yang mempunyai kepentingan tertentu, yang menghalang hak asasi majoriti.

Katanya, hak asasi majoriti rakyat untuk bermiaga dan hidup dalam keadaan stabil tanpa tekanan serta rusuhan adalah keutamaan kerajaan.

"Jadi, kita ada tugas kepada rakyat dan negara kita," tegasnya.

Mengulas mengapa polis tidak mengambil tindakan mengikut undang-undang lain ke atas kesemua anggota pembangkang itu, Dr. Mahathir berkata, polis mungkin berpendapat tindakan itu tidak efektif dalam mencegah berlakunya perhimpunan tersebut.

Katanya, mereka boleh ditahan mengikut undang-undang lain tetapi ia memerlukan bukti dan proses tertentu.

Beliau berkata, di bawah ISA mereka boleh ditahan selama 60 hari dan jika selepas itu mereka didapati dan ada bukti masih mengancam keselamatan mereka akan ditahan selama dua tahun.

"Kalau tidak, dia akan dibebaskan," jelasnya.

Ditanya mengenai kemungkinan ada tangkapan baru melibatkan ISA, Dr. Mahathir berkata, beliau tidak tahu mengenai perkara itu.

"Saya tak tahu tetapi ia bergantung kepada polis, mereka kata mungkin ada lagi yang akan ditangkap," tambahnya.

TU 085

13/04/2001

Polis bertanggungjawab soal keselamatan, bukan Suhakam

Oleh MOHD. ASUKI ABAS

KUALA LUMPUR 12 April - Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegaskan, polis bertanggungjawab penuh terhadap soal keselamatan negara dan bukannya Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam).

"Suhakam tidak bertanggungjawab terhadap keselamatan negara, polis yang bertanggungjawab," kata Perdana Menteri.

Dr. Mahathir menjelaskan perkara itu ketika diminta mengulas desakan Suhakam supaya kerajaan membebaskan kesemua tujuh aktivis reformasi yang ditahan di bawah Seksyen 73(1) Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), semalam dan kelmarin.

Beliau memberitahu pemberita demikian selepas melancarkan bahan tampalan gigi terkini Silverfil, di sini.

Setiausaha Suhakam, Kamaruddin Mohamed Baria dalam kenyataan semalam berkata, Suhakam meminta pihak berkuasa membebaskan segera tahanan terbabit dan semuanya perlu dihadapkan ke mahkamah terbuka jika mereka melakukan sebarang kesalahan.

Selaku badan hak asasi manusia di negara ini, katanya, ia akan meminta kebenaran untuk menemui mereka bagi meneliti keadaan kesihatan iaitu dari segi mental dan fizikal.

Mereka juga perlu dibenarkan berjumpa dengan ahli keluarga, doktor dan peguam masing-masing.

Menurutnya lagi, walaupun kerajaan nampak bersedia untuk membincangkan isu-isu hak asasi manusia, penahanan tanpa perbicaraan merupakan satu pelanggaran hak asasi manusia yang asas.

Sementara itu Suhakam hari ini tetap dengan pendirian agar semua tujuh aktivis reformasi dibebaskan segera, walaupun menerima kritikan dari para pemimpin kerajaan.

Dalam reaksi kepada kenyataan Dr. Mahathir hari ini, Naib Pengurusinya, Tan Sri Harun Hashim berkata:

"Dari segi undang-undang dibolehkan untuk membuat kenyataan dan kita telah buat kenyataan. Ini undang-undang Parlimen, bukan Suhakam yang buat."

Harun yang dihubungi menambah, adalah terlalu awal untuk Suhakam mengambil tindakan susulan kerana "kita perlu lihat sama ada boleh atau tidak untuk tindakan lanjut diambil."

"Kita tengok apa jadi selanjutnya, kemudian baru kita berjumpa (bermesyuarat).

"Sekarang masih terlalu awal untuk membalas komen," tambahnya lagi.

TU 091

19/04/2001

16 termasuk ketua bahagian UMNO kena tunjuk sebab

Oleh ISMAIL DAUD

KUALA LUMPUR 18 April - Sebanyak 16 orang ahli UMNO termasuk beberapa penyandang jawatan ketua bahagian diberikan surat tunjuk sebab berhubung tuduhan melanggar tataetika pemilihan peringkat bahagian.

Pengerusi Lembaga Disiplin UMNO, Tan Sri Tengku Ahmad Rithauddeen Tengku Ismail berkata, sebahagian besar daripada tuduhan terbabit adalah berkaitan politik wang dan salah guna kuasa.

"Sebahagian adalah pemimpin bahagian, sebahagian lagi mereka yang mempertahankan jawatan dan ada juga muka baru," katanya ketika ditanya sama ada ketua bahagian turut diberikan surat tunjuk sebab itu.

Beliau menjelaskan perkara itu kepada pemberita selepas mempergerusikan mesyuarat lembaga tersebut di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini hari ini.

Menurutnya, kesemua mereka yang berkenaan diberikan tempoh secukupnya untuk menjawab surat tersebut.

"Sebahagian daripada mereka telah pun dipanggil memberi keterangan kepada lembaga disiplin berhubung tuduhan yang mereka hadapi," katanya sambil memberitahu pihaknya setakat ini telah menerima 236 aduan daripada ahli-ahli UMNO.

Walaupun sebahagian daripada 16 orang berkenaan telah dipanggil, Tengku Ahmad Rithauddeen berkata, kesemua kes terbabit belum selesai dan siasatan masih diteruskan.

Beliau turut tidak menolak kemungkinan ahli panel lembaga disiplin akan melawat ke bahagian-bahagian yang terlibat untuk siasatan secara lebih mendalam.

Katanya, sekiranya siasatan mendapati mereka bersalah, mereka akan dilucutkan daripada jawatan yang dimenangi itu.

Mengenai 236 aduan yang diterima oleh Lembaga Disiplin, beliau berkata, sebahagian daripadanya tidak termasuk di bawah bidang kuasa Lembaga Disiplin kerana ia lebih berbentuk pelanggaran peraturan mesyuarat terutama mesyuarat agung cawangan.

"Kes-kes seperti itu akan kita rujuk kepada Jawatankuasa Pemilihan di peringkat negeri untuk diselesaikan.

"Lembaga Disiplin hanya menyiasat kes-kes salah guna wang dan kuasa iaitu kesalahan di bawah Tata Etika 2.1 dan 2.2 Perlembagaan UMNO," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, pihak yang membuat aduan perlu mengemukakan bukti kukuh termasuk saksi bagi membolehkan Lembaga Disiplin mempertimbangkan kes mereka.

"Ini tugas mereka (yang membuat aduan) sebagai sokongan kepada aduan mereka. Kalau tidak ada bukti kukuh, sukar untuk kita mendengar," jelasnya.

Beliau juga memberitahu bahawa Lembaga Disiplin sedang berusaha menyelesaikan semua aduan yang diterimanya sebelum mesyuarat agung UMNO pada Jun ini.

"Kita telah membentuk lima tribunal untuk mempercepatkan siasatan dan tribunal ini mungkin akan melawat ke negeri-negeri untuk menjalankan tugasnya," katanya.

Mengenai dakwaan Ketua UMNO Bahagian Kuantan, Datuk Fauzi Abdul Rahman berhubung politik wang di bahagian itu, Tengku Ahmad Rithauddeen berkata, siasatan masih diteruskan.

Setakat ini, katanya, Jawatankuasa Siasatan Khas yang diketuai oleh peguam UMNO, Tan Sri Zaki Tun Azmi telah pun menghantar satu laporan awal kepada pucuk pimpinan parti.

20/04/2001

Konsulat kita di Pontianak diarah tutup serta-merta

Oleh MARZUKI YUSOFF dan HAMDEN RAMLI

KUALA LUMPUR 19 April - Pejabat konsulat Malaysia di Pontianak diletakkan dalam keadaan berjaga-jaga dan ahli keluarga mereka diarah meninggalkan wilayah itu berikutan ancaman penduduk untuk menyerang bangunan tersebut.

Ancaman itu dipercayai berpunca daripada kemarahan rakyat tempatan terhadap insiden-insiden melibatkan pembantu rumah berasal dari Kalimantan yang berlaku di Sarawak.

Serentak itu Kementerian Luar hari ini mengarahkan penutupan sementara konsulat Malaysia berkenaan berkuat kuasa serta-merta sebagai langkah pencegahan.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, Kementeriannya juga telah mengambil tindakan memindahkan ahli-ahli keluarga para pegawai di konsulat Malaysia itu.

Menurut beliau, tindakan itu juga diambil setelah konsulat Malaysia berkenaan dinasihatkan supaya memindahkan segera ahli keluarga pegawai-pegawai konsulat demi keselamatan mereka.

"Atas nasihat ini, kementerian telah mengambil tindakan memindahkan sembilan orang ahli keluarga ke Kuching dan empat orang lagi ke Kuala Lumpur dengan pesawat Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM)," katanya kepada para pemberita dilobi Parlimen, hari ini.

"Kita juga menerima laporan di mana lapan buah kereta dan sebuah bas membawa rakyat Malaysia yang dalam perjalanan ke Pontianak telah ditahan," katanya.

Bagaimanapun jelas beliau, tidak ada laporan mengenai kecederaan atau kematian melibatkan rakyat Malaysia di wilayah itu setakat ini.

Menurut Syed Hamid, langkah drastik yang diambil itu adalah tindakan sementara dan konsulat akan beroperasi sepenuhnya apabila keadaan keselamatan kembali pulih.

Ditanya sama ada tindakan kementerian itu ada kaitan dengan konflik berdarah yang tercetus antara kaum Dayak dan Madura, beliau berkata, faktor itu turut diambil kira walaupun keadaan di wilayah itu sudah terkawal.

Kata beliau, kementeriannya bagaimanapun masih menempatkan tiga kaunselor di pejabat untuk melaporkan keadaan semasa kepada kedutaan Malaysia di Jakarta dan Wisma Putra.

"Walaupun kita menutup sementara pejabat konsulat, keadaan adalah terkawal. Tidak ada masalah kerana kita telah diberitahu awal. Jadi kita ambil langkah pencegahan dengan memindahkan kaum keluarga dan menempatkan tiga kaunselor untuk membuat laporan," katanya.

Beliau turut menasihatkan rakyat Malaysia menangguhkan dahulu perjalanan ke Kalimantan Barat sehingga ada jaminan mengenai keselamatan mereka.

Menurut Syed Hamid, tindakan berjaga-jaga turut dilakukan di pejabat konsulat Malaysia di Medan berikutan ancaman demonstrasi oleh persatuan nelayan dari wilayah berkenaan.

21/04/2001

Badrulamin ditahan bawah ISA

KANGAR 20 April - Seorang lagi aktivis reformasi, Badrulamin Bahron ditahan polis di bawah Seksyen 73 (1) Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) 1960 di rumahnya di Kepong, Selangor, pada pukul 1.30 pagi ini, kata Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai.

Beliau berkata, penahanan Badrulamin, 40, merupakan sambungan dari siri tangkapan tujuh aktivis reformasi pada 10 dan 11 April lalu.

Sebelum ini, polis telah memberkas tujuh aktivis reformasi iaitu Ketua Pemuda Parti Keadilan, Mohamad Ezam Mohd. Noor, Naib Presiden Keadilan, Chua Tian Chang (atau Tian Chua), Hishamuddin Rais, Saari Sungid, N.Gobala Krishnan, Raja Petra Raja Kamarudin dan Abdul Ghani Haron.

Menurutnya, polis berkemungkinan akan menahan beberapa orang lagi yang dikehendaki selepas ini berhubung dengan kegiatan demonstrasi jalan-jalan serta lain-lain kesalahan yang menyalahi undang-undang.

"Saya suka maklumkan bahawa ia (penahanan Badrul) bukanlah menandakan bermulanya satu siri tangkapan yang baru. Ini adalah sambungan tangkapan awal."

"Kita mempunyai beberapa lagi orang sasaran tetapi saya tidak mahu menyatakan secara tepat berapa orang," katanya pada sidang akhbar di Hotel Putra Palace di sini hari ini.

Norian, bagaimanapun, memberitahu alasan penahanan Badrul juga sama seperti yang dijelaskan pada sidang akhbar yang awal semasa penahanan tujuh orang sebelum ini.

Pada sidang akhbar itu, beliau mendedahkan satu kumpulan sulit yang dianggotai oleh lebih 20 orang aktivis reformasi telah diwujudkan bagi mencetuskan demonstrasi jalan-jalan besar-besaran bercorak militan menjelang pilihan raya umum 2004.

Kumpulan tersebut didapati telah mengadakan 12 perjumpaan sulit sejak 6 Januari tahun ini hingga 4 April lalu bagi merealisasikan perancangan mereka itu.

Norian berkata, tindakan yang bercanggah dengan perlumbagaan itu adalah sebahagian daripada keputusan yang dibuat oleh aktivis reformasi tersebut pada akhir tahun lalu.

Demonstrasi jalan-jalan yang dipanggil 'Black 14' yang diadakan pada Sabtu lalu juga merupakan perancangan terpenting aktivis reformasi tersebut.

Dalam pada itu, Norian menegaskan bahawa penahanan lapan aktivis reformasi itu di bawah ISA bukan mewakili parti-parti pembangkang sebaliknya sebagai individu yang didapati mempunyai hubungan dengan kegiatan demonstrasi jalan-jalan dan kesalahan-kesalahan lain yang menyalahi undang-undang serta menjaskan keselamatan.

"Tujuan penahanan (aktivis reformasi) antara lain untuk membuat siasatan lanjut terhadap maklumat yang sedia ada dan menentukan kesahihan maklumat keselamatan yang kita kumpul," ujarnya.

Selain itu, beliau menambah, siasatan ke atas tahanan ISA itu akan dijalankan selama 60 hari dan apabila siasatan selesai polis akan membentangkan kes setiap seorang untuk pertimbangan Kementerian Dalam Negeri.

23/04/2001

Kaya: Manifestasi kekecewaan PM

KUALA LUMPUR 22 April - Saranan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad supaya golongan terlalu kaya tidak dibenarkan bertanding merebut jawatan penting dalam UMNO merupakan manifestasi kekecewaan presiden parti itu terhadap gejala politik wang yang masih berlaku.

Naib-naib presiden dan Ketua Pergerakan Pemuda parti itu yang menyokong penuh saranan tersebut mahu semua pihak melihatnya secara serius dalam usaha drastik membendung gejala tersebut.

Menurut salah seorang naib presiden itu, Tan Sri Muhyiddin Yassin, larangan tersebut tidak bermakna UMNO sudah semakin terdesak, sebaliknya ia hanya merupakan peningkatan usaha Dr. Mahathir yang mungkin mahu menyaksikan budaya politik wang dapat dihentikan dengan segera.

"Apa yang tersirat dan tersurat di sebalik kenyataan Perdana Menteri itu ialah soal politik wang walaupun kita tahu yang mengamalkan politik wang tidak semestinya golongan kaya.

"Waktu pemilihan, dia kaya fasal dia mencari sumber (kewangan) bagaimana hendak membiayai gerakan politik dia untuk mendapat sokongan," ujarnya selepas merasmikan mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Chenderoh, Perak hari ini.

Datuk Seri Najib Tun Razak pula berkata, jawatan-jawatan penting dalam parti sepautnya diisi oleh mereka yang tidak mempunyai apa-apa kepentingan tetapi komited dengan tanggungjawab sebagai pemimpin parti.

"Kalau hasrat untuk menjadi ahli korporat yang kaya-raya, maka kita tidak wajar merebut jawatan di dalam parti tetapi boleh menyumbang kepada parti dengan cara tidak terlibat dalam proses pertandingan di dalam parti.

"Mesej yang disampaikan oleh Presiden UMNO semalam jelas iaitu mereka yang mahu melibatkan diri dalam politik perlu komited dengan tugasnya dan bukan sebagai batu loncatan untuk meraih kekayaan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat perwakilan UMNO bahagian Subang dekat sini, hari ini.

Semalam Dr. Mahathir semasa merasmikan mesyuarat perwakilan UMNO bahagian Kubang Pasu berkata, golongan terlalu kaya tidak akan dibenarkan bertanding merebut jawatan-jawatan penting dalam UMNO sama ada di peringkat cawangan, bahagian mahupun MT.

Menurut beliau, langkah itu bertujuan membendung politik wang di dalam parti dan untuk menentukan mereka yang terlalu kaya tidak menabur wang semata-mata untuk mendapat sokongan supaya dipilih menjadi pemimpin.

Datuk Hishammuddin Tun Hussein pula berkata, pimpinan UMNO bukan hak eksklusif pihak-pihak tertentu sama ada golongan bawahan, profesional atau yang kaya-raya.

Yang penting kata Ketua Pergerakan Pemuda UMNO itu, mereka berwibawa dan mempunyai kebolehan untuk memimpin parti.

"Bukan sahaja yang kaya, yang miskin juga kadang-kadang diperalatkan untuk kepentingan orang lain.

"Bagi saya, ia (kenyataan Dr. Mahathir) merupakan manifestasi kekecewaan Perdana Menteri terhadap politik wang," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat perwakilan UMNO bahagian Tenggara, Johor hari ini.

Menurut Hishammuddin, UMNO merupakan parti yang cukup demokratik di mana sesiapa sahaja boleh dipilih sebagai pemimpin.

TU 098

25/04/2001

Lokman aktivis reformasi ke-9 ditahan bawah ISA

Oleh SYAHRIL A. KADIR

KUALA LUMPUR 24 April - Polis menahan seorang lagi aktivis reformasi, Lokman Noor Adam, 28, menjadikan sembilan orang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) setakat ini.

Lokman ditahan di Seksyen 9, Shah Alam, Selangor pada pukul 12.05 pagi ini.

"Lokman ditahan di bawah Seksyen 73 (1) Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) 1960," kata jurucakap Polis Bukit Aman dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Sebelum ini polis menahan Naib Presiden Keadilan, Tian Chua; Ketua Pemudanya, Mohamad Ezam Mohd. Nor; Setiausaha Pemuda, N. Gobalakrishnan dan pemimpin Pemuda Keadilan, Dr. Badrul Amin Baharom.

Turut ditahan ialah pengurus jawatankuasa pengajur 'Black 14' Saari Sungib; aktivis reformasi Hishamuddin Rais dan Abdul Ghani Haroon serta penulis, Raja Petra Raja Kamaruddin.

Sementara itu Parti Keadilan Nasional (Keadilan) membantah sekeras-kerasnya penangkapan terbaru tersebut.

Setiausaha Agungnya, Mohd. Anuar Tahir dalam kenyataannya ekoran penahanan itu mendesak supaya kesemua tahanan ISA dibebaskan tanpa syarat.

Sementara itu polis turut menahan seorang lelaki yang dipercayai penyokong kuat parti Keadilan kerana cuba menghalang polis daripada menahan Lokman.

Lelaki berusia 30-an itu ditahan di Ibu Pejabat Polis Kontinen Selangor kerana menghalang penjawat awam menjalankan tugas.

Timbalan Ketua Polis Selangor, Datuk Johar Che Din mengesahkan penahanan lelaki itu untuk siasatan, tetapi bukannya ditahan di bawah ISA.

TU 099

26/04/2001

ISA: Mahkamah tolak permohonan bebaskan lima aktivis reformasi

Oleh NORLIZAH ABAS

KUALA LUMPUR 25 April - Mahkamah Tinggi di sini hari ini menolak permohonan habeas corpus lima aktivis reformasi termasuk Ketua Pemuda Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Mohamad Ezam Mohd. Noor, 34, untuk membebaskan mereka daripada tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Hakim Datuk S. Augustine Paul memutuskan demikian setelah berpendapat, tindakan pihak polis menahan kelima-limanya di bawah Seksyen 73(1) ISA adalah sah di sisi undang-undang.

Empat lagi tahanan terlibat ialah Naib Presiden Keadilan, Chua Tian Chang (Tien Chua), 37; Saari Sungib, 43; Raja Petra Raja Kamarudin, 49; dan pengkritik filem, Hishamuddin Rais, 50.

Sejurus menerima keputusan, peguam Zainur Zakaria yang mewakili pemohon-pemohon memberitahu pemberita pihaknya akan mengemukakan rayuan berhubung perkara tersebut.

Dalam penghakiman setebal 54 muka surat yang dibaca kira-kira sejam, Hakim Augustine berkata, beliau berpuas hati dengan alasan responden, Ketua Polis Negara Tan Sri Norian Mai bahawa pihaknya mempunyai maklumat berhubung penglibatan mereka dalam kegiatan yang boleh membahayakan keselamatan negara.

Oleh itu, mahkamah berpendapat, responden mempunyai sebab yang munasabah untuk menahan aktivis-aktivis reformasi itu bagi menjalankan siasatan terperinci.

Selain itu, ujar beliau, Perkara 151(3) Perlumbagaan Persekutuan dan Seksyen 16 ISA membenarkan polis untuk tidak mendedahkan alasan-alasan penahanan.

Kesemua mereka ditangkap di beberapa tempat berasingan setelah disyaki terlibat dalam pakatan mencetuskan demonstrasi besar-besaran menjelang pilihan raya umum 2004.

Minggu lalu, Hakim Augustine membenarkan responden memfailkan afidavit tambahan untuk menyatakan alasan yang tidak dapat didedahkan berhubung tangkapan mereka.

Ia menyebut, selain sebab yang dinyatakan dalam kenyataan akhbarnya, responden mempunyai alasan lain untuk menahan mereka yang mana ia tidak boleh didedahkan kerana akan mengancam keselamatan negara.

Zainur ketika berhujah menyatakan, afidavit yang difaikikan itu adalah satu percubaan untuk mengatasi kekurangan dan menutup masalah yang hanya disedari oleh responden selepas mendengar hujah peguam bela.

Sehubungan itu, Hakim Augustine menolak hujah seorang lagi peguam bela, Kamarul Hisham Kamarudin yang mempersoalkan afidavit yang diikrarkan oleh tiga pegawai polis yang didakwa tidak mematuhi peruntukan undang-undang.

Dalam penghakiman hari ini, Hakim Augustine juga menolak permohonan peguam R. Sivarasa supaya pasukan peguam bela diizinkan bertemu tahanan untuk memastikan kesihatan mereka dan mendapat arahan lanjut.

Hakim Augustine berpendapat, keputusan untuk memperoleh kebenaran itu terletak di tangan pihak polis.

Selanjutnya, beliau mencadangkan supaya peguam bela mengemukakan permohonan bertulis secara berterusan kepada pihak yang menahan anak guam mereka, bukan memohon perintah mahkamah.

kegiatan mereka bukan kesalahan biasa, sebaliknya boleh mengancam keselamatan negara. Oleh itu, beliau berpuas hati bahawa adalah tidak sesuai untuk pemohon atau wakilnya mengemukakan permohonan supaya tahanan-tahanan dibebaskan dan didakwa di mahkamah terbuka kerana ia akan mencampuri urusan pihak polis.

Dalam penghakimannya, beliau tidak bersetuju dengan hujah Zainur bahawa kenyataan akhbar responden berniat jahat kerana berunsur dakwaan semata-mata yang tidak memerlukan penahanan di bawah ISA.

Menurut Hakim Augustine, hujah tersebut tidak boleh diterima kerana undang-undang membolehkan responden untuk tidak mendedahkan sebab-sebab penahanan jika perlu berbuat demikian.

Ketika merujuk kepada permohonan peguam bela untuk menemui tahanan-tahanan, beliau berpendapat, ada kemungkinan pemohon-pemohon akan membocorkan maklumat polis hasil daripada siasatan terhadap mereka.

Menurut Hakim Augustine, tindakan polis itu bagi mengelakkan sebarang maklumat yang diperoleh semasa tahanan didedahkan.

Beliau menjelaskan, seseorang tahanan ISA hanya boleh ditemui peguam bela jika ia tidak mencampuri urusan siasatan polis.

Oleh itu, mahkamah berpendapat, polis bertindak betul dengan mengesahkan secara bertulis bahawa siasatan masih dijalankan.

Hakim Augustine juga menjelaskan dengan terperinci keputusan beliau menolak permohonan peguam bela supaya menarik diri daripada mendengar habeas corpus.

Menurut beliau, walaupun bertanggungjawab menjatuhkan hukuman penjara terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 14 April 1999, seseorang hakim tidak berminat dengan hasil keputusannya.

Oleh itu, beliau menegaskan bahawa permohonan tersebut satu penyalahgunaan proses mahkamah.

TU 100

27/04/2001

Badaruddin aktivis ke-10 ditahan bawah ISA

Oleh SYAHRIL A. KADIR

KUALA LUMPUR 26 April - Seorang aktivis Suara Rakyat Malaysia (Suaram), Badaruddin Ismail ditangkap mengikut Seksyen 73 (1) Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) di Medan Selera Jalan Negara, Taman Melawati di sini, hari ini.

Penangkapan ke atas Badaruddin itu menjadikan jumlah mereka yang ditangkap di bawah akta itu meningkat kepada 10 orang.

"Dia ditangkap kira-kira pukul 8.50 pagi," menurut satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Bahagian Perhubungan Awam Ibu Pejabat Polis Bukit Aman di sini hari ini.

Sebelum ini, polis telah menangkap sembilan orang aktivis reformasi yang kebanyakannya pemimpin Parti Keadilan Nasional (Keadilan).

Antaranya ialah Tian Chua, Ezam Mohd. Nor, Gobalakrishnan, Dr. Badrul Amin Baharum dan Lokman Nor Adam.

Turut ditangkap ialah Saari Sungib, Hi-shamudin Rais dan Raja Petra Kamaruddin serta seorang aktivis reformasi Abdul Ghani Haroon.

Difahamkan inilah kali pertama aktivis Suaram ditahan di bawah ISA sejak penubuhannya pada tahun 1989.

Badaruddin atau dikenali sebagai Pak Din juga merupakan salah seorang penyumbang artikel dalam laman web proreformasi, Komentar.

Sementara itu, Setiausaha Agung Keadilan, Mohd. Anuar Tahir dalam kenyataannya mendakwa tangkapan terbaru itu menunjukkan polis sengaja melakukannya secara berterusan dan berperingkat-peringkat untuk mewujudkan suasana yang menakut-nakutkan orang ramai.

Beliau berkata, Keadilan membantah sekeras-kerasnya penangkapan Badaruddin hari ini.

Dalam pada itu, Timbalan Ketua Pemuda Keadilan, Mustaffa Kamil Ayub sekali lagi mendesak agar kesemua yang ditangkap di bawah ISA dibebaskan.

"Pergerakan Pemuda Keadilan menyeru agar kerajaan mengambil langkah bertenang dan tidak provokatif dalam mempertahankan keharmonian negara," katanya.

Sementara itu, Ketua Pemuda Sosialis DAP, Teng Chang Khim pula melahirkan rasa kecewa dengan alasan penghakiman dalam kes permohonan habeas corpus untuk membebaskan lima tahanan ISA di Mahkamah Tinggi, semalam.

Selain itu, beliau juga kesal kerana hakim tidak mengambil kira pandangan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam) ketika membuat keputusannya.

02/01/2001

Bersatu bukan untuk bermusuh

"Bagus kalau hendak bersatu untuk kepentingan orang Melayu tapi kita kena ingat bahawa kita tidak perlu bersatu semata-mata untuk menentang orang lain." - Dr Mahathir Mohamad

Oleh Teh Kean Kiat

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan orang Melayu supaya bersatu demi menjaga kepentingan bangsa dan bukan untuk bermusuh dengan orang lain.

"Bagus kalau hendak bersatu untuk kepentingan orang Melayu tapi kita kena ingat bahawa kita tidak perlu bersatu semata-mata untuk menentang orang lain.

"Kita cuma perlu menjaga kepentingan kita saja. Jangan pula kita bermusuh dengan orang lain apabila kita bersatu," kata Perdana Menteri ketika diminta mengulas kesediaan Umno untuk berbincang dengan Pas dan Keadilan bagi menyatukan orang Melayu.

Pelbagai pihak termasuk Pas dan Keadilan telah memberi reaksi positif terhadap usaha Umno itu.

Semalam, Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, berkata beliau mengalu-alukan kesediaan Umno untuk memulakan dengan secepat mungkin usaha mengajak parti pembangkang Melayu duduk semeja membincangkan soal penyatuan semula orang Melayu.

Dalam sidang akhbar pada majlis rumah terbuka Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP) sempena Tabun Baru 2001 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini, Dr Mahathir berkata, Umno dan Barisan Nasional (BN) juga tahun ini berazam menjadikan soal perpaduan sebagai agenda utamanya.

"Kita akan tumpukan soal perpaduan dalam perbincangan Umno, parti komponen BN dan orang Melayu," katanya yang juga Pengurus BN dan Presiden Umno.

Dr Mahathir berkata, orang Melayu mesti terus berjuang untuk memperolehi kejayaan yang lebih besar supaya dapat memperkuatkan kedudukannya serta mampu membantu golongan yang lemah dan masih ketinggalan.

Katanya, orang Melayu tidak harus berbangga dan bermegah dengan kejayaan yang dicapai sekarang kerana bangsa itu masih jauh ketinggalan dan memerlukan bantuan kerajaan.

"Orang Melayu tidak sedar mengenai kelemahan mereka. Hanya kerana beberapa orang daripada mereka berjaya sikit, mereka sudah rasa kuat," katanya.

Mengenai harapan beliau sempena tahun baru ini, Dr Mahathir berkata, beliau berharap rakyat akan terus memelihara keharmonian kaum di tengah-tengah tuntutan sensitif yang dibangkitkan kumpulan tertentu.

"Kini daripada sebuah masyarakat yang amat harmoni kita menjadi masyarakat yang suka berbalah. Jadi saya berharap pada tahun 2001 rakyat akan kembali sedar dan memulihkan semula keharmonian kaum yang telah dicapai selepas sekian lama berusaha," katanya.

Dr Mahathir berkata, rakyat telah mencapai satu tahap keharmonian kaum yang dicemburui oleh seluruh dunia.

Terdahulu, pada majlis itu Dr Mahathir dan isteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd Ali, turut memotong kek Tahun Baru 2001 dan beramah mesra serta bergambar bersama tetamu.

Turut hadir. Presiden PPP, Datuk M Kayveas dan isteri, Datin Blanche Kayveas; Naib Presiden Kanan PPP, P C Low dan Ketua Wanita PPP, Dr P Vasantha.

Sementara itu, ketika ditanya mengenai lawatan kerjanya ke Myanmar selama dua hari mulai Rabu ini, Dr Mahathir berkata, beliau akan menemui pemimpin negara itu untuk berbincang soal berkaitan Asean.

Katanya, peranan Myanmar dalam Asean sehingga kini menunjukkan perkembangan positif.

04/01/2001

Tiga pemimpin bersemuka - Format perpaduan Melayu

Oleh Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Rabu - Umno memulakan langkah ke arah menyatupadukan semula orang Melayu dengan merangka "format perpaduan" dan mengajak pemimpin Pas serta Parti Keadilan Nasional (Keadilan) bersemuka.

Cadangan awal ialah supaya pertemuan dari hati ke hati antara Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad; Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor dan Presiden Keadilan, Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail, diadakan segera.

Cadangan kedua pula turut membabitkan perwakilan daripada ketigatiga parti berkenaan. Bagaimanapun, dua cadangan itu masih tertakluk kepada persetujuan ketiga-tiga pihak bagaimana pertemuan harus diadakan.

Rangka pertemuan tanpa syarat itu dicadangkan pada mesyuarat pengurusan dan disiplin Umno dipengerusikan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Bercakap kepada pemberita selepas mesyuarat itu, Abdullah berkata butir lanjut "format perpaduan Melayu" itu akan dibincangkan pada mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno pada 12 Januari ini.

"Kerana pemimpin Pas sudahpun menyatakan bahawa Umno sepatutnya memulakan pertemuan ini, maka Presiden (Dr Mahathir) berpendapat adalah baik jika pada waktu ini juga kita fikirkan formatnya.

"Format itu mungkin berbentuk pertemuan enam mata saja antara Dr Mahathir, Fadzil dan Dr Wan Azizah ataupun membabitkan ahli-ahli perwakilan daripada parti-parti yang berkenaan.

"Jika ia membabitkan perwakilan lain, berapa orangkah yang wajar dibenarkan turut serta dalam pertemuan ini. Ini semua sedang difikirkan," katanya.

Fadzil ketika dihubungi di Alor Star petang ini berkata, Pas secara prinsipnya menerima asas perundingan cadangan Umno itu tetapi masih menunggu butir lanjut keputusan oleh MT Umno nanti.

"Kita akan berbincang mengenai perkara ini dalam mesyuarat minggu depan sama ada menerima format yang dicadangkan atau bagaimana pertemuan ini boleh diadakan.

"Prinsip rundingan kami terima dan bersetuju untuk menyatukan orang Melayu. Kita juga tidak akan meletakkan sebarang syarat, insya-Allah," katanya.

Ditanya sama ada Umno, Pas dan Keadilan perlu mengetepikan kepentingan politik dalam pertemuan itu, beliau berkata: "Macam mana mahu mengetepikannya, sedangkan ini soal politik".

Dr Wan Azizah gagal dihubungi tetapi pembantunya berkata, Presiden Keadilan itu akan mengeluarkan kenyataan mengenainya selepas mengadakan rundingan dengan pemimpin lain dalam barisan pembangkang.

Katanya, Keadilan akan bermesyuarat minggu depan dan kemungkinan besar akan membincangkan cadangan Umno itu. Menjelaskan lebih lanjut keputusan mesyuarat petang ini, Abdullah yang juga Timbalan Perdana Menteri berkata, Dr Mahathir mahukan pertemuan itu diadakan secepat mungkin.

Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob, akan menghubungi Setiausaha Agung Pas dan Keadilan untuk memaklumkan format pertemuan, tarikh dan tempatnya apabila dipersetujui oleh MT nanti.

Ditanya sama ada badan bukan kerajaan (NGO) yang mewakili kepentingan orang Melayu akan turut diundang, Abdullah berkata setakat ini soal itu tidak timbul.

Ia terserah kepada pemimpin Umno, Pas dan Keadilan sama ada berhasrat untuk berbuat demikian.

Abdullah berkata, Umno juga tidak akan mengenakan sebarang syarat atau menggunakan orang tengah untuk pertemuan itu kerana mahu pemimpin terabit bersemuka dan berbincang dari hati ke hati.

Mengenai penolakan pemimpin Pemuda Pas dan Keadilan terhadap usaha Umno untuk mengadakan perbincangan perpaduan Melayu itu, beliau berkata biarlah perkara itu diputuskan oleh pemimpin atasan parti masing-masing.

"Kita juga tidak mencadangkan pertemuan berasingan (antara Pemuda Umno, Pas dan Keadilan). Kita terus kepada peringkat atasan bagi mencapai muafakat. Sama ada nak arahkan orang bawah (Pemuda)... itu terserah kepada mereka (pemimpin atasan parti)," katanya.

Beliau berkata, aspek kandungan perbincangan akhir diserahkan kepada pemimpin tiga parti terabit, manakala Umno akan menyediakan dari segi lojistik dan keperluan lain.

Berhubung dakwaan sesetengah pihak bahawa sebarang usaha mengadakan perbincangan perpaduan Melayu hanya menguntungkan Umno, Abdullah berkata pertemuan seumpama itu akan menguntungkan semua orang Melayu.

"Itu yang penting. Ketiga-tiga parti ini, saya percaya, juga mempunyai pendapat betapa mustahaknya orang Melayu bersatu padu. Ini kerana perpaduan Melayu selama ini pun adalah satu perkara yang sudah kita ketahui, menjadi asas perpaduan nasional.

"Bagaimana perpaduan nasional dapat wujud jika orang Melayu berpecah belah. Saya berharap pertemuan itu nanti diadakan secara terbuka dalam erti kata, kita (Umno) tidak datang dengan agenda seperti mesti buat begini atau begitu.

"Anda boleh kata ini satu muzakarah atau musyawarah. Dalam semangat musyawarah, insya-Allah akan adalah nanti pandangan yang sama antara mereka (pemimpin tiga parti) yang kita harap akan dapat membantu ke arah mewujudkan perpaduan Melayu," katanya.

05/01/2001

Abim sokong pertemuan tiga pemimpin

KUALA LUMPUR, Khamis - Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) menyokong penuh kesediaan ketiga-tiga parti politik Melayu berunding bagi membina perpaduan ummah yang menjadi teras integrasi nasional membabitkan kaum Cina dan India.

Presidennya, Ahmad Azam Abdul Rahman, berkata kesatuan politik negara dan perpaduan kaum akan terjejas apabila kesatuan Melayu berpecah.

"Abim berpandangan politiking orang Melayu sudah sampai ke tahap kritis sehingga terlalu banyak masa ditumpukan kepada menangani isu politik berbanding masalah pembangunan dan mempersiapkan umat menghadapi cabaran globalisasi," katanya.

Beliau berkata; keputusan pilihan raya umum 1999 dan pilihan raya kecil kemudiannya membuktikan krisis politik Melayu belum menunjukkan tanda akan berakhir dan usaha formula politik yang dipersetujui semua pihak perlu diadakan.

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin Umno yang dipengerusikan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam mencadangkan pertemuan hati ke hati antara Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad; Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor dan Presiden Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail, diadakan segera.

Cadangan kedua pula turut membabitkan perwakilan daripada ketiga-tiga parti berkenaan. Bagaimanapun, dua cadangan itu masih tertakluk kepada persetujuan ketiga-tiga pihak bagaimana pertemuan harus diadakan.

Mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno pada 12 Januari ini akan membincang lanjut format perpaduan itu.

Sementara itu, Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin, menggesa semua parti politik dan pertubuhan Melayu menghentikan sebarang kenyataan provokasi yang boleh menggugatkan usaha menyatupadukan orang Melayu.

Beliau berkata, langkah itu perlu kerana selain tidak mendatangkan faedah, ia juga akan mewujudkan suasana tidak selesa bagi cadangan pertemuan membabitkan pemimpin Umno, Pas dan Keadilan.

"Saya harap tidak ada lagi sebarang kenyataan berbentuk provokasi daripada mana-mina parti politik dan pertubuhan Melayu mengenai perkara ini bagi memastikan pertemuan yang bakal diadakan berkesan," katanya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Rais Yatim, pula gembira dengan cadangan pertemuan itu kerana ia boleh merintis jalan bagi mencapai perpaduan orang Melayu yang lebih jitu.

"Walau dengan apa nama sekalipun perbincangan ini dipanggil, saya berharap ia dapat menyatukan orang Melayu. Saya pernah mencadangkan idea untuk perpaduan Melayu sebelum ini melalui (penubuhan) Majlis Melayu," katanya.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, berkata cadangan yang diputuskan oleh Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin Umno itu adalah sesuatu yang baik.

"Adalah lebih elok jika reaksi terhadap idea ini datang dari peringkat akar umbi Umno," katanya.

Tokoh veteran, Tan Sri Mustafa Jabar, berkata adalah lebih baik bagi ketiga-tiga parti itu mengetepikan sementara kepentingan politik dan merangka formula bagi menangani masalah perpecahan Melayu.

Pengerusi Tetap Wanita Umno, Tan Sri Aishah Ghani, pula berkata semua pihak harus ikhlas untuk perpaduan Melayu dan mengembalikan kekuatan seperti ketika zaman menuntut kemerdekaan dulu.

Bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Ahmad Razali Mohd Ali, berkata Tun Abdul Razak Hussein sebelum ini berjaya menyatupadukan semua kaum melalui konsep Barisan Nasional selepas peristiwa berdarah 13 Mei 1969.

Sekarang, katanya, orang Melayu sendiri mahu berunding untuk menyatu sesama sendiri setelah berlaku perpecahan dan usaha murni ini perlu menerima sokongan semua orang Melayu.

Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung, Datuk Suhaimi Ibrahim, berkata usaha permulaan oleh Umno untuk nengadakan perbincangan itu perlu dilihat dari aspek positif.

08/01/2001

Keputusan pilihan raya Thailand ditangguh

BANGKOK, Ahad - Pengumuman keputusan rasmi pilihan raya Thailand ditangguhkan hari ini berikutan terlalu banyak aduan berhubung proses penjumlahan undi, kata pegawai Suruhanjaya Pilihan Raya (EC) hari ini.

Anggaran penjumlahan undi yang dikumpul dan diumumkan kumpulan media menyatakan Thaksin Shinawatra dan parti Thai Rak Thai pimpinannya mungkin mendapat majoriti mudah dalam parlimen yang mempunyai 500 kerusi.

Thaksin enggan mengisyiharkan dirinya pemenang pilihan raya itu hari ini dan menyatakan beliau akan menunggu sehingga keputusan rasmi dikeluarkan, tetapi dengan pengumuman EC itu membayangkan, ia mungkin mengambil masa beberapa hari lagi bagi membolehkan beliau menyampaikan ucapan kemenangan.

"Kami tidak dapat mengumumkan sebarang keputusan rasmi dan kami tidak dapat nyatakan bila keputusan dapat diumumkan kerana terlalu banyak aduan dan bantahan di banyak kawasan pilihan raya," kata pesuruhjaya EC, Yuwarut Gamolvej.

Beliau berkata, pilihan raya semula akan diadakan di sekurang-kurangnya enam kawasan pada bulan ini berikutan penyelewengan serius pilihan raya dan pembelian undi berleluasa.

Laporan terdahulu menyatakan, jutawan telekomunikasi itu bersedia untuk membuat perisyiharan kemenangan hari ini dalam pilihan raya itu selepas keputusan awal menunjukkan beliau mendapat kemenangan selesa bagi membentuk kerajaan sendiri mengatasi parti memerintah, Parti Demokrat.

"Sejak minggu lalu kami sudah mengetahui akan menang, tetapi tidaklah sebanyak ini. Saya rasa lega sekarang selepas berhempas pulas sebelum ini," kata Thaksin kepada pemberita ketika menunggu keputusan rasmi pilihan raya.

- AFP

10/01/2001

Perdana Menteri akan rombak kabinet

SUBANG, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini mengesahkan akan merombak Kabinetnya tetapi enggan memberi sebarang petunjuk mengenai kemungkinan beberapa menteri digugurkan.

"Insya-Allah, mudah-mudahan tak lama lagi. Ini kerajaan, kita kena kaji betul-betul. Ia bukan boleh dibuat sambil lewa," katanya ketika ditanya bila rombakan itu akan dilakukan.

Perdana Menteri menjawab soalan pemberita sekembalinya dari lawatan kerja ke Myanmar di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di sini, petang ini.

Beliau menolak kemungkinan pengumuman rombakan Kabinet itu dilakukan selepas mesyuarat Jemaah Menteri esok.

Katanya, beliau memerlukan masa untuk mengkajinya secara mendalam.

"Tak bolehlah esok. Sebelum akhir bulan ini ke, sebelum akhir tahun ke, lebih kuranglah. Berilah peluang saya fikir dulu.

"Ini perkara serius, bukan nak bentuk jawatankuasa tanam semula.

"Ini Kabinet, mengambil masa sikit. Saya nak kena hadir mesyuarat Kabinet (esok), Kabinet ada pendapat apa ke, kita dengarlah," katanya.

Ditanya sama ada beberapa menteri akan digugurkan atau sama ada wanita akan dimasukkan ke dalam barisan baru Kabinet, Dr Mahathir bagaimanapun, enggan mengulas.

Bagaimanapun, katanya, kekosongan yang ditinggalkan oleh Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman di Jabatan Perdana Menteri (JPM) perlu diisi.

"Dia (Abdul Hamid) letak jawatan tetapi saya berpendapat bahawa Datuk Hamid masih boleh menyumbang kepada kerajaan, mungkin dalam bidang atau jawatan lain," katanya.

Mengenai kemungkinan rombakan itu dilakukan secara besar-besaran, beliau secara berseloroh berkata, ia akan menjadi besar kalau dibandingkan dengan yang kecil tetapi kecil berbanding yang besar.

Peletakan jawatan Abdul Hamid, Jumaat lalu menghangatkan spekulasi rombakan Kabinet walaupun Dr Mahathir pernah menafikannya sebelum ini.

14/01/2001

Umno, Pas setuju bincang format mesyuarat

KUALA LUMPUR: Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob berkata, beliau dan rakan sejawatnya dari Pas, Nasharudin Mat Isa sudah mencapai persetujuan untuk mengadakan mesyuarat rasmi mengenai logistik dan format perbincangan mengenai perpaduan Melayu.

Beliau berkata Nasharudin menyatakan persetujuan agar mesyuarat itu diadakan secepat mungkin.

"Saya boleh sahkan yang saya sudah buat perhubungan awal dengan Setiausaha Agung Pas secara lisan," katanya pada sidang media selepas menghadiri sambutan Hari Raya Kementerian Penerangan di Angkasapuri, semalam.

Khalil yang juga Menteri Penerangan bagaimapun, enggan mengulas lanjut sama ada perhubungan awal itu melalui telefon atau pertemuan empat mata.

Beliau berkata mesyuarat rasmi itu akan membincangkan mengenai tarikh, masa, tempat dan format perbincangan perpaduan Melayu sama ada membabitkan presiden saja atau delegasi.

Lepas mesyuarat itu saya akan laporkan balik kepada Biro Politik Umno yang dipengerusikan oleh Presiden parti (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad)," katanya.

Beliau berharap, Umno dapat menyediakan kemudahan logistik dan prasarana yang terbaik bagi memastikan perbincangan perpaduan Melayu dapat diadakan secara muhibah dan sebaiknya.

Dr Mahathir dalam surat bertarikh 2 Januari lalu, mempelawa Pas dan Parti Keadilan Nasional (Keadilan) menyertai perbincangan perpaduan Melayu kerana berpendapat perpecahan yang berlaku sekarang terlalu ketara sehingga ia mempunyai kesan tidak baik bagi seluruh negara. Keadilan bagaimanapun menolak pelawaan itu.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang juga Timbalan Presiden Umno pula, berkata apabila Dr Mahathir dan presiden Pas Datuk Fadzil Noor) berjumpa, mereka boleh tentukan apa yang sebaik-baiknya untuk mengukuhkan perpaduan Melayu serta pendekatan yang layak diambil.

"Bila pemimpin berjumpa, macam-macam boleh diputuskan," katanya kepada pemberita selepas menghadiri jamuan Aidilfitri Kementerian Dalam Negeri di sini semalam.

Sementara itu di Yan, Kedah, Pas sudah menghantar surat rasmi kepada Umno semalam mengenai persetujuan untuk menghadiri perbincangan mengenai perpaduan Melayu.

Surat itu diserahkan oleh Setiausaha Agung Pas, Nasharudin Mat Isa kepada Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob.

Bagaimanapun, kata Nasharudin, perbincangan berhubung format, tempat, tarikh dan kaedah penyatuan Melayu hanya boleh diadakan akhir bulan ini.

Ini kerana beliau berlepas ke London hari ini untuk tujuan tertentu dan akan pulang ke tanah air, selepas 21 Januari ini.

Nasharudin berkata, setakat ini, beliau sudah beberapa kali dihubungi Khalil bagi membincangkan tarikh pertemuan mereka, tetapi masih menunggu surat rasmi daripada Umno mengenai perkara berkenaan.

"Saya akan membawa hasil pertemuan dengan Setiausaha Agung Umno kepada Jawatankuasa Pas Pusat untuk dibincangkan bersama. Perbincangan penyatuan Melayu ini bukan perkara yang boleh dianggap mudah."

"Pas menganggap perbincangan penyatuan Melayu ini bukan setakat berkaitan Pas sebagai sebuah parti, malah sebagai sebuah organisasi dakwah," katanya selepas majlis sambutan Aidilfitri anjuran Dewan Muslimat Pas Kedah, di Markas Pas Yan, di Guar Chempedak, dekat sini semalam.

15/01/2001

Perbezaan pendapat tidak jejas perbincangan

Oleh Johari Ibrahim

ALOR STAR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata perbezaan pendapat di antara Umno dan Pas tidak akan menjelaskan usaha pemimpin kedua-dua parti itu untuk mengadakan perbincangan mengenai perpaduan Melayu.

Malah, Perdana Menteri menyifatkan suasana ke arah perbincangan berkenaan kini baik.

Beliau yang juga Presiden Umno berkata, perbezaan pendapat memang perkara biasa, tetapi ia tidak akan menjelaskan usaha untuk menyatukan orang Melayu.

"Akan ada perbezaan pendapat...tak apalah...asalkan kita dapat duduk dan berbincang antara satu sama lain (Umno dan Pas)," katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Kepala Batas di sini sebelum berlepas ke Kuala Lumpur, hari ini.

Terdahulu, Perdana Menteri dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, menghadiri istiadat penganugerahan darjah kebesaran sempena sambutan keputeraan ke-73 Sultan Kedah di Istana Anak Bukit.

Dr Mahathir berkata, Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob dan Setiausaha Agung Pas, Nasharudin Mat Isa, akan mengadakan pertemuan untuk menentukan aspek teknikal perbincangan itu.

Perdana Menteri sebelum ini dilaporkan berkata Umno berharap Pas akan bersetuju menumpukan perhatian mengenai soal perpaduan Melayu pada pertemuan pertama dan mengadakan perjumpaan susulan bagi isu perpaduan nasional seperti dicadangkan Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor.

Sementara itu, Fadzil pada majlis ceramah di Kampung Gajah Mati, Pendang malam tadi, menyifatkan pelawaan Umno untuk berbincang mengenai perpaduan Melayu sebagai satu petanda baik.

Bercakap kepada pemberita pula, beliau berkata, parti itu juga mempunyai beberapa cadangan untuk dikemukakan kepada Umno dalam perbincangan itu nanti demi perpaduan umat Melayu.

Beliau turut menjelaskan persetujuan Pas untuk hadir pada perbincangan perpaduan Melayu adalah keputusan sebulat suara di kalangan pemimpin tertingginya.

"Kita mengadakan mesyuarat dan semua, termasuk Ketua Pemuda (Mahfuz Omar) dibenarkan bercakap dan memberi pendapat," katanya.

"Kita bersetuju pada prinsipnya bahawa Pas menyertai perbincangan itu dan skopnya perlu diperluaskan," katanya.

16/01/2001

Tiada Kementerian baru - Rombakan Kabinet sebelum Tahun Baru Cina

"Ia tidak akan dibuat secara besar-besaran. Anda tahu, saya tidak sewenang-wenangnya memecat orang (menteri) kerana itu amat merugikan." - Dr Mahathir Mohamad

Oleh Kadir Dikoh dan Mohd Hamizar Hamid

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang dijangka mengumumkan rombakan Kabinetnya sebelum Tahun Baru Cina ini berkata, tidak ada kementerian baru ditubuhkan.

Perdana Menteri juga menjelaskan, rombakan itu tidak sebesar seperti diheboh-hebohkan sekarang. Malah, beliau membayangkan tiada menteri pun yang akan digugurkan.

"Ia tidak akan dibuat secara besar-besaran. Anda tahu, saya tidak sewenang-wenangnya memecat orang (menteri) kerana itu amat merugikan.

"Bayangkan, anda balik ke pejabat, tiba-tiba ketua anda kata, anda dipecat. Apa perasaan anda?," katanya selepas menghadiri sambutan Aidilfitri anjuran Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Sebelum itu, beliau menghadiri majlis pertemuan Perdana Menteri dengan peniaga kecil Bumiputera di tempat yang sama.

Ini adalah petunjuk paling kuat dibayangkan oleh Dr Mahathir mengenai Kabinetnya sejak mengesahkan akan melakukan rombakan itu sekembalinya dari lawatan ke Myanmar Selasa lalu.

Ditanya bilakah beliau akan mengumumkan rombakan itu, Dr Mahathir berkata ia akan dibuat secepat mungkin.

Mengenai sama ada pengumuman itu akan dibuat sebelum Tahun Baru Cina yang jatuh pada 24 Januari ini, beliau berkata: "Insya-Allah."

Apabila seorang pemberita berkata, kelewatan mengumumkan rombakan itu menyebabkan orang ramai membuat spekulasi, Dr Mahathir menjawab:

"Kamu boleh teka sebanyak mana yang kamu mahu. Ia tidak ada kesan."

Beliau juga tidak menolak kemungkinan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, akan membuat pengumuman rombakan Kabinet itu apabila beliau melawat Jepun mulai Rabu ini.

"Diminta mengulas lanjut kemungkinan beberapa menteri digugurkan, beliau berkata: "Anda tunggulah... tengoklah".

Dr Mahathir berkata, rombakan itu juga tidak membabitkan penubuhan kementerian baru seperti laporan beberapa akhbar sejak kebelakangan ini.

Malah, beliau menggeleng kepala apabila ditanya kemungkinan kementerian baru dibentuk khusus untuk hal ehwal wanita.

"Saya berpuas hati dengan bentuk (Kabinet) yang ada sekarang," katanya.

Mengenai bilangan kementerian yang akan terbabit dengan rombakan itu, Dr Mahathir berkata:

"Saya tak boleh sebut. Saya perlu persembahkan kepada Yang di-Pertuan Agong (Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah) dulu. Tak eloklah dari segi protokol."

Perdana Menteri juga berkata, beliau tidak menyerahkan sebarang surat mengenai rombakan Kabinet kepada Seri Paduka hari ini.

Sebaliknya, beliau bersama beberapa menteri melapangkan masa mengunjungi Galeri Diraja Sultan Abdul Aziz di Kampung Jawa, Klang, diikuti santapan tengah hari bersama Yang di-Pertuan Agong.

Ditanya sama ada beliau menyerahkan surat watikah pelantikan menteri Kabinet kepada Yang di-Pertuan Agong sempena majlis itu, Dr Mahathir secara berseloroh berkata: "Tak tahu, beberapa pucuk surat (diserah)."

Bagaimanapun, katanya, ia tidak ada kena mengena dengan surat watikah pelantikan Jemaah Menteri.

Dr Mahathir menolak andaian kononnya beliau menghadapi kesukaran membuat rombakan Kabinet kali ini sehingga pengumuman mengenainya mengambil masa.

"Saya sibuk dan sepatutnya boleh duduk saja kat pejabat. Macam hari ini, saya cuma ada sejam di pejabat, itupun ada orang datang dan kemudian terpaksa menghadiri majlis. Hingga sekarang belum balik dan malam ini ada lagi.

"Bukan sukar, tidak sama sekali. Ini kerana kesuntukan masa. Saya berpusing ligat seperti gasing. Saya tidak mempunyai masa di pejabat," katanya.

Mengenai ketidakhadiran Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman pada majlis Aidilfitri anjuran kementerian itu, Dr Mahathir berkata menteri itu sakit, bukan merajuk.

Berhubung pengganti Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman, yang meletak jawatan sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri Jumaat lalu, beliau berkata perkara itu belum diputuskan.

18/01/2001

Samsudin KSN baru.

PUTRAJAYA, Rabu - Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Samsudin Osman dilantik Ketua Setiausaha Negara (KSN), menggantikan Tan Sri Abdul Halim Ali yang tamat kontrak.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika mengumumkan pelantikan itu di sini hari ini, bagaimanapun tidak menyatakan bila Samsudin akan memulakan tugas barunya itu.

"Kita akan adakan orang lain pula untuk mengambil tempat Samsudin," katanya kepada pemberita selepas menghadiri sambutan Aidilfitri anjuran Pejabat Perdana Menteri di sini.

Sebagai Ketua Setiausaha Negara, Samsudin juga menjadi setiausaha Kabinet.

Ketika dihubungi di rumahnya petang ini, Samsudin berkata: "Saya mengucapkan syukur terhadap Allah atas pelantikan ini serta berterima kasih kepada Perdana Menteri dan kerajaan kerana memberi kepercayaan kepada saya menjawat jawatan tertinggi dalam perkhidmatan awam ini."

"Saya akan berusaha sedaya upaya untuk menjayakan penugasan jawatan ini seperti yang diharapkan oleh kerajaan."

Samsudin dilantik Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam pada 15 Disember 1998. Sebelum itu, beliau ialah Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri sejak 8 September 1996.

Beliau juga pernah memegang jawatan Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Setiausaha Persekutuan Sabah di Jabatan Perdana Menteri dan Pengurus Majlis Keselamatan Negeri Sabah.

Samsudin, 53, berkelulusan Sarjana Pentadbiran Awam dari Pennsylvania State University, Amerika Syarikat sebelum menyertai Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik sebagai Penolong Setiausaha, Jabatan Perkhidmatan Awam pada 1969.

Abdul Halim pula menjadi Ketua Setiausaha Negara sejak 17 September 1996. Kontraknya pertama kali dilanjutkan pada 1998 dan sekali lagi tahun lalu. Laporan hari ini menyebut beliau mungkin dilantik Pengurus Eksekutif Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. - Bernama.

18/01/2001

Shahrizat Menteri Wanita - Abdul Hamid dilantik Menteri di Jabatan Perdana Menteri

KUALA LUMPUR, Rabu - Naib Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Shahrizat Abdul Jalil dan Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin, hari ini dilantik anggota baru Kabinet.

Kenyataan Jabatan Perdana Menteri yang mengumumkan pelantikan itu, turut menyatakan pembentukan Kementerian Hal Ehwal Wanita, dengan Shahrizat, 48, sebagai menterinya.

Turut dilantik anggota pentadbiran baru kerajaan ialah tiga senator, iaitu dua sebagai timbalan menteri dan seorang setiausaha Parlimen.

Senator Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor dilantik Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, manakala Senator Datuk M Kayveas selaku Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Senator Datuk Zainuddin Maidin pula dilantik Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan.

Seperti dibayangkan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sebelum ini, tiada menteri digugurkan atau menukar portfolio. Kecuali Shahrizat, empat pelantikan lain ialah bagi mengisi kekosongan.

Kecuali Zainuddin, dua menteri dan dua timbalan menteri baru itu akan mengangkat sumpah jawatan di hadapan Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di Istana Negara pada 30 Januari ini.

Zainuddin, 61, pula akan mengangkat sumpah jawatan di depan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada tarikh yang sama.

Abdul Hamid, 57, seorang tokoh agama, akan dilantik Ahli Dewan Negara bagi membolehkannya menganggotai Kabinet. Tengku Adnan, 51, ialah Setiausaha Kerja Umno, manakala Kayveas, 47, Presiden Parti Progresif Rakyat (PPP).

Beliau mengisi kekosongan berikutnya peletakan jawatan Senator Datuk Dr Abdul Hamid Othman sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri, berkuat kuasa kelmarin.

Ini adalah kali kedua peneraju Jakim (sebelum ini dikenali sebagai Jabatan Hal Ehwal Islam) dilantik ke dalam Kabinet selepas Dr Abdul Hamid. Sejak Dr Abdul Hamid mengumumkan peletakan jawatan baru-baru ini, tiga nama disebut-sebut sebagai penggantinya, termasuk Abdul Hamid Tengku Adnan yang juga Ketua Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan mengambil alih kekosongan ditinggalkan Shahrizat. Bagaimanapun, belum diketahui skop tugas Adnan walaupun sebelum ini beliau dikatakan akan bertanggungjawab mengenai hal ehwal Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Satu daripada dua jawatan Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan kosong selepas pilihan raya umum ke-10 apabila Perdana Menteri tidak mengisinya ketika rombakan Kabinet pada Disember 1999.

Sementara itu, bercakap kepada pemberita selepas majlis Aidilfitri bersama kakitangan Pejabat Perdana Menteri petang ini, Dr Mahathir menjelaskan pelantikan Shahrizat sebagai Menteri Hal Ehwal Wanita kerana ada desakan yang begitu kuat supaya diwujudkan kementerian itu.

"Kita memang hargai sumbangan wanita dan peranan mereka dan sebab itu kita wujudkan satu kementerian baru," katanya.

Ditanya sama ada seorang timbalan kepada Shahrizat akan dilantik, Perdana Menteri berkata perkara itu belum difikirkan lagi.

"Kita fikirkan waktu ini memadai untuk adakan seorang menteri wanita," katanya.

Mengenai pelantikan Kayveas sebagai Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr Mahathir berkata ia untuk mengisi satu lagi jawatan untuk kementerian itu.

"Ada jawatan yang kita tidak isi ketika kita tubuh kerajaan selepas pilihan raya 1999. Ada jawatan yang kita tidak isi dan sekarang kita isi," katanya.

Ditanya sama ada beliau akan menambah lagi jawatan menteri dan anggota pentadbiran, Dr Mahathir berkata: "Itu kita dah lantik, setakat itu sajalah."

Mengenai pengumuman hari ini bukannya rombakan Kabinet tetapi lebih kepada pelantikan jawatan, beliau berkata: "Yalah, itu sahaja. Yang dok cakap pasal rombakan hanyalah press, bukan saya. Saya tak kata rombakan."

"Orang lain jangan ghairah nak buat rombakan. Saya tidak ghairah apa pun."

Perdana Menteri berkata, beliau mahu melantik seorang yang difikirkan boleh menyumbang kepada Kabinet setelah Dr Abdul Hamid meletak jawatan sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Beliau juga berpuas hati dengan tugas yang dijalankan oleh menteri dalam Kabinetnya.

"Walaupun orang lain mungkin tidak puas hati kerana orang lain punya agenda, tapi mengikut saya, mereka ini menjalankan tugas mereka. Maka, saya kekalkan mereka melainkan kalau mereka mahu letak jawatan," katanya.

Ditanya kemungkinan menteri digugurkan daripada Kabinet, Dr Mahathir berkata: "Nak gugur pasal apa pulak, kalau mereka ada buat salah, kita gugurlah."

19/01/2001

Asia Timur perlu formula sendiri: PM

Daripada Karim Sulaiman

OSAKA, Khamis - Asia Timur, terutama Jepun, perlu bergerak dengan formula sendiri tanpa terlalu terikat serta meniru idea dan konsep Barat bagi mengembalikan kegemilangan pertumbuhan ekonomi rantau itu.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata ramai percaya jika Jepun dan Asia Timur bekerjasama, mereka mampu menyediakan kerjasama bagi kesejahteraan dunia termasuk pembangunan kerangka kewangan dan perdagangan.

Mereka boleh mencapai matlamat itu dengan tidak terlalu terikuti-kut dengan acuan Barat, sebaliknya melaksanakannya melalui cara sendiri yang sebelum ini terbukti membawa kejayaan kepada Asia Timur.

Katanya, pertumbuhan pesat Asia Timur sebelum ini, tidak dinafikan melalui pelaksanaan cara mereka sendiri, yang terbukti membawa banyak faedah kepada negara dan rakyat mereka.

"Pelaksanaan dan mengikut keterlaluan formula Barat tidak banyak membantu mereka. Kita perlu memilih dan menerima yang baik dan menolak yang buruk. Contohnya, globalisasi adalah baik tetapi bentuknya sekarang hanya memberi banyak faedah kepada negara kaya dan berkuasa.

"Kita tidak boleh memberi kemakmuran kepada seluruh dunia melalui cara globalisasi sekarang kerana ia berdasarkan penguasaan negara kaya dan berkuasa ke atas negara miskin dan lemah," katanya.

Perdana Menteri menyampaikan ucaptama bertajuk "Menggalakkan Pemahaman Di Antara Asia dan Jepun, khususnya Kansai" di Pusat Konvensyen Antarabangsa Osaka sini, petang ini.

Beliau diundang khas bagi menyampaikan ucapan itu sempena Simposium Antarabangsa Mainichi, iaitu bahagian pertama kempen "Bangkit Kansai" yang diadakan untuk menghidupkan ekonomi lembap di wilayah Kansai.

Kansai ialah sebuah wilayah di Jepun yang meliputi Osaka, Kyoto, Shiga, Hyogo, Nara dan Wakayama dengan lebih 21.6 juta penduduk.

Hampir 500 orang dari kalangan ahli perniagaan dan korporat Jepun menghadiri seminar sehari itu. Turut hadir Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali serta Duta Malaysia di Jepun, Datuk Marzuki Mohamad Noor.

Selepas itu, Dr Mahathir bersama empat ahli panel menghadiri sesi perbincangan. Mereka ialah Menteri Luar Thailand, Surin Pitsuwan; Duta Korea Selatan di Jepun, Chooi Sang-Yong; bekas Ketua Pengarah Agensi Perancangan Ekonomi Jepun, Taichi Sakaiya dan Presiden NTT Jepun Barat, Kazuo Asada.

Malam ini, Perdana Menteri menghadiri majlis makan anjuran Mainichi Shimbun sempena penerbitan buku mengenai beliau oleh akhbar itu.

Dr Mahathir berkata, Jepun dengan kekuatan kewangan serta teknologi boleh membantu mempercepatkan pemulihan ekonomi Asia Timur serta ekomininya sendiri dengan meningkatkan pelaburan dan menuju Tabung Kewangan Asia (AMF).

Katanya, antara punca utama Jepun masih gagal untuk pulih daripada kegawatan ialah kerana keengganannya rakyatnya berbelanja.

Beliau berkata, masalah ekonomi dihadapi Jepun kini adalah akibat percubaannya menerima bulat-bulat amalan dan norma-norma Barat. Kesan buruk mungkin tidak sebegitu besar jika prosesnya dibuat secara berperingkat.

"Tetapi Jepun cuba mengubah semuanya semalam. Perubahan sentiasa membawa kesan sampingan tetapi perubahan segera atau pesat, paling banyak membawa kesan buruk," katanya.

Dr Mahathir meminta Jepun memikirkan semula langkahnya untuk mengetepikan amalan lama dalam politik, ekonomi dan pengurusan kewangan serta menggantikannya dengan standard dan kaedah Barat.

"Sehingga muda-mudi Jepun mahu berambut perang, kurang kerja dan mahu lebih berseronok. Budaya tradisi Jepun dan Timur ditinggalkan dan digantikan dengan tradisi Barat yang tidak mementingkan ketataan terhadap ibu bapa dan disiplin."

"Asia Timur boleh membeli apa yang dikeluarkan oleh Jepun, lebih banyak lagi jika Jepun membantu Asia Timur untuk makmur semula. Ini boleh dilakukan dengan berbalik kepada strategi lama mengeluarkan produk kualiti tinggi pada kos rendah yang boleh dijual kepada Asia Timur."

"Anda tidak perlu hentikan perdagangan dengan Eropah dan Amerika tetapi kami akan menyediakan satu pasaran tambahan yang besar. Tetapi pertamanya, tolonglah kami untuk pulih dengan melabur di negara kami dan menukuhan AMF," katanya.

Perdana Menteri berkata, negara Asia Timur yang melihat Jepun sebagai model mereka, hampa apabila ekonomi kedua terbesar di dunia itu menunjukkan tanda-tanda kejatuhan dan bagi selama lebih sedekad kelihatan tidak mampu keluar daripada kegawatan.

"Tetapi yang lebih menghampaskan ialah Jepun nampaknya lebih mementingkan hubungannya dengan Amerika berbanding Asia Tenggara," katanya.

"Perbuatan menerima bulat-bulat amalan Barat mungkin langkah yang kurang bijak. Mari ini Jepun meniru ideologi dan sistem pengurusan ekonomi Barat. Saya berpendapat seperti empayar Asia Timur Jepun yang berakhir dengan malapetaka, percubaan Jepun untuk meniru ideologi dan sistem Barat akan membawa kesan serupa," katanya.

Dr Mahathir berkata, Malaysia mempunyai alasan tersendiri untuk meragui resipi Barat bagi dunia kerana ia telah menjadi mangsa resipi itu dan juga telah menyaksikan mereka yang lain melalui kesengsaraan yang lebih teruk hasil idea dan konsep terbaru Barat.

Beliau meminta negara-negara Asia supaya meninjau bersama demokrasi liberal dan pasaran bebas dalam dunia yang tidak bersempadan dan untuk tentukan apa untuk diterima, ditolak dan apa untuk diubah suai.

24/01/2001

Samy Vellu pelawa Pandithan masuk MIC

KUALA LUMPUR, Selasa - Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu hari ini membuat tawaran terbuka kepada Presiden Barisan Kemajuan India seMalaysia (IPF), Datuk M G Pandithan serta pengikutnya kembali menyertai parti itu.

Ketika membuat tawaran itu dalam sidang akhbar selepas mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pusat MIC (CWC) di sini hari ini, Samy Vellu menjelaskan keputusan itu mendapat sokongan sebulat suara anggota CWC.

"Tawaran ini dibuat kepada beliau serta semua sahabat beliau dan jika mereka suka, boleh memohon untuk memasuki MIC. CWC menetapkan pendirian menerima mereka. Keputusan kini di tangan beliau (Pandithan)."

"Ketetapan ini dibuat demi perpaduan kaum India di negara ini agar mereka dapat bersatu dan memainkan peranan lebih berkesan, baik bagi pembangunan negara atau sebagai komponen Barisan Nasional (BN).

"Walaupun tidak menjadi anggota komponen, Pandithan setia menyokong BN sejak IPF ditubuhkan 11 tahun lalu. MIC mengiktiraf kesetiaannya selama ini dan menjemputnya kembali meneruskan perjuangan bersama parti ini," katanya.

Ini adalah perkembangan baru dalam politik masyarakat India di negara ini kerana selama lebih 11 tahun, Pandithan berikrar tidak akan membubarkan IPF manakala Samy Vellu pula enggan membuka pintu MIC kepada IPF.

Pandithan pernah menjadi Naib Presiden MIC tetapi dipecat pada 1 Disember 1988 kerana perbezaan pendapat dan perselisihan faham dengan Samy Vellu.

Beliau mencetuskan kontroversi apabila mengadakan 'mogok lapar sehingga mati' dengan membawa sebuah keranda ke ibu pejabat MIC serta berkumpul bersama penyokongnya sebagai membantah tindakan Samy Vellu.

Apabila gagal mencapai penyelesaian, Pandithan menubuahkan IPF pada 1990 tetapi mengumumkan ia tetap menyokong kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan BN.

Usaha, IPF untuk menyertai komponen BN sejak 1995 menemui jalan buntu kerana menurut dakwaan Pandithan, sentiasa ditentang oleh MIC. Kemasukan parti baru dalam BN wajib menerima konsensus semua parti komponen.

Samy Vellu menyatakan, beliau masih tetap dengan pendirian bahawa perlu hanya ada satu parti bagi mewakili kaum India di negara ini dan ia adalah MIC.

Oleh itu, katanya, pelawaan MIC itu bukan kerana kepentingan politik peribadi tetapi lebih mengutamakan perjuangan dan hala tuju masa depan serta kebijakan masyarakat India secara umum.

"Pandithan dan penyokong IPF lain akan diterima memasuki MIC sebagai ahli biasa selaras syarat perlombagaan parti. Terpulang kepada CWC untuk menentukan apa jawatan yang boleh diberi kepada Pandithan," katanya.

Beliau berkata, tiada tempoh, ditentukan bagi mereka memohon untuk menyertai MIC dan sebarang keputusan lanjut mengenai jawatan dalam parti hanya akan dibuat selepas menerima maklum balas Pandithan.

Pandithan tidak dapat dihubungi bagi mengulas perkara ini.

06/02/2001

Pak Lah kesal kritik parti pada perhimpunan

BANGI, Isnin - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kesal dengan tindakan ahli Umno yang mengkritik kepemimpinan parti ketika menghadiri perhimpunan Tak Akan Melayu Hilang Di Dunia, di sini, semalam.

Timbalan Presiden Umno itu menyifatkan tindakan berkenaan sebagai tidak patut kerana ramai yang menghadiri perhimpunan berkenaan ialah ahli parti.

Bercakap kepada pemberita selepas melawat Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) hari ini, beliau berkata, jika tidak puas hati dengan parti atau kerajaan, mereka sepatutnya mengemukakan perkara itu kepada Majlis Tertinggi MT) atau saluran lain dalam parti.

Saya mendengar ada ucapan yang mengkritik kepemimpinan parti dan kerajaan. Ini tak sepatutnya dilakukan kerana yang ramai terbabit itu adalah ahli Umno.

"Kalau ada perkara yang tidak puas hati dengan kepemimpinan parti dan kerajaan, perkara itu boleh dibawa dalam perbincangan bersama kita, sama ada melalui MT, kawan yang boleh membawanya kepada MT atau cara lain.

"Pemimpin Umno tiada masalah dengan ahli. Mereka bertemu dan boleh berbincang apa juga masalah yang ada hubung kait dengan parti," katanya mengulas mengenai perhimpunan anjuran Badan Bertindak Melayu di Pusat Dagangan Dunia Putra itu.

Ketika perhimpunan itu, sebahagian ahli Umno termasuk tokoh veteran mengkritik kepemimpinan parti secara terbuka. Abdullah berkata, penyertaan ahli Umno dalam perhimpunan itu adalah inisiatif mereka sendiri. Perhimpunan itu juga bukan projek Umno dan tidak direstui oleh parti.

Sementara itu, laman web rasmi Umno, umno.online, dalam satu rencananya menyifatkan, perhimpunan anjuran Badan Bertindak Melayu (BBM) itu terkeluar daripada landasan agenda Melayu sebenar.

Malah, majlis yang diharap menjadi medan membahaskan permasalahan orang Melayu secara jujur itu hanya menjadi tempat menonjolkan diri dan menyalahkan pemimpin negara.

Menurut rencana itu, ketika Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor berusaha menyatukan orang Melayu, muncul sekelompok bekas pemimpin Umno yang tersisih daripada arus perdana sekian lama, kononnya bersemangat untuk memperjuangkan nasib orang Melayu.

"Inilah masalah orang Melayu. Ramai ingin menjadi pemimpin tapi tidak ada idea kecuali pidato berapi-api. Perhimpunan BBM semalam tidak lebih sebagai retorik yang tidak membawa apa-apa erti kepada perjuangan orang Melayu.

"Sebenarnya usaha yang digerakkan oleh Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) dan kemudiannya Gabungan Suara Melayu sudah cukup dan tidak perlulah satu lagi kelompok muncul untuk memperkatakan agenda Melayu," katanya.

Perhimpunan itu semalam mencetuskan kontroversi apabila beberapa ahli Umno yang sebelum ini pernah memegang jawatan penting dalam parti, secara terbuka mengkritik kepemimpinan Umno selain menyindir program penswastaan kerajaan.

Menurut laman web itu lagi, dalam ucapan pada perhimpunan berkenaan, Dr Mahathir dianggap lemah dan tidak mendengar kehendak akar umbi.

"Kemudian bermulalah laungan retorik pembelian saham Penerbangan Malaysia (MAS) yang tidak wajar, projek mega yang menguntungkan golongan tertentu saja, kerajaan tidak menolong petani, nelayan dan penoreh getah dan akhir sekali dengan megah, mendesak kerajaan memberi biasiswa kepada semua pelajar Melayu.

"Semua ini memang nampak sedap tapi apakah hakikat sebenar seperti yang diucapkan? Kesimpulan kepada semua ucapan hari itu ialah Dr Mahathir dan kepemimpinan hari ini tidak berkesan lagi. Mereka lah yang bagus," katanya.

Umno online menyatakan, kecuali ucapan Tan Sri Awang Had Salleh dan Tun Ghafar Baba, idea pemidato lain boleh dianggap tidak relevan dan lebih tepat jika mereka dipanggil wakil Ketua Pemuda Pas, Mahfuz Omar dan Ketua Pemuda Parti Keadilan Nasional (Keadilan) Ezam Mohd Noor.

Malah, katanya, perkara yang mereka ungkapkan pada perhimpunan itu bukan baru dan sudah pun didengar dalam ceramah pembangkang.

"Malangnya golongan ini malas membaca apa yang ditulis oleh Ahli Umno lain. Mengapa ramai ahli umno boleh memahami isu-isu yang mereka bangkitkan daripada idea pembangkang dan mereka tidak? ..

"Mereka mungkin seronok kerana disorak dan ditepuk oleh penyokong yang diangkat sendiri dari kawasan mereka. Tapi mereka lupa segelintir kecil yang datang sendiri beransur-ansur pulang hanya setengah jam selepas pidato bermula," katanya.

Menurut umno.online, mereka yang berucap pada majlis itu juga menyarankan supaya semua pelajar Melayu diberi biasiswa seperti dulu tetapi malangnya mereka tidak mengambil kira perangkaan jumlah peningkatan pelajar Melayu ketika semua mendapat biasiswa dulu berbanding sekarang.

Lebih melucukan katanya, ada di kalangan mereka yang berucap beranggapan jika kerajaan boleh buat projek KL Sentral yang menelan belanja berbilion ringgit kenapa tidak memberi biasiswa kepada pelajar Melayu?

"Orang Melayu akan terus menjadi mangsa kepada pemimpin sebegini yang meningkatkan populariti daripada kualiti.

"Mereka tidak memahami pun perbezaan antara projek swasta dengan projek kerajaan. Projek KL Sentral adalah projek swasta, kenapa pula dipertikaikan jumlah pembinaannya dengan wang yang sepatutnya Kesimpulannya, menurut laman web itu, BBM hanya mementingkan imej yang gah daripada pengisian sebenar untuk kegemilangan orang Melayu dan ia hanya satu alat untuk segelintir pemimpin Melayu untuk kembali ke arus perdana politik negara.

08/02/2001

Nik Aziz anggap isu 'kemuncup'

Oleh Veena Rusli

KOTA BHARU, Rabu - Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, yang mengesahkan menerima surat daripada Istana Kelantan berkata, beliau tidak perlu menjawab surat itu kerana kandungannya adalah ulangan surat terdahulu. ·

Sehubungan itu, beliau mengarahkan Setiausaha Sulitnya, Nik Mohd Azlan Abdul Hadi, supaya berurusan dengan Setiausaha Sulit Sultan Kelantan, Serpudin Mohamad, bagi menjawab surat berkenaan.

Dalam perkembangan berkaitan, Nik Abdul Aziz menyifatkan isu itu sebagai 'kemuncup' saja dan sengaja diperbesar-besarkan oleh pihak tertentu yang berkepentingan.

Setiausaha Akhbar Menteri Besar, Muhammad Fauzi Zakaria, berkata Nik Abdul Aziz mengesahkan menerima surat meminta penjelasan daripada Istana Kelantan yang ditandatangani Serpudin seperti dilaporkan akhbar hari ini.

"Bagaimanapun, kerana Menteri Besar mendapati maksud surat itu adalah ulangan daripada yang terdahulu dan tidak relevan dengan dirinya, maka beliau mengarahkan Setiausaha Sulitnya berurusan dengan Setiausaha Sulit Sultan," katanya ketika membaca kenyataan dua perenggan kepada pemberita di pejabatnya di Kota Darulnaim di sini, hari ini.

Sementara itu, ketika berceramah di Kampung Air Dingin, Berangan, dekat Tumpat malam tadi, Nik Abdul Aziz meminta ahli dan penyokong Pas supaya tidak terpengaruh dengan isu penarikan pingat dua Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) kerana ia boleh mengeruhkan lagi keadaan.

"Kita jangan terpengaruh bagi mengeruhkan keadaan...isu itu 'kemuncup' saja yang mana kita boleh pijak dan buang dengan mudah. Usahlah pedulikan perkara itu dan kita kena menganggap perjuangan utama Pas sebenarnya ialah menentang Barisan Nasional (BN), khususnya Umno," katanya.

Nik Abdul Aziz yang juga Mursyidul Am Pas berkata, isu berkenaan hanya bersifat sementara dan sengaja ditimbulkan akhbar untuk menghangatkan keadaan politik di negeri ini.

Beliau berkata, sebagai pendokong dan pejuang parti Islam, semua ahli Pas tidak harus serik dan perlu meneruskan perjuangan.

"Pihak media seolah-olah cuba menghangatkan keadaan dengan mencetuskan isu baru, khususnya penarikan pingat dua Exco," katanya.

Berita Harian hari ini melaporkan Istana Kelantan menghantar surat kepada Nik Abdul Aziz bagi meminta kerajaan negeri menyatakan pendirian berhubung kenyataan bertulisnya bertajuk 'Isu Anugerah Tanah Kesultanan Tidak Berbangkit' minggu lalu, dalam tempoh 14 hari.

Surat itu dihantar ke Pejabat Menteri Besar tengah hari Ahad lalu, tetapi hanya dibuka keesokannya selepas Nik Abdul Aziz pulang dari menghadiri urusan parti di Taiping.

Pada sidang akhbar hari ini, Muhammad Fauzi ketika diminta mengulas maksud 'surat itu adalah ulangan surat terdahulu' berkata, ia mengandungi soalan yang pernah dikemukakan sebelum ini, cuma versinya lain, tetapi membawa maksud serupa.

"Oleh itu, Menteri Besar menganggap ia sudah dijawab dan sekadar diulang... jadi ia tak relevan," katanya.

Beliau berkata, surat Istana bertarikh 29 Januari itu mengandungi tiga soalan dan satu daripada soalan beserta jawapan Nik Abdul Aziz ada diedarkan kepada media oleh Istana pada 31 Januari.

"Soalannya ada tiga, tetapi dia (Istana) hanya bagi (edarkan) satu... itu yang kita panggil sebagai 'half truth' (sebahagian daripada kebenaran) seperti mana disebut Anual Bakhri (Setiausaha Politik Menteri Besar)," katanya.

Ditanya sama ada surat terbaru itu mengandungi tiga soalan, beliau herkata: "Saya kurang perasan (kerana) apabila Menteri Besar mengatakan (isinya) sama, saya tak tanya."

Mengenai kemungkinan kerajaan negeri mendedahkan dua lagi soalan 'Istana Kelantan supaya penjelasan menyeluruh dapat dibuat, Muhammad Fauzi berkata, keperluan itu belum timbul setakat ini melainkan diminta oleh Istana untuk berbuat demikian.

Pada sidang media di Kota Darulnaim 29 Januari lalu, Muhammad Fauzi mengedarkan kenyataan bertulis empat perenggan Menteri Besar "Kelantan itu bertajuk 'Isu Anugerah Tanah Kesultanan Tidak Berbangkit'.

Antara lain, ia memuatkan penjelasan Nik Abdul Aziz berhubung isu 'Tanah Kesultanan' yang didakwa berlarutan sejak Allahyarham Datuk Ishak Lotfi, menjadi Menteri Besar Kelantan pada awal 1970-an.

Isu itu dikatakan berpunca daripada pengambilan tanah milik Sultan dan kerabatnya di sekitar Istana Balai Besar untuk dibangunkan oleh kerajaan negeri.

10/02/2001

Hasutan: Marina didapati bersalah

BUTTERWORTH, Jumaat - Bekas Naib Presiden Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Marina Yusoff hari ini dihukum denda RM5,000 atau lima bulan penjara selepas didapati bersalah menyebut kata-kata menghasut mengikut Seksyen 4 (1) (b) Akta Hasutan 1948:

Hakim Siti Mariah Ahmad menjatuhkan hukuman itu setelah mendapati pembela gagal menimbulkan keraguan munasabah ke atas kes selepas memanggil dua saksi pembelaan memberi keterangan ketika Marina membela diri.

Marina, 59, seorang peguam, membayar denda berkenaan.

Siti Mariah berkata, mahkamah memutuskan perkataan seperti diucapkan dalam pertuduhan bukanlah satu kritikan politik bagi menjawab ucapan pemimpin negara seperti didakwa Marina, tetapi adalah ucapan yang jelas menghasut.

"Kenyataan akhbar Marina tidak boleh menjadi pembelaan kerana kenyataan itu tidak relevan kepada fakta dan isu kes itu," katanya.

Marina didakwa menyebut kata-kata menghasut di Chang Hua Kor Moral Uplifting Society Hall di Jalan Tanah Liat antara jam 9.41 malam dan 10.08 malam pada 29 September 1999.

Dia dituduh menyebut kata-kata menghasut iaitu: "Saya nak ingat orang Melayu, orang Cina, orang India, punca 13 Mei, puncanya ialah Umno, Umno yang mula membunuh orang Cina kerana Umno di Selangor sudah kalah. Pembunuhan orang Cina dimulakan oleh Umno, masa itu dirancang pemimpin-pemimpin Umno dan Selangor diketuai Datuk Harun. Jadi orang Cina jangan ingat dia sokong Barisan itu bagus kerana dulu orang Umno dalam Barisan yang membunuh orang Cina."

Dia didakwa melakukan kesalahan itu mengikut Seksyen 4 (1) (b) Akta Hasutan 1948 (Akta 15) dan boleh dihukum menurut Seksyen 4 (1) Akta yang sama dan jika sabit kesalahan, boleh didenda maksimum RM5,000 atau penjara tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwaraya, Ahmad Fairuz Zainol Abidin, manakala tertuduh diwakili peguam Christopher Leong dan Gopal Sreenevasan.

Siti Mariah juga memutuskan, keterangan Prof Khoo Boo Teik tidak relevan dan tidak menyokong pembelaan tertuduh, manakala keterangan yang diberikan oleh Setiausaha Pertama Suruhanjaya Tinggi British di Kuala Lumpur, Robert John Marshall, juga tidak menyokong kes pembelaan.

Selain itu, katanya, dokumen yang dikemukakan kepada mahkamah iaitu laporan oleh G Wong tidak boleh dipastikan kesahihan kandungannya dan lebih merupakan "dengar cakap".

Sebaik Siti Mariah membacakan penghakimannya, Christopher memohon mahkamah mempertimbangkan faktor usia tertuduh yang kini menjangkau 59 tahun, seorang nenek, berperwatakan baik, pernah berkhidmat dalam kerajaan serta pertama kali didakwa, sebelum memutuskan hukuman terhadap Marina.

Terdahulu, Ahmad Fairuz berhujah supaya mahkamah mengambil kira kepentingan awam ketika mempertimbangkan hukuman terhadap tertuduh kerana ucapannya boleh menjurus kepada kejadian tidak diingini.

"Umum ketahui 13 Mei adalah peristiwa hitam dan pahit yang tidak mahu dilalui mana-mana individu dan puncanya tidak perlu digemburkan.

"Malaysia sudah merdeka sejak lebih 43 tahun, oleh itu keharmonian yang dikehendaki tidak boleh digadai," katanya.

8

Beliau berkata, walaupun kes itu dianggap 'lain dari yang lain', tidak bermakna ia boleh dipandang ringan kerana pengubalan undang-undang hasutan khusus untuk mengelak perkara seperti itu berlaku.

Selain Ahmad Fairuz, pendakwaan turut dijalankan oleh Timbalan Pendakwa Raya Noorbahri Baharuddin.

Marina turut diwakili oleh Raja Aziz Addruse. Bagaimanapun, kedua-dua mereka tidak hadir dimahkamah hari ini kerana urusan lain.

12/02/2001

Pertahanan konsep BN: Pak Lah

"Formula itu juga perlu didokong oleh generasi akan datang dan BN selama ini tidak mengabaikan atau bertindak secara diskriminasi ke atas mana-mana kaum di negara ini" - Abdullah Ahmad Badawi

Oleh Kadir Dikoh dan Teh Kean Keat

KUALA LUMPUR, Ahad - Prinsip perkongsian kuasa, bertolak ansur dan kesederhanaan kerajaan Barisan Nasional (BN) perlu terus dipertahankan kerana ia formula terbaik kepada perpaduan kaum dan pembangunan negara.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata malah ada pihak yang cuba mencabar kerajaan dan hendak meniru kerjasama yang diadakan oleh BN, tetapi mereka sendiri tidak bersatu hati.

"Formula itu juga perlu didokong oleh generasi akan datang dan BN selama ini tidak mengabaikan atau bertindak secara diskriminasi ke atas mana-mana kaum di negara ini," katanya.

Beliau yang juga Timbalan Pengerusi BN berucap merasmikan Perhimpunan Agung ke-9 Barisan Kemajuan India Se-Malaysia (IPF) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini hari ini.

Hadir sama isteri Timbalan Perdana Menteri, Datin Seri Endon Mahmood; Presiden IPF, Datuk M G Pandithan; Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik; Setiausaha Agung MCA, Datuk Dr Ting Chew Peh dan Setiausaha Agung MIC, S Sothi Nathan.

Selain 1,000 pemerhati, 2,950 perwakilan mewakili 100 bahagian parti itu di seluruh negara hadir pada perhimpunan sehari itu bagi menentukan hala tuju masa depannya.

Bercakap kepada pemberita kemudian, Abdullah berkata setakat ini BN tidak bercadang untuk mengkaji semula sistem permuafakatan dalam proses penerimaan sesebuah parti ke dalam BN.

"Yang penting ialah kita hendak mempastikan apa juga yang BN lakukan itu ialah satu ikatan yang mendapat sokongan semua. Kita tidak suka membuat sesuatu yang boleh memecahbelahkan BN."

"Permuafakatan ini sebenarnya satu amalan yang sudah teruji kerana ia dapat mengekalkan muafakat dan kerjasama di kalangan parti komponen dan dengan itu tidak memencarkan mana-mana pihak. Itu adalah asas kekuatan, maka kita kekalkan permuafakatan ini," katanya.

IPF pimpinan Pandithan berusaha untuk menyertai BN sejak penubuhannya 13 tahun lalu, tetapi gagal berikutan bantahan MIC. Berdasarkan konsep permuafakatan BN, mana-mana parti yang ingin menyertainya perlu mendapat persetujuan semua parti komponen.

Dalam ucapan dasarnya pada perhimpunan itu, Pandithan antara lain menyatakan sistem permuafakatan BN sudah agak lapok yang perlu dihapuskan dan partinya akan terus bersabar serta berjuang hingga diterima menyertai BN, apatah lagi ia menyokong penuh BN dalam pilihan raya umum 1995 dan 1999 serta beberapa pilihan raya kecil.

Abdullah yang ditanya bahawa sistem permuafakatan itu juga kurang adil kerana ada parti yang berkorban untuk BN, tetapi sukar diterima semata-mata kerana bantahan satu daripada parti komponen berkata:

"Kita amat memahami konsensus (permufakatan) ini ada baik dan tak baiknya... yang diamalkan di mana-mana negara sekalipun. Yang penting ialah kita mesti ingat bahawa apa yang baik untuk BN akan kita terus usahakan," katanya.Dalam ucapan perasmianya, Abdullah juga berkata masyarakat membuat kesilapan besar jika mereka percaya bahawa dengan menyokong pembangkang, segala masalah akan selesai.

Katanya, BN berjanji memberikan yang terbaik kepada kaum India dan ini terbukti dengan nikmat pembangunan yang dikecapi selepas merdeka, tetapi BN akan terus berusaha dan bekerjasama untuk meningkatkan lagi kemajuan kaum berkenaan.

Mengenai IPF, beliau berterima kasih atas sokongan padu yang ditunjukkan kepada BN selama ini dan yakin sokongan yang diberikan itu menyumbangkan kepada kejayaan BN pada pilihan raya umum lalu.

Abdullah berkata, komitmen itu serta perjuangan selama 13 tahun, membuktikan IPF mendokong cita-cita BN mahu melihat perpaduan di negara ini kukuh.

Katanya, beliau akan menyampaikan mesej serta suasana persidangan IPF itu kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

13/02/2001

Gilir KM: Mahathir jumpa pemimpin

KOTA KINABALU, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan menemui secara berasingan semua pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) Sabah bagi mendapatkan pandangan mengenai sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri.

Perdana Menteri berkata, pertemuan itu akan diadakan secara berasingan di ibu negara sebelum berakhir tempoh dua tahun Ketua Menteri sekarang, Datuk Osu Sukam, pertengahan bulan depan.

"Saya hanya jumpa pemimpin Umno Sabah (dalam lawatan kali ini). Saya cadang jumpa pemimpin parti komponen BN Sabah yang lain kemudian. Saya akan minta mereka ke Kuala Lumpur dan jumpa seorang demi seorang," katanya.

Beliau menjawab soalan pemberita pada sidang akbar di Terminal Dua Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu, di sini sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur, petang ini.

Dr Mahathir yang diiringi Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, sebelum itu mengadakan perjumpaan tertutup dengan Umno Bahagian Beaufort dan Sipitang. Hadir sama Osu dan Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaacob.

Ditanya sama ada jawatan Ketua Menteri selepas ini akan disandang pemimpin Bumiputera bukan Islam atau Cina, Dr Mahathir yang juga Pengurus BN, secara bergurau berkata: "Dia adalah seorang rakyat Malaysia."

Menjelang lawatannya ke sini, Sabah sangat dilanda spekulasi bahawa Perdana Menteri akan memberi sedikit gambaran mengenai penggiliran itu, yang diperkenalkan pada 1994.

Dr Mahathir berkata, pertemuannya dengan pemimpin parti komponen BN Sabah itu akan diadakan secepat mungkin.

"Sebelum tamat edah Ketua Menteri," katanya.

Sistem penggiliran Ketua Menteri diperkenalkan oleh Dr Mahathir, sebagai langkah mewujudkan kestabilan politik Sabah, dengan pemimpin tiga kaum utama memegang jawatan itu setiap dua tahun.

Ia didahului Bumiputera Islam dengan penyandangnya Tun Sakaran Dandai (sekarang Yang diPertuan Negeri) dan Datuk Seri Salleh Tun Said, kemudian Cina (Datuk Yong Teck Lee) dan Bumiputera bukan Islam (Tan Sri Bernard Dompok).

Selepas Pilihan Raya Negeri 1999, sistem itu diteruskan dan Datuk Osu Sukam, dilantik Ketua Menteri sehingga hari ini. Penggal dua tahunnya dijadualkan tamat pertengahan Mac ini.

Sebelum ini, ada desakan supaya dimansuhkan sistem itu, tetapi ada juga yang mahu ia diteruskan. BN Sabah sendiri sudah menyerahkan kepada Perdana Menteri untuk membuat keputusan.

Dr Mahathir berkata, tidak ada sebarang masalah baginya membuat keputusan mengenai perkara itu, lagi pun BN Sabah cukup kukuh dan pemimpinnya sentiasa mengutamakan kepentingan bersama.

"Saya tidak nampak mereka akan membuat sesuatu yang boleh menjejaskan kepentingan parti," katanya.

Beliau bagaimanapun, tidak menjelaskan pandangan Umno Sabah mengenai sistem itu. Mengenai pertandingan jawatan Umno peringkat bahagian, Dr Mahathir menjelaskan jika ada perbincangan dan muafakat mengenai siapa harus pemimpin, ia adalah tindakan sebaik-baiknya.

Katanya, pertandingan memilih pemimpin adalah proses demokrasi, tetapi masalah timbul apabila mereka yang tewas ketika bertanding tidak dapat menerima kekalahan.

"Sebaliknya, jika semua orang bersikap demokratik, pertandingan tidak menjadi masalah dan yang tewas harus sedia menerima kekalahan, seterusnya menyokong pihak yang menang."

"Tetapi ada kecenderungan di beberapa tempat, apabila bertanding dan kalah, mereka tidak dapat menerima keputusan itu dan mula mengambil tindakan yang boleh menggugat perpaduan parti."

"Maka itu kita berpendapat adalah lebih baik jika kita dapat selesaikan menerusi perbincangan mengenai siapa antara mereka yang boleh diangkat sebagai pemimpin," katanya.

Kepada soalan lain, Dr Mahathir berkata, tidak ada apa-apa bayangan diberikan oleh Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud, mengenai tarikh pilihan raya negeri itu, yang penggal sekarang dijadualkan berakhiri September ini.

Dalam pada itu, Dr Mahathir menolak andaian Pas mungkin dijemput menyertai BN berikutan kenyataan positif pemimpin arti pembangkang itu berhubung soal perpaduan Melayu.

"Tak timbul soal itu (Pas masuk BN). Kita cakap soal perpaduan Melayu dan bukan perpaduan parti-parti Melayu," katanya.

Mengulas laporan akhbar hari ini, mengenai soal kemiskinan di Kelantan yang dikatakan menjelaskan pendidikan pelajar di situ, beliau berkata, kerajaan akan meneliti perkara itu dan mengenal pasti puncanya.

"Mungkin ada sebab lain kerana kita dapati orang miskin keputusan mereka baik... kalau tak belajar, yang kaya pun gagal juga," katanya.

14/02/2001

Soal kalah menang tidak timbul: Fadzil Noor

Oleh Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Selasa - Presiden Pas Datuk Fadzil Noor, berkata soal siapa menang dan kalah tidak timbul sama sekali apabila pihaknya mengadakan perbincangan terbuka mengenai perpaduan Melayu dengan pemimpin Umno pada 19 Februari ini.

Beliau berkata, ia cuma satu perbincangan bagi menangani pelbagai masalah dalam negara dan berharap pertemuan itu tidak dilihat sebagai satu pertandingan yang memberikan kemenangan kepada mana-mana pihak.

"Menang atau kalah tidak timbul," katanya mengulas pandangan sesetengah pihak kononnya Pas sudah memenangi pusingan pertama apabila Umno sanggup memperluaskan skop perbincangan yang tidak hanya terhad kepada perpaduan Melayu seperti dituntut parti itu sebelum ini.

Khamis lalu, Umno dan Pas bersetuju dengan beberapa perkara asas bagi pertemuan antara pemimpin kedua-dua parti untuk membincangkan isu perpaduan.

Antara persetujuan yang dicapai bagi merealisasikan pertemuan diketuai Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dan Fadzil itu ialah agenda perbincangan, tempat dan masa pertemuan serta jumlah perwakilan.

Pada sidang akhbar selepas mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno Sabtu lalu, Dr Mahathir berkata, Umno bersetuju dengan tarikh pertemuan yang dicadangkan oleh Pas pada 19 Februari.

MT juga bersetuju dengan bilangan perwakilan seramai enam orang seperti dikemukakan oleh Pas dalam pertemuan kedua-dua parti, Khamis lalu.

Lujnah Politik Pas pula akan bermesyuarat di Taman Melewar malam esok bagi jumlah perwakilan dan perkara lain berkaitan pertemuan berkenaan sebelum dibawa ke jawatankuasa teknikal Umno-Pas, Jumaat ini.

Fadzil yang dihubungi hari ini, berharap melalui perbincangan Umno dan Pas nanti, sesuatu yang baik bagi kepentingan negara keseluruhannya dicapai.

Ditanya sama ada pertemuan itu memadai hanya sekali atau perlu diteruskan, beliau berkata, soal itu bergantung kepada hasil pertemuan pertama 19 Februari nanti.

"Kami bersetuju mengadakan pertemuan ini kerana ia selari dengan hasrat awal kami," katanya.

Beliau menafikan wujud perpecahan dalam kumpulan pembangkang berhubung persetujuan Pas menyertai perbincangan dengan Umno dan dakwaan kononnya ada parti pembangkang lain berusaha menggagalkan pertemuan itu.

"Tanggapan itu adalah permainan media semata-mata," katanya.

Mengenai lima lagi wakil Pas selain beliau sendiri untuk pertemuan dengan pemimpin Umno itu, beliau berkata, perkara ini akan ditentukan oleh ahli jawatankuasa Pas Pusat yang akan bermesyuarat tidak lama lagi.

Katanya, Umno tidak perlu mengemukakan surat rasmi mengenai pertemuan itu kerana Pas sudah diwakili jawatankuasa teknikal diketuai Setiausaha Agungnya, Nasharuddin Mat Isa, bagi perbincangan dengan rakan sejawat daripada Umno.

Semalam, Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata biro politik Umno belum membuat keputusan mengenai siapa yang akan menganggotai panel bagi mewakili parti itu untuk mengadakan perbincangan terbuka dengan Pas pada 19 Februari ini.

Biro politik Umno yang diketuai Dr Mahathir belum mengadakan mesyuarat bagi tujuan itu.

18/02/2001

Umno sedia bincang apa saja

Oleh MUNAARFAH ABU BAKAR

PUTRAJAYA: Umno sudah bersedia bermuzakarah dengan Pas esok dan akan menerima semua isu yang dibawa parti pembangkang itu tanpa sebarang syarat agar perbincangan mengenai perpaduan dapat dilaksanakan dengan telus dan terbuka.

Ini bermakna Umno bersetuju berbincang mengenai apa saja isu yang bakal dibawa oleh Pas termasuk sistem kehakiman, demokrasi, ekonomi, Islam, royalti minyak Terengganu dan kes Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob dalam satu pertemuan dengan Berita Minggu berkata, Umno bersedia untuk lebih fleksibel dalam menerima semua isu yang dibangkitkan oleh Pas sebelum ini dengan mengambil kira kesan perbincangan berkenaan kepada kepentingan negara.

"Kita mengharapkan pertemuan ini akan dapat diadakan kerana kita terbuka untuk membincang apa saja perkara dan bersetuju menerima perkara itu dalam pertemuan kedua-dua pihak," katanya selepas mesyuarat Biro Politik Umno di Seri Perdana di sini, semalam.

Mesyuarat lebih satu setengah jam itu dipengerusikan oleh Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan turut dihadiri Timbalan Presidennya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; Naib Presiden, Tan Sri Muhyiddin Yassin, Tan Sri Muhammad Muhd Taib dan Datuk Seri Najib Tun Razak; Bendahari Umno, Tun Daim Zainuddin; Ketua Penerangan Umno, Datuk Mustapa Mohamed; Setiausaha Kerja Umno, Senator Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor dan Penasihat Agama kepada Perdana Menteri, Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman.

Khalil berkata, dalam mesyuarat itu juga beliau turut memberi taklimat kepada kepimpinan Umno mengenai kedudukan keputusan mesyuarat jawatankuasa teknikal parti kelmarin dalam membuat persiapan bagi pertemuan terpenting itu.

Umno dan Pas sebelum ini bersetuju mengadakan pertemuan yang pada asalnya bertujuan membincangkan agenda Melayu dan kemudian bertukar kepada isu perpaduan nasional.

Satu laporan memetik Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor sebagai berkata, Pas akan membangkitkan isu Anwar dan royalti minyak Terengganu dalam perbincangan itu.

Setiausaha Agung Pas, Nasharuddin Mat Isa juga sebelum ini dilapor mencadangkan agar skop perbincangan diperluaskan dengan membincangkan beberapa isu lain termasuk isu sistem kehakiman, demokrasi, ekonomi dan Islam.

Khalil yang juga disoal mengenai perwakilan Umno pada perbincangan itu tetapi enggan mengulas lebih lanjut.

Difahamkan, semua perwakilan Umno bagi perbincangan berkenaan sudahpun ditentukan pada mesyuarat jawatankuasa teknikal kelmarin dengan lima enam perwakilan.

Ditanya sama ada akan ada mesyuarat jawatankuasa kecil antara Umno dan Pas sebelum pertemuan esok, beliau berkata:

"Kalau ikut laporan akhbar mereka kata ada mesyuarat esok (hari ini)," katanya.

Sementara itu, Muhammad ketika dihubungi berkata, Umno sentiasa terbuka dan tidak meletakkan apa-apa syarat dengan Pas dalam pertemuan bagi tujuan perbincangan perpaduan itu.

"Dalam Islam sendiri, pentingnya ada muzakarah dengan mengadakan rundingan dengan semua pihak. Dalam perkara ini, Umno lebih fleksibel dengan tidak menetapkan sebarang syarat demi kepentingan negara," katanya.

19/02/2001

Pas tangguh pertemuan - Tiga syarat baru dimajukan kepada Umno

Oleh Zulkofli Jamaludin, Rasid Rahaman dan Azmi Md Deros

KUALA LUMPUR, Ahad - Pas menangguhkan pertemuannya dengan Umno bagi membincangkan isu perpaduan yang dijadualkan esok, sambil mengemukakan tiga tuntutan baru sebagai prasyarat pertemuan itu.

Pada sidang akhbar selepas mesyuarat Jawatankuasa Pusat Pas di markas parti itu di Taman Melewar di sini, petang ini, Presidennya, Datuk Fadzil Noor, berkata Pas mahu Jawatankuasa Teknikal kedua-dua parti menyelesaikan dulu tiga perkara sebelum pemimpin tertinggi diadakan.

Tiga syarat baru Pas

- Mengembalikan royalti minyak (wang ihsan) yang diberi Kerajaan Persekutuan kepada Terengganu;
- Membenarkan penerbitan Harakah dua kali seminggu; dan
- Mahu kerajaan menolak cadangan Umno supaya melarang penggunaan perkataan Islam pada parti politik.

Tiga tuntutan itu ialah mengembalikan royalti minyak (wang ihsan) yang diberi Kerajaan Persekutuan kepada Terengganu, membenarkan penerbitan Harakah dua kali seminggu dan mahu kerajaan menolak cadangan Umno supaya melarang penggunaan perkataan Islam pada parti politik.

Ini bukan kali pertama Pas mengemukakan syarat sejak Umno merintis idea mengadakan pertemuan itu.

Khamis lalu, Pas mengemukakan empat agenda untuk perbincangan dengan Umno serta mencadangkan tajuk asal pertemuan penyatuan Melayu diubah kepada Perpaduan Nasional dan perkara itu diterima Umno.

Mengulas keputusan terbaru Pas itu, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang ditemui pemberita di Ipoh, berkata Umno masih berpendapat musyawarah adalah jalan sebaik-baiknya untuk menyatupadukan bangsa Melayu.

"Saya rasa dukacita kerana saya sentiasa berpendapat bertemu dalam semangat musyawarah adalah sebaik-baiknya untuk membincangkan apa juga perkara yang menjadi kepentingan negara," kata Timbalan Perdana Menteri.

Abdullah yang juga Timbalan Presiden Umno, berkata dalam merintis jalan mengadakan pertemuan itu, Umno tidak pernah meletakkan syarat dan tidak timbul isu sama ada Pas akan masuk Umno atau sebaliknya.

"Bagi saya, pertemuan itu jika diadakan akan memberi kebaikan kepada kedua-dua pihak. Saya tidak nampak ini sebagai satu pertemuan untuk menentukan siapa menang dan siapa kalah," katanya.

Ditanya sama ada keputusan Pas itu membuktikan parti berkenaan sengaja hendak bermain tarik tali dengan Umno, Abdullah berkata : "Saya tidak mahu membuat andaian macam itu, tetapi apa yang nyata, pada waktu ini mereka tidak memberi keutamaan kepada cadangan kita untuk bertemu."

Beliau juga akan mendapatkan maklumat terperinci mengenai keputusan Pas itu daripada Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob, yang menjadi orang perantaraan antara Umno dan Pas.

"Beliau (Khalil) terbabit dalam perbincangan peringkat teknikal, mungkin Setiausaha Agung Pas akan sampaikan secara rasmi keputusan Pas itu," katanya.

Fadzil sebelum itu, menegaskan Pas mahu Umno mengembalikan status quo prasyarat itu bagi membolehkan perbincangan antara kedua-dua parti dapat diadakan dalam suasana kondusif.

"Kerajaan di bawah kuasa parti boleh tentukan status quo ini. Tuntutan kita ini bukan sukar dilaksanakan, malah mudah dengan satu arahan saja, semua perkara boleh diselesaikan," katanya.

Fadzil berkata, tuntutan itu boleh diselesaikan menerusi perbincangan pada peringkat Jawatankuasa Teknikal kedua-dua parti sebelum perbincangan sebenar diadakan.

"Kita punyai masa yang luas untuk memanfaatkan rundingan. Kita ada agenda, walaupun Umno sudah bayangkan persetujuan, kita nak persetujuan dinyatakan secara lebih lengkap.

"Jawatankuasa Teknikal Pas diarah meneruskan perbincangan dengan Umno bagi menyelesaikan perkara teknikal ini yang belum diselesaikan," katanya.

Fadzil turut mengaitkan beberapa insiden yang berlaku ketika ceramah parti pembangkang baru-baru ini yang didakwa boleh memburukkan keadaan untuk perjumpaan.

Antara insiden itu ialah tindakan polis menghalang ceramah Timbalan Presiden Pas, Abdul Hadi Awang, di Sabak Bernam, tindakan polis melepaskan gas pemedih mata ketika ceramah Keadilan di Kubang Pasu, penahanan ahli pembangkang di pekarangan Balai Polis Dang Wangi dan insiden terbaru, penahanan penyokong pembangkang di pekarangan mahkamah Kulim, hari ini.

Dalam kejadian di Kulim, polis juga terpaksa melepaskan gas pemedih mata apabila penyokong Keadilan yang hadir di pekarangan mahkamah, enggan bersurai.

Fadzil berkata, insiden itu tidak menunjukkan keadaan yang boleh menjernihkan suasana serta mendorong perbincangan dan ia perlu diselesaikan terlebih dahulu.

Mengenai isu Datuk Seri Anwar Ibrahim, beliau berkata perkara itu adalah antara tajuk utama perbincangan, tetapi bukan menjadi prasyarat yang perlu diselesaikan sebelum pertemuan.

19/02/2001

Pelbagai pihak kecewa Pas tangguh pertemuan

KUALA LUMPUR, Ahad - Pelbagai pihak kecewa dengan tindakan Pas menangguhkan sementara pertemuan dengan Umno bagi membincangkan perpaduan nasional yang dijadualkan di sini esok.

Sambil menyifatkan tindakan Pas itu sebagai sudah terlewat, mereka juga mahu parti pembangkang itu melupakan isu-isu kecil dan memberi tumpuan kepada perkara utama yang membawa kepada penyatuan orang Melayu.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, berkata Umno dan ramai orang Melayu kecewa dengan keputusan Pas itu.

Sehubungan itu, Pas diharap dapat membuat keputusan segera untuk mengadakan perundingan semula tanpa menetapkan sebarang syarat.

"Umno bersikap terburka dan boleh berbincang apa saja tanpa sebarang prasyarat. Malah dalam Islam, kita disuruh berunding dan duduk untuk menyelesaikan sesuatu perkara yang kusut.

"Saya harap Pas segera membuat keputusan untuk duduk berunding. Semua rakyat menunggu akan pertemuan ini kerana ia adalah acara penting untuk negara ini.

"Jangan kecewakan rakyat. Elok duduk berbincang dan kemukakan apa yang Pas dalam satu kenyataan yang dikeluarkan selepas mesyuarat jawatankuasa pusat parti itu di markasnya di Taman Melewar, Gombak petang ini memutuskan untuk menangguhkan sementara pertemuan dengan Umno bagi membincangkan perpaduan nasional yang dijadualkan esok.

Bagaimanapun, Presidennya, Datuk Fadzil Noor, berkata sesuai dengan dasar keterbukaan Pas, parti itu memutuskan supaya perbincangan berkenaan diteruskan pada suatu tarikh yang belum ditentukan.

Umno dan Pas sebelum ini bersetuju mengadakan pertemuan yang pada asalnya bertujuan membincangkan agenda Melayu dan kemudian bertukar kepada isu perpaduan nasional.

Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, berkata sebagai pemimpin muda yang ingin melihat negara ini dapat diwariskan kepada generasi akan datang dalam keadaan kukuh, beliau berharap usaha berterusan dapat dilakukan supaya pertemuan itu menjadi kenyataan.

"Peringkat awal ini saya tidak tahu apa sebenarnya sebab mereka (Pas) menolak. Sememangnya kenyataan wakil kita bahawa demi perpaduan diteruskan, saya rasa kita sanggup membincangkan perkara yang boleh membantu kita merapatkan perpaduan.

"Dalam hal ini, saya harap Pas melupakan perkara yang tidak munasabah dan melihat kembali asas membangunkan sesebuah negara iaitu penyatuan.

"Jadi saya harap jangan kita ambil benda-benda kecil untuk membatalkan usaha murni ini," katanya ketika ditemui pada peringkat ke-12 Kriterium Kuala Lumpur yang juga peringkat terakhir Le Tour de Langkawi 2001 (LTdL) di sini, petang ini.

Ditanya kemungkinan Pas mengambil keputusan itu berikutan tindakan Dewan Pemuda parti itu menolak pertemuan berkenaan, Hishammudin yang juga Menteri Belia dan Sukan berkata, sejak awal lagi Pemuda parti itu membantah perbincangan dengan Umno tetapi pucuk pimpinan parti berkenaan meneruskan usaha mengadakan perbincangan.

"Kalau mereka tidak bersetuju, sudah tentu dari peringkat awal lagi pucuk pimpinan Pas akan menolak usaha kita untuk berjumpa tetapi mereka meneruskan perbincangan.

"Saya rasa agak terlewat untuk menyatakan bantahan merekaalah (Dewan Pemuda Pas) menjadi punca kepada pembatalan usaha untuk berjumpa," katanya.

Sementara itu, Naib Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM), Norizan Shariff, berkata Pas perlu menetapkan satu tarikh baru untuk mengadakan pertemuan itu dan jangan mengambil masa terlalu lama berbuat demikian.

"Dalam hal ini, kita mahu kedua-dua pihak meletakkan kepentingan Melayu sebagai perkara utama dan tidak menetapkan sebarang syarat untuk mengadakan pertemuan," katanya.

"Kita juga mahu pertemuan yang diadakan tidak berakhir di situ. Jika ada isu yang tidak dapat diselesaikan, peretemuan seterusnya perlu diadakan untuk mencari jalan penyelesaian.

"Bagi MBM, kita ingin melihat pertemuan itu menjadi kenyataan dan membawa kebaikan kepada orang Melayu," katanya.

20/02/2001

Umno kaji syarat Pas

Syarat Pas itu perlu dikaji kerana ia membabitkan dasar kerajaan sedangkan perbincangan perpaduan Melayu yang dicadangkan adalah antara Umno dengan Pas, bukan antara Pas dan kerajaan

Oleh Zulkofli Jamaludin

PUTRAJAYA, Isnin - Biro Politik Umno hari ini mengarahkan jawatankuasa teknikalnya mengkaji semua syarat Pas bagi pertemuan perpaduan Melayu, yang membabitkan dasar kerajaan.

Bagaimanapun, mesyuarat itu, yang dipengerusikan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Sri Perdana, di sini petang ini, mahu jawatankuasa teknikalnya meneruskan perbincangan dengan jawatankuasa teknikal Pas. Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob, berkata syarat Pas itu perlu dikaji kerana ia membabitkan dasar kerajaan sedangkan perbincangan perpaduan Melayu yang dicadangkan adalah antara Umno dengan Pas, bukan antara Pas dan kerajaan.

"Yang berbincang dengan Pas adalah Umno, iaitu antara parti, manakala perkara yang dibangkitkan Pas berkaitan soal kerajaan.

"Umno adalah parti dalam kerajaan Barisan Nasional (BN) dan kita kena berunding juga dengan parti komponen," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat itu.

Mesyuarat lebih dua jam itu turut dihadiri Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, tiga Naib Presiden - Datuk Seri Najib Tun Razak, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Tan Sri Muhammad Muhd Taib - serta Ketua Pemuda, Datuk Hishammuddin Tun Hussein.

Beberapa pemimpin Badan Perhubungan Umno negeri turut hadir, termasuk Tan Sri Mohd Isa Samad, Datuk Wira Mohd Ali Rustam, Datuk Seri Osu Sukam, Datuk Seri Adnan Yaakob dan Datuk Idris Jusoh.

Semalam, Pas menangguhkan pertemuannya dengan Umno yang dijadualkan hari ini dan mengemukakan tiga tuntutan baru sebagai syarat mewujudkan suasana pertemuan yang kondusif.

Tiga tuntutan itu ialah mengembalikan royalti minyak(wang ihsan) yang diberikan Kerajaan Persekutuan kepada Terengganu; membenarkan penerbitan Harakah dua kali seminggu; dan kerajaan menolak cadangan Umno supaya melarang penggunaan perkataan Islam pada parti politik.

Khalil berkata, beliau memberi taklimat mengenai surat Setiausaha Agung Pas, Nasharuddin Mat Isa, yang meminta pertemuan kedua-dua pemimpin ditangguhkan.

Katanya, beliau menjelaskan keputusan Umno itu kepada Pas apabila mesyuarat jawatankuasa teknikal kedua-dua parti diadakan.

Ditanya apakah beliau optimis pertemuan di antara Umno dan Pas dapat menjadi kenyataan, Khalil berkata Pas mahu mesyuarat antara jawatankuasa teknikal diteruskan.

23/02/2001

Bincang apa saja jika Pas tiada syarat

Umno tidak dapat memenuhi syarat Pas seperti pemberian balik wang royalti kepada Terengganu dan penerbitan Harakah lapan kali sebulan kerana ia bukan dalam bidang kuasanya

Oleh Kadir Dikoh dan Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR, Khamis - Majlis Tertinggi (MT) Umno hari ini menyatakan kesediaannya untuk berbincang mengenai apa saja isu dengan Pas asalkan parti pembangkang itu tidak meletakkan sebarang syarat.

Mesyuarat MT petang ini memutuskan, Umno masih bersedia mengadakan pertemuan dengan Pas mengenai perpaduan orang Melayu tetapi tidak dapat memenuhi syarat terbaru Pas kerana ia di luar bidang kuasanya.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Umno tidak dapat memenuhi syarat Pas seperti pemberian balik wang royalti kepada Terengganu dan penerbitan Harakah lapan kali sebulan kerana ia bukan dalam bidang kuasanya walaupun ia boleh merujuk kepada kerajaan.

"Kalau kita sudah putuskan sesuatu perkara, apa perlunya perbincangan. Kalau satu pihak sudah dapat tuntutan mereka, apa perlunya perbincangan. Sebab itu kita tidak berkata kita tolak apa yang diputuskan (syarat) oleh Pas tetapi kita nak supaya kita bertemu.

"Kita masih bersedia bertemu dan kita mungkin mengetepikan segala syarat dan kita bertemu walaupun tak ada tajuk, tak apalah.

"Kita nak supaya kita bertemu kerana daripada pertemuan ini kita yakin kita akan dapat suatu kebaikan daripadanya," kata Presiden Umno dalam sidang akhbar selepas mesyuarat hampir tiga jam itu.

Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Pas Ahad lalu mengambil keputusan menangguhkan pertemuan dengan Umno yang dijadualkan Isnin lalu sambil mengemukakan tiga tuntutan baru sebagai prasyarat pertemuan itu.

Tiga tuntutan itu ialah mengembalikan royalti minyak (wang ihsan) yang diberi Kerajaan Persekutuan kepada Terengganu, membenarkan penerbitan Harakah dua kali seminggu dan mahu kerajaan menolak cadangan Umno supaya melarang penggunaan perkataan Islam pada parti politik.

Ditanya sama ada Umno bersedia menimbang bagi memenuhi syarat itu, Dr Mahathir berkata pendirian Umno ialah pertemuan itu masih dianggap dan penting.

Itulah sebabnya Umno menerima syarat awal Pas seperti membincangkan isu Datuk Seri Anwar Ibrahim dan dakwaan konominya wujud penyelewengan dalam pentadbiran kerajaan dan tidak mengehadkannya kepada isu perpaduan orang Melayu.

Bagaimanapun, katanya, syarat itu adalah syarat yang memutuskan perkara sebelum perbincangan diadakan.

"Kalau kita sudah putuskan sesuatu perkara, apa perlunya perbincangan... kalau satu pihak sudah dapat tuntutan mereka, apa perlunya perbincangan.

"Kita masih bersedia bertemu dan kita perlu mengetepikan segala-gala syarat dan bertemu walaupun tidak ada tajuk... tak ada tajuk pun tak apalah, kita bertemu sahaja," katanya sambil menambah, MT, yang membincangkan isu itu panjang lebar, mahu kedua-dua pihak bertemu dahulu.

Dr Mahathir berkata, pertemuan itu perlu diadakan kerana yakin dapat sesuatu kebaikan daripadanya.

Ditanya apakah pendirian Umno jika Pas terus mahu tuntutannya dipenuhi terlebih dahulu, beliau berkata; "Kita berdoa dia (Pas) berlembut hati berjumpa kita."

Katanya, apabila Pas mahu supaya skop perbincangan diperluaskan untuk merangkumi soal perpaduan Melayu sebelum ini, Umno bersetuju kerana soal itu adalah sebahagian perpaduan nasional.

"Jika tidak ada perpaduan Melayu, maka perpaduan nasional akan diadakan tanpa Melayu. Jadi tanpa Melayu, bermakna tidak ada perpaduan nasional. Kita tidak berhajat mengadakan perpaduan Melayu ini untuk menentang bukan Melayu. Itu tidak menjadi hajat kita sama sekali.

"Kita percaya walaupun kita bertemu tetapi perpaduan kita dalam Barisan Nasional (BN) tidak akan dibelakangkan. Kita akan terus bekerjasama dengan rakan-rakan kita yang terdiri daripada orang Cina dan India," katanya.

Dr Mahathir berkata, Umno sedar dalam sistem demokrasi, perlu ada pembangkang dan ia sama sekali tidak berniat menghapuskan pembangkang kerana pembangkang berguna bagi mengkritik kerajaan jika kerajaan membuat kesalahan.

Katanya, jika tidak ada pembangkang, kerajaan mungkin membuat perkara yang salah dan tidak ada orang mengkritik.

"Sebab itu, perjumpaan ini bukan bertujuan mencantumkan Pas dengan Umno kerana kita masih fikir Pas sebagai pembangkang memenuhi kehendak demokrasi. Jadi tujuannya bukanlah Pas dengan Umno bercantum untuk melawan orang bukan Melayu...tidak ada niat sama sekali di pihak kita.

"Sebenarnya, orang Melayu dan orang Cina juga ingin melihat perselisihan yang terlalu mendalam ini, terlalu jauh jaraknya antara parti politik ini, perlu dikurangkan supaya dengan itu politik negara akan lebih tenang," katanya.

Beliau berkata, Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yakob yang mengetahui jawatankuasa teknikal, akan terus berusaha mengadakan perjumpaan dengan rakan sejawatnya dari Pas bagi berbincang bagaimana pertemuan boleh diadakan.

Ditanya mengenai andaian bahawa Umno terdesak mengadakan pertemuan itu, Dr Mahathir enggan mengulas panjang kerana mahu mewujudkan suasana 'kondusif' untuk pertemuan itu.

Mengenai kenyataan Presiden Pas Datuk Fadzil Noor bahawa parti itu boleh meletakkan syarat kerana ia 'dipinang', Dr Mahathir berkata, ia bukan perkahwinan, sebaliknya Umno menyahut cadangan seorang pensyarah Universiti Utara Malaysia supaya kedua-dua parti duduk berbincang.

24/02/2001

BPR boleh ambil tindakan terhadap politik wang

SERDANG, Jumaat - Badan Pencegah Rasuah (BPR) boleh mengambil tindakan jika ia mengesyaki berlaku politik wang atau unsur rasuah dalam pemilihan peringkat cawangan dan bahagian Umno bermula bulan depan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata kalau berlaku sesuatu yang mewajarkan BPR mengambil tindakan, ia boleh berbuat demikian.

Bagaimanapun, katanya yang juga Timbalan Presiden Umno, keadaan ketika ini adalah terkawal dan Umno belum lagi memerlukan bantuan BPR untuk membendung gejala itu.

"BPR boleh mengambil tindakan, misalnya jika wang yang digunakan membabitkan rasuah atau datang dari punca-punca yang menimbulkan syak," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Stadium Universiti Putra Malaysia (UPM), di sini hari ini.

Beliau ditanya sama ada BPR akan diminta mengawasi kegiatan politik wang dalam pemilihan parti pada peringkat cawangan dan bahagian. Abdullah berkata, etika pemilihan parti sudah memadai kerana ia turut menyebut mengenai penghalangan penggunaan politik wang atau membeli undi dalam pemilihan parti.

Mengenai kenyataan Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor, yang parti itu kekal dengan tiga syarat yang perlu dipenuhi Umno sebelum mengadakan perbincangan mengenai perpaduan, Abdullah berkata:

"Umno menyerahkan kepada (Setiausaha Agung) Tan Sri Khalil Yaakob untuk berunding dengan Jawatankuasa Teknikal Umno-Pas," katanya.

Ditanya apakah kerajaan menambah anggota Unit Simpanan Persekutuan untuk membendung kegiatan pembangkang, Abdullah berkata, polis menambah anggota bagi mengawasi perairan terutama di Laut China Selatan terutama selepas kejadian penculikan.

Katanya, usaha untuk menambah anggota itu sudah lama dibuat dan kini di peringkat pelaksanaan.

05/02/2001

Demonstrasi jalanan gugat kestabilan negara

KUALA LUMPUR, Ahad - Tindakan Parti Keadilan Nasional (Keadilan) menganjurkan demonstrasi jalanan besar-besaran dengan tujuan menggulingkan kerajaan yang dipilih secara demokrasi, dilihat sebagai berbahaya, melampaui batas dan mementingkan perjuangan individu.

Pemimpin politik, Menteri Kabinet dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) menyifatkan cadangan mengadakan demonstrasi jalanan itu bukan saja akan memecahbelahan perpaduan sedia ada malah boleh membawa kepada pertumpahan darah.

Di MUAR, Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, orang Melayu tidak seharusnya terpengaruh dengan dakyah pembangkang sehingga melupakan kesejahteraan dan kemakmuran yang dinikmati hasil perjuangan Barisan Nasional (BN).

Katanya, perpecahan orang Melayu dirancang pihak tertentu dengan memperalatkan pembangkang bagi menunjukkan kepada dunia bahawa rakyat tidak selesa dengan kerajaan sekarang.

Beliau juga berkata, pembangkang menganjurkan demonstrasi jalanan untuk menghasut dan mempengaruhi rakyat supaya menjatuhkan kerajaan dengan mendakwa tindakan itu selaras dengan amalan dan prinsip demokrasi.

"Sikap mengamalkan politik sempit oleh pembangkang itu sebenarnya tidak diterima majoriti rakyat kerana mereka faham apa itu demokrasi sebenarnya," katanya ketika merasmikan Dewan Permatang Pasir di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas laporan muka depan akbar tempatan yang menyebut Ketua Pemuda Parti Keadilan, Ezam Mohd Noor mengaku sedang merancang melancarkan demonstrasi besar-besaran bagi menggulingkan kerajaan.

Kenyataan Ezam itu turut dipersetujui Ketua Dewan Pemuda Pas, Mahfuz Omar walaupun Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, tidak bersetuju kerana ia boleh menjelaskan keselamatan rakyat.

Di JOHOR BAHRU, Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Seri Rafidah Aziz hari ini mengecam tindakan parti Keadilan yang mahu menggulingkan kerajaan menerusi demonstrasi jalanan.

Katanya, tindakan parti pembangkang itu jelas menunjukkan bahawa politik Keadilan itu tidak berhaluan dan hanya mementingkan perjuangan individu saja.

"Selepas sekian lama kerajaan Barisan Nasional (BN) dan rakyat berusaha untuk mengadakan keadaan stabil, keharmonian dan suasana yang membolehkan kita bekerja dan peniaga tanpa gangguan tetapi kini ada pihak yang mahu memusnahkan semua itu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan berkelompok Wanita Umno Cawangan dan Bahagian Tebrau di sini, hari ini.

Beliau juga menyeru Wanita Umno supaya lantang menolak pendekatan politik jalanan kerana selama ini gambaran yang diberikan oleh segelintir parti pembangkang kepada dunia luar seolah-olah perjuangan mereka mengatasi suara ramai.

Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman berkata, kenyataan Ezam itu jelas menunjukkan Keadilan bukanlah satu kumpulan yang cintakan negara.

Katanya, Keadilan mungkin sengaja mengambil langkah itu untuk menunjukkan kepada dunia bahawa keadaan di Malaysia huru-hara dan tidak terkawal.

Di SELANGOR, Menteri Besarnya, Datuk Dr Mohamad Khir Toyo, berkata isaha Keadilan mengadakan demonstrasi jalanan secara besar-besaran ikan merugikan bangsa.

"Kita tidak bersetuju sama sekali dengan budaya demonstrasi jalanan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung lima cawangan Umno di bahagian Tanjung Karang di sini, hari ini.

Beliau berkata, ahli Umno perlu sedar bahawa negara mencapai kemerdekaan menerusi muafakat dan perundingan.

Di KOTA BHARU, Ketua Penerangan Umno, Datuk Mustapa Mohamed, berkata kegiatan demonstrasi jalanan perlu dibendung kerana ada pihak tertentu sengaja cuba menggagalkan usaha kerajaan menstabilkan negara.

Katanya, rakyat tidak seharusnya mencabar kewibawaan kerajaan dengan menganjurkan demonstrasi jalanan kerana budaya itu akan mencetuskan keadaan huru-hara dan boleh menghancurkan keamanan negara.

Sehubungan itu, beliau tidak menolak kemungkinan pihak terbabit mencontohi amalan mengupah penunjuk perasaan profesional seperti yang berlaku di sesetengah negara bagi mewujudkan suasana kurang tenteram di tanah air sendiri.

"Kewujudan kumpulan penunjuk perasaan jalanan profesional itu boleh berlaku di Malaysia, terutama oleh pihak yang mempunyai agenda tertentu dan terdesak untuk bertindak," katanya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Rais Yatim, berkata kerajaan tidak seharusnya mengambil ringan rancangan Ezam itu kerana buat pertama kalinya, seorang pembangkang membuat kenyataan sedemikian secara terang-terangan.

"Rancangan itu adalah satu pencabulan kepada undang-undang negara kerana kerajaan negara ini hanya boleh disanggah melalui proses demokrasi. Sekiranya kenyataan itu dapat dibuktikan, Ezam terpaksa menghadapi tuntutan undang-undang," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Dr Rais berkata, jika Ezam melaksanakan rancangannya itu, beliau boleh dihadapkan ke mahkamah mengikut Seksyen 122 Kanun Kesejahteraan dan Akta Hasutan.

"Sekarang ini, terserah kepada polis untuk membuat siasatan lanjut. Jika pihak berkuasa ingin membuat dakwaan terhadapnya, pendakwara perlu mempunyai bukti kukuh yang boleh menyabitkan kesalahan itu," katanya.

Ditanya sama ada Ezam boleh ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), Dr Rais berkata, ISA hanya digunakan jika keselamatan negara diancam.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Chor Chee Heung, berkata Kementerian Dalam Negeri sedang memantau pengakuan Ezam, termasuk mengkaji kemungkinan parti itu menerima bantuan kuasa luar untuk menjayakan rancangan jahat itu.

Sambil menegaskan kerajaan tidak akan membenarkan rancangan itu dilakukan, beliau berkata kerajaan masih memantau rancangan itu.

Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) Datuk Suhaimi Ibrahim pula berkata, kenyataan Ezam adalah satu pandangan seorang yang sudah hilang pedoman dan hanya menurut nafsu semata-mata.

Suhaimi berkata, Ezam sepatutnya menghormati keputusan rakyat yang sudah memilih kerajaan BN yang memerintah melalui pilihan raya umum.

Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM), Saifuddin Abdullah pula menyeru semua generasi muda dan rakyat secara keseluruhannya untuk menolak sebarang usaha untuk menjelaskan sistem pilihan raya yang menjadi amalan di negara ini.

"Dalam amalan demokrasi, semua rakyat punya kebebasan untuk pilih kerajaan dan hari ini, kerajaan yang dipilih rakyat ialah BN. Sekiranya ada bantahan, ia boleh dibuat melalui sistem pilihan raya," katanya.

09/03/2001

Tiada permohonan suaka politik Estrada

KUALA LUMPUR, Khamis - Malaysia dan Thailand tidak menerima permintaan mana-mana pihak untuk memberi perlindungan politik kepada bekas Presiden Filipina, Joseph Estrada.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata kerajaan tidak menerima sebarang laporan mengenai perkara itu.

"Kami tidak terima apa-apa berita...kami bukan negara yang memberi perlindungan," katanya mengulas amaran Naib Presiden Filipina, Teofisto Guingona, bahawa Estrada mungkin lari ke negara jiran bagi mengelak dakwaan jenayahnya terhadapnya.

Amaran itu berikutan laporan bahawa Estrada beberapa kali cuba menemui Duta Thailand di Manila untuk mendapatkan perlindungan dan membuat permintaan yang sama kepada beberapa negara Asean serta Amerika Syarikat.

Bagaimanapun, kerajaan Presiden Filipina Gloria Arroyo mahu Estrada dihadapkan ke muka pengadilan atas jenayah rasuah dan melarang bekas presiden itu meninggalkan negara. Sementara itu, Menteri Luar Thailand, Dr Surakiart Sathirathai berkata, kerajaannya belum menerima sebarang permintaan rasmi dari Filipina mengenai perkara berkenaan.

"Kami belum terima apa-apa permintaan. Jika ada, adalah sesuatu yang memerlukan kerana apa yang kami maklum, Filipina tidak membenarkan Estrada meninggalkan negara dan sekiranya permintaan (perlindungan) itu diberikan, ia seolah-olah menunjukkan percanggahan pendapat.

"Saya tidak boleh beri sebarang komen lagi kerana belum ada permintaan itu," katanya selepas membuat kunjungan hormat kepada Syed Hamid di Wisma Putra, hari ini.

Dalam perkembangan lain, Dr Surakiart berkata, negaranya sentiasa memuji Malaysia dalam usaha membawa perdamaian di Myanmar.

Thailand menganggap inisiatif Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan wakil khas Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) ke Myanmar, Tan Sri Razali Ismail, sebagai langkah positif dalam mengembalikan keamanan di negara itu.

Dr Mahathir melawat Myanmar pada Januari lalu dan mengadakan perbincangan dengan Jeneral Kanan Than Shwe, selaku Pengerusi Majlis Kemanan dan Pembangunan Negara mengenai isu dua hala, serantau dan antarabangsa.

Sehubungan itu, Dr Surakiart berkata, Thailand sedia membantu dengan apa cara pun dalam membantu proses itu.

Usaha damai di negara yang diperintah junta tentera itu diketuai oleh Razali berikutan resolusi perhimpunan agung PBB pada 1999, yang meminta kerajaan Myanmar menghentikan sebarang pencabulan hak asasi manusia dan mengambil langkah membawa negara itu ke alam demokrasi.

14/03/2001

Mohamad Ezam dituduh menghasut

KUALA LUMPUR, Selasa - Ketua Pemuda Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Mohamad Ezam Mohd Nor, didakwa di Mahkamah Sesyen di sini hari ini, mengikut Akta Hasutan 1948 atas tuduhan membuat kenyataan bersifat hasutan dengan niat menggulingkan kerajaan.

Dia dituduh menyebut perkataan yang menghasut itu kepada pemberita, Yusri Sahat, daripada Utusan Malaysia, di No 46M, Jalan Chan Sow Lin di sini, pada jam 2 petang, 3 Mac lalu.

Mengikut kertas pertuduhan, perkataan yang menghasut itu ialah:

- Bahawa kamu menyatakan kamu mengaku akan mengadakan demonstrasi setiap hari bukannya setiap minggu apabila tiba masa dan ketikanya;
- Bahawa demonstrasi jalanan itu hanya akan terhenti apabila pemimpin kerajaan yang ada dapat digulingkan; dan
- Bahawa kamu menyatakan penggulingan kerajaan dengan demonstrasi jalanan adalah perkara biasa bagi negara yang mengamalkan demokrasi, perkara itu tidak perlu dimomokkan dan kamu memang nak ubah kerajaan.

Sebahagian kenyataan Ezam itu disiarkan di akbar Mingguan Malaysia pada 4 Mac lalu.

Ezam, 34, bagaimanapun tidak mengaku salah apabila tuduhan dibaca kepadanya di depan Hakim Mohd Zaki Abdul Wahab.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu mengikut Seksyen 4(1)(b) Akta Hasutan 1948 (Akta 15) dan boleh dihukum mengikut Seksyen 4(1) Akta yang sama. Jika sabit kesalahan, Ezam boleh dihukum penjara maksimum tiga tahun, denda sehingga RM5,000 atau kedua-duanya.

Mohd Zaki membenarkan Ezam diikat jamin RM5,000 dengan seorang penjamin dan menetapkan lima hari mulai 6 Ogos ini untuk membicarakan kes itu.

Ezam, yang diwakili tiga peguam iaitu Hasnal Rezua Merican, Hamidzun Khairuddin dan Saiful Izham, membayar ikat jamin itu.

Sebelum itu, Timbalan Kanan Pendakwa Raya, Datuk Abdul Gani Patail, mencadangkan supaya Ezam dibenarkan diikat jamin RM50,000 dengan seorang penjamin kerana perkara itu berkaitan keselamatan dan ketenteraman awam.

Bagaimanapun, Hasnal Rezua meminta mahkamah mengurangkan jumlah jaminan itu kepada RM3,000 kerana jumlah itu adalah keterlaluan.

Hasnal merujuk kepada kes hasutan bekas Naib Presiden Keadilan, Marina Yusoff, di Mahkamah Sesyen Butterworth, apabila hanya dikenakan denda RM5,000 atau penjara lima bulan setelah didapati bersalah menyebut kata-kata menghasut mengikut seksyen yang sama.

Hasnal Rezua berkata, mengikut Seksyen 4(1) Akta Hasutan 1948, jumlah denda maksimum ialah RM5,000 dan kerana itu, jumlah yang dicadangkan pendakwa raya itu tidak wajar.

Mohd Zaki ketika membenarkan Ezam diikat jamin RM5,000 berkata, jumlah itu adalah munasabah mengikut Seksyen 4(1) Akta Hasutan 1948 yang denda maksimum ialah RM5,000.

Ezam ditahan di Ibu Pejabat Polis Dang Wangi, Kuala Lumpur pada 5 Mac lalu dan ditahan reman pada 7 Mac, kemudian dilanjutkan empat hari sebelum dihadapkan ke mahkamah pada jam 4 petang ini.

TB 154

15/03/2001

Pembangkang, laman web disiasat - Pertikai angka rasmi korban pergaduhan

- Keadilan, Pas sebar risalah di kawasan Kampung Medan
- Malaysiakini.com mendakwa jumlah kematian lebih tinggi berbanding angka diberikan polis

Oleh Fazli Abdullah

SHAH ALAM, Rabu - Polis hari ini membuat laporan terhadap akhbar Internet, Malaysiakini.com serta dua parti pembangkang kerana menghasut orang ramai dengan mendakwa bilangan mangsa yang terkorban dalam pergaduhan di sekitar Kampung Medan, Jalan Klang Lama, melebihi pengumuman rasmi.

Laporan itu dibuat oleh Ketua Polis Selangor, Datuk Nik Ismail Nik Yusoff, di Ibu Pejabat Polis Kontinjen negeri di sini. Polis akan menyiasat laporan itu mengikut Akta Hasutan 1948.

Sebelum ini, polis mendapati Parti Keadilan Nasional (Keadilan) dan Pas menyebarkan risalah di kawasan Kampung Medan yang mempersoalkan angka kematian dengan berkata jumlah sebenar yang mati lebih daripada angka diberikan polis.

Memberitahu sidang akhbar di sini hari ini, Nik Ismail meminta parti pembangkang membuktikan dakwaan mereka bahawa angka kematian lebih tinggi daripada bilangan yang dikeluarkan polis.

"Jika mereka ada bukti dan saksi, mereka boleh tampil ke hadapan dan saya minta mereka buktikannya," katanya yang kesal dengan dakwaan itu kerana ia boleh menimbulkan ketakutan di kalangan orang ramai.

Sehingga kini, enam kematian dicatatkan akibat pergaduhan di Kampung Medan dan sekitar Jalan Klang Lama sejak tercetusnya insiden berkenaan pada 8 Mac lalu, manakala 22 lagi dirawat di hospital.

Seramai 220 ditahan dan daripada jumlah itu, 53 orang sudah dibebaskan dengan jaminan, manakala 167 dikenakan tahanan reman bagi membantu siasatan polis.

Mengenai dakwaan sesetengah pihak konon polis tidak berlaku adil ketika menyuraikan polis tidak memihak kepada sesiapa.

"Apa yang kami lakukan, kami buat mengikut undang-undang. Mengikut undang-undang, sesiapa saja akan dilayani sama rata...tanpa mengira siapa mereka," katanya.

Beliau juga berkata, keadaan keselamatan di kawasan sekitar Kampung Medan, Taman Datuk Harun, Kampung Gandhi dan Taman Desaria, bertambah baik hari ini tanpa sebarang kejadian tidak diingini.

Bagaimanapun, satu serangan oleh sekumpulan enam lelaki ke atas empat lelaki India dilaporkan di sebuah kuil di Taman Perindustrian Puchong Utama, Petaling Jaya, jam 9.30 malam tadi.

Dalam kejadian itu, Pengurus MIC Cawangan Taman Puchong Permai, M Rajendran, 38; dan rakannya, V Muniandy, 44, cedera kepala dan tangan terkena tetakan. Dua lagi rakannya tidak cedera.

Kumpulan lelaki itu, yang belum dikenali, dikatakan melarikan diri dengan sebuah van selepas menyerang mangsa.

Nik Ismail berkata, polis menganggap perbuatan itu sebagai khianat bagi menggagalkan usaha pihak berkuasa memulihkan ketegangan akibat beberapa kes pergaduhan di Kampung Medan.

Sambil menyifatkannya sebagai kes terpencil, beliau berkata, polis sedang menyiasat sama ada kes berkenaan ada kaitan dengan beberapa insiden pergaduhan di Kampung Medan.

"Ketika keadaan keselamatan di sekitar Jalan Klang Lama bertambah baik, kejadian itu sedikit sebanyak menjelaskan ketenteraman sekarang," katanya.

16/03/2001

Pas perlu nyatakan pendirian

Oleh Rosli Abdul Jalil dan Noorwati Salleh

KUALA LIPIS, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini meminta Pas menyatakan pendiriannya sama ada mahu mengadakan pertemuan mengenai perpaduan Melayu dengan Umno atau sebaliknya, daripada memberi pelbagai alasan seperti sekarang.

Perdana Menteri berkata, Umno sedia menerima apa juga pendirian parti pembangkang itu, yang sebelum ini menyatakan mereka lebih mengutamakan kepentingan nasional daripada kepentingan Melayu dan tidak ingin bertemu.

Kita tak fikir kita lemah. Kalau Pas tak nak jumpa, kata tak nak jumpa, tak usahlah bagi alasan-alasan lain. Kalau Pas kata kami tidak peduli tentang soal kepentingan orang Melayu, kami utamakan kepentingan nasional... katalah, tak apa. 'Oleh kerana itu kami (Pas) tak nak jumpa.'

"Terpulanglah," katanya kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan tertutup dengan pemimpin dan Ahli Jawatankuasa Umno Bahagian Lipis dan Raub, di sini.

Presiden Umno itu ditanya sama ada penangguhan pertemuan itu membayangkan kelemahan pada pihak Umno. Pas ketika menangguhan pertemuan itu mahu jawatankuasa teknikal kedua-dua parti menyelesaikan dulu tiga perkara sebelum pertemuan pemimpin tertinggi diadakan.

Tiga perkara itu ialah mengembalikan royalti minyak (wang ihsan) yang diberikan Kerajaan Persekutuan kepada Terengganu; membenarkan penerbitan Harakah dua kali seminggu; dan mahu kerajaan menolak cadangan Umno supaya melarang penggunaan perkataan Islam pada parti politik.

Dr Mahathir menegaskan, Umno bukan bertujuan memujuk Pas untuk mengadakan pertemuan dengannya, cuma sekadar menyatakan keinginan untuk bertemu dengan pemimpin parti itu.

"Kita anggap pertemuan ini penting dan baik. Bukan bagi parti Umno, bukan parti Pas... bukan parti mana-mana, cuma baik bagi orang Melayu saja.

"Sebagaimana dinyatakan sebelum ini, pertemuan itu akan menumpukan perhatian kepada empat perkara yang sepatutnya semua pihak mempunyai pendirian yang sama kerana ia adalah kepentingan orang Melayu keseluruhannya," katanya.

Empat perkara itu ialah hak dan keistimewaan orang Melayu, kedudukan agama Islam, bahasa Kebangsaan dan status Raja-Raja Melayu seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Beliau berkata, Umno akan tetap berusaha agar pertemuan itu menjadi kenyataan kerana menganggap kepentingan orang Melayu perlu dipertahankan oleh semua orang Melayu.

"Dan kepentingan yang kita maksudkan ini bukan lebih daripada apa yang telahpun termaktub dalam Perlembagaan yang dipersetujui oleh semua kaum," tegasnya.

Dr Mahathir berkata, Umno berpendapat pertemuan itu penting kerana perlu ada persefahaman di kalangan semua orang Melayu setelah kepentingan mereka di negara ini dicabar sedangkan mereka berpecahbelah dalam menangani cabaran itu.

Ditanya sama ada penangguhan pertemuan itu memberikan 'mileage' dan publisiti kepada Pas, beliau berkata terpulanglah kepada orang Melayu untuk menafsirkannya.

"Kalau dia nak tangguh, kita tangguhlah... sama-sama tangguh. Kalau kita percaya dia dapat publisiti dan mileage, itu pandangan orang Melayu, apa kita nak buat.

"Kita nak buat ini untuk kepentingan semua orang Melayu, termasuk orang Melayu dalam Pas, orang Melayu dalam Keadilan, orang Melayu dalam DAP pun, ini kepentingan mereka. Kalau mereka kata ini bukan kepentingan mereka...ok," katanya.

Dr Mahathir kesal kerana sesetengah pihak yang mendapat manfaat hasil perjuangan Umno mempertahankan hak orang Melayu tidak sanggup untuk mempertahankan hak orang Melayu sendiri.

"Jika orang Melayu sendiri tidak mahukan sebarang layanan istimewa, umpamanya kemasukan pelajar ke universiti dibuat berdasarkan merit dan kelulusan, perkara itu boleh dilaksanakan tanpa mana-mana pihakpun menegur.

"Kalau orang Melayu nak macam itu, kita boleh buat dan kita boleh kata cuma yang layak saja boleh masuk, yang tak layak tak usah masuk. Tak ada layanan istimewa bagi penuntut Melayu ke universiti. Jangan siapa komplen," katanya.

Perdana Menteri berkata, pembangkang sebenarnya ingin dianggap sebagai juara orang Cina sehingga sanggup mengeluarkan kenyataan "kalau Melayu Umno ingin membunuh orang Cina, bunuh Melayu Alternatif dulu."

Beliau berkata, kenyataan seperti itu dikeluarkan untuk memancing sokongan orang Cina kerana pembangkang berpendapat orang Melayu yang menyokong mereka tidak akan lari, sebaliknya yang perlu bagi mereka ialah mendapat sokongan orang Cina.

"Sebab itu mereka menyokong Suqiu. Mereka menyokong tuntutan guru-guru Cina... kita tak ada niat nak bunuh sesiapa pun. Kita bukan anti-Cina, kita cuma minta apa yang sudah ada dalam Perlembagaan kita saja... tak lebih dari itu," katanya.

Dr Mahathir berkata, tindakan itu juga jelas bagi memastikan Umno tidak popular di kalangan orang Cina, sekali gus mereka dapat meraih sokongan orang Cina dan Melayu yang taksub dengan perjuangan untuk menang dalam pilihan raya.

17/03/2001

Chong Kah Kiat KM baru Sabah

Pindaan akan dilakukan iaitu Umno akan menyandang jawatan itu bagi tempoh dua penggal kerana ia adalah rakan gabungan terbesar dalam BN negeri

Oleh Kadir Dikoh dan Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR, Jumaat - Presiden Parti Liberal Demokratik (LDP), Datuk Chong Kah Kiat, hari ini diumumkan sebagai ketua menteri baru Sabah, mengikut sistem penggiliran jawatan itu.

Chong, 53,.. yang juga Menteri Pembangunan Pelancongan, Alam Sekitar, Sains dan Teknologi Sabah, menggantikan Datuk Osu Sukam, yang tempoh dua tahunnya berakhir semalam.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika mengumumkan pelantikan itu selepas mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) di sini, bagaimanapun tidak menyatakan bila Chong akan mengangkat sumpah jawatan dan memulakan tugasnya.

Beliau yang juga Penggerusi BN berkata, perubahan kecil akan dibuat pada sistem penggiliran itu dengan Umno akan menyandang jawatan ketua menteri bagi tempoh dua penggal kerana ia adalah rakan gabungan terbesar dalam BN negeri.

"Kita telah pinda sedikit. Kitakekalkan penggiliran, tetapi kerana Umno merupakan parti terbesar dalam kerajaan Sabah, kita akan memberi dua kali kepada Umno berbanding sekali kepada parti Bumiputera bukan Islam dan Cina.

"Ini akan dimulakan apabila kitaran penuh sistem penggiliran itu disempurnakan," katanya.

Sistem penggiliran yang diperkenalkan pada 1994 itu bertujuan menyediakan peluang kepada pemimpin tiga kumpulan etnik utama di Sabah Bumiputera Islam, Bumiputera bukan Islam dan Cina - untuk berkhidmat sebagai ketua menteri, masing-masing bagi tempoh dua tahun.

Bagaimanapun, sesetengah pihak mahukan sistem itu dihapuskan, manakala sebahagian lagi mahu ia dikekalkan.

Ketua menteri pertama di bawah sistem itu ialah Tun Sakaran Dandai dari Umno. Sakaran memberi laluan kepada Datuk Salleh Said Keruak, juga dari Umno, apabila beliau dilantik sebagai Yang di-Pertuan Negeri Sabah.

Datuk Yong Teck Lee, dari Parti Maju Sabah (SAPP) kemudian menggantikan Salleh bagi mengisi penggiliran untuk kaum Cina Pengganti Yong, Tan Sri Bernard Dompok, dari Pertubuhan Pasok Momomugun Kadazandusun Bersatu (Upko) bagaimanapun memegang jawatan itu separuh penggal apabila beliau tewas pada pilihan raya negeri 1999, lalu digantikan oleh Osu.

Dr Mahathir yang megadakan sidang akhbar selama kira-kira lima minit saja kerana hampir waktu solat Jumaat, tidak membuat penjelasan lanjut sama ada Umno secara automatik menyandang jawatan Ketua Menteri selepas Chong nanti.

Sebelum mesyuarat itu, beliau menemui Badan Perhubungan Umno Sabah diketuai Osu di Tingkat 39, Pusat Dagangan Dunia Putra selama kira-kira tiga, mulai jam 8 pagi.

Ini diikuti pertemuan dengan pemimpin kanan lima parti komponen BN yang berpangkalan di Sabah iaitu Umno, LDP, Parti Maju Sabah (SAPP), Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRs), Upko dan Parti Keadilan Rakyat Bersatu (Akar), di tingkat 38 iaitu Ibu Pejabat BN.

Perdana Menteri berkata, semua parti komponen BN Sabah menerima formula itu dan selepas ini, mereka akan membuat penjelasan kepada penyokong masing-masing.

"Saya jumpa juga dengan Perhubungan Umno (Sabah), mereka terima.

27/03/2001

Anggota jawatankuasa teknikal Umno-Pas ditambah

KOTA KINABALU, Isnin - Umno bersetuju untuk menambah dua lagi anggota Jawatankuasa Teknikal Umno-Pas pada mesyuarat kali ketiga jawatankuasa itu, esok.

Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob, berkata pihaknya setuju dengan cadangan Pas untuk menambah lagi anggota jawatankuasa itu daripada empat kepada enam orang bagi setiap parti.

"Ini persediaan pihak Pas yang merasakan tambahan dua lagi anggota adalah lebih baik. Kita bersetuju dan akan turut berbuat demikian," katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (LTAKK) di sini, sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur hari ini.

Bagaimanapun, beliau tidak mahu mengumumkan siapa dua lagi anggota jawatankuasa yang akan mewakili Umno, sebaliknya berkata ia boleh diketahui apabila mereka mengadakan mesyuarat esok.

Khalil berkata, Umno sudah menyatakan sebelum ini bahawa parti itu bersedia untuk berbincang mengenai empat perkara dalam Perlembagaan yang membabitkan kepentingan Melayu, manakala bagi Pas, terpulang kepada parti itu untuk berbincang apa saja yang mereka mahu kemukakan.

Katanya, beliau tidak tahu apa implikasi terhadap tambahan dua lagi anggota jawatankuasa itu, tetapi ia sudah dipersetujui bersama oleh kedua-dua pihak.

Ditanya sama ada beliau mengharapkan perkembangan positif daripada mesyuarat jawatankuasa itu esok, beliau berkata:

"Saya tidak mahu buat apa-apa ramalan kerana ini pada peringkat teknikal, apa yang kita bincang akan dibawa kepada peringkat atasan parti masing-masing.

"Saya sendiri tidak boleh harap apa-apa dan saya pun tidak mahu bincang perkara-perkara yang (masih) dalam mesyuarat," katanya.

Sementara itu, mengenai dakwaan ada ahli Umno di negeri ini terbabit dalam permohonan injunksi menghalang Yang di-Pertuan Negeri melantik Datuk Chong Kah Kiat, sebagai Ketua Menteri Sabah, Khamis lalu, Khalil berkata pihaknya akan mendapat laporan daripada Badan Perhubungan Umno negeri terlebih dahulu.

"Kita akan meneliti sama ada mereka masih menjadi ahli Umno atau tidak, sebarang tindakan hanya akan dibuat selepas mendapat laporan mengenainya terlebih dahulu," katanya.

Khamis lalu, tiga ahli perniagaan, Kaiman Buangan, Abdul Rajik Arin dan Ismail Jamlang, memfailkan perintah injunksi di Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu bagi menghalang Yang di-Pertuan Negeri, Tun Sakaran Dandai, melantik dan melakukan istiadat angkat sumpah Chong sebagai Ketua Menteri.

30/03/2001

Fauzi akan letak jawatan Adun Beserah

KUANTAN, Khamis - Ketua Umno Bahagian Kuantan, Datuk Fauzi Abdul Rahman mengesahkan beliau akan meletakkan jawatan sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Beserah, esok.

Beliau memberikan alasan sebahagian besar cawangan Umno di Beserah tidak mencalonkannya bagi mempertahankan jawatan ketua bahagian, sebagai asas mengambil tindakan itu.

"Saya akan menyerahkan surat peletakan jawatan itu kepada Pengurus Badan Perhubungan Umno negeri yang juga Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob berserta sebab saya mengambil keputusan ini," katanya pada sidang akhbar di sini, malam ini.

Setakat ini, Fauzi menerima sembilan pencalonan berbanding pencabarannya, Naib Ketua bahagian, Datuk Faisal Abdullah (29) dan Timbalan Ketua, Datuk Wan Adnan Wan Mamat (20).

Fauzi bagaimanapun menegaskan tidak akan keluar daripada Umno dan khabar angin kononnya beliau akan menyertai Parti Keadilan Nasional atau Pas, tidak benar.

"Saya berpegang kepada prinsip saya naik melalui Umno dan Umno lah menentukan kedudukan saya," katanya.

Sidang akhbar itu diadakan di kediaman rasmi Menteri Besar, sejurus selepas beliau menemui Adnan selama kira-kira sejam.

Fauzi, bekas Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri berkata, apabila majoriti cawangan di bahagian itu tidak lagi mencalonkannya sebagai ketua bahagian, ia bermakna ada penolakan oleh Umno Beserah atau cawangan di kawasan itu terhadapnya.

"Mereka nampaknya tidak merestui apa yang saya buat di kawasan saya serta menolak perkhidmatan saya atau apa yang saya lakukan," katanya.

Sementara itu, Adnan memberitahu pemberita selepas itu, beliau akan meneliti surat peletakan jawatan Fauzi, esok, sebelum membuat sebarang keputusan.

Katanya, beliau akan mengkaji sama ada penolakan Fauzi sebagai ketua bahagian Umno Kuantan menerusi pencalonan cawangan sekarang, dilakukan atas dasar rakyat di kawasan itu tidak mahu khidmatnya lagi atau disebabkan perkara lain.

Beliau berkata, kajian teliti itu perlu kerana Fauzi adalah antara wakil rakyat yang cemerlang, mempunyai pusat perkhidmatan sendiri serta sanggup menemui pengundi hampir setiap hari bermula jam 10 pagi hingga jam 1 pagi kecuali cuti umum.

"Hasil kajian itu akan dikemukakan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk mendapatkan pandangan mereka," katanya.

Fauzi dalam sidang akhbar berkata, adalah sesuatu yang merugikan jika Umno di Beserah mempunyai wakil rakyat yang tidak boleh diterima ahlinya.

"Saya pun membazirkan masa jika membuat kerja tetapi orang tidak boleh terima," katanya.

Beliau turut meminta siasatan rapi diadakan berkaitan dakwaan sesetengah pihak kononnya ada unsur rasuah dan sogokan dalam pencalonan jawatan ketua bahagian itu.

31/03/2001

Jangan timbul masalah

Nasihat Dr M kepada ahli Umno tidak dapat pencalonan

Oleh M Noh Senan dan Sariha Mohd Ali

BANDAR BARU SERTING, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini berkata, ahli Umno yang tidak mendapat pencalonan secukupnya untuk bertanding pada pemilihan peringkat bahagian bulan depan, harus menerima hakikat itu dan tidak menimbulkan masalah kepada parti.

"Kalau kita tak dicalonkan, kita tak jadi calonlah. Sepatutnya kalau kita tak dicalon, jangan timbulkan masalah," katanya kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan tertutup dengan Umno Bahagian Jempol dan Jelebu di Dewan Besar Kompleks Pejabat Kerajaan Daerah Jempol di sini, hari ini.

Perdana Menteri yang juga Presiden Umno ditanya mengenai tindakan Ketua Bahagian Kuantan, Datuk Fauzi Abdul Rahman, yang meletak jawatan sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Beserah.

Surat peletakan jawatan itu diserahkan oleh Setiausaha Khas Fauzi, Noor Ferizli Nordin, kepada Setiausaha Politik Menteri Besar, Samsuddin Nawawi, di Bandar Indera Mahkota di sini pada jam 3 petang ini.

Fauzi, ketika mengumumkan hasrat itu malam tadi berkata, beliau berbuat demikian setelah majoriti cawangan Umno di Beserah tidak mencalonannya untuk mempertahankan jawatan Ketua Umno Bahagian Kuantan.

Beliau hanya menerima pencalonan daripada sembilan cawangan berbanding 29 yang diterima Naib Ketua Bahagian, Datuk Faisal Abdullah, dan 20 oleh Timbalan Ketua Bahagian, Datuk Wan Adnan Wan Mamat.

Bagaimanapun, beliau menegaskan tidak akan keluar daripada Umno dan khabar angin kononnya beliau akan menyertai Parti Keadilan Nasional (Keadilan) atau Pas, tidak benar.

"Saya berpegang kepada prinsip saya naik melalui Umno dan Umno lah menentukan kedudukan saya," katanya kepada pemberita selepas menemui Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob, lewat malam tadi.

Dr Mahathir berkata, beliau perlu mengkaji hasrat Fauzi itu serta sama ada alasannya berasas atau tidak. Sehingga kini, beliau belum menerima laporan mengenai perkara itu sama ada daripada Fauzi atau Adnan.

"Kita nak tengok report itu, sama ada ia berasas atau tidak, (tetapi) tidak dapat lagi. Saya ada diberitahu mengenainya, tapi tidak ada apa-apa.

"Masalah dalaman parti, sepatutnya dibawa ke parti. Ini nampaknya dia tidak dapat sokongan, dia kecewalah... saya juga tahu (Tan Sri) Khalil Yaakob, tidak mahu lawan di situ dan dah tarik diri. Dia tak nak lawan langsung," katanya.

Mengenai laporan polis Fauzi terhadap Khalil, Perdana Menteri berkata: "Kita nak tengok apa asas laporan polis itu, berasas ataupun tidak."

Ditanya apakah kedudukan Khalil berikut laporan polis yang dibuat itu: "Tak ada apa... biasa saja."

Beliau berkata, Umno akan hanya menangani masalah dalaman parti dan tidak akan campur tangan dalam masalah luaran.

Perdana Menteri juga berkata, beliau telah dimaklumkan oleh Khalil mengenai segala tindakan yang diambil oleh Fauzi.

Mengenai sama ada semua ini akan menjelaskan kedudukan Umno beliau berkata: "Kita tengoklah, yang ni dia nampak tak ada sokongan, jadi dia berasa kecewalah."

Dr Mahathir berpendapat tidak logik bagi Fauzi meletak jawatan, tetapi pucuk pimpinan parti tidak boleh berbuat apa-apa jika ada orang hendak berbuat demikian.

Sementara itu, Khalil ketika ditemui selepas majlis pertemuan Dr Mahathir dengan ahli Umno Bahagian Kuala Pilah dan Tampin di Kuala Pilah, berkata tidak sesuai baginya untuk mengulas kerana beliau adalah orang yang terbabit dalam perkara itu.

"Oleh kerana nama saya terbabit, lebih elok ulasan ini datang dari pihak atasan," katanya sambil menambah beliau akan menemui Fauzi untuk mengetahui sebab sebenar Adun Beserah itu mahu meletak jawatan.

"Kalau saya jumpa dia, saya akan tanya, Insya-Allah. Kita dalam satu kawasan, saya akan tanya... bincang dengan dia. Kalau saya tak jumpa, saya tak tahu," katanya.

Di KUANTAN, Adnan berkata, beliau memerlukan sedikit masa sebelum membuat keputusan muktamad sama ada menerima atau menolak permohonan Fauzi meletakkan jawatan itu.

Beliau juga akan mengkaji dakwaan Fauzi kononnya berlaku politik wang dalam pencalonan merebut jawatan ketua bahagian Kuantan yang berlangsung sekarang.

Katanya, jika siasatan mendapati dakwaan itu benar, beliau akan merujuk perkara itu kepada Dr Mahathir dan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Kajian yang saya lakukan tidak mengambil masa lama, tetapi saya akan berlaku adil kepada semua pihak iaitu Umno Kuantan, Fauzi sebagai wakil rakyat Beserah dan calon lain yang menjalankan haknya sebagai ahli parti.

"Jika rakyat di Beserah masih memerlukan khidmat Fauzi, saya akan buat syor, perakuan kepada Perdana Menteri dan buat pertimbangan lain terhadap surat peletakan jawatan itu," katanya.

01/04/2001

Umno siasat dakwaan Fauzi

Semua pihak diminta bekerjasama dengan memberi bukti jelas

Oleh KADIR DIKOH dan HALMI SAMAD

KUALA LUMPUR: Umno akan menubuhkan segera jawatankuasa khas sementara bagi menyiasat semua dakwaan Ahli Dewan Undangan Negeri (Aduan) Beserah, Datuk Fauzi Abdul Rahman berkaitan penyelewengan dan politik wang.

Perdana Menteri berkata, jawatankuasa itu akan ditubuhkan di bawah Lembaga Disiplin parti dan dianggotai badan bebas yang diketuai bekas Menteri Luar, Tan Sri Tengku Ahmad Rithauddeen.

"Kita minta semua pihak memberi kerjasama dengan memberi bukti-buktii yang jelas supaya tindakan boleh diambil terhadap mereka yang terbabit dengan politik wang dan kesalahan lain mengikut tuduhan yang dibuat oleh Datuk Fauzi," kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Presiden Umno.

Beliau berkata demikian selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno lebih tiga jam di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, petang semalam.

Dr Mahathir berkata, ketika jawatankuasa terbabit menjalankan siasatan, mesyuarat Umno Bahagian Kuantan akan ditangguhkan sehingga penyiasatan itu selesai.

"Mesyuarat MT hari ini (semalam) membincang kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh Datuk Fauzi di Kuantan. Jawatankuasa "ad-hoc" khas ini akan menyelidik, menyiasat mengenai tuduhan-tuduhan berkaitan penyelewengan dalam kerajaan, politik wang dan juga berkenaan dengan sebuah syarikat Fauzi menyerahkan surat peletakan jawatan kepada Pengurus Badan Perhubungan Umno Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob kelmarin, dengan memberi beberapa alasan termasuk dirinya tidak lagi diperlukan oleh Umno bahagian Kuantan berikutan pencalonan cawangan bagi pemilihan ketua bahagian itu tidak memihak kepadanya.

Dalam surat peletakan jawatannya, Fauzi turut membuat dakwaan berlakunya amalan politik wang dalam kawasannya itu sehingga menyebabkan beliau tidak mendapat pencalonan secukupnya bagi membolehkannya bertanding mempertahankan jawatan ketua Umno bahagian Kuantan.

Fauzi bagaimanapun berkata, beliau bersedia menarik balik peletakan jawatannya itu jika Umno menyiasat semua dakwaan yang dibuatnya. Fauzi turut membuat laporan polis terhadap Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob yang didakwanya terbabit dalam penyelewengan ketika menjadi Menteri Besar Pahang.

Dr Mahathir berkata, jawatankuasa khas sementara itu akan turut menyiasat mengenai laporan polis yang dibuat terhadap Khalil.

Bagaimanapun katanya, kedudukan Khalil sebagai Setiausaha Agung Umno tidak terjejas dan akan dibenar terus menjalankan tugas itu selain selaku Menteri Penerangan.

"Ini tak ada apa...seseorang itu tidak bersalah kecuali dibuktikan bersalah. Itu tanggapan kita. Kita tengoklah, ada asas atau tidak (dakwaan terhadap Khalil).

"Dalam pada itu juga, saya ingin mengingatkan semua yang membuat tuduhan ada politik wang ini, kalau kita dapati tuduhan mereka tidak berasas, tindakan akan diambil terhadap mereka juga. Bila nak buat tuduhan mesti ada asas, kerana ia memburukkan parti," katanya.

Presiden Umno itu menjelaskan, jawatankuasa khas sementara itu diletakkan di bawah Lembaga Disiplin dan bukan di bawah Jawatankuasa Pengurusan Umno kerana MT mahu orang yang bebas serta tiada kena mengena dengan dakwaan itu.

Khalil antara ahli Jawatankuasa Pengurusan Umno yang diketuai Timbalan Presiden parti, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi selain tiga Naib Presiden termasuk Datuk Seri Najib Tun Razak.

Dr Mahathir berkata, pihaknya akan mengambil tindakan terhadap tuduhan yang dibuat oleh Fauzi untuk menentukan sama ada tuduhan itu berasas.

Mengenai kedudukan Fauzi, Dr Mahathir berkata Adun Beserah itu belum meletakkan jawatan kerana perkara itu hanya boleh ditentukan sendiri oleh Fauzi.

"Soal kedudukannya tentulah ditentukan oleh dirinya sendiri. Bagi pihak Umno, kita tak naklah dia letak jawatan, tetapi kita tidak ada cara untuk memaksa.

"Dia tak ada buat permohonan untuk letak jawatan, dia tak ada buat permintaan untuk letak jawatan. Itu bukan surat peletakan jawatan (diserahkan kepada Umno) kerana seseorang wakil rakyat boleh letak jawatan dengan mengemukakan surat peletakan jawatan kepada speaker (DUN atau Dewan Rakyat bagi ahli Parlimen).

Beliau berkata, surat Fauzi juga kurang jelas apa sebenarnya yang dimahukan oleh Adun Beserah itu kerana dia sendiri menyatakan tidak mahu meninggalkan Umno.

Ditanya mengenai MT memberi perhatian khusus kepada kes Fauzi sedangkan Lembaga Disiplin menerima banyak aduan lain berkaitan politik wang, Dr Mahathir berkata ini kerana Fauzi mahu membuat sesuatu yang boleh merosakkan Umno.

Katanya, aduan lain yang diterima dibuat terus kepada parti tanpa pengadunya membuat pelbagai kenyataan di akhbar, berbanding Fauzi yang memaksa Umno memberi perhatian.

Beliau bagaimanapun berkata, tindakan akan tetap diambil terhadap mana-mana ahli yang terbukti terbabit dengan politik wang termasuk pecah amanah.

Mengenai pertemuan perpaduan Melayu di antara Pas dan Umno, beliau berkata pendirian Umno akan dinyatakan apabila kedua-dua jawatankuasa teknikal Umno-Pas mengadakan pertemuan nanti.

Dr Mahathir turut menunjukkan beberapa kaset mengandungi ucapan pemimpin Pas terutama berkaitan dengan isu perpaduan Melayu.

"Inilah kaset ceramah Pas yang menunjuk bagaimana mereka begitu aktif sekali berkempen, sementara kita ingin kurangkan kempen untuk mewujudkan satu suasana yang lebih kondusif untuk mengadakan mesyuarat antara Umno-Pas berkenaan dengan perpaduan Melayu.

"Mereka terus berkempen," katanya sambil menunjukkan sebuah kaset bertajuk "Tragedi Kubang Pasu" dengan gambar kedua-dua mata Perdana Menteri dihunus dengan keris.

Katanya, mesyuarat semalam juga memutuskan supaya Menteri Besar yang bukan menjadi ahli MT untuk hadir di mesyuarat MT akan datang.

Selain itu katanya, mesyuarat MT semalam menerima cadangan Dewan Tertinggi BN yang mesyuarat pagi semalam supaya BN lebih menjadi sebagai sebuah parti daripada parti-parti komponen itu sendiri.

02/04/2001

Pas sedia perjelas Amanat Haji Hadi

PERTICKETON, Ahad - Pas sedia menjelaskan isu berkaitan Amanat Haji Hadi pada bila-bila masa saja, termasuk dalam pertemuan Melayu dengan Umno sekiranya perkara itu dibangkitkan.

Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor, berkata parti itu tidak menghadapi masalah untuk menerangkan secara terperinci mengenai amanat berkenaan, walaupun sudah banyak penjelasan dibuat sebelum ini.

"Bukan sukar sangat untuk membincangkan atau mengkaji amanat itu. Kita sedia membincangkan dengan Umno jika kita diminta memberi penjelasan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan konvensyen Pas peringkat Negeri Sembilan di sini, hari ini.

Fadzil berkata, beliau terkejut kerana selepas 20 tahun Hadi membuat ucapan itu, baru kerajaan bercadang mengkaji amanat berkenaan.

"Dah begitu lama ia wujud, baru sekarang Umno hendak mengkajinya dan mahu mengambil tindakan," katanya mengulas kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bahawa kerajaan akan mengkaji amanat itu dari sudut undang-undang.

Perdana Menteri yang juga Presiden Umno, selepas mengadakan pertemuan tertutup dengan pemimpin Umno bahagian Jelebu dan Jempol di Bandar Baru Serting, Jumaat lalu, berkata beliau setuju dengan pandangan pelbagai pihak supaya amanat itu dikaji dan mengambil tindakan terhadap mereka yang terbabit.

Baru-baru ini, Timbalan Presiden Pas yang juga Menteri Besar Terengganu, Abdul Hadi Awang, mengulangi pendiriannya tidak akan menarik balik ucapannya yang dijadikan sebagai Amanat Haji Hadi, walaupun didesak pemimpin Umno.

Ucapan Hadi itu menimbulkan kontroversi dan dikatakan menjadi punca perpecahan umat Islam kerana wujudnya isu mengkafirkhan orang Umno.

Di KOTA BHARU, Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, menyambut baik kesediaan Umno untuk bermuzakarah bagi membincangkan isu berkaitan Amanat Haji Hadi.

Beliau berkata, perbincangan intelektual itu perlu dilakukan antara pemimpin Umno dengan Abdul Hadi bagi membolehkan segala persoalan atau kemusykilan terjawab.

"Sudah lama kita sebut pasal muzakarah. Bukan caranya kita suruh amanat Haji Hadi ditarik, (tetapi) caranya ialah bawa satu amanat lain yang dibuat Umno dan dedahkan kepada rakyat... kita tengok rakyat terima yang mana satu.

"Cara itu paling baik, tapi kalau nak muzakarah, itu lagi baik. Tentulah kita bersedia untuk hadir bermuzakarah (dan) muzakarah itu tentulah dengan Haji Hadi sebab itu amanat Haji Hadi," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengiringi Sultan Kelantan melawat rumah anak yatim Darul Aitam Putera di Lundang, hari ini.

Khamis lalu, Ketua Penerangan Umno, Datuk Mustapa Mohamed, berkata Umno menerima cabaran Pas untuk menyakinkan orang Melayu dan umat Islam di seluruh negara supaya tidak terpengaruh dengan Amanat Hadi yang menyeleweng daripada ajaran Islam.

Menurutnya, Umno sedia berdebat secara intelektual dengan menggunakan hujah ulamanya untuk menangkis kandungan ucapan Abdul Hadi.

Dalam perkembangan lain, Nik Abdul Aziz yang juga Menteri Besar Kelantan, berkata beliau akan menulis surat peribadi kepada Menteri Besar Negeri Sembilan, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, bagi menerangkan tujuan lawatannya ke kawasan ternakan babi di Bukit Pelanduk, baru-baru ini.

"Saya nak terangkan apa sebenarnya yang berlaku. Selepas itu, kalau dia nak terima atau tidak, itu dia punya pasal... saya cuma tulis surat peribadi saya," katanya.

Mengenai cadangan Mohd Isa supaya kerajaan Pas Kelantan menyediakan tanah untuk penternak babi di Bukit Pelanduk, Nik Abdul Aziz berkata beliau tidak pernah berjanji untuk menyelesaikan masalah golongan itu.

"Mana ada saya berjanji... orang sana (penternak Bukit Pelanduk) yang minta saya selesaikan, tapi Anuar Tan (Exco Kelantan) jawab nak selesaikan macam mana sebab itu Negeri Sembilan, bukan Kelantan," katanya.

02/04/2001

91 menang Ketua Umno bahagian tanpa tanding

KUALA LUMPUR, Ahad - Seramai 91 daripada 165 ketua bahagian Umno menang tanpa bertanding selepas 18,000 cawangan parti itu mengadakan mesyuarat bermula 1 Mac lalu hingga semalam.

Selain Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad (Kubang Pasu) dan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi (Kepala Batas), tujuh Menteri Besar dan seorang Ketua Menteri serta sembilan Menteri Kabinet dan tujuh Timbalan Menteri turut mengekalkan jawatan berkenaan.

Bahagian lain pula menyaksikan pertandingan sengit, tetapi usaha dikatakan masih dilakukan untuk mencapai kompromi menjelang mesyuarat perwakilan bahagian yang bermula hari ini.

Malah, Umno Bahagian Labuan yang pertama mengadakan mesyuarat perwakilan hari ini, mencatat sejarah apabila semua jawatankuasanya tidak ditandingi, diketuai muka baru Datuk Suhaili Abdul Rahman, yang juga Ahli Parlimen Labuan.

Ketua bahagian itu menang tanpa bertanding sama ada kerana tiada calon lain dikemukakan cawangan atau lawan masing-masing gagal melepassi syarat kelayakan, iaitu sekurang-kurangnya memperoleh 20 peratus pencalonan minimum daripada jumlah cawangan yang layak mengadakan mesyuarat.

Di beberapa bahagian pula, kompromi dicapai dengan penyandang jawatan memberi laluan, sekali gus mengelakkan persaingan bagi menjamin perpaduan parti.

Pemerhati berpendapat persaingan sengit di sesetengah bahagian sukar dielakkan. Malah, politik wang turut dikatakan menguasai perebutan jawatan di bahagian tertentu.

Ini kerana sesetengah calon lebih mementingkan kehendak sendiri.

Sebelum ini, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Beserah, Datuk Fauzi Abdul Rahman, juga mendakwa berlaku amalan politik wang dalam kawasannya menyebabkan beliau tidak mendapat pencalonan secukupnya bagi membolehkannya bertanding mempertahankan jawatan Ketua Umno Bahagian Kuantan.

Berikut itu, beliau menyerahkan surat peletakan jawatannya sebagai Adun kepada Pengurus Badan Perhubungan Umno Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob.

Sementara itu, di Kedah, lima lagi ketua bahagian menang tanpa bertanding, termasuk Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, apabila Ketua Umno Bahagian Kuala Kedah, Datuk Zakaria Said, memberi laluan kepadanya.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, pula menang tanpa bertanding di Kulim/ Bandar Baru; Penasihat Agama kepada Perdana Menteri, Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman (Sik), Setiausaha Politik kepada Menteri Kewangan, Datuk Arzmi Hamid (Merbok) dan Ahmad Bashah Md Hanipah (Alor Star).

Di PULAU PINANG, Timbalan Ketua Menteri, Datuk Dr Hilmie Yahya, mengekalkan jawatannya di Balik Pulau, manakala Timbalan Menteri Pertanian, Datuk Seri Mohd Shariff Omar (Tasek Gelugor).

Di PERAK, Menteri Besar, Datuk Seri Tajol Rosh Ghazali (Grik) adalah antara 14 ketua Umno yang menang tanpa bertanding. Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Nazri, Tan Sri Aziz, pula menang tanpa bertanding di Chenderoh.

Di JOHOR, Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman (Ledang) dan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin (Pagoh); Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar (Kota Tinggi) serta Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Tun Hussein (Tenggara), turut mengekalkan jawatan masing-masing.

Di NEGERI SEMBILAN, Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad, dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Rais Yatim, pula menang tanpa bertanding Bahagian Teluk Kemang dan Jelebu.

Di PAHANG, Adnan dan Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak, menang tanpa bertanding di Bentong dan Pekan.

Ketua Menteri Melaka, Datuk Wira Mohd Ali Mohd Rustam pula kekal sebagai ketua Umno Bahagian Batu Berendam, manakala Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo (Tanjung Karang).

Di PERLIS, selain Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim (Arau), Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Azmi Khalid, juga mengekalkan jawatan Ketua Umno Bahagian Padang Besar.

Di KELANTAN, mereka yang menang tanpa bertanding ialah Tengku Razaleigh Hamzah (Gua Musang); Datuk Mustapa Mohamed (Jeli); Datuk Anuar Musa (Peringat); dan Datuk Ibrahim Ali (Pasir Mas).

Di SABAH, 10 ketua bahagian menang tanpa bertanding, termasuk Datuk Seri Osu Sukam (Papar), Tan Sri Kasitah Gadam (Kinabalu) dan Datuk Shafie Apdal (Semporna).

03/4/2001

Pendekatan baru jayakan pertemuan Umno-Pas

KUALA LUMPUR, Isnin - Mesyuarat ketiga Jawatankuasa Teknikal Umno-Pas, hari ini bersetuju menerima beberapa pendekatan baru bagi mewujudkan suasana kondusif bagi menjayakan pertemuan perpaduan Melayu.

Pada masa sama, kedua-dua pihak juga bersetuju untuk tidak menimbulkan sebarang isu yang boleh menjelaskan usaha bagi menjayakan pertemuan itu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Senator Datuk Zainuddin Maidin, selaku jurucakap Umno bagi mesyuarat teknikal itu, bagaimanapun enggan menjelaskan butiran terperinci pendekatan baru berkenaan.

"Kita telah menemui pendekatan baru yang lebih meyakinkan dan lebih positif. Tetapi, perkara ini tidak dapat dinyatakan sekarang. Ia akan diumumkan oleh kedua-dua pihak nanti," katanya selepas mesyuarat itu di Carcosa Seri Negara, petang ini.

Pertemuan ketiga yang sepatutnya diadakan pada 27 Mac lalu ditangguhkan atas permintaan Pas selepas Setiausaha Agungnya, Nasharuddin Mat Isa, memaklumkan beberapa anggota jawatankuasa teknikal parti itu tidak dapat hadir.

Pada pertemuan selama satu jam setengah hari ini, Umno diwakili Setiausaha Agung, Tan Sri Khalil Yaakob; Setiausaha Kerja Datuk Tengku Adnan Mansor; dan Setiausaha Politik Perdana Menteri, Datuk Dasuki Ahmad.

Turut serta pada pertemuan itu ialah Zainuddin, bekas Timbalan Pesuruhjaya Pas Terengganu, Ghazali Ahmad, dan Pengurus Penadbiran 1bu Pejabat Umno, Abu Khamis.

Pas pula diwakili Nasharuddin, ahli jawatankuasa kerja pusatnya, Dr Mohamed Hatta Ramli; Setiausaha Perhubungan Pas Pahang, Dr Abdul Wahab Ismail; Ahli Parlimen Kuala Terengganu, Dr Syed Azman Ahmad Nawawi; Pengarah Pusat Penyelidikan Pas, Dr Zulkifli Ahmad, dan Pengarah Urusan Harakah, Datuk Dr Hishamuddin Yahya.

Zainuddin berkata, segala persetujuan yang dicapai hari ini akan dikemukakan kepada pucuk pimpinan parti masing-masing dan mereka bersetuju meneruskan pertemuan pada peringkat jawatankuasa teknikal pada masa akan datang.

Tanpa memberikan tarikh bagi mesyuarat peringkat teknikal seterusnya, beliau berkata kedua-dua pihak juga bersetuju bahawa segala masalah yang timbul boleh diselesaikan oleh pucuk pimpinan kedua-dua parti.

"Kita tidak nampak ia (masalah) tiada jalan penyelesaian, kita nampak ia boleh diselesaikan oleh pucuk pimpinan," katanya.

Beliau berkata, pertemuan bermula jam 2.30 petang itu berlangsung dalam suasana positif dan Pas menunjukkan sikap bertanggungjawab bagi melihat pertemuan perpaduan Melayu direalisasikan.

Zainuddin juga berkata, soal 'Amanat Haji Hadi', roayati minyak Terengganu dan penerbitan Harakah tidak dibincangkan pada mesyuarat teknikal hari ini.

"Kita tidak banyak membincangkan soal yang boleh menimbulkan lebih banyak masalah. Kita bercakap untuk mencari penyelesaian masalah dan memperkecilkan perkara yang boleh menimbulkan lebih banyak kesulitan," katanya.

Nasharuddin pula berkata, pertemuan hari ini berjaya menghasilkan beberapa perkara positif dan kedua-dua pihak bersetuju mengadakan pertemuan teknikal seterusnya.

Pas, katanya, masih mengekalkan prasyaratnya sebelum bersetuju untuk mengadakan pertemuan perpaduan Melayu iaitu mengenai royalti minyak kepada Kerajaan Terengganu dan penerbitan Harakah.

"Kita masih mengekalkan status quo yang perlu dikembalikan kepada Pas," katanya.

Pertemuan perpaduan Melayu pelbagai pihak pada Disember lalu dan Umno menyahut saranan itu dengan mempelawa Pas dan Parti Keadilan Nasional (Keadilan) untuk mengadakan perbincangan.

Bagaimanapun Keadilan menolak pelawaan itu. Pas pula mahu pertemuan itu membincangkan perpaduan nasional dan tidak terhad kepada perpaduan Melayu serta mencadangkan supaya agenda persidangan itu meliputi sistem kehakiman, demokrasi, ekonomi dan Islam.

Ia juga meletakkan prasyarat iaitu pembayaran semula royalti minyak kepada Kerajaan Terengganu, kebenaran bagi lidah rasmi Pas, Harakah, diterbitkan dua kali seminggu.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kemudian menegaskan, apa yang Umno mahu membincangkan ialah perkara mengenai kepentingan Melayu seperti hak keistimewaan orang Melayu, kedudukan agama Islam dan bahasa kebangsaan serta status Raja-Raja Melayu.

09/04/2001

Nasib Melayu akan jadi seperti di Singapura

GEORGETOWN, Ahad - Orang Melayu di negara ini akan mengalami nasib yang sama seperti orang Melayu di Singapura jika mereka memberi peluang kepada parti pembangkang memegang tumpuk pemerintahan negara.

Ketua Penerangan Umno, Datuk Mustapa Mohamad, berkata orang Melayu perlu sedar bahawa Pas dan Parti Keadilan Nasional (Keadilan) tidak memperjuangkan nasib mereka kerana kedua-dua parti itu lebih tunduk kepada prinsip yang dipegang DAP.

"DAP memperjuangkan gagasan 'Malaysian Malaysia' sama seperti yang diamalkan oleh Singapura yang mengamalkan dasar 'meritokrasi', yang ternyata telah meminggirkan orang Melayu di republik itu," katanya.

Berucap merasmikan mesyuarat perwakilan Umno Bahagian Tanjung di Hotel City Bayview di sini hari ini, beliau berkata pakatan parti pembangkang itu akan merugikan masa depan orang Melayu dan memusnahkan wawasan Umno dalam memperjuangkan nasib mereka.

Seramai 186 perwakilan daripada 28 bahagian Umno dalam kawasan Tanjung menghadiri persidangan kali ini. Turut hadir, Ketua Umno Bahagian Tanjung, Datuk Ahmad Ibnihajar dan timbalannya, Kapten Mohd Noor Abdul Ariff.

Mustapa berkata, Pas dan Keadilan juga tidak menghormati hak keistimewaan orang Melayu seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan apabila kedua-duanya bersekongkol dengan DAP menyokong tuntutan Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Masyarakat Cina (Suqiu) yang antara lain mahukan hak keistimewaan orang Melayu dihapuskan.

"Orang Melayu perlu sedar perkara ini. Jangan biarkan pembangkang memerintah negara ini jika mereka tidak mahu menerima nasib seperti orang Melayu di Singapura," katanya.

Beliau yang juga ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno berkata, pakatan DAP, Pas dan Keadilan dalam pilihan raya umum 1999 memberi keuntungan kepada mereka kerana memenangi banyak kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri, tetapi ia amat merugikan orang Melayu.

Katanya, untuk memastikan orang Melayu terus memberi sokongan terhadap Umno, pemimpin Umno di semua peringkat perlu insaf dan jangan angkuh serta mengutamakan perjuangan nasib orang Melayu.

Mustapa berkata, pemimpin dan anggota Umno perlu mengembalikan semangat dan komitmen perjuangan sama seperti ketika penubuhan Umno kerana kini ramai yang leka dengan kuasa dan kemewahan yang dimiliki.

Beliau juga meminta mereka mencari jalan untuk mengembalikan kekuatan Umno selain berjuang dengan semangat yang tinggi.

Bercakap pada sidang akbar kemudian, beliau berkata Umno akan mengadakan program penerangan secara lebih agresif bagi menangkis tohmahan parti pembangkang, termasuk melalui pengedaran pita dan kaset secara meluas membabitkan ucapan pemimpin dan tokoh agama Umno.

Katanya, Umno tidak lagi akan bertahan dengan tohmahan dan fitnah yang dilemparkan pembangkang, sebaliknya akan mengadakan kempen penerangan secara agresif, terhadap penyelewengan yang dilakukan pembangkang.

Beliau berkata, buat permulaan pita dan kaset itu sudah diedarkan kepada orang ramai secara berperingkat-peringkat sejak dua minggu lalu melalui bahagian dan cawangan Umno seluruh negara untuk menyampaikan mesej parti kepada rakyat.

09/04/2001

Wang ihsan: PM sudah jangka tohmahan Pas

LANGKAWI, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, pemimpin Pas tidak mampu berbuat apa-apa selain melempar fitnah kepada kerajaan, termasuk mengenai wang ihsan untuk rakyat Terengganu yang didakwa mereka sebagai haram.

Perdana Menteri berkata, tohmahan itu sudah dijangka dan menjadi perkara biasa yang dilakukan pemimpin Pas apabila tidak bersetuju dengan tindakan kerajaan.

"Ini (dakwaan pemimpin Pas bahawa wang ihsan adalah haram) datang daripada orang Islam yang kata kita kafir. Kita nak kata apa sangat. Saya pun dia kata kafir."

"Jadi, bagi Pas mudah saja. Apabila dia tak setuju, dia kata macam-macamlah kat orang, kafirlah, haramlah, sekularlah, ikut amalan Atartuklah. Macam-macam. Apa ada kepada Pas selain melempar fitnah kepada orang," katanya.

Beliau mengulas kenyataan Timbalan Ketua Perhubungan Umno Terengganu, Datuk Idris Jusoh semalam bahawa rakyat Terengganu sekali lagi dikelirukan dengan ucapan beberapa pemimpin Pas negeri yang mendakwa pemberian wang ihsan daripada Kerajaan Pusat bagi menggantikan royalti, adalah haram.

Idris dilaporkan berkata, kenyataan yang disebarluaskan oleh pemimpin Pas termasuk Ahli Exco Kerajaan Negeri Terengganu dalam ceramahnya, baru-baru ini bertujuan untuk mengelirukan rakyat.

"Ucapan itu dikeluarkan semata-mata untuk kepentingan politik setelah Amanat Haji Hadi kini sudah memakan diri mereka kerana penyokong Pas sendiri turut mempersoalkannya," kata Idris kepada Berita Harian, semalam.

Dipercuryai, jika wang itu disalurkan menerusi kerajaan negeri seperti wang royalti sebelum ini, Pas menganggap pemberian itu halal, tetapi jika menerusi agensi tertentu termasuk Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), ia dianggap haram.

Perdana Menteri berkata demikian pada sidang akbar selepas meninjau projek membaik pulih kapal layar yang dimajukan oleh Penang Shipbuilding and Construction Sdn Bhd (PSC) dengan kerjasama Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) di Tanjung Lembung, di sini hari ini.

Sementara itu di KUALA LUMPUR, Penasihat agama kepada Perdana Menteri, Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman, berkata wang ihsan itu diperoleh melalui sumber yang sah serta menepati hukum syarak, bukan dirampas daripada mana-mana pihak.

Beliau berkata, adalah tidak tepat bagi pemimpin Pas untuk mendakwa wang yang diberikan oleh Kerajaan Pusat bagi menggantikan royalti kepada rakyat Terengganu itu sebagai haram.

"Wang itu adalah hasil minyak Petronas dan menjadi hak Kerajaan Pusat untuk mengagihkannya kepada negeri-negeri, bukan wang yang dirampas daripada sesiapa. Tafsiran Pas itu tidak betul, bukan kita rampas dari Terengganu."

"Kerajaan Pusat terus menyalurkan pemberian wang ihsan itu kepada Jabatan Persekutuan di negeri terbabit. Ia sumber halal, katanya ketika dihubungi di sini hari ini."

Beliau diminta mengulas kenyataan Timbalan Ketua Perhubungan Umno Negeri, Datuk Idris Jusoh semalam bahawa rakyat Terengganu sekali lagi dikelirukan dengan ucapan beberapa pemimpin Pas negeri yang mendakwa pemberian wang ihsan daripada Kerajaan Pusat bagi menggantikan royalti, adalah haram.

Idris dilaporkan berkata, kenyataan yang disebarluaskan oleh pemimpin Pas termasuk ahli Exco kerajaan negeri Terengganu dalam ceramahnya, baru-baru ini bertujuan untuk mengelirukan rakyat.

"Ucapan itu dikeluarkan semata-mata untuk kepentingan politik setelah Amanat Haji Hadi kini sudah memakan diri mereka kerana penyokong Pas sendiri turut mempersoalkannya," kata Idris kepada Berita Harian, semalam.

Diperlakukan, jika wang itu disalurkan menerusi kerajaan negeri seperti wang royalti sebelum ini, Pas menganggap pemberian itu halal, tetapi jika menerusi agensi tertentu termasuk Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), ia dianggap haram.

Abdul Hamid berkata, kenyataan pemimpin Pas itu adalah semata-mata untuk mengelirukan rakyat. Soal halal dan haram tidak timbul dan pemberian wang ihsan itu adalah ikhlas daripada Kerajaan Pusat untuk membantu rakyat Terengganu.

Pengarah Pejabat Pembangunan Negeri Terengganu (PPNT), Ismail Dollah Harun, pula berkata Kerajaan Pusat tidak pernah menerima penolakan balik pembentangan wang ihsan yang diberikan kepada Kerajaan Pas Terengganu untuk diagihkan kepada pelbagai jabatan dan agensi kerajaan negeri itu.

Beliau berkata, jabatan itu yang diberi tanggungjawab mengendalikan pembentangan wang ihsan sehingga ini tidak menerima sebarang laporan mengenai penolakan itu.

Menerusi ceramah anjuran Pas negeri, pemimpin parti itu dikatakan mendakwa semua peruntukan menerusi pembentangan wang ihsan sudah dipulangkan kerana tidak mahu menerimanya disebabkan wang itu haram.

12/04/2001

Bush sambut baik harapan PM

WASHINGTON, Rabu - Pentadbiran Bush melahirkan hasrat untuk memperbaiki hubungan dua hala dengan Malaysia serta menyambut baik harapan Datuk Seri Mahathir Mohamad supaya diwujudkan hubungan bercorak baru antara Kuala Lumpur dengan Washington.

Seorang pegawai Jabatan Negara di sini berkata, pihaknya menyambut baik harapan yang disuarakan oleh Perdana Menteri untuk mengadakan hubungan bercorak baru dengan Amerika Syarikat (AS) itu.

"Kami gembira kerana Duta Besar (B Lynn) Pascoe telah mengadakan perbincangan penuh dan ikhlas dengan Dr Mahathir berhubung perkara yang ada kaitan dengan kepentingan bersama," katanya.

Dr Mahathir menemui Duta Besar AS ke Malaysia minggu lalu perbincangan rasmi pertama sejak - Pascoe memegang jawatan itu pada awal 1999.

Perdana Menteri, selepas pertemuan itu berkata kerajaan berharap Malaysia dapat memperbaiki hubungan serta mengurangkan sedikit perselisihan faham dengan dengan AS di bawah pentadbiran Bush.

Hubungan Washington-Kuala Lumpur renggang apabila bekas Naib Presiden AS, Al Gore menyuarakan sokongan kepada apa yang dikatakan gerakan reformasi di Malaysia ketika menghadiri majlis makan malam pemimpin Apec pada 1998.

Kenyataan Gore itu menimbulkan kemarahan rakyat Malaysia dan menyifatkannya sebagai cuba mengganggu hal ehwal dalaman Malaysia.

Secara peribadi, kalangan pegawai kanan di Washington berpendapat kenyataan Gore itu tidak berisas dan memburukkan lagi hubungan yang sudah tegang antara Kuala Lumpur dan Washington.

Seorang bekas Duta Besar AS ke Malaysia, Ronald Palmer, berkata hubungan antara kedua-dua negara yang menjadi 'semacam tidak bermaya' sejak berlakunya krisis kewangan 'telah sampai pada tahap yang perlu diperbaiki'.

"Hubungan dua hala di bawah pentadbiran Clinton telah menjelaskan sebahagian daripada kemesraan yang wujud suatu ketika dahulu. Pentadbiran baru AS di bawah (George W Bush) mempunyai peluang untuk mengembalikan hubungan itu ke landasan yang betul.

"Ini memerlukan usaha kedua-dua pihak," kata Palmer, yang menjadi Duta Besar AS ke Malaysia pada 1981-83. Beliau kini Profesor Hal Ehwal Antarabangsa di George Washington University. - Bernama.

13/4/2001

Hak ramai lebih penting - Tindakan tahan tujuh aktivis reformasi mengikut ISA

Oleh Kadir Dikoh dan Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR, Khamis - Tindakan menahan tujuh aktivis reformasi mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) adalah bagi melindungi kepentingan hak asasi majoriti rakyat negara ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, ia sebagai langkah berjaga-jaga untuk mengelak rusuhan dan kerosakan akibat perhimpunan 'Black 14' yang mereka rancang Sabtu ini hingga boleh mengganggu ketenteraman majoriti rakyat.

"Kita utamakan hak asasi majoriti hak asasi majoriti untuk bermiaga, untuk hidup dalam keadaan stabil, tanpa tekanan, tanpa rusuhan. Itu hak asasi juga. Kita tak boleh utamakan hak asasi satu kumpulan kecil yang mempunyai kepentingan tertentu hingga menghalang hak asasi orang lain," katanya.

Beliau diminta mengulas sama ada tindakan kerajaan menahan tujuh aktivis berkenaan akan menjelaskan kedudukan Malaysia dalam isu hak asasi manusia pada peringkat antarabangsa, sedangkan Malaysia dikatakan amat sensisif kepada isu hak asasi manusia sejagat.

Sebelum itu, Dr Mahathir merasmikan bahan tampalan gigi 'Silverfil' yang dicipta oleh Dr S Radhakrishnan dan dikeluarkan syarikat Perwira Dunia Sdn Bhd, di Taman Teknologi Malaysia dekat sini.

Sejak dua hari lalu, polis menahan tujuh orang iaitu Naib Presiden Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Chua Tian Chang, 37; Ketua Pemuda Keadilan, Mohd Ezam Mohd Nor, 34; bekas aktivis pelajar, Hishamuddin Rais, 50; bekas Presiden Pertubuhan Jamaah Islah Malaysia, Saari Sungib, 43; dan Penolong Setiausaha Keadilan, N Gobalakrishnan, 41, yang ditahan di sini kelmarin.

Pagi semalam, polis menahan Ketua Koordinator Keadilan, Raja Petra Raja Kamarudin, 49, di sini dan Exco Pemuda Keadilan, Abdul Ghani Haroon, 36, di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching.

Semalam, Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai berkata ketujuh-tujuh mereka adalah sebahagian daripada 20 aktivis reformasi yang mengadakan mesyuarat antara 6 Januari dan 4 April lalu, bagi merancang cara untuk mempengaruhi orang ramai menyertai demonstrasi jalan.

Dr Mahathir berkata, polis percaya rusuhan boleh tercetus ketika demonstrasi itu dan memutuskan untuk tidak berhadapan dengan perhimpunan itu bagi mengelak perkara yang tidak diingini.

"Polis sudah mengeluarkan kenyataan bahawa ada bukti mengenai perancangan untuk menggunakan bahan letupan dan sebagainya. Oleh itu, kita tidak mahu ini berlaku," katanya.

Ditanya mengenai reaksi antarabangsa terhadap penahanan itu, beliau berkata: "Seperti biasa media asing akan mempersoalkan kita... mereka tidak pernah lihat sebarang kebaikan pada kita walaupun kita buat baik, kita mempunyai tanggungjawab terhadap negara kita... mereka boleh buat apa yang mereka suka."

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata polis menggunakan ISA untuk bertindak terhadap aktivis reformasi, bukannya terhadap ahli parti pembangkang.

Beliau berkata, cuma secara kebetulan mereka yang ditahan kerana merancang demonstrasi jalanan bersifat militan tu adalah ahli Keadilan.

"Saya sudah nyatakan bahawa ISA tidak akan digunakan terhadap pembangkang, tetapi kebetulan mereka terdiri daripada ahli Keadilan," katanya selepas merasmikan Seminar Peluang-Peluang Perniagaan Dalam Kumpulan MRCB, di sini hari ini.

Abdullah diminta mengulas sama ada kerajaan sudah mengubah dasar tidak menggunakan ISA terhadap ahli parti pembangkang, berikutan penahanan tujuh aktivis berkenaan, kelmarin dan semalam.

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, polis mempunyai kuasa menentukan bentuk dan jenis tindakan yang perlu diambil terhadap pihak tertentu yang didapati cuba menggugat kententeraman awam.

Sehubungan itu, katanya, tindakan polis tidak bergantung kepada arahan atau memerlukan kebenaran Kementerian Dalam Negeri.

"Terserahlah kepada polis untuk bertindak mengikut keperluan. Mereka yang memantau keadaan dan jika mereka ingin membuat sesuatu tindakan, terserahlah kepada mereka," katanya.

Mengenai reaksi Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam) serta kemungkinan kritikan masyarakat antarabangsa terhadap Malaysia, Abdullah berkata kerajaan prihatin dengan soal hak asasi individu.

15/04/2001

Rancang bawa rakyat Indonesia gugat negara - Pak Lah dedah komplot kumpulan reformasi

Oleh RASID RAHAMAN dan JALAL ALI RAHIM

GERIK: Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad mendedahkan, kumpulan reformasi merancang membawa masuk rakyat Indonesia untuk menyertai demonstrasi jalanan secara militan bagi menggugat keselamatan negara.

Beliau yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, polis mempunyai maklumat mengenai hubungan kumpulan reformasi di negara ini dengan golongan tertentu di Indonesia.

"Mereka bukan saja mendapatkan sokongan, malah nasihat daripada individu di negara jiran itu agar datang ke Malaysia dan mengambil bahagian dalam demonstrasi jalanan," katanya selepas merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Umno Bahagian Gerik di Dewan Merdeka di sini, semalam.

Hadir sama, Menteri Besar yang juga Ketua Umno bahagian itu, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali.

Abdullah berkata, kerajaan tidak akan membiarkan mereka bebas melakukan apa saja di negara ini dan akan mengambil tindakan tegas.

"Untuk itu, kita akan terus berjaga-jaga jika reformasi secara militan di negara ini membabitkan rakyat asing.

"Kalau itu berlaku, kita akan mengambil tindakan terhadap sesiapa juga yang terbabit dalam kegiatan itu atau pun rakyat Indonesia yang datang unuk mengambil bahagian menggugat keselamatan dalam negara kita," katanya.

Ditanya sama ada rakyat Indonesia terbabit dibayar sejumlah wang untuk datang ke negara ini menyertai reformasi, Abdullah berkata, beliau tidak mempunyai maklumat terperinci mengenai perkara itu.

"Saya tidak ada maklumat secara detail, mungkin polis ada maklumat itu," katanya.

Mengenai pembabitan seorang ahli perniagaan negara ini yang menyalurkan bantuan dana kepada kumpulan reformasi menerusi Indonesia beliau berkata:

"Itu kena tanya polis. Polis yang tahu benda ini. Bila ada tangkapan nanti, polis akan beritahu saya," katanya.

Mengenai penganjuran demonstrasi jalanan yang dipanggil 'Black 14' termasuk menyerahkan memorandum kepada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suhakam) membantah penahanan tujuh aktivis reformasi, di ibu negara, semalam, beliau berkata, Presiden Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, ada di perhimpunan itu bersama kira-kira 1,500 penyokong sehingga tengah hari.

Beliau berkata, angka itu tidak tinggi walaupun mungkin bagi pihak mereka ia cukup besar.

Ditanya jumlah kehadiran penyokong reformasi yang rendah itu disebabkan tindakan tegas kerajaan, Abdullah berkata, mungkin rakyat sudah mendengar nasihat kerajaan supaya tidak membabitkan diri dalam perhimpunan itu.

Itulah nasihat yang sebaik-baiknya kepada mereka yang terbabit, kalau sekadar hendak hantar memorandum tidak payah ramai.

"Suhakam pun kata juga dalam kenyataan tidak payah ramai," katanya.

Ditanya mengenai tangkapan terbaru aktivis reformasi, beliau berkata, belum ada tangkapan terbaru.

"Belum dengar. Kalau ada nanti (polis) mereka beritahu sayalah," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, beliau berkata, tindakan kerajaan menahan aktivis reformasi mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) adalah semata-mata bagi menjaga kepentingan rakyat supaya mereka tidak menjadi mangsa golongan yang enggan mematuhi kedaulatan undang-undang negara.

Menurutnya, golongan ini yang menggunakan cara samseng memenuhi kehendak mereka akan menggunakan peraturan samseng yang sudah tentu meletakkan rakyat sentiasa dalam ketakutan.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dilaporkan berkata, kerajaan tahu kumpulan itu pergi ke negara jiran memaklumkan mahu melakukan rusuhan untuk menggulingkan kerajaan.

"Kita tahu mereka sudah pergi ke negara jiran dan memberitahu kawan mereka di sana bahawa mereka juga ingin membuat seperti negara jiran ini, (di mana) jelas sekali rusuhan dilakukan mereka yang tidak bertanggungjawab untuk menggulingkan kerajaan.

"Inilah hasrat mereka yang kononnya menuntut keadilan atau menuntut demokrasi," katanya.

Pada Selasa dan Rabu, polis menahan tujuh aktivis reformasi mengikut ISA kerana merancang membudayakan demonstrasi jalanan dan bertindak secara militan.

Mereka yang ditahan ialah Naib Presiden Keadilan, Chua Tiang Chang; Ketua Pemuda Keadilan, Mohd Ezam Mohd Noor; bekas aktivis pelajar, Hishamuddin Rais; bekas Presiden Pertubuhan Jemaah Islam Malaysia, Saari Sungib; dan Penolong Setiausaha Keadilan, N Gobalakrishnan.

15/04/2001

Penahanan menngikut ISA elak keganasan

KUALA LUMPUR: Tindakan polis menahan pemimpin Parti Keadilan Rakyat (Keadilan) mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) berjaya mengelak perhimpunan dan demonstrasi jalan di ibu negara semalam daripada menjadi ganas, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, penahanan pemimpin Keadilan itu menyebabkan penyokong mereka tidak mempunyai pemimpin untuk menghasut agar bertindak ganas.

"Sebab itu polis sudah mengambil tindakan ini (menahan pemimpin Keadilan mengikut ISA) dan rakyat sendiri tidak mahu ada tunjuk perasaan dan keganasan.

"Kalau tidak ada orang yang menghasut, saya yakin negara kita aman dan rakyat Malaysia suka hidup aman damai," katanya selepas menghadiri perayaan Hari Vasakhi, di sini semalam.

Perdana Menteri mengulas kegagalan Keadilan mengumpul 50,000 penyokong untuk menyerahkan 'Memorandum Rakyat 14 April 2001' kepada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suhakam).

Polis menganggarkan kira-kira 1,500 saja menyertai perhimpunan aman di pekarangan Menara Tun Razak, berbanding 50,000 orang yang dijadualkan sebelum ini.

Penyerahan Memorandum 10 perkara itu diketuai Presiden Keadilan, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail kepada ahli Suhakam, Tan Sri Anuar Zainal Abidin, Tan Sri Harun Hashim dan Profesor Hamdan Adnan.

Dr Mahathir berkata, Keadilan bercadang menghimpunkan puluhan ribu penunjuk perasaan tetapi jumlah yang hadir pada penyerahan memorandum kepada Suhakam adalah sedikit.

"Kita nampak (penahanan mengikut ISA) berkesan. Kita dapat tahu mereka bagi tahu orang tertentu bahawa mereka ingin mengadakan perhimpunan ala Indonesia iaitu dengan mengganas tetapi (keganasan) itu tidak berlaku," katanya.

Mengulas mengenai perbincangan mengenai perpaduan Melayu, Dr Mahathir berkata Umno masih terbuka dan sanggup meneruskan perbincangan dengan Pas walaupun parti itu mahu tiga syarat mereka dipenuhi.

"Kita berpendapat syarat itu tidak ada kena mengena dengan perpaduan Melayu kerana orang Melayu dalam perkara tertentu, ada tidak boleh mencapai kata sepakat.

Semalam Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dilaporkan berkata, kerajaan tahu kumpulan itu pergi ke negara jiran memaklumkan mahu melakukan rusuhan untuk menggulingkan kerajaan.

"Kita tahu mereka sudah pergi ke negara jiran dan memberitahu kawan mereka di sana bahawa mereka juga ingin membuat seperti negara jiran ini, jelas sekali rusuhan dilakukan mereka yang tidak bertanggungjawab untuk menggulingkan kerajaan.

"Inilah hasrat mereka yang kononnya menuntut keadilan atau menuntut demokrasi," katanya.

Pada Selasa dan Rabu, polis menahan tujuh aktivis reformasi mengikut ISA kerana merancang membudayakan demonstrasi jalan dan bertindak secara militan.

Mereka yang ditahan ialah Naib Presiden Keadilan, Chua Tiang Chang; Ketua Pemuda Keadilan, Mohd Ezam Mohd Noor; bekas aktivis pelajar, Hishamuddin Rais; bekas Presiden Pertubuhan Jemaah Islam Malaysia, Saari Sungib; dan Penolong Setiausaha Keadilan, N Gobalakrishnan.

Selain itu, polis menahan Ketua Koordinator Keadilan, Raja Petra Raja Kamarudin dan Exco Pemuda Keadilan, Abdul Ghani Haroon.

Ketua Polis Negara Tan Sri Norian Mai dilaporkan berkata, ketujuh-tujuh mereka yang menyertai satu kumpulan yang dianggotai kira-kira 20 orang mengadakan 12 perjumpaan sulit antara 6 Januari hingga 4 April lalu bagi merancang perkara itu, termasuk menganjurkan demonstrasi jalanan yang dipanggil Black 14.

17/04/2001

Pas anggap wang ihsan pendidikan royalti

KUALA TERENGGANU, Isnin - Kerajaan Pas Terengganu tidak menganggap peruntukan yang disalurkan kepada tiga institusi pendidikan di negeri ini sebagai wang ihsan.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Ekonomi, Petroleum, Perindustrian dan Sumber Manusia Negeri, Mustafa Ali, sebaliknya berkata peruntukan RM40 juta kepada Kolej Agama Sultan Zainal Abidin (Kusza), Institut Lanjutan Teknikal Terengganu (Tati) dan sekolah menengah agama itu, dianggap royalti.

Katanya, kerajaan negeri tidak akan menerima wang ihsan daripada Kerajaan Persekutuan kecuali yang disalurkan menerusi kementerian tertentu, termasuk Kementerian Pendidikan kepada tiga institusi berkenaan.

"Menjadi tanggungjawab Kerajaan Persekutuan menyalurkan peruntukan kepada setiap kerajaan negeri, termasuk untuk pembangunan pendidikan. Kerajaan negeri hanya akan menerima wang royalti, bukan wang ihsan.

"Kerajaan negeri memang tidak menerima wang ihsan daripada Kerajaan Pusat, tetapi menerima wang yang disalurkan menerusi kementerian," katanya kepada pemberita selepas perasmian Persidangan Dewan Undangan Negeri oleh Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin, hari ini.

Beliau diminta mengulas laporan Kerajaan Terengganu dipercayai mengarahkan Kusza, Tati dan sekolah menengah agama milik kerajaan negeri, menyerahkan wang ihsan Kerajaan Pusat berjumlah RM40 juta, walaupun bayaran itu dibuat terus kepada institusi berkenaan.

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Terengganu, Datuk Idris Jusoh, berkata pihaknya sedang menyiasat perkara itu dan Kementerian Pendidikan sudah dimaklumkan mengenainya.

Katanya, mengikut laporan yang diterima, cek yang bertulis nama institusi berkenaan diserahkan kepada pentadbiran institusi itu, tetapi kemudian ditunaikan dan dimasukkan ke akaun kerajaan negeri.

Mustafa, ketika diminta mengulas lebih lanjut berkata, ia di bawah bidang kuasa pegawai kewangan negeri.

Bagaimanapun, beliau meminta Idris supaya tidak campur tangan dalam hal ehwal pentadbiran kerajaan.

Katanya, Idris tidak mempunyai kapasiti untuk bercakap perkara yang tidak ada hubung kait dengan kedudukannya sebagai Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno.

"Yang Idris dok sibuk-sibuk ni, atas kapasiti apa dia dok bercakap tu, ni Umno dok bercakap bagi pihak kerajaan ni apa dia... ini tak betul dari segi pentadbiran."

"Dia tak ada kapasiti untuk bercakap benda-benda yang tak ada hubung kait dengan kedudukan dia, buat apa nak campur hal pentadbiran kerajaan, Pesuruhjaya Pas pun tak campur hal pentadbiran kerajaan," katanya.

Mustafa berkata, Idris sebagai ahli Umno, boleh mendedahkan kepincangan kerajaan negeri, tetapi tidak boleh bercakap bagi pihak kerajaan, termasuk kenyataan yang sepatutnya dikeluarkan, sama ada oleh Menteri Pendidikan atau pegawai kementerian itu ataupun Jawatankuasa Peringkat Pusat.

17/04/2001

MT setuju lapor BPR - Selain tindakan disiplin Parti kerana politik wang

"Kita akan memberi kerjasama sepenuhnya kepada BPR. Kita berpendapat mereka yang terbabit dengan politik wang sebenarnya mengkhianati perjuangan parti dan tindakan yang keras harus diambil terhadap mereka" - Dr Mahathir Mohamad

Oleh Kadir Dikoh dan Zulkofli Jamaluddin

KUALA LUMPUR, Isnin - Majlis Tertinggi (MT) Umno hari ini memutuskan akan melaporkan terus kepada Badan Pencegah Rasuah(BPR) ke atas ahli parti yang terbukti menggunakan wang dalam kempen pemilihan peringkat bahagian sekarang.

Selain dirujuk kepada BPR dan dikenakan tindakan disiplin oleh parti, jawatan mereka yang menang dikira batal, walaupun selepas pemilihan berakhir. Calon yang kalah juga akan dikenakan tindakan sama jika mereka turut menggunakan wang.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata keputusan mengambil tindakan tegas, termasuk melaporkan kepada BPR supaya tindakan undang-undang boleh diambil, dipersetujui sebulat suara oleh ahli MT.

"Kita akan memberi kerjasama sepenuhnya kepada BPR. Kita berpendapat mereka yang terbabit dengan politik wang sebenarnya mengkhianati perjuangan parti dan tindakan yang keras harus diambil terhadap mereka.

"Kita menerima banyak aduan (politik wang) dan ini sedang dikaji oleh Lembaga Disiplin dipengerusikan oleh Tengku Ahmad Rithauddeen. Ia memakan masa, mungkin sehingga selepas pemilihan ketua bahagian," katanya pada sidang akhbar selepas mesyuarat lebih tiga jam di ibu Pejabat Umno, di sini petang ini.

Mesyuarat MT hari ini membincangkan panjang lebar mengenai pemilihan kepemimpinan peringkat bahagian yang bermula sejak 1 April lalu dan dijadualkan berakhir 30 April ini.

Dr Mahathir berkata, segala bukti yang boleh diperoleh polis juga mungkin diambil perhatian oleh Umno bagi menangani gejala rasuah dalam parti itu.

Katanya, secara keseluruhan pemilihan bahagian berjalan lancar dan ramai dipilih tanpa bertanding, termasuk yang menang tanpa bertanding melalui rundingan.

"Namun, ada bahagian yang perjalanan mesyuaratnya tidak begitu sempurna dan timbul tuduhan bahawa politik wang terbabit," katanya.

Mengenai laporan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Beserah, Datuk Fauzi Abdul Rahman, terhadap Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob, Dr Mahathir berkata laporan awal sudah disampaikan kepadanya dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Laporan oleh Lembaga Disiplin itu menyebutkan siasatan belum tamat dan mereka tidak dapat memberi apa-apa keputusan dan mereka akan meneruskan siasatan.

"Apabila siasatan selesai, mereka akan membuat laporan. Ketika itu saja kita dapat timbang kes ini," katanya.

Berhubung kekalahan beberapa timbalan menteri dan setiausaha Parlimen dalam perebutan jawatan ketua bahagian, beliau berkata ia tidak menjaskan kedudukan mereka dalam kerajaan.

"Yang kalah, kalahlah. Dalam pemilihan ada yang menang, ada yang kalah. Kalau setiap kali satu orang kalah, kita kena rombak Kabinet... susahlah," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, Puteri Umno perlu diberi sokongan oleh semua pihak dalam parti, manakala jumlah keanggotaannya perlu dipertingkatkan.

Beliau meminta cabang terbaru Umno itu bergiat cergas untuk menarik wanita muda menyertai parti.

Menjawab soalan lain, Dr Mahathir berkata, Umno kesal dengan sikap Timbalan Presiden Pas, Abdul Hadi Awang, yang masih berdegil dan enggan menarik balik "Amanat Haji Hadi".

Beliau menyifatkan Hadi tidak menghormati keputusan Majlis Fatwa Kebangsaan yang berpendapat amanat itu bertentangan dengan Islam.

"Umno akan mengkaji bentuk tindakan yang perlu diambil bagi memastikan keputusan Majlis Fatwa dihormati seluruh rakyat di negara ini," katanya.

Mengenai pertemuan Umno-Pas Magi mumbincangkan soal perpaduan Melayu, Presiden Umno itu berkata, pihaknya masih mahu pertemuan itu menjadi kenyataan.

"Kita masih ingin bertemu dengan mereka tetapi kita tidak boleh menerima sebarang syarat yang dikenakan sebelum ada pertemuan itu," katanya.

Dr Mahathir kesal kerana Pas seolah-olah menganggap soal perpaduan Melayu sebagai perkara bercanggah dengan Islam apabila mendakwa orang Melayu yang mempunyai semangat kebangsaan sebagai 'asabiah'.

"Kita tak setuju dengan pendapat ini. Kita berpendapat yang dituntut oleh kita ialah sesuatu yang diterima semua. Di negara ini, kita perlu mempertahankan yang lemah supaya kita dapat menjadikan negara yang kedudukan kaum lebih seimbang.

"Kita beri penghormatan kepada sejarah negeri Melayu iaitu orang Melayu rela hati menerima kaum lain sebagai rakyat negara ini dengan syarat mereka mengiktiraf kedudukan Melayu dan kita mengiktiraf kedudukan mereka," katanya.

22/04/2001

Pemimpin kaya tidak boleh tanding: Dr M - Pemilihan peringkat bahagian, cawangan Umno

Oleh MUTAZAR ABD GHANI dan HASSAN OMAR

JITRA: Pemimpin terlalu kaya tidak akan dibenarkan bertanding merebut jawatan penting pada peringkat bahagian dan cawangan Umno sebagai langkah membendung amalan politik wang, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, langkah itu diambil kerana golongan terabit suka menggunakan kekayaan mereka untuk mempengaruhi keputusan (undi) yang dibuat oleh perwakilan.

"Jika orang Melayu begitu mudah menerima wang untuk jual sokongan, mereka satu hari nanti akan jual bangsa apabila ada pihak mahu beli mereka.

"Oleh itu, kita akan kaji setakat mana kita boleh halang orang kaya daripada menjadi ketua atau bertanding sebagai ketua kerana golongan ini suka guna kekayaan mereka untuk mempengaruhi keputusan yang dibuat oleh wakil.

"Cadangan mengenai perkara itu akan dibincang lebih lanjut dalam mesyuarat Majlis Tertinggi akan datang," katanya di majlis perasmian persidangan perwakilan Umno bahagian Kubang Pasu di sini, semalam.

Beliau berkata, cadangan itu adalah antara usaha mengelak pertandingan sengit pada peringkat berkenaan, termasuk penggunaan wang untuk memenangi jawatan tertinggi peringkat bahagian dan cawangan.

Ditanya mengenai takrifan kaya kerana kekayaan adalah sesuatu yang subjektif, Dr Mahathir berkata; "Kita akan kaji, mungkin ada orang yang kaya tapi tak guna duit."

Presiden Umno bimbang golongan itu juga akan menggunakan kedudukan untuk meningkatkan kekayaan mereka.

"Mereka berpendapat jika dapat jawatan, mereka akan turut dapat kemudahan daripada kerajaan," katanya.

Beliau percaya perebutan untuk menjadi ketua bahagian dan cawangan antara lain untuk mendapatkan kontrak melaksanakan projek kerajaan.

Sehubungan itu, ahli Umno yang dipilih menjawat pelbagai peringkat ketua dalam parti itu pada masa depan mungkin tidak lagi dipertimbangkan memperoleh kontrak kerajaan.

Dr Mahathir berkata, ada kecenderungan di kalangan ahli Umno terutama yang bertanding jawatan ketua bahawa mereka akan mendapat layanan istimewa sekiranya dipilih memegang jawatan itu, termasuk memperoleh kontrak kerajaan.

"Sehubungan itu, kita mencadangkan mereka yang akan dipilih menjadi ketua akan disenaraihitam daripada memperoleh kontrak kerajaan.

"Bila mereka jadi ketua babagian, cawangan...kita (Umno) tak akan beri kontrak kerajaan kepada mereka. Peraturan yang sama akan juga meliputi pemimpin sedia ada.

"Ramai yang bertanding dan ingin jadi ketua kerana mereka berpendapat dengan memegang jawatan ini mereka akan dapat layanan istimewa," katanya sambil menambah cadangan itu akan dibincangkan dalam mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno sebelum dilaksanakan.

Diminta mengulas ucapannya yang menyebut ada calon Umno di bahagian tertentu menggunakan ahli pembangkang untuk menyokong mereka, Dr Mahathir berkata;

"Saya dengar cerita, betul tak betul saya tak tau. Tapi ada orang yang jelas bukan ahli parti (Umno), tapi ambil bahagian (dalam mesyuarat Umno)."

"Saya tak tau macam mana ini berlaku tapi itu maklumat saya terima," katanya sambil menambah Umno akan mencari jalan untuk menghalang golongan terbabit daripada menghadiri mesyuarat Umno, sama ada pada peringkat bahagian atau cawangan.

Pembangkang terbabit dipercayai terdiri daripada bekas ahli Umno yang keahlian mereka (dalam Umno) masih belum dipotong.

Mengenai laporan gangguan di Bahagian Kubang Pasu, katanya, beliau ada mendengar laporan berkenaan (mengenai politik wang), tetapi tiada yang khusus dan beliau tidak mempunyai bukti.

Dr Mahathir menegaskan, walaupun berlaku masalah politik wang di bahagian tertentu di seluruh negara, secara keseluruhannya ia tidak berleluasa.

22/04/2001

Kelantan, Terengganu diarah warta fatwa

MARANG: Majlis Fatwa Kebangsaan mengarahkan semua pihak berkuasa agama negeri, termasuk Kelantan dan Terengganu mewartakan keputusan yang dibuat pada 3 Disember 1984 bahawa Amanat Haji Hadi bercanggah dengan Islam.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Brig Jen (B) Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin, berkata adalah tidak munasabah jika Pas mendakwa tidak mengetahui keputusan Majlis Fatwa Kebangsaan itu.

Beliau berkata, selepas keputusan itu, Majlis Fatwa Kebangsaan dengan persetujuan Majlis Raja-Raja, dua bulan lalu, sekali lagi meminta semua kerajaan negeri, termasuk negeri yang diperintah Pas, mewartakan bahawa mengkafirkan orang Umno yang beragama Islam adalah bercanggah dengan Islam.

Bagaimanapun, beliau kesal kerana masih ada negeri tidak menghiraukan arahan itu dan sengaja membiarkan keadaan itu berterusan demi kepentingan politik mereka.

"Walaupun Pas menafikan perkara itu, Amanat Haji Hadi yang dikeluarkan dalam ceramah di Kampung Banggul Peradong pada April 1981, masih menjadi pegangan sebilangan pengikut Pas," katanya selepas merasmikan persidangan perwakilan Umno bahagian Marang, di Wakaf Tapai di sini, semalam.

Mengenai cadangan membincangkan semula Amanat Haji Hadi, Abdul Hamid berkata, Kerajaan Pusat tidak perlu membincangkan lagi perkara itu kerana keputusan sudah dibuat sebelum ini.

Pas, katanya, perlu akur sebagaimana mereka menerima keputusan yang dibuat Majlis Raja-Raja berhubung penggunaan perkataan Islam dan pertubuhan, termasuk parti politik.

26/04/2001

Melaka cadang denda, penjara, jika ajar 'Amanat Haji Hadi'

JASIN, Rabu - Kerajaan Melaka bercadang mengenakan denda sehingga RM50,000 atau lima tahun penjara atau kedua-duanya sekali terhadap sesiapa yang didapati mengajar atau menjelaskan 'Amanat Haji Hadi'.

Untuk itu, Seksyen 60 Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991 yang memperuntukkan denda sehingga RM5,000 atau tiga tahun penjara atau kedua-duanya sekali sekarang, akan dipinda.

Ketua Menteri, Datuk Wira Mohd Ali Mohd Rustam, berkata pindaan itu membolehkan hukuman lebih berat terhadap sesiapa yang didapati melanggar keputusan Majlis Fatwa Kebangsaan.

Serentak itu, katanya, kerajaan negeri akan mewartakan keputusan Majlis Fatwa Kebangsaan dengan persetujuan Majlis Raja-Raja dua bulan lalu, bahawa mengkafirkan orang Umno yang beragama Islam, bercanggah dengan ajaran agama.

Fatwa itu akan diwartakan dalam tempoh dua minggu sebelum Seksyen 60 enakmen itu dicadang untuk dipinda bagi mengenakan hukuman lebih berat terhadap sesiapa yang didapati melanggar keputusan fatwa.

"Amanat Haji Hadi ini menyebabkan berlaku kejadian sembahyang dua imam, tidak memakan hasil sembelihan orang Umno serta tindakan mengkafirkan orang Umno oleh penyokong Pas," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat Exco negeri di Pejabat Daerah Jasin, petang ini.

Mohd Ali berkata, mesyuarat Exco memutuskan Penasihat Undang-Undang Negeri, Nor Bee Ariffin, berbincang dengan Mufti Negeri, Datuk Rashid Redza Mohd Salleh, untuk mewartakan fatwa itu serta meminda enakmen itu.

Katanya, mereka juga akan mendapatkan maklum balas dari negeri lain supaya perwartaan serta tindakan undang-undang, yang bakal diambil, seragam di seluruh negara.

"Selepas fatwa Majlis Majlis Kebangsaan mengenai mengkafir orang Umno sebagai bercanggah dengan Islam diwartakan di negeri ini, kerajaan negeri akan terus menguatkuasakan Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka.

"Tindakan ini bukan saja boleh diambil mengikut Seksyen 60, tetapi juga Seksyen 63 (1) dan Seksyen 68," katanya.

Mengikut Seksyen 63 (1), sesiapa yang cuba mencerau pegawai agama yang dilantik atau fatwa yang dikeluarkan, boleh didenda sehingga RM5,000 atau tiga tahun penjara atau kedua-duanya sekali.

Seksyen 68 pula menyatakan sesiapa yang mengatakan orang Islam sebagai kafir sama ada secara lisan atau isyarat, adalah melakukan kesalahan dan boleh didenda sehingga RM5,000 atau tiga tahun penjara atau kedua-duanya sekali.

06/05/2001

Enam bersalah

Guna politik wang dalam pemilihan Umno

Oleh MOHD ZIN ALI

KUALA LUMPUR: Lembaga Disiplin Umno memutuskan enam pemimpin parti termasuk tiga ketua bahagian, didapati bersalah kerana terbabit dalam penggunaan politik wang pada pemilihan peringkat bahagian, baru-baru ini.

Mereka ialah Ketua Bahagian Gopeng, Mustafa Kamal Mohd Nawi; Ketua Penerangan Bahagian Gopeng, Mohamad Annuar Baharuddin; calon Timbalan Ketua Bahagian Bagan Serai, Zaki Din; Ketua Bahagian Baling, Datuk Zainal Mohd Isa; Ketua Penerangan Bahagian Selayang, Rahmat Abdullah dan Ketua Bahagian Muar, Datuk Abdullah Omar.

Pengerusinya, Tengku Ahmad Rithauddeen, berkata keenam-enam mereka dijatuhi hukuman termasuk digantung hak bertanding atau dilantik sebarang jawatan dalam parti selama enam tahun dan hilang hak mengundi pada pemilihan parti di semua peringkat sepanjang tempoh itu.

Mereka didapati melakukan kesalahan seperti membawa anggota Umno melawat keluar negara dan mengadakan lawatan secara rombongan. Bagaimanapun, beliau tidak menyatakan kesalahan enam anggota itu satu persatu.

Beliau mengumumkan demikian selepas mempergerusikan mesyuarat lembaga itu di ibu pejabat parti di Menara Datuk Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, petang semalam.

Beliau juga mengumumkan pemimpin yang tidak bersalah. Mereka ialah Datuk Omar Othman dari Bahagian Lipis, Hasni Mohamad (Pontian), Shahril Ismail (Pontian), Datuk Zainal Abidin Zin (Bagan Serai), Datuk Mohd Wajidi Ishak (Lumut), Ishak Abd Malek (Seremban), Abdul Shukor Idrus (Selayang) dan Datuk Mokhtar Samad (Bandar Tun Razak).

Sehingga kini, Lembaga Disiplin menerima 368 aduan yang mana 32 aduan masih dalam perbicaraan, 66 sudah dibicarakan, 44 dirujuk ke jawatankuasa pemilihan badan perhubungan Umno negeri, 42 dihantar semula dengan borang A kerana kes kurang jelas, lapan ditolak dan 176 belum didengar.

Beliau berkata, laporan siasatan jawatankuasa khas mengenai dakwaan Ketua Umno Bahagian Kuantan, Datuk Fauzi Abdul Rahman, sudah siap dan akan diserahkan kepada Majlis Tertinggi (MT) Umno, secepat mungkin.

Tengku Ahmad Rithauddeen berkata, jawatankuasa yang dipengerusikan Tan Sri Zaki Tun Azmi itu sudah mendengar semua keterangan diperlukan untuk menyiasat dakwaan Fauzi.

"Saya difahamkan siasatan yang mengambil masa lima hari berturut-turut itu sudah selesai dengan membabitkan kira-kira 20 saksi. Ia akan diserahkan kepada MT, paling cepat esok untuk tindakan selanjutnya," kata beliau.

Siasatan jawatankuasa itu dibuat berhubung dakwaan Fauzi mengenai politik wang dalam pencalonan jawatan ketua bahagian di Beserah, Mac lalu.

19/05/2001

Kit Siang boleh dikenai tindakan undang-undang: Rais

Oleh Ziauddin Sharuddin dan Jamiah Shukri

SEREMBAN, Jumaat - Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Rais Yatim, berkata tindakan undang-undang boleh diambil terhadap Pengurus DAP, Lim Kit Siang kerana menuduh wartawan Berita Harian tidak layak menjadi warga negara Malaysia.

Katanya, tindakan saman malu atau fitnah terhadap Lim boleh diambil kerana mengatakan rakyat negara ini bukan warga negara adalah amat aib dan merosakkan sahsiah atau peribadi orang terbabit.

"Tindakan Lim tidak boleh dibiarkan dan amat aneh seorang pemimpin politik sepertinya mengeluarkan kata-kata menghina orang lain.

"Barangkali pemimpin DAP itu langsung tidak ada modal perjuangan dalam politik hingga mengambil tindakan melabelkan wartawan," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Lim, dalam sidang akhbarnya di lobi Parlimen semalam, menuduh wartawan Berita Harian, Munaarraf Abu Bakar, tidak layak menjadi warga negara kerana bertanyakan motif DAP menimbulkan isu kuota kemasukan pelajar ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA).

Dr Rais berkata, isu kuota kemasukan pelajar ke IPTA tidak ada kena-mengena dengan taraf warganegara seseorang. Malah, beliau menegaskan, hak kewarganegaraan seseorang tidak boleh dilucutkan jika dia lahir di negara ini dan ibu bapanya adalah rakyat Malaysia.

Katanya, tindakan pemimpin parti pembangkang mencemuh wartawan itu menyalahi undang-undang berkaitan Fasal 15 Perlembagaan Persekutuan, iaitu kewarganegaraan dengan cara pendaftaran (isteri dan anak warga negara).

Di KUALA LUMPUR, Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhamad Muhd Taib, menyifatkan Lim bersikap emosional apabila mengeluarkan tuduhan sedemikian kepada wartawan.

Beliau berkata, Lim yang sudah terbabit lama dalam bidang politik tidak seharusnya cepat melatah dengan pertanyaan sedemikian.

Katanya, sikap Lim tidak mempamerkan personalitinya sebenar kerana dia seolah-olah cuba menutup sikap buruknya yang memang terkenal sebagai seorang yang suka menimbulkan isu perkauman sejak dahulu lagi.

"Sebagai seorang yang berpengalaman dalam bidang politik, Lim tidak sepatutnya membuat tuduhan itu dan sengaja tidak mahu memahami isu yang diketengahkan," katanya.

Sementara itu, Presiden Persatuan Wartawan Melayu Malaysia, Yazid Othman, berkata Berita Harian seperti akhbar Melayu lain tidak dianggap sebagai akhbar perkauman seperti didakwa oleh Lim.

Katanya, pertanyaan wartawan Berita Harian itu adalah jelas dan tidak sepatutnya menimbulkan salah faham kepada Lim.

20/05/2001

Bukan pilih kasih - Kaum ketinggalan arus pembangunan perlu bantuan:
PM

Oleh OTHMAN MAMAT dan MAGENDRAN RAJAGOPAL

JOHOR BAHRU: Kerajaan tidak harus dianggap bersikap pilih kasih jika dilihat lebih cenderung membantu dan memberi keistimewaan kepada kaum tertentu di negara ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Malah, kata Perdana Menteri, jika kerajaan dilihat menolong satu-satu kaum, ia disebabkan kaum berkenaan memerlukan perhatian atau lebih tumpuan daripada kerajaan.

"Sudah tentu ada kelemahan atau kekurangan pada kaum-kaum itu yang menyebabkan mereka ketinggalan daripada arus pembangunan dan memerlukan pertolongan kerajaan.

"Kita tidak boleh membiarkan kaum itu sendiri membaiki nasib buruk mereka sedangkan sudah terbukti mereka tidak berkemampuan menangani masalah mereka.

"Saya harap setiap kaum memahami kedudukan ini kerana ia penting kepada keamanan negara pada masa hadapan," katanya ketika merasmikan Perhimpunan Agung MIC ke-55 di Hotel Eden Garden, di sini, semalam.

Dr Mahathir yang juga Penggerusi Barisan Nasional (BN) berkata, kerajaan serius dalam usaha membetulkan kedudukan masyarakat bagi memastikan semua rakyat sama-sama menikmati kemajuan dan kemakmuran negara.

Katanya, kerajaan tidak mahu melihat rakyat negara ini dibahagikan mengikut status sosial dan ekonomi sehingga mewujudkan jurang perbezaan antara kaum.

"Kita tidak boleh membiarkan rakyat yang ketinggalan daripada arus pembangunan terus memperbetulkan nasib mereka sendiri, tanpa seliaan dan bantuan kerajaan.

"Kita perlu mengadakan rancangan-rancangan khusus untuk membawa rakyat yang terpinggir keluar daripada kemelut kehidupan mereka yang buruk," katanya.

Dr Mahathir berkata, dasar kerajaan ialah memastikan tidak ada kaum di negara ini ketinggalan berbanding kaum lain dalam arus pembangunan sosioekonomi dan kemajuan negara.

Katanya, kedudukan tidak seimbang antara kaum, terutama sosial dan ekonomi, akan mencetuskan pergeseran atau pertelingkahan.

"Kita sudah mengalami keadaan tidak seimbang dan ia hampir menjerumuskan negara kita ke arah kehancuran dan kemusnahan disebabkan perbalahan kaum yang berpunca daripada pembahagian kekayaan negara yang tidak seimbang.

Inilah yang sedang cuba dielakkan oleh kerajaan daripada berlaku ke atas rakyat negara kita," katanya.

23/05/2001

Terlalu awal untuk tentukan kedudukan dalam Kabinet: Daim

Oleh Kadir Dikoh dan Saidon Idris

KUALA LUMPUR, Selasa - Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin yang sedang bercuti, berkata masih terlalu awal bagi beliau membuat keputusan mengenai kedudukannya dalam Kabinet.

"Masih terlalu awal untuk memutuskannya. Saya masih berehat," katanya ketika ditanya sama ada beliau merancang terus mengekalkan jawatannya atau meletak jawatan.

Daim berkata, beliau juga masih belum memutuskan sama ada akan menghadiri atau tidak perhimpunan agung Umno yang dijadualkan bermula 19 Jun depan.

"Terlalu lama lagi," katanya sambil menambah, beliau juga tidak pasti sama ada masih lagi bercuti ketika perhimpunan agung parti itu berlangsung nanti.

"Saya tak tahu lagi. Lebih baik saya pergi sekarang untuk buat kerja saya," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan dan merasmikan Mesyuarat Tahunan Keempat Kumpulan Asia Pasifik bagi menangani Kegiatan Pembersihan Wang Haram di sini, hari ini.

Menteri Kewangan yang juga Bendahari Umno itu berkata, beliau juga belum memutuskan bila akan menamatkan cutinya.

"Saya akan tentukan tidak lama lagi," katanya.

Daim bulan lalu mengesahkan beliau mengambil cuti selama dua bulan bermula awal April, bagi membolehkannya memberi tumpuan kepada tugas menggerakkan ekonomi negara.

Kerana itu, walaupun dalam cuti, beliau masih ke pejabat bagi membereskan semua fail pembangunan, kecuali tidak menghadiri mesyuarat Kabinet dan Majlis Tertinggi Umno.

Sepanjang cutinya, beliau diwakili Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mohamed Nazri Abdul Aziz dalam Kabinet. Sementara itu, Daim petang ini menghadiri mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) di Unit Perancang Ekonomi (EPU) Jabatan Perdana Menteri di Putra Jaya.

Mesyuarat tiga bulan sekali itu dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dan dihadiri hampir semua Menteri Besar dan Ketua Menteri atau wakil mereka.

Ketibaan Dr Mahathir kira-kira jam 2.40 petang disambut Daim dan penasihat MTEN Datuk Mustapa Mohamed. Daim kelihatan berbual dengan Dr Mahathir sebelum menaiki lif ke tempat mesyuarat.

Hadir sama Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. Kerajaan Terengganu diwakili Pengurus Jawatankuasa Ekonomi, Petroleum, Perindustrian dan Sumber Manusiana, Mustaffa Ali.

Turut kelihatan memasuki dewan persidangan ialah Gabenor Bank Negara, Datuk Dr Zeti Akhtar Aziz; Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Senator Zainal Rampak dan Presiden Cuepacs, Datuk N Siva Subramaniam.

23/05/2001

6,000 Cina, Sinho boleh sertai Umno

Oleh Johary Indan

KOTA KINABALU, Selasa - Kira-kira 6,000 daripada 28,000 ahli Parti Angkatan Keadilan Rakyat (Akar), yang dibubarkan kelmarin, berketurunan Cina dan Sino serta layak menyertai Umno.

Daripada jumlah itu, 50 peratus atau 3,000 ahli adalah Cina tulen, manakala bakinya Sino iaitu campuran Cina yang menjadi Bumiputera kerana perkahwinan campur serta yang diiktiraf sebagai Bumiputera Sabah.

Bekas Bendahari Agung Akar, William Chang Chin Shin, berkata sebahagian besar penduduk Cina dan Sino itu menyertai Akar di sembilan bahagian di Sabah sebelum pembubarannya Ahad lalu.

"Bahagian itu ialah Inanam, Likas, Kudat, Elopura, Tanjung Papat, Karamunting, Tambunan, Sri Tanjung dan Merotai," katanya kepada Berita Harian di sini, hari ini.

Chang bersama Presiden Akar, Datuk Pandikar Amin Mulia, menyerahkan borang permohonan menyertai Umno kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika pengumuman pembubarannya Akar, kelmarin.

Presiden Umno semalam menjelaskan, kebenaran serta keistimewaan khas menyertai Umno hanya terhad kepada kaum Cina bekas ahli Akar.

Beberapa orang Cina dan Sino turut menganggotai barisan Ahli Majlis Tertinggi (MT) Akar sebelum pembubarannya, antaranya Timbalan Presiden, Datuk Filino Hee Alexander dari Bahagian Sembulan.

Pemimpin lain ialah Ketua Wanita Akar, Tee Giok Moi, menduduki kerusi Naib Presiden Akar dari Ranau; serta Timbalan Ketua Penerangan, Liew Chung Fatt dari Elopura.

MT Akar Cina dan Sino pula ialah Chu Ming Hee dari Merotai; Luc Chu Kwong (Sri Tanjung); Martin Yong (Tambunan); James Fung Yuk On (Inanam); Yan Pang Yee (Tanjung Papat); dan Au Yun Foh (Kudat).

Beliau yakin kira-kira 90 peratus daripada 6,000 Cina dan Sino bekas ahli Akar akan memilih Umno sebagai wadah perjuangan mereka.

"Kami bekas ahli Akar berterima kasih kepada Dr Mahathir kerana kebenaran serta keistimewaan khas diberikan kepada Cina dan Sino untuk menyertai Umno.

"Justeru, saya akan menghubungi bekas ahli Akar di kalangan Cina dan Sino lain supaya tidak melepaskan peluang itu. Selepas ini, kami akan menetapkan waktu sesuai bagi penyertaan bekas ahli Akar dalam Umno," katanya.

Bekas Setiausaha Agung Akar, Ricky Roland Sedomon, turut berterima kasih kepada Perdana Menteri kerana kesanggupannya menerima ahli Akar, termasuk Cina dan Sino ke dalam Umno.

"Langkah itu adalah yang paling baik serta tepat pada waktunya ke arah memastikan perpaduan kaum di negeri ini dapat diperkuatkan serta dikekalkan," katanya.

Beliau berharap masalah percanggahan pendapat di kalangan pemimpin parti yang berlaku di negeri ini dapat dikurang menerusi tawaran khas Umno itu.

24/05/2001

Zainol letak jawatan Exco

Bagaimanapun beliau mengekalkan kedudukan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) kawasan Bayu

Oleh Ahmad Zaini Kamaruzzaman

ALOR STAR, Rabu - Datuk Zainol Md Isa, yang dilucutkan jawatan Ketua Umno Bahagian Baling kerana didapati bersalah mengamalkan politik wang oleh Lembaga Disiplin Umno, akan meletakkan jawatan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) Kedah.

Bercakap pada sidang akhbar selepas mesyuarat Exco di sini hari ini, beliau yang tetap dengan pendiriannya tidak terbabit dalam politik wang, bagaimanapun mengekalkan kedudukan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) kawasan Bayu.

Katanya, beliau membuat keputusan itu tanpa tekanan mana-mana pihak, sebaliknya selepas berbincang dengan Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain dan beberapa pemimpin Umno.

Syed Razak yang turut hadir pada sidang akhbar itu berkata, beliau menerima keputusan Zainol itu.

Bagaimanapun, katanya Zainol masih kekal Adun Bayu.

Zainol, 52, tidak menyatakan tarikh peletakan jawatannya, kecuali memaklumkan ia akan dilakukan minggu ini. Beliau akan menulis surat secara rasmi mengenai perkara itu kepada Menteri Besar.

"Sebagai ahli parti kita tertakluk kepada keadaan semasa dan peraturan dalam parti. Parti buat keputusan... kita akur kepada keputusan parti.

"Saya memang patuh kepada keputusan Lembaga Disiplin dan Majlis Tertinggi (MT). Tindakan Presiden membanteras politik wang, saya sokong sebab kita nak lihat Umno kuat dan elok," katanya.

MT Umno, Isnin lalu menerima keputusan Lembaga Disiplin pada 5 Mei yang mendapati Zainol bersalah dalam politik wang ketika pemilihan Umno Bahagian Baling, bulan lalu.

Berikutkan keputusan itu, Zainol turut hilang hak untuk memilih, dipilih dan dilantik bertanding sebarang jawatan pada semua peringkat untuk tempoh enam tahun.

Mengenai pendirian beliau tidak terbabit dalam politik Wang, Zainol berkata memang beliau tidak menggunakan wang untuk mendapat sokongan ketika proses pemilihan bahagian Baling bulan lalu.

"Saya tidak guna duit dan saya memang tidak mempunyai duit. Tiada transaksi duit berlaku. Saya menghadapi tuduhan menyalahgunakan kuasa sebagai Adun dengan memanggil mesyuarat belia serta Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) di sebuah hotel di Sungai Petani menjelang mesyuarat bahagian.

"Itu tuduhan dan hukuman yang itu saja. Tidak berlaku politik wang," katanya yang juga Pengurus Belia 4B Kedah.

Beliau mula memegang jawatan Exco pada Ogos 1998 ketika pentadbiran Tan Sri Sanusi Junid dan dilantik semula setahun kemudian Selepas pilihan raya umum 1999, Syed Razak mengekalkannya dalam barisan Exco negeri sehingga sekarang.

Zainol pernah berkhidmat sebagai Speaker DUN Kedah ketika pentadbiran Tan Sri Osman Aroff.

Ketika itu beliau adalah Adun Kupang, juga dalam kawasan Parlimen Baling.

Mengenai sama ada beliau akan membuat rayuan sekali lagi, Zainol berkata beliau tidak akan berbuat demikian sekarang, sebaliknya akan memikirkannya selepas dua tahun hukuman berkuatkuasa selaras peraturan parti.

Katanya, walaupun dikenakan tindakan berkenaan, beliau akan terus berkhidmat sebagai Adun Bayu serta menyokong dan membantu melaksanakan tugas parti pada peringkat bahagian dan negeri.

Beliau meminta penyokongnya dan ahli Umno bertengang serta mengekalkan perpaduan dan tidak mengambil tindakan yang akan menjelaskan parti.

27/05/2001

Kata dua Gus Dur - Megawati mesti terima cadangan adakan kompromi politik

Daripada MANJA ISMAIL dan MOKHTAR ALIAS

JAKARTA: Krisis politik pemimpin tertinggi Indonesia semakin meruncing apabila Presiden Abdurrahman Wahid (Gus Dur) secara terbuka memberi kata dua kepada Naib Presiden Megawati Sukarnoputri untuk menerima cadangan beliau mengadakan kompromi politik.

Jika Megawati enggan, Gus Dur memberi amaran akan mengeluarkan suatu pengisyiharan darurat yang membolehkan presiden membubarkan Parlimen.

Pembubaran ini akan dapat mengelak anggota dewan mengadakan sidang khas yang boleh menurunkan Gus Dur daripada jawatan presiden yang disandang sejak Oktober 1999.

Bercakap pada sidang media tergempar di Istana Merdeka di sini, semalam, Gus Dur menyerahkan cadangan kompromi politik berbentuk perkongsian kuasa antara beliau dan naib presiden kepada sidang Kabinet, kelmarin.

Jika cadangan diterima, Gus Dur kekal sebagai ketua negara, manakala Megawati menjadi ketua pemerintahan, termasuk mempunyai kuasa membentuk kabinet baru.

"Saya harap Megawati terima, jika tidak saya terpaksa keluarkan pengisyiharan," kata presiden, yang kini menerima tekanan berat supaya segera meletak jawatan.

Sebelum itu, beliau menjalankan pemeriksaan kesihatan di rumah sakit Gatot Subroto, di sini.

Namun, presiden berharap rakyat bersabar menunggu hasil rundingan pemimpin parti politik mengenai perkongsian kuasa yang dicadangkan.

"Mari kita tunggu dengan hati lapang hasil kerja pelbagai pihak untuk mencari jalan penyelesaian," kata beliau.

Menurutnya, tindakan ini dilakukan sebagai jalan tengah untuk mengelakkan presiden mengeluarkan pengisyiharan dan anggota dewan mencadangkan Sidang Khas.

Gus Dur tidak berhasrat untuk meletak jawatan sekalipun dua kali menerima celaan daripada Dewan Perwakilan Rakyat (DPR), manakala majoriti anggota dewan meminta beliau berbuat demikian.

"Kalau saya turun, Aceh, Irian Jaya dan Jawa Timur akan mengisyiharkan diri sebagai negara merdeka," kata beliau yang pernah mengeluarkan amaran seumpama ini tidak lama dahulu.

Beliau berkata ancaman yang dikeluarkan oleh pihak tertentu di kawasan berkenaan tidak boleh dipandang mudah.

Menurut presiden, DPR sudah melampaui batas yang digariskan dalam Undang-Undang Dasar 1945 daripada mengawasi kepada pemeriksaan terhadap presiden.

Beliau berkata semua pihak perlu menyedari supaya tidak melanggar Perlimbagaan yang ditetapkan.

Sementara itu, Megawati dilaporkan menolak cadangan perkongsian kuasa yang ditawarkan oleh presiden.

Dalam mesyuarat Parti Demokratik Indonesia-Perjuangan (PDI-P) pimpinan Megawati, malam kelmarin, mereka sepakat menolak cadangan Gus Dur dan meneruskan sidang DPR pada Rabu ini!

30/05/2001

Chua persoal ambil alih Nanyang

Sembilan lagi pemimpin MCA mahu urus niaga dikaji semula

KUALA LUMPUR, Selasa - Cadangan yang menimbulkan kontroversi oleh cabang pelaburan MCA untuk mengambil alih dua akhbar utama berbahasa Cina mencetuskan satu lagi perkembangan hari ini apabila Naib Presidehnya, Datuk Chua Jui Meng, mempertikaikan langkah itu, manakala sembilan pemimpin lain mahu urus niaga bernilai RM230 juta itu dikaji semula.

Dalam satu kenyataan bertulis yang dikeluarkan sebaik saja beliau tiba dari menghadiri mesyuarat Pertubuhan Kesihatan Sedunia di Geneva, Chua berkata, tidak ada parti termasuk MCA mampu mengalami 'jurang yang besar antara persepsi dan pandangan masyarakat yang diwakilinya'.

"Saya mengikuti perkembangan kontroversi ini dari seberang laut dan sentiasa mendapat maklumat balas daripada masyarakat dan pemimpin. Jurangnya kini besar dan semakin luas dan sebagai seorang pemimpin parti, saya berpendapat ia kurang menyenangkan," katanya.

Cadangan MCA mengambil alih Nanyang Siang Pau dan China Press mendapat bantahan beberapa persatuan Cina, badan bukan kerajaan dan kakitangan kedua-dua akhbar itu.

Mereka bimbang penjualan dua akhbar itu kepada Huaren Holdings oleh Nanyang Press Holdings Bhd, akan menyekat kebebasan akhbar kedua-dua harian itu.

Bantahan berlaku walaupun Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, memberi jaminan pengambilalihan itu adalah semata-mata satu urusan perniagaan dan menjelaskan parti itu tidak mencampuri pengendalian akhbar The Star yang juga dimiliki Huaren Holdings.

Nanyang Press Holdings mengumumkan semalam ia menerima tawaran tunai RM230 juta oleh Huaren. Urus niaga itu akan dimeterai Khamis ini.

Chua berkata, tidak ada parti politik yang boleh mengetepikan pendapat sebahagian besar masyarakat yang ia wakili.

"Saya sayangkan MCA, saya sayangkan Barisan Nasional dan saya menghargai bahawa masyarakat Cina kuat menyokong kita dalam dua pilihan raya umum yang lalu. Adakah sekarang kita mengetepikan pandangan mereka, adakah kita sanggup kehilangan sokongan mereka?

"Apa yang kita buat hari ini selaku pemegang amanah dan pemegang saham Huaren, serta selaku anggota Jawatankuasa Pusat akan dihakimi masyarakat Cina dalam pilihan raya umum akan datang. Jangan lupa bahawa kita kini adalah pemegang amanah kepada parti, masyarakat dan negara," katanya.

Chua berkata, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, sudah menjelaskan bahawa terpulang kepada pemimpin MCA, pemegang amanah dan pemegang saham Huaren untuk membuat keputusan sendiri.

Beliau juga kecewa kerana tidak ada mesyuarat diadakan untuk membincangkan urus niaga itu walaupun beliau adalah seorang daripada empat pemegang amanah dan pemegang saham Huaren Holdings.

"Malah, saya diberitahu bahawa persetujuan dicapai bersama Hume Industries, pemilik Nanyang Press, oleh beberapa orang yang mendakwa mewakili Huaren dan mereka telahpun membayar 10 peratus daripada harga belian," katanya.